

Canon

EOS 7D Mark II

EOS 7D Mark II (G)



BM
MANUAL
ARAHAN

Pengenalan

EOS 7D Mark II (G) ialah kamera refleks lensa tunggal digital yang menonjolkan pengesan CMOS perincian halus dengan kira-kira 20.2 megapiksel berkesan, Dual DIGIC 6, kira-kira 100% liputan pembedang tilik, 65 titik AF yang mempunyai ketepatan tinggi dan kelajuan tinggi (Titik AF jenis silang: Maksimum 65 titik), kira-kira 10.0 fps penangkapan berterusan, penangkapan Pandangan Langsung, rakaman filem Definisi Tinggi Penuh (Full HD), AF CMOS Piksel Dual dan fungsi GPS.

Sebelum Mula Menangkap, Pastikan Anda Membaca yang Berikut

Untuk mengelakkan gambar buruk dan kemalangan, baca dahulu “Amaran Keselamatan” (hlm.548-550) dan “Peringatan Pengendalian” (hlm.20-21).

Rujuk kepada Manual Ini Semasa Menggunakan Kamera untuk Lebih Membiasakan Diri Anda dengan Kamera

Sambil membaca manual ini, ambil beberapa gambar ujian dan lihat hasilnya. Anda kemudiannya boleh memahami kamera dengan lebih baik.

Menguji Kamera Sebelum Penggunaan dan Liabiliti

Selepas penangkapan, main balik imej dan semak sama ada imej telah direkod dengan betul. Jika kamera atau kad memori rosak dan imej tidak boleh direkod atau dimuat turun ke komputer, Canon tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan atau kesulitan yang terjadi.

Hak cipta

Undang-undang hak cipta di negara anda mungkin melarang penggunaan imej orang dan subjek tertentu yang anda rekod untuk apa-apa kecuali hiburan peribadi. Juga ketahuilah bahawa sesetengah persembahan dan pameran awam tertentu, dll mungkin melarang fotografi walaupun untuk hiburan peribadi.

Senarai Periksa Item

Sebelum bermula, periksa bahawa semua item berikut disertakan dengan kamera anda. Jika terdapat apa-apa yang hilang, hubungi pembekal anda.



Kamera
(dengan penutup badan)




Eyecup Eg




**Pek Bateri
LP-E6N**
(dengan penutup
perlindungan)



**Pengecas Bateri
LC-E6E***



Tali Lebar



**Kabel Antara muka
IFC-150U II**



**Pelindung
kabel**

* Pengecas Bateri LC-E6E disediakan. (LC-E6E disertakan dengan kord kuasa.)

- Manual Arahan dan CD-ROM yang disediakan disenaraikan pada halaman berikutnya.
- Jika anda telah membeli Kit Lensa, periksa bahawa lensa disertakan.
- Bergantung kepada jenis Kit Lensa, manual arahan lensa mungkin juga disertakan.
- Berhati-hati untuk tidak kehilangan apa-apa item di atas.

⚠ Sambungkan ke Peranti Persisian

Apabila menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak, gunakan kabel antara muka yang disediakan atau kabel dari Canon. Apabila menyambung kabel antara muka, juga gunakan pelindung kabel yang disediakan (hlm.34).



Dalam manual ini, “kad CF” merujuk kepada kad CompactFlash dan “kad SD” merujuk kepada kad SD/SDHC/SDXC. “Kad” merujuk kepada semua kad memori yang digunakan untuk merekod imej atau filem.

* **Kamera tidak disertakan dengan kad untuk merekod imej/filem.**
Sila beli kad secara berasingan.

Manual Arahkan dan CD-ROM

Manual arahan terdiri daripada buku kecil, risalah dan manual elektronik (Fail PDF pada CD-ROM).



**Manual Arahkan
Asas Kamera**



Peringatan GPS



Panduan Rujukan Cepat



CD-ROM Manual Arahkan Kamera

Mengandungi manual berikut dalam bentuk PDF:

- Manual Arahkan Kamera (Versi terperinci)
- Panduan Rujukan Cepat

Arahan untuk melihat CD-ROM Manual Arahkan Kamera terdapat pada halaman 554-555.



CD-ROM Perisian (EOS DIGITAL Solution Disk)

Mengandungi pelbagai perisian. Untuk keterangan lanjut dan prosedur pemasangan perisian, lihat halaman 558-560.



CD-ROM Manual Arahkan Perisian

Mengandungi manual perisian dalam bentuk PDF. Arahan untuk melihat CD-ROM Manual Arahkan Perisian terdapat pada halaman 561.

Kad yang Serasi

Kamera boleh menggunakan kad berikut tanpa mengira kapasiti: **Jika kad ini adalah baharu atau sebelumnya telah diformat oleh kamera atau komputer lain, anda disarankan supaya memformat kad dengan kamera ini** (hlm.67).

- **Kad CF (CompactFlash)**
* Jenis I, mod UDMA serasi 7.
- **Kad memori SD/SDHC*/SDXC***
* Kad UHS-I yang disokong.

Kad yang Boleh Merakam Filem

Apabila merakam filem, gunakan kad kapasiti besar dengan kelajuan membaca/menulis yang cepat seperti yang ditunjukkan dalam jadual.


Saiz Rakaman Filem (hlm.339)		Kad CF: Bentuk Rakaman	
		MOV	MP4
ALL-I (Untuk pengeditan)		30 MB/saat atau lebih laju	
IPB (Standard)	FHD : 59.94P 50.00P	30 MB/saat atau lebih laju	
	Selain daripada di atas	10 MB/saat atau lebih laju	
IPB (Ringan)		-	10 MB/saat atau lebih laju

Saiz Rakaman Filem (hlm.339)		Kad SD: Bentuk Rakaman	
		MOV	MP4
ALL-I (Untuk pengeditan)		20 MB/saat atau lebih laju	
IPB (Standard)	FHD : 59.94P 50.00P	20 MB/saat atau lebih laju	
	Selain daripada di atas	6 MB/saat atau lebih laju	
IPB (Ringan)		-	4 MB/saat atau lebih laju

- Jika anda menggunakan kad yang menulis perlahan apabila merakam filem, filem mungkin tidak dirakam dengan betul. Selain itu, jika anda memainkan balik filem pada kad dengan kelajuan membaca perlahan, filem mungkin tidak dimainkan balik dengan betul.
- Jika anda hendak menangkap foto pegun sambil merakam filem, anda akan memerlukan kad yang lebih pantas lagi.
- Untuk memeriksa kelajuan membaca/menulis kad, rujuk kepada laman Web pengeluar kad.

Panduan Permulaan Cepat


1



Masukkan bateri (hlm.40).

- Untuk mengecas bateri, lihat halaman 38.

2




Masukkan kad (hlm.41).

- Slot di tepi depan kamera ialah untuk kad CF dan slot di tepi belakang kamera ialah untuk kad SD.

* Boleh menangkap dengan salah satu kad CF atau kad SD dalam kamera.


3



Pasangkan lensa (hlm.50).


- Selaraskan indeks cagak lensa putih atau merah dengan indeks kamera yang sama warnanya.

4




Tetapkan suis mod fokus lensa ke <AF> (hlm.50).

5



Tetapkan suis kuasa ke <ON> (hlm.45).

6



Sambil menahan tengah Dial Mod ke bawah, tetapkan ia ke $\langle A^+ \rangle$ (Latar Auto Pintar) (hlm.29).

- Semua tetapan kamera yang perlu akan ditetapkan secara automatik.


7



Fokus pada subjek (hlm.55).

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan pusat pemidang tilik terhadap subjek.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah, dan kamera akan memfokus pada subjek.
- Jika perlu, denyar terbina dalam akan dinaikkan.

8



Ambil gambar (hlm.55).

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.

9




Semak gambar.

- Imej yang baru ditangkap akan dipaparkan selama 2 saat pada monitor LCD.
- Untuk memaparkan imej sekali lagi, tekan butang $\langle \blacktriangleright \rangle$ (hlm.366).

- Untuk menangkap sambil melihat monitor LCD, lihat “Penangkapan Pandangan Langsung” (hlm.291).
- Untuk melihat imej yang sudah ditangkap, lihat “Main balik Imej” (hlm.366).
- Untuk memadam satu imej, lihat “Memadam Imej” (hlm.404).

Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini

Ikon dalam Manual ini

-  : Menunjukkan Dail Utama.
-  : Menunjukkan Dail Kawalan Cepat.
-  : Menunjukkan tuas pemilihan kawasan AF.
-  : Menunjukkan Pengawal berbilang.
-  : Menunjukkan butang Tetapan.
-  : Menunjukkan bahawa fungsi yang sepadan kekal aktif selama 4 saat, 6 saat, 10 saat atau 16 saat secara masing-masing selepas anda melepaskan butang.

* Dalam manual ini, ikon dan tandaan menunjukkan butang, dail dan tetapan kamera yang sepadan dengan ikon dan tandaan pada kamera dan monitor LCD.

-  : Menunjukkan fungsi yang boleh ditukar dengan menekan butang **<MENU>** untuk menukar tetapannya.
-  : Apabila ditunjukkan pada sebelah kanan bahagian atas halaman, ini menunjukkan fungsi tersedia hanya dalam mod **<P>**, **<Tv>**, **<Av>**, **<M>** atau ****.
- (hlm.***) : Nombor halaman rujukan untuk maklumat lanjut.
-  : Amaran untuk mengelakkan masalah penangkapan.
-  : Maklumat tambahan.
-  : Tip atau nasihat untuk penangkapan yang lebih baik.
-  : Nasihat penyelesaian masalah.

Andaian Asas

- Semua operasi yang diterangkan dalam manual ini mengandaikan suis kuasa ditetapkan ke **<ON>** dan suis **<LOCK>** ditetapkan ke kiri (Kunci berbilang fungsi dilepaskan) (hlm.45, 59).
- Diandaikan bahawa semua tetapan menu, Fungsi Tersuai, dll ditetapkan sebagai tetapan lalai.
- Ilustrasi dalam manual ini menunjukkan kamera yang dipasangkan dengan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM sebagai contoh.

Bab

Untuk pengguna DSLR kali pertama, Bab 1 dan 2 menerangkan operasi asas kamera dan prosedur penangkapan.

	Pengenalan	2
1	Panduan Awal	37
2	Penangkapan Asas	81
3	Menetapkan AF dan Mod Pemacu	87
4	Tetapan Imej	147
5	Tetapan GPS	199
6	Operasi Lanjutan	217
7	Fotografi Denyar	255
8	Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung)	291
9	Merakam Filem	321
10	Main balik Imej	365
11	Imej Pasca Pemprosesan	409
12	Pembersihan Pengesan	417
13	Mencetak Imej dan Memindahkan Imej ke Komputer	423
14	Menyesuaikan Kamera	443
15	Rujukan	481
16	Melihat CD-ROM Manual Arahan / Memuat Turun Imej ke Komputer Anda	553

Kandungan

Pengenalan 2

Senarai Periksa Item	3
Manual Arahan dan CD-ROM	4
Kad yang Serasi	5
Panduan Permulaan Cepat	6
Kelaziman yang Digunakan dalam Manual Ini	8
Bab	9
Indeks kepada Ciri-ciri	17
Peringatan Pengendalian	20
Tatanama	22

1 Panduan Awal 37

Mengecas Bateri	38
Memasang dan Menanggalkan Bateri	40
Memasang dan Menanggalkan Kad	41
Menghidupkan Kuasa	45
Menetapkan Tarikh, Masa dan Zon	47
Memilih Bahasa Antara muka	49
Memasang dan Menanggalkan Lensa	50
Penstabil Imej Lensa	53
Operasi Asas	54
 Kawalan Cepat untuk Fungsi Tangkapan	61
 Operasi Menu	64
Sebelum Anda Bermula	67
Memformat Kad	67
Melumpuhkan Alat Beeper	69
Menetapkan Masa Kuasa Terpadam/Kuasa Terpadam secara Auto ...	69
Menetapkan Masa Semak Imej	70
Mengembalikan Kamera kepada Tetapan Lalai	70

⛶ Memaparkan Grid	76
📷 Memaparkan Aras Elektronik	77
Menetapkan Paparan Maklumat Pemidang Tilik	79
❓ Bantuan	80

2 Penangkapan Asas 81

📷+ Penangkapan Automatik Penuh (Latar Auto Pintar)	82
📷+ Teknik Auto Penuh (Latar Auto Pintar).....	85

3 Menetapkan AF dan Mod Pemacu 87

AF: Memilih Operasi AF	88
📷+ Memilih Kawasan AF dan Titik AF	92
Mod Pemilihan Kawasan AF	97
Pengesan AF	101
Lensa dan Titik AF Boleh Digunakan.....	102
Memilih Ciri-ciri AF Servo AI	110
Menyesuaikan Fungsi AF	119
Pelarasan Halus bagi Titik Fokus AF	135
Apabila Autofokus Gagal	141
MF: Fokus Manual	142
📷+ Memilih Mod Pemacu.....	143
🔋 Menggunakan Pemasa sendiri	145

4 Tetapan Imej 147

Memilih Kad untuk Merekod dan Main balik	148
Menetapkan Kualiti Rakaman Imej	151
ISO: Menetapkan kelajuan ISO	156
📷+ Memilih Gaya Gambar	162
📷+ Menyesuaikan Gaya Gambar	165
📷+ Mendaftarkan Gaya Gambar	168

WB: Menetapkan White Balance	170
 White Balance Tersuai	171
 Menetapkan Suhu Warna	173
WB Pembetulan White Balance	174
Pembetulan Auto Kecerahan dan Kontras	177
Menetapkan Pengurangan Hingar	178
Keutamaan Ton Sorotan	182
Pembetulan Pencahayaan Sisi Lensa dan Penyimpangan	183
Mengurangkan Kelipan	187
Menetapkan Ruang Warna	189
Mencipta dan Memilih Folder	190
Menukar Nama Fail	192
Kaedah Penomboran Fail	195
Menetapkan Maklumat Hak cipta	197

5 Tetapan GPS 199

Ciri GPS	200
Peringatan GPS	202
Memperoleh Isyarat GPS	203
Menetapkan Selang Pendudukan	207
Menggunakan Kompas Digital	208
Menetapkan Masa daripada GPS pada Kamera	211
Mencatatkan Laluan Perjalanan	212

6 Operasi Lanjutan 217

P: AE Program	218
Tv: AE Keutamaan Pengatup	220
Av: AE Keutamaan Apertur	222
Pratonton Kedalaman Medan	223
M: Pendedahan Manual	224

 Memilih Mod Pemeteran	226
 Menetapkan Pampasan Pendedahan	228
 Bracketing Pendedahan Auto (AEB)	229
 Kunci AE	231
B : Pendedahan Mentol	232
HDR : Penangkapan HDR (Julat Dinamik Tinggi)	235
 Pendedahan Berbilang	240
 Kunci Cermin	248
Menggunakan Penutup Kanta Mata	249
 Menggunakan Suis Kawalan Jauh	250
 Penangkapan Kawalan Jauh	250
 Penangkapan Pemasa Selang	252

7 Fotografi Denyar 255

 Menggunakan Denyar Terbina Dalam	256
 Menggunakan Speedlite Luaran	263
Menetapkan Denyar	266
Menggunakan Denyar Wayarles	277

8 Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung) 291

 Menangkap dengan Monitor LCD	292
Tetapan Fungsi Tangkapan	300
Tetapan Fungsi Menu	302
Menggunakan AF untuk Fokus (Kaedah AF)	308
MF: Memfokus secara Manual	317

9 Merakam Filem 321

 Merakam Filem	322
Rakaman Pendedahan auto	322
AE Keutamaan Pengatup	323

AE Keutamaan Apertur	324
Rakaman Pendedahan Manual	328
Menangkap Foto Pegun	335
Tetapan Fungsi Tangkapan	338
Menetapkan Saiz Rakaman Filem	339
Menetapkan Rakaman Suara.....	345
Kawalan Senyap	348
Menetapkan Kod Waktu	349
Tetapan Fungsi Menu	354

10 Main balik Imej 365

 Main balik Imej	366
INFO.: Paparan Maklumat Rakaman.....	368
 Mencari Imej dengan Cepat.....	373
 Memaparkan Berbilang Imej pada Satu Skrin (Paparan Indeks).....	373
 Memintas Imej (Paparan Pintasan)	374
 Membesarkan Imej	376
 Membandingkan Imej (Paparan Dua Imej)	378
 Memutarkan Imej	379
 Melindungi Imej.....	380
Menetapkan Penarafan	383
 Kawalan Cepat untuk Main balik	386
 Menikmati Filem	388
 Memainkan Filem.....	390
 Mengedit Pemandangan Pertama dan Terakhir Filem.....	392
Tayangan Slaid (Main balik Auto)	394
Melihat Imej pada Set TV	397
 Menyalin Imej.....	400
 Memadam Imej.....	404

Menukar Tetapan Main balik Imej	406
Melaraskan Kecerahan Monitor LCD	406
Putaran Auto Imej Menegak	407

11 Imej Pasca Pemprosesan 409

 Memproses Imej RAW dengan Kamera	410
 Menukar saiz Imej JPEG	415

12 Pembersihan Pengesan 417

 Pembersihan Pengesan Automatik	418
Menambah Data Penghapusan Debu	419
Pembersihan Pengesan Manual	421

13 Mencetak Imej dan Memindahkan Imej ke Komputer 423

Bersedia untuk Mencetak	424
 Mencetak	426
 Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)	433
 Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak	436
 Memindahkan Imej ke Komputer	437
 Menentukan Imej untuk Buku foto	441

14 Menyesuaikan Kamera 443

Fungsi Tersuai	444
Menetapkan Fungsi Tersuai	446
C.Fn1: Pendedahan	446
C.Fn2: Pendedahan/Pemacu	451
C.Fn3: Paparan/Operasi	453
C.Fn4: Lain-lain	456
 3: Kawalan Tersuai	458
Mendaftarkan Menu Saya	472
 1: Mendaftarkan Mod Penangkapan Tersuai	477

15 Rujukan 481

Fungsi Butang INFO	482
Memeriksa Maklumat Bateri.....	484
Menggunakan Saluran Keluar Kuasa Isi Rumah	488
📶 Menggunakan Kad Eye-Fi	489
Peta Sistem	492
Jadual Ketersediaan Fungsi Mengikut Mod Penangkapan	494
Tetapan Menu	500
Panduan Penyelesaian Masalah.....	516
Kod Ralat.....	531
Spesifikasi	532
Peringatan Pengendalian: EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM	545
Amaran Keselamatan	548

16 Melihat CD-ROM Manual Arahan / Memuat Turun Imej ke Komputer Anda 553

Melihat CD-ROM Manual Arahan Kamera	554
Memuat Turun Imej ke Komputer	556
Gambaran Keseluruhan Perisian	558
Memasang Perisian.....	560
Manual Arahan Perisian	561
Indeks	562

Indeks Ciri-ciri

Kuasa

- Mengecas bateri → hlm.38
- Periksa bateri → hlm.46
- Periksa maklumat bateri → hlm.484
- Saluran keluar kuasa isi rumah → hlm.488
- Kuasa terpadam secara auto → hlm.69

Kad

- Memformat → hlm.67
- Fungsi rekod → hlm.148
- Pilih kad → hlm.150
- Lepaskan pengatup tanpa kad → hlm.42

Lensa

- Memasang → hlm.50
- Zum → hlm.51
- Tudung → hlm.52
- Penstabil Imej → hlm.53

Tetapan Asas

- Bahasa → hlm.49
- Tarikh/Masa/Zon → hlm.47
- Beeper → hlm.69
- Maklumat hak cipta → hlm.197
- Hapus semua tetapan kamera → hlm.70

Pemidang tilik

- Pelarasan dioptrik → hlm.54
- Penutup kanta mata → hlm.249
- Paparan grid → hlm.76
- Aras elektronik → hlm.78
- Paparkan/sembunyi dalam pemidang tilik → hlm.79

Monitor LCD

- Pelarasan kecerahan → hlm.406
- Aras elektronik → hlm.77
- Bantuan → hlm.80

AF

- Operasi AF → hlm.88
- Mod pemilihan kawasan AF → hlm.92
- Pemilihan titik AF → hlm.95
- Pendaftaran titik AF → hlm.463
- Kumpulan lensa → hlm.102
- Titik AF menyala merah → hlm.133
- Ciri-ciri AF Servo AI → hlm.110
- Fungsi Tersuai AF → hlm.119
- Penyesuaian Mikro AF → hlm.135
- Memfokus secara manual → hlm.142

Pemeteran

- Mod pemeteran → hlm.226

Pemacu

- Mod pemacu → hlm.143
- Pemasa sendiri → hlm.145
- Bilangan tangkapan maksimum → hlm.155

Merekod Imej

- Fungsi rekod → hlm.148
- Mencipta/Memilih folder → hlm.190
- Nama fail → hlm.192
- Penomboran fail → hlm.195

Kualiti Imej

- Kualiti rakaman imej → hlm.151
- Kelajuan ISO → hlm.156
- Gaya Gambar → hlm.162
- White balance → hlm.170
- Pengoptimum
Pencapaian Auto → hlm.177
- Pengurangan hingar untuk
ISO berkelajuan tinggi → hlm.178
- Pengurangan hingar untuk
pendedahan lama → hlm.180
- Keutamaan ton sorotan → hlm.182
- Pembetulan penyimpangan
lensa → hlm.183
- Anti kelip → hlm.187
- Ruang warna → hlm.189

Penangkapan

- Mod penangkapan → hlm.29
- HDR → hlm.235
- Pendedahan berbilang → hlm.240
- Kunci cermin → hlm.248
- Pemasa mentol → hlm.233
- Pemasa selang → hlm.252
- Pratonton kedalaman medan
→ hlm.223
- Kawalan jauh → hlm.250
- Kawalan Cepat → hlm.61

Pendedahan

- Pampasan pendedahan → hlm.228
- Pampasan pendedahan
dengan M+ISO Auto → hlm.225
- AEB → hlm.229
- Kunci AE → hlm.231
- Anjakan keselamatan → hlm.449

GPS

- GPS → hlm.199
- Kompas digital → hlm.208
- Pencatatan → hlm.212

Denyar

- Denyar terbina dalam → hlm.256
- Speedlite luaran → hlm.263
- Pampasan pendedahan
denyar → hlm.260
- Kunci FE → hlm.262
- Tetapan fungsi denyar → hlm.266
- Penangkapan wayarles → hlm.277
- Fungsi Tersuai Speedlite
Luaran → hlm.275

Penangkapan Pandangan Langsung

- Penangkapan Pandangan
Langsung → hlm.291
- Kaedah AF → hlm.308
- AF Berterusan → hlm.302
- Memfokus secara manual → hlm.317
- Nisbah bidang → hlm.303
- Penangkapan Pandangan
Langsung Senyap → hlm.305

Rakaman filem

- Rakaman filem → hlm.321
- Kaedah AF → hlm.308
- AF Servo Filem → hlm.354
- Kelajuan AF Servo Filem → hlm.357
- Sensitiviti pengesanan AF Servo Filem → hlm.358
- Kualiti rakaman filem → hlm.339
- Rakaman suara → hlm.345
- Kod waktu → hlm.349
- Output HDMI → hlm.360
- Penangkapan foto pegun → hlm.335

Main balik

- Masa semak imej → hlm.70
- Paparan imej tunggal → hlm.366
- Maklumat penangkapan → hlm.368
- Paparan indeks → hlm.373
- Menyemak imej (Paparan pintasan) → hlm.374
- Pandangan diperbesar → hlm.376
- Paparan dua imej → hlm.378
- Putaran imej → hlm.379
- Lindung → hlm.380
- Penarafan → hlm.383
- Main balik filem → hlm.390
- Tayangan slaid → hlm.394
- Melihat imej pada Set TV → hlm.397
- Menyalin → hlm.400
- Padam → hlm.404
- Kawalan Cepat → hlm.386

Pengeditan Imej

- Pemprosesan imej RAW → hlm.410
- Menukar saiz JPEG → hlm.415

Mencetak dan Memindah Imej

- PictBridge → hlm.423
- Pesanan Cetakan (DPOF) → hlm.433
- Pemindahan imej → hlm.437
- Persediaan Buku foto → hlm.441

Penyesuaian

- Fungsi Tersuai (C.Fn) → hlm.444
- Kawalan Tersuai → hlm.458
- Menu Saya → hlm.472
- Mod penangkapan tersuai → hlm.477

Pembersihan pengesan dan Pengurangan Debu

- Pembersihan pengesan → hlm.418
- Tambah Data Penghapusan Debu → hlm.419

Antara muka

- Pelindung kabel → hlm.34

Perisian

- Gambaran keseluruhan → hlm.558
- Pemasangan → hlm.560

Peringatan Pengendalian

Penjagaan Kamera

- Kamera ini ialah sebuah instrumen kepersisan. Jangan jatuhkannya atau menyebabkan hentakan fizikal terhadapnya.
- Kamera ini tidak kalis air dan tidak boleh digunakan dalam air. Jika anda menjatuhkan kamera ini ke dalam air secara tidak sengaja, segera hubungi Canon Service Center terdekat. Lapkan sebarang titisan air dengan sehelai kain yang kering dan bersih. Jika kamera telah terdedah kepada udara masin, lapkan dengan sehelai kain basah yang telah diperah habis.
- Jangan sesekali tinggalkan kamera berdekatan apa-apa yang mempunyai medan magnetik yang kuat seperti magnet atau motor elektrik. Juga elakkan menggunakan atau membiarkan kamera berdekatan apa-apa yang mengeluarkan gelombang radio yang kuat, seperti antena besar. Medan magnetik kuat boleh mengakibatkan kesalahan operasi kamera atau memusnahkan data imej.
- Jangan tinggalkan kamera dalam haba yang melampau, seperti di dalam sebuah kereta di bawah cahaya matahari secara langsung. Suhu tinggi boleh mengakibatkan kepincangan kamera.
- Kamera ini mengandungi litaran elektronik kejutuan. Jangan cuba membuka kamera sendiri.
- Jangan halang operasi cermin dengan jari anda, dll. Perbuatan sedemikian mungkin menyebabkan kepincangan.
- Gunakan penghembus untuk menghembus debu pada lensa, pemidang tilik, cermin refleksi dan skrin pemfokusan. Jangan gunakan pencuci yang mengandungi pelarut organik untuk mencuci badan atau lensa kamera. Untuk kotoran degil, bawa kamera ke Canon Service Center terdekat.
- Jangan keluarkan skrin pemfokusan kecuali anda hendak menukarnya. Apabila menukar skrin pemfokusan, jangan sentuhnya dengan tangan anda. Sebaliknya, gunakan alat khusus yang disediakan bersama dengan skrin pemfokusan yang boleh ditukar ganti (dijual berasingan).
- Jangan sentuh sentuhan elektrik kamera dengan jari anda. Ini untuk mengelakkan sentuhan itu terhakis. Sentuhan yang terhakis boleh mengakibatkan kesalahan operasi kamera.
- Jika kamera dibawa dari persekitaran yang sejuk ke bilik yang panas dengan tiba-tiba, pemeluwapan mungkin terbentuk pada kamera dan bahagian dalam. Untuk mengelakkan pemeluwapan, mula-mula letakkan kamera dalam beg plastik yang kedap udara dan biarkannya menyesuaikan diri dengan suhu yang lebih tinggi sebelum mengeluarkannya daripada beg itu.
- Jika pemeluwapan terbentuk pada kamera, jangan gunakan kamera ini. Ini adalah untuk mengelakkan kerosakan terhadap kamera. Jika terdapat pemeluwapan, keluarkan lensa, kad dan bateri daripada kamera, tunggu sehingga pemeluwapan telah tersejat sebelum menggunakannya daripada beg itu.
- Jika kamera tidak akan digunakan untuk tempoh yang berpanjangan, keluarkan bateri dan simpan kamera dalam lokasi yang dingin, kering dan mempunyai pengaliran udara yang baik. Walaupun semasa kamera berada dalam simpanan, tekan butang pengatup beberapa kali sekali-sekala untuk memeriksa sama ada kamera masih berfungsi.
- Elakkan menyimpan kamera di tempat yang terdapat bahan kimia yang menyebabkan karat dan hakisan seperti dalam makmal kimia.

- Jika kamera tidak digunakan untuk jangka masa yang lama, uji semua fungsinya sebelum menggunakannya. Jika anda tidak menggunakan kamera untuk beberapa waktu atau jika terdapat sesi penangkapan yang penting seperti lawatan ke luar negara yang mendatang, periksa kamera di pembekal Canon anda atau periksa kamera dengan sendiri dan pastikan ia berfungsi dengan baik.
- Jika anda gunakan penangkapan berterusan, penangkapan Pandangan Langsung, atau rakaman filem untuk tempoh berpanjangan, kamera mungkin menjadi panas. Ini bukan kepincangan.
- Jika terdapat sumber cahaya terang di dalam atau luar kawasan imej, ghosting mungkin berlaku.

Panel LCD dan Monitor LCD

- Walaupun monitor LCD dihasilkan dengan teknologi kejutan yang sangat tinggi dengan lebih 99.99% piksel berkesan, mungkin terdapat beberapa piksel mati yang hanya memaparkan hitam atau merah dll antara 0.01% atau kurang daripada piksel yang tertinggal. Piksel mati bukan kepincangan. Piksel tidak mempengaruhi imej yang direkod.
- Jika monitor LCD dibiarkan hidup untuk jangka masa yang lama, kepincangan skrin mungkin berlaku yang menyebabkan anda melihat saki-baki apa yang dipaparkan. Namun, ini hanyalah sementara dan akan hilang apabila kamera tidak digunakan untuk beberapa hari.
- Paparan monitor LCD mungkin kelihatan perlahan dalam suhu rendah, atau kelihatan hitam dalam suhu tinggi. Ia akan kembali ke normal pada suhu bilik.


Kad

Untuk melindungi kad ini dan data yang direkod, ambil perhatian yang berikut:


- Jangan jatuhkan, bengkokkan atau basahkan kad ini. Jangan dedaahkannya terhadap hentakan yang kuat, kejutan fizikal atau getaran.
- Jangan sentuh sentuhan elektronik kad dengan jari anda atau apa-apa yang bersifat logam.
- Jangan lekatkan apa-apa pelekat dll pada kad ini.
- Jangan simpan atau gunakan kad ini berdekatan apa-apa yang mempunyai medan magnetik yang kuat seperti set TV, pembesar suara atau magnet. Juga elakkan tempat yang cenderung mempunyai elektrik statik.
- Jangan tinggalkan kad ini dalam cahaya matahari secara langsung atau berhampiran sumber haba.
- Simpan kad ini dalam bekas.
- Jangan simpan kad ini di lokasi panas, berdebu atau lembap.


Lensa

Selepas menanggalkan lensa daripada kamera ini, letakkan lensa dengan bahagian bawah menghadap ke atas dan pasang penutup lensa untuk mengelakkan permukaan lensa dan sentuhan elektrik daripada tercalar.




Tatanama







Apabila menyambungkan kabel antara muka ke terminal digital, gunakan juga pelindung kabel yang disediakan (hlm.34).




Panel LCD




* Paparan hanya akan menunjukkan tetapan yang sedang digunakan.



Maklumat Pemidang Tilik




* Paparan hanya akan menunjukkan tetapan yang sedang digunakan.



Dail Mod


Anda boleh menetapkan mod penangkapan. Putar Dail Mod sambil menahan ke bawah tengah Dail Mod (Butang pelepasan kunci Dail Mod).




Mod penangkapan tersuai

Anda boleh mendaftar mod penangkapan (**P/Tv/Av/M/B**), operasi AF, tetapan menu, dll kepada posisi Dail Mod **C1**, **C2**, **C3** (hlm.477).

Lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM




Lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS USM




Pengecas Bateri LC-E6E

Pengecas untuk Pek Bateri LP-E6N/LP-E6 (hlm.38).




Memasang Tali



Masukkan hujung tali melalui lubang cagak tali kamera dari bawah. Kemudian masukkannya melalui kancing tali seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi. Tarik tali untuk mengemaskan bahagian kendur dan pastikan tali tidak akan tertanggal daripada kancing.

- Penutup kanta mata juga dilekatkan pada tali (hlm.249).




Menggunakan Pelindung Kabel


Apabila menyambungkan kamera ke komputer, pencetak atau Penghantar Fail Wayarles, gunakan kabel antara muka yang disediakan atau kabel dari Canon (ditunjukkan dalam Peta Sistem pada halaman 492).

Apabila menyambung kabel antara muka, gunakan juga pelindung kabel yang disediakan. Menggunakan pelindung kabel mengelakkan kabel daripada tercabut secara tidak sengaja dan terminal daripada rosak.



Menggunakan Kabel Antara muka yang Disediakan dan Kabel HDMI Canon (dijual berasingan)




Pengapit



Pelindung kabel




Kabel antara muka yang disediakan



Kabel HDMI (dijual berasingan)

Menggunakan Kabel Antara muka Canon (dijual berasingan)



Pengapit

Jika anda menggunakan kabel antara muka Canon (dijual berasingan, hlm.492), letak kabel melalui pengapit sebelum memasang pengapit pada pelindung kabel.



- Menyambung kabel antara muka tanpa menggunakan pelindung kabel mungkin merosakkan terminal digital.
- Jangan gunakan kabel USB 2.0 yang dilengkapi dengan palam Mikro-B. Ia mungkin merosakkan terminal digital kamera.
- Seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi untuk langkah 4 di sebelah kanan bahagian bawah, pastikan kabel antara muka dipasang pada terminal digital dengan kemas.



Untuk menyambungkan kamera ke set TV, disarankan menggunakan Kabel HDMI HTC-100 (dijual berasingan). Menggunakan pelindung kabel disarankan walaupun apabila menyambungkan kabel HDMI.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

1


Panduan Awal

Bab ini menerangkan langkah-langkah persediaan sebelum anda bermula menangkap serta operasi-operasi kamera yang asas.

Mengurangkan Debu


- Apabila menukar lensa, lakukannya dengan cepat di tempat yang kurang debu.
- Apabila menyimpan kamera tanpa lensa terpasang, pastikan penutup badan dipasang pada kamera.
- Buangkan debu pada penutup badan sebelum memasangkannya.

Mengecas Bateri




1 Tanggalkan penutup perlindungan.

- Tanggalkan penutup perlindungan yang disediakan bersama bateri.




2 Pasangkan bateri.

- Seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi, pasang bateri pada pengecas dengan kemas.
- Untuk mengeluarkan bateri, ikuti prosedur di atas secara terbalik.



3 Cas semula bateri.

- Sambungkan kord kuasa ke pengecas dan masukkan palam ke dalam saluran keluar kuasa.
- ▶ Mengecas semula bermula secara automatik dan penunjuk pengecasan berwarna jingga berkelip.



Penunjuk pengecasan penuh

Penunjuk pengecasan

Aras Cas	Penunjuk Pengecasan	
	Warna	Paparan
0-49%	Jingga	Berkelip sekali setiap saat
50-74%		Berkelip dua kali setiap saat
75% atau lebih tinggi		Berkelip tiga kali setiap saat
Dicaskan penuh	Hijau	Menyala

- **Bateri yang telah habis digunakan mengambil masa kira-kira 2 jam dan 30 minit untuk dicaskan sepenuhnya pada suhu bilik (23°C / 73°F).** Masa yang diperlukan untuk mengecas bateri akan jauh berbeza bergantung pada suhu sekitar dan baki kapasiti bateri.
- Untuk sebab-sebab keselamatan, cas semula pada suhu rendah (5°C - 10°C / 41°F - 50°F) akan mengambil masa yang lebih lama (sehingga kira-kira 4 jam).




Petua untuk Menggunakan Bateri dan Pengecas

- **Semasa pembelian, bateri tidak dicaskan sepenuhnya.**
Cas bateri sebelum menggunakannya.
- **Cas semula bateri sehari sebelum digunakan atau pada hari ia akan digunakan.**
Walaupun semasa penyimpanan, bateri yang telah dicas akan beransur-ansur menyusut dan kehilangan kapasitinya.
- **Selepas mengecas semula bateri, tanggalkan bateri dan putuskan pengecas dari saluran keluar kuasa.**

- **Anda boleh memasang penutup dengan haluan berlainan untuk menunjukkan sama ada bateri telah dicaskan atau tidak.**

Jika bateri telah dicaskan semula, pasang penutup supaya lubang berbentuk bateri <  > sejajar dengan pelekat biru pada bateri. Jika bateri telah habis digunakan, pasang penutup pada haluan berlawanan.



- **Keluarkan bateri semasa kamera tidak digunakan.**
Jika bateri dibiarkan dalam kamera untuk jangka masa yang lama, sebahagian kuasa yang kecil akan dibebaskan, menyebabkan nyahcas berlebihan dan memendekkan hayat bateri. Simpan bateri dengan penutup perlindungan terpasang. Menyimpan bateri semasa ia dicas sepenuhnya mungkin mengurangkan prestasi bateri.
- **Pengecas bateri juga boleh digunakan di negara asing.**
Pengecas bateri serasi dengan sumber kuasa dari 100 V AC hingga 240 V AC 50/60 Hz. Jika perlu, pasang penyesuai palam untuk negara atau wilayah masing-masing. Jangan pasang penyesuai sebarang pengubah voltan mudah alih pada pengecas bateri. Perbuatan demikian boleh merosakkan pengecas bateri.
- **Jika bateri cepat habis walaupun setelah dicas penuh, bateri telah sampai ke akhir tempoh guna.**
Periksa prestasi cas semula bateri (hlm.484) dan beli bateri baharu.




- Selepas mencabut palam kuasa pengecas, jangan sentuh pin untuk kira-kira 10 saat.
- Jika kapasiti baki bateri (hlm.484) ialah 94% atau lebih, bateri tidak akan dicas semula.
- Pengecas tidak boleh mengecas bateri lain selain daripada Pek Bateri LP-E6N/LP-E6.

Memasang dan Menanggalkan Bateri


Masukkan Pek Bateri LP-E6N (atau LP-E6) yang dicasan penuh ke dalam kamera. Pemandang tilik kamera menjadi cerah apabila bateri dipasang dan menjadi gelap apabila bateri ditanggalkan.

Memasang Bateri




1 Buka penutup.

- Luncurkan tuas seperti yang ditunjukkan dengan anak panah dan buka penutup.



2 Masukkan bateri.

- Masukkan bahagian hujung dengan sentuhan bateri.
- Masukkan bateri sehingga ia terkunci pada tempatnya.




3 Tutup penutup.

- Tekan penutup sehingga ia berdetap tertutup.

 Hanya Pek Bateri LP-E6N/LP-E6 boleh digunakan.

Mengeluarkan Bateri



Buka penutup dan keluarkan bateri.

- Tekan tuas kunci bateri seperti yang ditunjukkan dengan anak panah dan keluarkan bateri.
- Untuk menghalang litar pintas sentuhan bateri, pastikan anda telah memasang penutup perlindungan yang disediakan (hlm.38) pada bateri.


Memasang dan Menanggalkan Kad

Kamera boleh menggunakan kad CF dan kad SD. Imej boleh direkod apabila sekurang-kurangnya salah satu daripada kad dipasang dalam kamera.

Jika kedua-dua jenis kad dimasukkan, anda boleh memilih kad mana untuk merekod imej atau secara serentak merekod imej pada kedua-dua kad (hlm.148-150).

⚠ Jika anda menggunakan kad SD, pastikan suis perlindungan tulis kad ditetapkan ke atas untuk membolehkan menulis/memadamkan.


Memasang Kad



1 Buka penutup.

- Luncurkan penutup seperti yang ditunjukkan dengan anak panah untuk membukanya.


Kad CF



2 Masukkan kad.


- Slot di tepi depan kamera ialah untuk kad CF dan slot di tepi belakang kamera ialah untuk kad SD.
- **Hadapkan label kad CF terhadap anda dan masukkan hujung yang berlubang kecil ke dalam kamera. Jika kad dimasukkan dengan cara yang silap, ia mungkin merosakkan kamera.**

Kad SD



Suis perlindungan tulis


- ▶ Butang keluar kad CF akan terkeluar.
- **Dengan label kad SD menghadap anda, tolak kad sehingga ia klik ke tempatnya.**



3 Tutup penutup.

- Tutup penutup dan luncurkannya ke arah yang ditunjukkan dengan anak panah sehingga ia berdetap tertutup.
- ▶ Apabila anda tetapkan suis kuasa ke <ON> (hlm.45), bilangan tangkapan yang mungkin akan dipaparkan pada panel LCD.

Imej akan direkod ke kad dan ditunjukkan dengan ikon anak panah <▶>.




! Kamera ini tidak boleh menggunakan kad CF Jenis II atau kad jenis cakera keras.




- Kad CF Ultra DMA (UDMA) juga boleh digunakan dengan kamera. Kad UDMA membolehkan penulisan data lebih laju.
- Kad memori SD/SDHC/SDXC disokong. Kad memori UHS-I SDHC atau SDXC boleh juga digunakan.
- Bilangan tangkapan yang mungkin bergantung pada baki kapasiti kad, kualiti rakaman imej, kelajuan ISO dll.
- Walaupun kamera boleh menangkap 2000 atau lebih banyak gambar, penunjuk akan memaparkan hanya sehingga 1999.
- Menetapkan [**1: Release shutter without card (Lepaskan pengatup tanpa kad)**] ke [**Disable (Lumpuhkan)**] akan menghalang anda daripada lupa memasukkan kad (hlm.500).

Mengeluarkan kad



Lampu akses



Butang keluar kad CF

1 Buka penutup.

- Tetapkan suis kuasa ke **<OFF>**.
- **Pastikan lampu akses padam, kemudian buka penutup.**
- Jika [**Recording... (Merekod...)**] dipaparkan, tutup penutup.

2 Keluarkan kad.


- Untuk mengeluarkan kad CF, tekan butang keluar.
- Untuk mengeluarkan kad SD, tekan dengan lembut ke dalam dan lepaskannya. Kemudian tariknya keluar.
- Tarik keluar kad, kemudian tutup penutup.



- **Apabila lampu akses menyala atau berkelip, ia menunjukkan bahawa imej sedang ditulis ke, dibaca atau dipadamkan daripada kad atau data sedang dipindah. Jangan buka penutup slot kad pada masa ini. Selain itu, jangan lakukan apa-apa perkara berikut semasa lampu akses sedang menyala atau berkelip. Sebaliknya, ia akan merosakkan data imej, kad atau kamera.**
 - **Mengeluarkan kad.**
 - **Mengeluarkan bateri.**
 - **Menggoncang atau menghempas kamera.**
- Jika kad telah mengandungi imej yang direkod, bilangan imej tidak boleh bermula daripada 0001 (hlm.195).
- Jika mesej ralat berkaitan kad dipaparkan pada monitor LCD, keluarkan dan masukkan semula kad. Jika ralat berterusan, gunakan kad lain. Jika anda boleh memindahkan semua imej pada kad ke komputer, pindahkan semua imej dan kemudian lakukan format kad dengan kamera (hlm.67). Kad mungkin akan menjadi normal semula.
- Jangan sentuh bahagian sentuhan kad SD dengan jari anda atau objek logam. Jangan dedahkan bahagian sentuhan kad kepada habuk atau air. Jika kotoran melekap pada sentuhan, kegagalan sentuhan mungkin berlaku.
- Kad multimedia (MMC) tidak boleh digunakan (ralat kad akan dipaparkan).

Menghidupkan Kuasa


Jika anda menghidupkan suis kuasa dan skrin tetapan tarikh/masa/zon muncul, lihat halaman 47 untuk menetapkan tarikh/masa/zon.



<ON> : Kamera hidup.

<OFF> : Kamera mati dan tidak beroperasi. Tetapkan pada posisi ini apabila tidak menggunakan kamera.

Pembersihan Pengesan Automatik



- Bila-bila anda menetapkan suis kuasa ke <ON> atau <OFF>, pembersihan pengesan akan dilakukan secara automatik. (Bunyi perlahan boleh didengar.) Semasa pembersihan pengesan, monitor LCD akan memaparkan <+>.

- Anda masih boleh menangkap semasa pembersihan pengesan dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah (hlm.55) untuk memberhentikan pembersihan dan menangkap gambar.
- Jika anda putar suis kuasa <ON> / <OFF> berulang kali pada selang yang pendek, ikon <+> mungkin tidak dipaparkan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.

MENU Kuasa Terpadam secara Auto


- Untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera terpadam secara automatik selepas tiada operasi selama 1 minit. Untuk menghidupkan semula kamera, tekan sahaja butang pengatup separuh ke bawah.
- Anda boleh menetapkan masa kuasa terpadam secara auto dengan [**Y2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**] (hlm.69).



Jika anda menetapkan suis kuasa ke <OFF> semasa imej sedang direkod ke kad, [**Recording... (Merekod...)**] akan dipaparkan dan kuasa akan dimatikan selepas kad siap merekod imej.

Memeriksa Aras Bateri

Apabila suis kuasa ditetapkan ke **<ON>**, aras bateri akan ditunjukkan dalam satu daripada enam aras. Ikon bateri yang berkelip () menunjukkan bateri akan habis tidak lama lagi.



Paparan						
(%) Aras	100 - 70	69 - 50	49 - 20	19 - 10	9 - 1	0

Bilangan Tangkapan yang Mungkin (Anggaran bilangan tangkapan)

Suhu	Suhu Bilik (23°C / 73°F)	Suhu Rendah (0°C / 32°F)
Tiada Denyar	800	760
50% Menggunakan Denyar	670	640

- Angka di atas berdasarkan Pek Bateri LP-E6N yang dicaskan sepenuhnya, tanpa penangkapan Pandangan Langsung dan standard pengujian CIPA (Camera & Imaging Products Association).
- Tangkapan yang mungkin dengan Cengkaman Bateri BG-E16 (dijual berasingan)
 - Dengan LP-E6 x 2: kira-kira dua kali ganda tangkapan tanpa cengkaman bateri.
 - Dengan bateri alkali saiz AA/LR6 pada suhu bilik (23°C / 73°F): kira-kira 270 tangkapan tanpa denyar, kira-kira 210 tangkapan dengan 50% menggunakan denyar.



- Perbuatan berikut akan menyebabkan kehabisan bateri dengan lebih cepat:
 - Menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk jangka masa yang lama.
 - Mengaktifkan AF dengan kerap tanpa mengambil gambar.
 - Menggunakan Penstabil Imej lensa.
 - Menggunakan monitor LCD dengan kerap.
- Bilangan tangkapan yang mungkin boleh berkurangan bergantung pada keadaan penangkapan sebenar.
- Operasi lensa dikuasakan oleh bateri kamera. Bergantung pada lensa yang digunakan, bateri mungkin kehilangan kuasa dengan lebih cepat.
- Untuk bilangan tangkapan yang mungkin dengan penangkapan Pandangan Langsung, lihat halaman 294.
- Lihat [**3: Battery info. (Maklumat bateri)**] untuk memeriksa keadaan bateri secara terperinci (hlm.484).
- Dengan Cengkaman Bateri BG-E16 (dijual berasingan) yang dimuatkan dengan bateri saiz AA/LR6, penunjuk aras empat akan dipaparkan. ( [] tidak akan dipaparkan.)

MENU Menetapkan Tarikh, Masa dan Zon

Apabila anda menghidupkan kuasa untuk kali pertama atau jika tarikh/ masa/zon sudah ditetapkan semula, skrin tetapan tarikh/masa/zon akan muncul. Ikuti langkah-langkah di bawah untuk menetapkan zon masa dahulu. Tetapkan kamera ke zon masa yang mana anda sekarang tinggal, supaya apabila anda merantau, anda dengan mudah boleh menukar tetapan ke zon masa yang betul untuk destinasi dan kamera akan melaraskan tarikh/masa secara automatik.

Sila ambil perhatian bahawa tarikh/masa yang disertakan pada imej yang direkod akan berdasarkan tetapan tarikh/masa ini. Pastikan untuk menetapkan tarikh/masa yang betul.




1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.




2 Di bawah tab [☾2], pilih [Date/Time/Zone (Tarikh/Masa/Zon)].


- Tekan butang <Q> dan pilih tab [☾].
- Putar dail <☼> untuk memilih tab [☾2].
- Putar dail <☼> untuk memilih [Date/Time/Zone (Tarikh/Masa/Zon)] kemudian tekan <SET>.



3 Tetapkan zon masa.


- [London] ditetapkan secara lalai.
- Putar dail <☼> untuk memilih [Time zone (Zon masa)].
- Tekan <SET> supaya <☼> dipaparkan.
- Putar dail <☼> untuk memilih zon masa, kemudian tekan <SET>.






4 Tetapkan tarikh dan masa.

- Putar dail <⌚> untuk memilih nombor.
- Tekan <SET> supaya <⌚> dipaparkan.
- Putar dail <⌚> untuk memilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET> (Kembali ke <□>).



5 Tetapkan waktu jimat siang.

- Tetapkan jika perlu.
- Putar dail <⌚> untuk memilih [⌚OFF].
- Tekan <SET> supaya <⌚> dipaparkan.
- Putar dail <⌚> untuk memilih [⌚], kemudian tekan <SET>.
- Apabila waktu jimat siang ditetapkan pada [⌚], masa yang ditetapkan dalam langkah 4 akan bertambah sebanyak 1 jam. Jika [⌚OFF] ditetapkan, waktu jimat siang akan dibatalkan dan masa akan undur ke belakang sebanyak 1 jam.



6 Keluar dari tetapan.

- Putar dail <⌚> untuk memilih [OK], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Tarikh/masa/zon dan waktu jimat siang akan ditetapkan dan menu akan muncul semula.

- Tetapan tarikh/masa/zon akan ditetapkan semula apabila kamera disimpan tanpa bateri, apabila bateri habis atau apabila ia terdedah pada suhu bawah beku untuk jangka masa yang lama. Jika ini berlaku, tetapkan semula tarikh/masa/zon.
- Selepas menukar zon masa, pastikan tarikh/masa yang betul telah ditetapkan.
- Apabila melakukan [**Sync time between cameras (Selaraskan masa antara kamera)**] melalui Penghantar Fail Wayarles, disarankan supaya menggunakan sebuah EOS 7D Mark II lagi. Jika anda melakukan [**Sync time between cameras (Selaraskan masa antara kamera)**] dengan menggunakan model berbeza, zon masa atau masa mungkin tidak ditetapkan dengan betul.




- Tarikh/masa yang ditetapkan akan bermula apabila anda menekan **<SET>** dalam langkah 6.
- Dalam langkah 3, masa yang dipaparkan pada sebelah kanan bahagian atas skrin ialah perbezaan masa berbanding dengan Coordinated Universal Time (UTC). Jika anda tidak nampak zon masa anda, tetapkan zon masa dengan merujuk kepada perbezaan dengan UTC.
- Masa boleh ditetapkan dengan menggunakan fungsi tetapan masa auto GPS (hlm.211).

MENU Memilih Bahasa Antara muka




1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang **<MENU>** untuk memaparkan skrin menu.



2 Di bawah tab [**2**], pilih [**Language (Bahasa)**].

- Tekan butang **<Q>** dan pilih tab [**2**].
- Putar dail **<2>** untuk memilih tab [**2**].
- Putar dail **<2>** untuk memilih [**Language (Bahasa)**], kemudian tekan **<SET>**.



English	Norsk	Română
Deutsch	Svenska	Türkçe
Français	Español	العربية
Nederlands	Ελληνικά	Ελληνικά
Dansk	Русский	简体中文
Português	Polski	繁體中文
Suomi	Čeština	한국어
Italiano	Magyar	日本語
Українська		

3 Tetapkan bahasa yang diinginkan.


- Putar dail **<2>** untuk memilih bahasa, kemudian tekan **<SET>**.
- ▶ Bahasa antara muka akan bertukar.

Memasang dan Menanggalkan Lensa

Kamera ini adalah serasi dengan semua lensa EF dan EF-S Canon.


Kamera ini tidak boleh digunakan dengan lensa EF-M.

Memasang Lensa




1 Tanggalkan tudung.

- Tanggalkan tudung belakang lensa dan penutup badan dengan memutar tudung tersebut seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.



2 Pasangkan lensa.

- Laraskan indeks cagak lensa merah atau putih dengan indeks cagak kamera yang sama warnanya. Putar lensa seperti yang ditunjukkan dengan anak panah sehingga ia klik pada tempatnya.



3 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <AF>.


- <AF> singkatan untuk autofokus.
- <MF> singkatan untuk fokus manual. Autofokus tidak akan beroperasi.

4 Tanggalkan tudung hadapan lensa.



Faktor Penukaran Imej


Memandangkan saiz pengesan imej lebih kecil daripada format film 35mm, sudut pandangan lensa yang terpasang akan bersamaan dengan sudut pandangan lensa yang panjang fokusnya kira-kira 1.6x panjang fokus yang ditunjukkan.



Saiz pengesan imej (anggaran)
(22.4 x 15.0 mm / 0.88 x 0.59 inci)

Saiz imej 35mm
(36 x 24 mm / 1.42 x 0.94 inci)


Mengezum



Putar gelang zum pada lensa dengan jari anda.

- Jika anda hendak mengezum, lakukan ia sebelum memfokus. Memutar gelang zum selepas mencapai fokus mungkin menukar fokus.

Menanggalkan Lensa



Semasa menekan butang pelepasan lensa, putar lensa seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.

- Putar lensa sehingga ia berhenti, kemudian tanggalkannya.
- Pasangkan tudung belakang lensa pada lensa yang telah ditanggalkan.

● Kepada pemilik lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM:

Anda boleh mengelakkan lensa daripada memanjang keluar semasa anda membawanya ke mana-mana. Tetapkan gelang zum ke hujung sudut lebar 18mm, kemudian tolak tuil kunci gelang zum ke <LOCK>. Gelang zum boleh dikunci hanya pada hujung sudut lebar.




- Jangan lihat matahari secara langsung melalui sebarang lensa. Perbuatan itu boleh menyebabkan kehilangan penglihatan.
- Apabila memasang atau menanggalkan lensa, tetapkan suis kuasa kamera pada <OFF>.
- Jika bahagian depan (gelang fokus) lensa berputar semasa autofokus, jangan sentuh bahagian yang berputar.
- Jika anda membeli kit lensa dengan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM, lihat “Peringatan Pengendalian” pada halaman 545.

Memasang Tudung Lensa


Tudung lensa boleh menahan cahaya yang tidak dikehendaki dan mengelakkan hujan, salji, debu dll melekap pada hadapan lensa. Sebelum menyimpan lensa di dalam beg dll, anda boleh memasang tudung secara terbalik.

• Jika Lensa dan Tudung Lensa Mempunyai Indeks Cagak



1 Laraskan titik merah, kemudian putar tudung seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.

- Jajarkan titik merah pada tudung dan tepi lensa, kemudian putar tudung seperti yang ditunjukkan dengan anak panah.



2 Putar tudung seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.


- Putar tudung mengikut arah jam sehingga ia terpasang dengan kemas.

- Jika anda tidak memasang tudung dengan kemas, ia mungkin menghalang persisian imej, membuatkan imej kelihatan gelap.
- Apabila memasang atau mengeluarkan tudung, cengkam kuat dasar tudung apabila memutarnya. Mencengkam kuat tepi tudung apabila memutarnya mungkin mencatitkan tudung, menyebabkan kegagalan untuk memutar.

Penstabil Imej Lensa

Apabila anda menggunakan Penstabil Imej terbina dalam lensa IS, guncangan kamera dibetulkan untuk mendapatkan tangkapan yang lebih tajam. Prosedur yang diterangkan di sini berdasarkan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM sebagai contoh.

* IS adalah singkatan untuk Penstabil Imej.



1 Tetapkan suis IS pada <ON>.

- Juga tetapkan suis kuasa kamera pada <ON>.

2 Tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- ▶ Penstabil Imej akan beroperasi.

3 Ambil gambar.

- Apabila gambar kelihatan tidak bergoyang dalam pemidang tilik, tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.




- Penstabil Imej tidak akan berkesan jika subjek bergerak ketika pendedahan.
- Untuk pendedahan mentol, tetapkan suis IS ke <OFF>. Jika <ON> ditetapkan, kesalahan operasi Penstabil Imej mungkin berlaku.
- Penstabil Imej mungkin tidak berkesan untuk guncangan berlebihan seperti dalam perahu yang bergoyang.



- Penstabil Imej boleh beroperasi dengan suis mod fokus lensa ditetapkan sama ada pada <AF> atau <MF>.
- Apabila menggunakan tripod, anda masih boleh menangkap dengan suis IS ditetapkan pada <ON> tanpa masalah. Walau bagaimanapun, untuk menjimatkan kuasa bateri, anda disarankan supaya menetapkan suis IS pada <OFF>.
- Penstabil Imej berkesan walaupun apabila kamera dicagakkan pada monopod.
- Dengan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM atau EF-S15-85mm f/3.5-5.6 IS USM, mod Penstabil Imej mungkin bertukar secara automatik untuk menyesuaikan dengan keadaan penangkapan.

Operasi Asas

Melaraskan Kejelasan Pemandang TiliK




Putar tombol pelarasan dioptrik.

- Putar tombol ke kiri atau ke kanan supaya titik AF dalam pemandangan tiliK kelihatan tajam.
- Jika tombol sukar untuk diputar, tanggalkan eyecup (hlm.249).

 Jika pelarasan dioptrik kamera masih tidak boleh memberikan imej pemandangan tiliK yang tajam, anda disarankan supaya menggunakan Lensa Pelarasan Dioptrik siri Eg (dijual berasingan).

Memegang Kamera

Untuk mendapatkan imej yang tajam, pegang kamera secara pegun untuk meminimumkan goncangan kamera.



Tangkapan mendatar


Tangkapan menegak

1. Pegang kemas cengkaman kamera dengan tangan kanan anda.
2. Pegang bahagian bawah lensa dengan tangan kiri anda.
3. Letakkan perlahan jari telunjuk tangan kanan anda pada butang pengatup.
4. Tekan sedikit lengan dan siku anda pada bahagian depan badan anda.
5. Untuk mengekalkan cara berdiri yang stabil, letakkan satu kaki di hadapan kaki yang lagi satu.
6. Lekapkan kamera pada muka anda dan lihat melalui pemandangan tiliK.

 Untuk menangkap semasa melihat monitor LCD, lihat halaman 291.


Butang Pengatup

Butang pengatup mempunyai dua langkah. Anda boleh tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kemudian anda boleh menekan lagi butang pengatup sepenuhnya.



Menekan Separuh ke Bawah

Ini mengaktifkan sistem autofokus dan pendedahan automatik yang menetapkan kelajuan pengatup dan apertur. Tetapan pendedahan (kelajuan pengatup dan apertur) dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD untuk 4 saat (pemasa pemeteran/4).



Tekan Sepenuhnya

Ini melepaskan pengatup dan mengambil gambar.

Mengelakkan Goncangan Kamera


Pergerakan kamera tangan semasa waktu pendedahan dipanggil goncangan kamera. Ia boleh menyebabkan gambar kabur. Untuk mengelakkan goncangan kamera, ambil perhatian yang berikut:

- Pegang dan stabilkan kamera seperti yang ditunjukkan pada halaman sebelumnya.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk autofokus, kemudian perlahan-lahan tekan butang pengatup sepenuhnya.



- Dalam mod penangkapan <P> <Tv> <Av> <M> , tekan butang <AF-ON> akan melaksanakan operasi yang sama seperti menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya tanpa menekannya separuh ke bawah dahulu atau jika anda tekan butang pengatup separuh ke bawah dan kemudian tekan ia sepenuhnya serta-merta, kamera akan mengambil sedikit masa sebelum ia mengambil gambar.
- Walaupun semasa paparan menu, main balik imej atau merekod imej, anda boleh kembali ke bersiap menangkap dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Dail Mod




Putar dail sambil menekan butang pelepasan kunci pada tengah dail.

Gunakannya untuk menetapkan mod penangkapan.




Dail Utama



(1) Selepas menekan satu butang, putar dail <☀>.

Apabila anda tekan butang seperti <WB•☐> <DRIVE•AF> <ISO>, fungsi masing-masing kekal dipilih selama 6 saat (6). Pada masa ini, anda boleh putar dail <☀> untuk menukar tetapan. Apabila pemilihan fungsi berakhir atau jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan bersedia untuk menangkap.

- Gunakan dail ini untuk memilih atau menetapkan mod pemeteran, operasi AF, kelajuan ISO, titik AF, dll.




(2) Putar dail <☀> sahaja.

Semasa melihat pemidang tilik atau panel LCD, putar dail <☀> untuk menukar tetapan.

- Gunakan dail ini untuk menetapkan kelajuan pengatup, apertur, dll.

Operasi dalam (1) boleh dilakukan walaupun semasa suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan (Kunci berbilang fungsi, hlm.59).


Dail Kawalan Cepat



(1) Selepas menekan satu butang, putar dail <Q>.

Apabila anda tekan butang seperti <WB> <DRIVE> <ISO>, fungsi masing-masing kekal dipilih selama 6 saat (6). Pada masa ini, anda boleh putar dail <Q> untuk menukar tetapan. Apabila pemilihan fungsi berakhir atau jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan bersedia untuk menangkap.

- Gunakan dail ini untuk memilih atau menetapkan white balance, mod pemacu, pampasan pendedahan denyar, titik AF, dll.



(2) Putar dail <Q> sahaja.

Semasa melihat pembedang tilik atau panel LCD, putar dail <Q> untuk menukar tetapan.


- Gunakan dail ini untuk menetapkan jumlah pampasan pendedahan, tetapan apertur untuk pendedahan manual, dll.



Operasi dalam (1) boleh dilakukan walaupun semasa suis <LOCK> ditetapkan ke kanan (Kunci berbilang fungsi, hlm.59).

Tuas Pemilihan Kawasan AF

Tuas < > boleh dicondongkan ke kanan. Gunakannya untuk memilih mod pemilihan kawasan AF.




Selepas menekan butang < >, condongkan < >.

- Menekan butang < > akan menjadikan mod pemilihan kawasan AF dan titik AF boleh dipilih selama 6 saat (⌚6). Kemudian, apabila anda mencondongkan < > ke kanan dalam masa tersebut, anda boleh menukar mod pemilihan kawasan AF.

 Anda juga boleh menekan butang < > dan kemudian menekan butang <M-Fn> untuk memilih mod pemilihan kawasan AF.

Pengawal berbilang


< > terdiri daripada kunci lapan arah dan butang di tengah.



- Gunakannya untuk memilih titik AF, membetulkan white balance, menggerakkan titik AF atau membesarkan bingkai semasa penangkapan Pandangan Langsung, menatal sekitar imej diperbesar semasa main balik, mengendalikan skrin Kawalan Cepat, dll.
- Anda juga boleh menggunakannya untuk memilih dan menetapkan item menu.
- Untuk menu dan Kawalan Cepat, Pengawal berbilang berfungsi hanya dalam arah menegak dan mendatar< > < >. Ia tidak akan berfungsi dalam arah pepenjuru.

🔊 Pad Sentuh


Semasa rakaman filem, pad sentuh memberikan cara senyap untuk melaraskan kelajuan pengatup, apertur, pampasan pendedahan, kelajuan ISO, aras rakaman suara dan volum fon kepala (hlm.348). Fungsi ini boleh digunakan apabila [**🔊5: Silent Control (Kawalan Senyap)**] ditetapkan pada [**Enable (Aktif)** 🔊].



Selepas menekan butang <[Q]>, tekan gelang dalam dail <🌀> pada bahagian atas, bawah, kiri atau kanan.

LOCK▶ Kunci Berbilang Fungsi

Dengan menetapkan [**🔊3: Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)**] (hlm.455) dan menggerakkan suis <LOCK▶> ke kanan, anda boleh mengelakkan Dail Utama, Dail Kawalan Cepat, Pengawal berbilang dan tuas pemilihan kawasan AF daripada bergerak dan menukar tetapan dengan tidak sengaja.




Suis <LOCK▶> ditetapkan ke kiri:
Kunci dilepaskan

Suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan:
Kunci terpasang



Jika suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan dan anda cuba menggunakan salah satu daripada kawalan kamera yang telah dikunci, <L> akan dipaparkan pada pemidang tilik dan panel LCD. Pada paparan tetapan tangkapan (hlm.60), [**LOCK (KUNCI)**] akan dipaparkan.

Pencahayaan Panel LCD





Hidupkan () atau matikan pencahayaan panel LCD dengan menekan butang <  > . Semasa pendedahan mentol, menekan butang pengatup sepenuhnya akan mematikan pencahayaan panel LCD.

Memaparkan Tetapan Fungsi Tangkapan

Selepas anda menekan butang < **INFO.** > beberapa kali, tetapan fungsi tangkapan akan dipaparkan.


Dengan tetapan fungsi tangkapan dipaparkan, anda boleh putar Dial Mod untuk melihat tetapan bagi setiap mod penangkapan (hlm.483). Menekan butang <  > membolehkan Kawalan Cepat tetapan fungsi tangkapan (hlm.61).

Tekan butang < **INFO.** > sekali lagi untuk mematikan paparan.




Q Kawalan Cepat untuk Fungsi Tangkapan

Anda boleh terus memilih dan menetapkan fungsi tangkapan yang dipaparkan pada monitor LCD. Ini dipanggil Kawalan Cepat.



1 Tekan butang <Q> (10).


- ▶ Skrin Kawalan Cepat akan muncul.




2 Tetapkan fungsi yang dikehendaki.

- Gunakan <⌂> untuk memilih fungsi.
- ▶ Tetapan yang dipilih akan dipaparkan.
- Putar dail <⌚> atau <⌚> untuk menukar tetapan.

• Mod <A+>



• Mod <P/Tv/Av/M/B>




3 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- ▶ Imej yang ditangkap akan dipaparkan.





Dalam mod <A+>, anda hanya boleh memilih fungsi rekod dan kad serta menetapkan kualiti rakaman imej, mod pemacu dan nyalaan denyar.

Fungsi yang boleh ditetapkan pada Skrin Kawalan Cepat



* Fungsi yang ditanda dengan asterisk tidak boleh ditetapkan dengan skrin Kawalan Cepat.


Skrin Tetapan Fungsi





- Pilih fungsi dan tekan **<SET>**. Skrin tetapan fungsi akan muncul.
- Putar dial **<☀>** atau **<⌚>** untuk menukar sesetengah tetapan. Terdapat juga fungsi yang ditetapkan dengan menekan butang.
- Tekan **<SET>** untuk memuktamadkan tetapan dan kembali ke skrin sebelumnya.
- Apabila anda memilih **<☑>** (hlm.458) dan menekan butang **<MENU>**, skrin sebelumnya akan muncul semula.

MENU Operasi Menu

Anda boleh menetapkan pelbagai tetapan dengan menu seperti kualiti rakaman imej, tarikh/masa, dll.




Skrin Menu Mod $\boxed{A}^+$




* Beberapa tab menu dan item menu tidak dipaparkan dalam mod $\boxed{A}^+$.

Skrin Menu Mod P/Tv/Av/M/B



Prosedur Tetapan Menu




1 Paparkan skrin menu.

- Tekan butang <MENU> untuk memaparkan skrin menu.


2 Pilih tab.

- Setiap kali anda menekan butang <Q>, tab utama akan bertukar.
- Putar dail <☀> untuk memilih tab tambahan.
- Sebagai contoh, tab [📷4] merujuk kepada skrin yang dipaparkan apabila titik keempat "■" dari sebelah kiri dalam tab 📷 (Penangkapan) sudah dipilih.




3 Pilih item yang dikehendaki.

- Putar dail <☉> untuk memilih item, kemudian tekan <SET>.



4 Pilih tetapan.

- Putar dail <☉> untuk memilih tetapan yang diinginkan.
- Tetapan semasa ditunjukkan dalam biru.



5 Laraskan tetapan.

- Tekan <SET> untuk menentukannya.

6 Keluar dari tetapan.


- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu dan kembali ke bersiap menangkap.




- Penerangan fungsi menu berikut mengandaikan anda telah menekan butang **<MENU>** untuk memaparkan skrin menu.
- Anda juga boleh menggunakan **<Fn>** untuk mengendali dan menetapkan fungsi menu. (Kecuali untuk [**▶ 1: Erase images (Padam imej)**] dan [**▶ 1: Format card (Format kad)**].)
- Untuk membatalkan operasi, tekan butang **<MENU>**.
- Untuk maklumat lanjut tentang setiap item menu, lihat halaman 500.

Item Menu Malap

Contohnya: Apabila
Pengurangan Hingar Berbilang
Tangkapan ditetapkan



Item menu yang malap tidak dapat ditetapkan. Item menu akan menjadi malap jika tetapan fungsi yang lain mengatasinya.



Anda boleh melihat fungsi yang mengatasinya dengan memilih item menu yang malap dan menekan **<SET>**. Jika anda membatalkan tetapan yang mengatasi fungsi, item menu yang malap akan boleh ditetapkan.



Sesetengah item menu yang malap tidak akan menunjukkan fungsi yang mengatasinya.




Dengan [**▶ 4: Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**], anda boleh menetapkan semula fungsi menu ke tetapan laai (hlm.70).

Sebelum Anda Bermula

MENU Memformat Kad


Jika kad ini adalah baharu atau telah diformat sebelumnya oleh kamera atau komputer yang lain, format kad dengan kamera ini.

⚠ Apabila kad diformat, semua imej dan data pada kad akan dipadam. Imej terlindung juga akan dipadam, jadi pastikan tiada apa yang anda perlu simpan. Jika perlu, pindahkan imej dan data ke komputer dll sebelum memformat kad.




1 Pilih [Format card (Format kad)].

- Di bawah tab [1], pilih [Format card (Format kad)], kemudian tekan <SET>.




2 Memilih kad.

- [1] adalah kad CF dan [2] adalah kad SD.
- Pilih kad, kemudian tekan <SET>.



3 Pilih [OK].

- ▶ Kad akan diformat.



- Apabila [2] dipilih, pemformatan tahap rendah boleh dilakukan (hlm.68). Untuk pemformatan tahap rendah, tekan butang <≡> untuk menambah [Low level format (Format tahap rendah)] dengan tanda semak <✓>, kemudian pilih [OK].



Format kad dalam keadaan berikut:

- Kad adalah baharu.
- Kad telah diformat oleh kamera lain atau komputer.
- Kad telah penuh dengan imej atau data.
- Ralat berkaitan kad dipaparkan (hlm.531).

Pemformatan Tahap Rendah

- Lakukan pemformatan tahap rendah jika kelajuan membaca atau menulis kad SD kelihatan perlahan atau jika anda hendak memadam dengan menyeluruh semua data pada kad.
- Memandangkan pemformatan tahap rendah akan memadamkan semua sektor yang boleh direkod pada kad SD, pemformatan akan mengambil masa sedikit lama berbanding pemformatan biasa.
- Anda boleh menghentikan pemformatan tahap rendah dengan memilih **[Cancel (Batal)]**. Walaupun dalam keadaan ini, pemformatan biasa akan diselesaikan dan anda boleh menggunakan kad SD seperti biasa.




- Apabila kad diformat atau data dipadamkan, hanya maklumat pengurusan fail ditukarkan. Data sebenar tidak dipadamkan sepenuhnya. Ketahuilah perkara ini apabila menjual atau membuang kad. Apabila membuang kad, laksanakan pemformatan tahap rendah atau musnahkan kad secara fizikal untuk mengelakkan data peribadi terbocor.
- **Sebelum menggunakan kad Eye-Fi yang baharu (hlm.489), perisian pada kad hendaklah dipasang pada komputer anda. Kemudian format kad dengan kamera.**



- Kapasiti kad yang dipaparkan pada skrin format kad mungkin lebih kecil daripada kapasiti yang ditunjukkan pada kad.
- Peranti ini menggabungkan teknologi exFAT yang dilesenkan dari Microsoft.

MENU Melumpuhkan Beeper

Anda boleh mengelakkan beeper daripada berbunyi apabila fokus dicapai atau semasa operasi pemasa sendiri.



1 Pilih [Beep (Bip)].


- Di bawah tab [1], pilih [Beep (Bip)], kemudian tekan <SET>.

2 Pilih [Disable (Lumpuhkan)].

- Pilih [Disable (Lumpuhkan)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Beeper tidak akan berbunyi.

MENU Menetapkan Masa Kuasa Terpadam/Kuasa Terpadam secara Auto

Untuk menjimatkan kuasa bateri, kuasa kamera terpadam secara automatik selepas masa yang ditetapkan untuk operasi melahu berlalu. Tetapan lalai adalah 1 minit, tetapi tetapan ini boleh ditukar. Jika anda tidak mahu kamera terpadam secara automatik, tetapkan ini ke [Disable (Lumpuhkan)]. Selepas kuasa terpadam, anda boleh menghidupkan kamera semula dengan menekan butang pengatup atau butang lain.



1 Pilih [Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)].

- Di bawah tab [2], pilih [Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)], kemudian tekan <SET>.

2 Tetapkan masa yang diinginkan.


- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.



Walaupun jika [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan, monitor LCD akan terpadam secara automatik selepas 30 minit untuk menjimatkan kuasa. (Kuasa kamera tidak terpadam.)

MENU Menetapkan Masa Semak Imej

Anda boleh menetapkan berapa lama yang imej dipaparkan pada monitor LCD sejezus selepas penangkapan. Untuk mengekalkan imej yang dipaparkan, tetapkan **[Hold (Bertahan)]**. Untuk imej tidak dipaparkan, tetapkan **[Off (Mati)]**.



1 Pilih **[Image review (Semak imej)]**.

- Di bawah tab **[1]**, pilih **[Image review (Semak imej)]**, kemudian tekan **<SET>**.


2 Tetapkan masa yang diingini.

- Pilih tetapan yang diingini, kemudian tekan **<SET>**.

Jika **[Hold (Bertahan)]** ditetapkan, imej akan dipaparkan sehingga masa kuasa terpadam secara auto berlalu.


MENU Mengembalikan Kamera ke Tetapan Lalai [☆]

Tetapan fungsi tangkapan dan tetapan menu kamera boleh dikembalikan ke lalai.



1 Pilih **[Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)]**.

- Di bawah tab **[4]**, pilih **[Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)]**, kemudian tekan **<SET>**.



2 Pilih **[OK]**.

- ▶ Menghapuskan semua tetapan kamera akan menetapkan semula kamera ke tetapan lalai pada halaman 71-74.

Tetapan Fungsi Tangkapan

AF operation (Operasi AF)	One-Shot AF (AF Tangkapan Tunggol)
AF area selection mode (Mod pemilihan kawasan AF)	AF titik tunggal (Pemilihan Manual)
AF point selection (Pemilihan titik AF)	Center (Pusat)
Registered AF point (Titik AF berdaftar)	Dibatalkan
Metering mode (Mod pemeteran)	[☉] (Evaluative metering (Pemeteran penilaian))
ISO speed (Kelajuan ISO)	Auto
ISO speed range (Julat kelajuan ISO)	Had minimum: 100 Had maksimum: 16000
Auto ISO range (Julat ISO auto)	Had minimum: 100 Had maksimum: 6400
Minimum shutter speed (Kelajuan pengatup minimum)	Auto
Drive mode (Mod pemacu)	[] (Single shooting (Penangkapan tunggal))
Exposure compensation/AEB (Pampasan pendedahan/AEB)	Dibatalkan
Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)	Dibatalkan
Red-eye reduction (Pengurangan mata merah)	Disable (Lumpuhkan)
Multiple exposure (Berbilang pendedahan)	Disable (Lumpuhkan)
HDR Mode (Mod HDR)	Disable HDR (Lumpuhkan HDR)
Interval timer (Pemasa selang)	Disable (Lumpuhkan)
Bulb timer (Pemasa mentol)	Disable (Lumpuhkan)
Anti-flicker shooting (Penangkapan anti kelip)	Disable (Lumpuhkan)

Tetapan AF

Case 1 - 6	Case 1/Tetapan parameter bagi semua case telah dihapuskan
AI Servo 1st image priority (Keutamaan imej pertama Servo AI)	Equal priority (Keutamaan setara)
AI Servo 2nd image priority (Keutamaan imej kedua Servo AI)	Equal priority (Keutamaan setara)
Lens electronic MF (MF elektronik lensa)	Enable after One-Shot AF (Aktif selepas AF Tangkapan Tunggol)
AF-assist beam firing (Nyalaan Sinar bantu AF)	Enable (Aktif)
One-Shot AF release priority (keutamaan pelepasan AF Tangkapan Tunggol)	Focus priority (Keutamaan fokus)
Lens drive when AF impossible (Pemacu lensa apabila AF mustahil)	Continue focus search (Teruskan carian fokus)
Selectable AF point (Titik AF boleh dipilih)	65 points (65 titik)
Select AF area selection mode (Pilih mod pemilihan kawasan AF)	Semua item dipilih
AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)	M-Fn button (Butang M-Fn)
Orientation linked AF point (Titik AF berkaitan orientasi)	Same for both vertical/horizontal (Sama bagi menegak/mendatar)
Initial AF point, [☉] AI Servo AF (Titik AF awal, [☉] AF Servo AI)	Auto

Mirror lockup (Kunci cermin)	Disable (Lumpuhkan)
Viewfinder display (Paparan pemidang tilik)	
Viewfinder level (Aras pemidang tilik)	Hide (Sembunyi)
VF grid display (Paparan grid Pemidang Tilik)	Disable (Lumpuhkan)
Show/hide in viewfinder (Paparkan/sembunyi dalam pemidang tilik)	Hanya Kelipan ditanda semak
Custom Functions (Fungsi Tersuai)	Tidak bertukar
Flash control (Kawalan denyar)	
Flash firing (Nyalaan denyar)	Enable (Aktif)
E-TTL II Flash metering (Pemeteran denyar E-TTL II)	Evaluative flash metering (Pemeteran denyar penilaian)
Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)	Auto

Tetapan Rakaman Imej

Image quality (Kualiti imej)	
Picture Style (Gaya Gambar)	Standard
Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)	Standard
Peripheral illumination correction (Pembetulan pencahayaan sisi lensa)	Enable (Aktif)/ Data pembetulan disimpan

Automatic AF point selection: EOS iTR AF (Pemilihan titik AF automatik: EOS iTR AF)	Enable (Aktif)
Manual AF point selection pattern (Corak pemilihan titik AF manual)	Stops at AF area edges (Berhenti di tepi kawasan AF)
AF point display during focus (Paparan titik AF semasa fokus)	Selected (constant) (Dipilih (berterusan))
VF display illumination (Pencahayaan paparan Pemidang Tilik)	Auto
AF point during AI Servo AF (Titik AF ketika AF Servo AI)	Non illuminated (Tidak bercahaya)
AF status in viewfinder (Status AF dalam pemidang tilik)	Show in field of view (Tunjukkan dalam medan pandangan)
AF Microadjustment (Penyesuaian Mikro AF)	Disable/Adjustment amount retained (Lumpuhkan/ Jumlah pelarasan disimpan)

Tetapan Kamera

Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)	1 min. (1 minit)
Beep (Bip)	Enable (Aktif)
Release shutter without card (Lepaskan pengatup tanpa kad)	Enable (Aktif)
Image review time (Masa semak imej)	2 sec. (2 saat)
Highlight alert (Isyarat sorotan)	Disable (Lumpuhkan)

Chromatic aberration correction (Pembetulan penyimpangan kromatik)	Enable (Aktif)/ Data pembetulan disimpan	AF point display (Paparan titik AF)	Disable (Lumpuhkan)
Distortion correction (Pembetulan herotan)	Disable (Lumpuhkan)/ Data pembetulan disimpan	Playback grid (Grid main balik)	Off (Padam)
White balance	AWB (Auto)	Histogram display (Paparan histogram)	Brightness (Kecerahan)
Custom White Balance (White Balance Tersuai)	Dibatalakan	Movie playback count (Pengiraan main balik filem)	Tidak bertukar
White balance shift (Anjakan white balance)	Dibatalakan	Magnification (Approx.) (Pembesaran Anggaran)	2x (magnify from center) (2x (membesar dari pusat))
White balance bracketing (Bracketing white balance)	Dibatalakan	Control over HDMI (Kawalan melalui HDMI)	Disable (Lumpuhkan)
Color space (Ruang warna)	sRGB	Image jump w/  (Lompat imej dengan )	 (10 imej)
Long exposure noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)	Disable (Lumpuhkan)	Auto rotate (Putaran auto)	On  (AKtif )
High ISO speed noise reduction (Pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi)	Standard	LCD brightness (Kecerahan LCD)	Auto
Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)	Disable (Lumpuhkan)	Date/Time/Zone (Tarikh/Masa/Zon)	Tidak bertukar
Record function (Fungsi rakam)	Standard	Eye-Fi settings (Tetapan Eye-Fi)	Disable (Lumpuhkan)
File numbering (Penomboran fail)	Continuous (Berterusan)	Language (Bahasa)	Tidak bertukar
File name (Nama fail)	Preset code (Kod praset)	GPS and digital compass settings (Tetapan GPS dan kompas digital)	Disable (Lumpuhkan)
Auto cleaning (Pembersihan auto)	Enable (Aktif)	Video system (Sistem video)	Tidak bertukar
Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)	Erased (Dihapuskan)	INFO button display options (Pilihan paparan butang INFO)	Semua item dipilih
		RATE button function (Fungsi butang RATE)	Rating (Penarafan)
		Custom shooting mode (Mod penangkapan tersuai)	Tidak bertukar
		Copyright information (Maklumat hak cipta)	Tidak bertukar

Configure: MY MENU (Konfigurasi: MENU SAYA)*	Tidak bertukar
Menu display (Paparan menu)	Normal display (Paparan normal)

Tetapan Penangkapan Pandangan Langsung

Live View shooting (Penangkapan Pandangan Langsung)	Enable (Aktif)
AF method (Kaedah AF)	☺+Tracking (☺+Pengesanan)
Continuous AF (AF Berterusan)	Disable (Lumpuhkan)
Grid display (Paparan grid)	Off (Padam)
Aspect ratio (Nisbah bidang)	3:2
Exposure simulation (Simulasi pendedahan)	Enable (Aktif)
Silent LV shooting (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap)	Mode 1 (Mod 1)
Metering timer (Pemasa pemeteran)	8 sec. (8 saat)


Tetapan Rakaman Filem

Movie Servo AF (AF Servo Filem)	Enable (Aktif)
AF method (Kaedah AF)	☺+Tracking (☺+Pengesanan)
Grid display (Paparan grid)	Off (Padam)
Movie recording quality (Kualiti Rakaman Filem)	
MOV/MP4	MOV
Movie recording size (Saiz rakaman filem)	NTSC: 5FHD 29.97P [IPB] PAL: 5FHD 25.00P [IPB]
24.00P	Disable (Lumpuhkan)
Sound recording (Rakaman suara)	Auto
Wind filter (Penuras angin)	Disable (Lumpuhkan)
Attenuator (Pelemah)	Disable (Lumpuhkan)
Movie Servo AF speed (Kelajuan AF Servo Filem)	
When active (Apabila aktif)	Always on (Sentiasa hidup)
AF speed (Kelajuan AF)	Standard
Movie Servo AF tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan AF Servo Filem)	0 (Standard)
Silent LV shooting (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap)	Mode 1 (Mod 1)

Metering timer (Pemasa pemeteran)	8 sec. (8 saat)
Count up (Kira menaik)	Tidak bertukar
Start time setting (Tetapan masa permulaan)	Tidak bertukar
Movie recording count (Pengiraan rakaman filem)	Tidak bertukar
Movie playback count (Pengiraan main balik filem)	Tidak bertukar
HDMI	Tidak bertukar
Drop frame (Bingkai jatuh)	Tidak bertukar
Silent control (Kawalan senyap)	Disable  (Lumpuhkan )
button function (Fungsi butang )	 AF / 
HDMI output + LCD (Output HDMI + LCD)	No mirroring (Tiada pencerminan)
HDMI frame rate (Kadar bingkai HDMI)	Auto

Memaparkan Grid

Anda boleh memaparkan grid dalam pemidang tilik untuk membantu anda meluruskan atau mengubah tangkapan.



1 Pilih [Viewfinder display (Paparannya pemidang tilik)].

- Di bawah tab [2], pilih [Viewfinder display (Paparannya pemidang tilik)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [VF grid display (Paparannya grid Pemidang Tilik)].



3 Pilih [Enable (Aktif)].

- ▶ Apabila anda keluar dari menu, grid akan muncul dalam pemidang tilik.




Anda boleh memaparkan grid pada monitor LCD semasa penangkapan Pandangan Langsung dan sebelum anda mula merakam filem (hlm.303, 356).

Memaparkan Aras Elektronik


Anda boleh memaparkan aras elektronik pada monitor LCD dan dalam pemidang tilik untuk membantu anda membetulkan condong kamera.

Memaparkan Aras Elektronik pada Monitor LCD



1 Tekan butang <INFO.>.

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan skrin akan bertukar.
- Memaparkan aras elektronik.
- Jika aras elektronik tidak muncul, tetapkan [ 3: **INFO** button display options (Pilihan paparan butang **INFO**)] supaya aras elektronik boleh dipaparkan (hlm.482).



Aras menegak Aras mendatar



2 Periksa condong kamera.

- Condong mendatar dan menegak dipaparkan dengan kenaikan 1°.
- Apabila garisan merah bertukar hijau, ini menunjukkan condong hampir dibetulkan.




- Walaupun apabila condong dibetulkan, mungkin terdapat jidar selisih kira-kira $\pm 1^\circ$.
- Jika kamera sangat condong, jidar selisih aras elektronik akan menjadi lebih besar.



Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan sebelum merakam filem (kecuali dengan  + Tracking ( + Pengesanan)), anda juga boleh memaparkan aras elektronik seperti yang diterangkan di atas.


MENU Memaparkan Aras Elektronik dalam Pemandang tilik

Aras elektronik boleh dipaparkan di bahagian atas pemandang tilik. Memandangkan ini boleh dipaparkan semasa anda menangkap, anda boleh membetulkan sebarang condong kamera semasa menangkap.



1 Pilih [Viewfinder display (Paparan pemandang tilik)].

- Di bawah tab [42], pilih [Viewfinder display (Paparan pemandang tilik)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Viewfinder level (Aras pemandang tilik)].



3 Pilih [Show (Paparkan)].

4 Tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Aras elektronik akan dipaparkan dalam pemandang tilik.
- Ia juga boleh berfungsi dengan penangkapan menegak.



Walaupun apabila condong dibetulkan, mungkin terdapat jidar selisih kira-kira $\pm 1^\circ$.

MENU Menetapkan Paparan Maklumat Pemidang tilik ☆

Tetapan fungsi tangkapan (Mod penangkapan, White balance, Mod pemacu, Operasi AF, Mod pemeteran, Kualiti imej: JPEG/RAW, Pengesanan kelipan) boleh dipaparkan dalam pemidang tilik. Secara lalai, hanya Pengesanan kelipan ditanda semak [✓].




1 Pilih [Viewfinder display (Paparan pemidang tilik)].

- Di bawah tab [F2], pilih [Viewfinder display (Paparan pemidang tilik)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Show/hide in viewfinder (Paparkan/sembunyi dalam pemidang tilik)].



3 Tanda semak [✓] maklumat untuk dipaparkan.

- Pilih maklumat untuk dipaparkan dan tekan <SET> untuk menambah tanda semak <✓>.
- Ulangi posedur ini untuk menambah tanda semak [✓] ke semua maklumat untuk dipaparkan. Kemudian pilih [OK].
- ▶ Apabila anda keluar dari menu, maklumat yang ditanda semak akan muncul dalam pemidang tilik (hlm.27).



Jika tiada kad dimasukkan di dalam kamera, kualiti rakaman imej tidak akan dipaparkan dalam pemidang tilik.




Apabila anda menekan butang <WB+AF> atau <DRIVE+AF>, kendalikan suis mod fokus lensa atau apabila lensa yang dilengkapi dengan pemfokusan manual elektronik digunakan dan AF/MF bertukar apabila gelang fokus lensa diputar (hlm.121), maklumat yang berkaitan akan muncul dalam pemidang tilik tidak kira sama ada ditanda semak atau tidak.


? Bantuan

Apabila [**INFO** Help (Bantuan)] dipaparkan di bahagian bawah skrin menu, penerangan ciri (Bantuan) boleh dipaparkan. Skrin Bantuan dipaparkan hanya semasa anda menahan butang <INFO.> ke bawah. Jika Bantuan mengisi lebih satu skrin, satu bar tatal akan muncul pada tepi kanan. Untuk menatal, tahan butang <INFO.> ke bawah dan putar dail <◁>.

● Contoh: [AF1: Case2]




INFO.




Bar tatal


● Contoh: [AF4: Orientation linked AF point (Titik AF berkaitan orientasi)]




INFO.



● Contoh: [3: Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)]



INFO.




2

Penangkapan Asas

Bab ini menerangkan bagaimana menggunakan mod $\langle \text{A}^+ \rangle$ (Latar Auto Pintar) Dail Mod untuk mengambil gambar dengan mudah.

Dengan mod $\langle \text{A}^+ \rangle$, anda hanya perlu halakan dan tangkap dan kamera menetapkan semuanya secara automatik (hlm.494). Di samping itu, untuk mengelakkan gambar buruk disebabkan oleh operasi yang silap, tetapan fungsi tangkapan lanjut tidak boleh ditukar.



Pengoptimum Pencahayaan Auto




Dalam mod $\langle \text{A}^+ \rangle$, Pengoptimum Pencahayaan Auto (hlm.177) akan melaraskan imej secara automatik untuk mendapatkan kecerahan dan kontras yang optimum. Ia juga boleh diaktifkan dengan lalai dalam mod $\langle \text{P} \rangle$, $\langle \text{Tv} \rangle$ atau $\langle \text{Av} \rangle$.

[A⁺] Penangkapan Automatik Penuh (Latar Auto Pintar)

<[A⁺]> ialah mod automatik sepenuhnya. Kamera menganalisis pemandangan dan menetapkan tetapan optimum secara automatik. Kamera juga melaraskan fokus secara automatik dengan mengesan sama ada subjek pegun atau bergerak (hlm.85).



Bingkai AF kawasan



Penunjuk fokus

1 Tetapkan Dail Mod ke <[A⁺]>.


- Putar Dail Mod sambil menahan butang pelepasan kunci pada bahagian tengah.

2 Sasarkan Bingkai AF kawasan terhadap subjek.

- Semua titik AF akan digunakan untuk fokus dan kamera akan memfokus pada objek yang paling dekat.
- Menyasarkan pusat Bingkai AF kawasan terhadap subjek akan memudahkan pemfokusan.

3 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Gelang fokus lensa akan berputar untuk memfokus.
- ▶ Semasa autofocus beroperasi, **<[AF]>** akan dipaparkan.
- ▶ Titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan. Pada masa yang sama, beeper akan berbunyi dan penunjuk fokus **<●>** akan menyala.
- ▶ Dalam cahaya malap, titik AF akan menyala merah sebentar.
- ▶ Jika perlu, denyar terbina dalam akan dinaikkan secara automatik.



4 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar.
- ▶ Imej yang ditangkap akan dipaparkan selama 2 saat pada monitor LCD.
- Selepas anda selesai menangkap, tekan ke bawah denyar terbina dalam dengan jari anda.



Mod  menjadikan warna kelihatan lebih mengagumkan dalam pemandangan semula jadi, luar dan matahari terbenam. Jika anda tidak mendapatkan ton warna yang diinginkan, tukar mod ke **<P>**, **<Tv>**, **<Av>** atau **<M>**, tetapkan Gaya Gambar selain daripada , kemudian menangkap sekali lagi (hlm.162).



SOALAN-SOALAN LAZIM

- **Penunjuk fokus  berkelip dan fokus tidak dicapai.**
Sasarkan Bingkai AF kawasan terhadap kawasan dengan kontras bagus, kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah (hlm.55). Jika anda terlalu dekat dengan subjek, jauhkan diri dan cuba semula.
- **Apabila fokus dicapai, titik AF tidak akan menyala merah.**
Titik AF menyala merah dalam keadaan cahaya malap.
- **Berbilang titik AF menyala secara serentak.**
Fokus telah dicapai pada semua titik tersebut. Selagi titik AF yang meliputi subjek yang diinginkan menyala, anda boleh mengambil gambar.
- **Beeper terus berbunyi dengan perlahan. (Penunjuk fokus  tidak menyala.)**
Ini menunjukkan kamera memfokus secara berterusan pada subjek yang bergerak. (Penunjuk fokus  tidak menyala.) Anda boleh mengambil gambar tajam subjek yang bergerak.
Perhatikan kunci fokus (hlm.85) tidak akan berfungsi dalam kes ini.

- **Menekan butang pengatup separuh ke bawah tidak memfokus pada subjek.**

Jika suis mod fokus pada lensa ditetapkan ke <MF> (fokus manual), tetapkan ia ke <AF> (autofokus).

- **Denyar menyala walaupun siang hari.**

Untuk subjek cahaya belakang, denyar mungkin menyala untuk membantu mencerahkan kawasan gelap subjek. Jika anda tidak mahu denyar menyala, gunakan Kawalan Cepat untuk menetapkan **[Flash firing (Nyalaan denyar)]** ke [☹] (hlm.61).

- **Denyar menyala dan gambar yang terhasil terlalu terang.**

Jauhi subjek dan tangkap. Apabila menangkap fotografi denyar, jika subjek terlalu dekat dengan kamera, gambar terhasil mungkin terlalu terang (pendedahan berlebihan).

- **Dalam cahaya malap, denyar terbina dalam menyala beberapa kelipan denyar.**

Menekan butang pengatup separuh ke bawah mungkin mengakibatkan denyar terbina dalam menyala beberapa kelipan denyar untuk membantu autofocus. Ini dipanggil sinar bantu AF (hlm.91). Julat berkesannya sejauh kira-kira 4 meter/13.1 kaki. Denyar terbina dalam akan berbunyi apabila bernyala berterusan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.

- **Apabila denyar digunakan, bahagian bawah gambar yang terhasil menjadi gelap secara tidak normal.**

Bayang corong lensa ditangkap dalam gambar kerana subjek terlalu dekat dengan kamera. Jauhi subjek dan tangkap. Jika tudung terpasang pada lensa, tanggalkannya sebelum mengambil gambar denyar.

[A⁺] Teknik Auto Penuh (Latar Auto Pintar)

Menggubah Semula Tangkapan



Bergantung kepada pemandangan, letakkan subjek ke arah kiri atau kanan untuk menghasilkan latar belakang yang seimbang dan perspektif yang baik.

Dalam mod <[A⁺]>, menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus subjek pegun akan mengunci fokus pada subjek. Gubah semula tangkapan sambil mengekalkan butang pengatup ditekan separuh ke bawah kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar. Ini dipanggil “kunci fokus”.


Menangkap Subjek Bergerak




Dalam mod <[A⁺]>, jika subjek bergerak (jarak dari kamera bertukar) sementara atau selepas anda memfokus, AF Servo AI akan berfungsi untuk memfokus subjek secara berterusan. (Beeper akan terus berbunyi dengan perlahan.) Selagi anda terus menyasarkan Bingkai AF kawasan terhadap subjek sementara menekan butang pengatup separuh ke bawah, pemfokusan akan berterusan. Apabila anda hendak mengambil gambar, tekan butang pengatup sepenuhnya.

Penangkapan Pandangan Langsung

Anda boleh menangkap sambil melihat imej pada monitor LCD. Ini dipanggil sebagai “Penangkapan Pandangan Langsung”. Untuk butiran, lihat halaman 291.




- 1 **Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ke .**




- 2 **Paparkan imej Pandangan Langsung pada monitor LCD.**

- Tekan butang <  >.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.



- 3 **Fokus pada subjek.**

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus.
- ▶ Apabila fokus tercapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.




- 4 **Ambil gambar.**

- Tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Gambar diambil dan imej yang ditangkap dipaparkan pada monitor LCD.
- ▶ Apabila paparan main balik berakhir, kamera akan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung secara automatik.
- Tekan butang <  > untuk memberhentikan penangkapan Pandangan Langsung.

3

Menetapkan AF dan Mod Pemacu



Titik AF dalam pemidang tilik disusun untuk menjadikan penangkapan AF sesuai untuk pelbagai subjek dan pemandangan.

Anda juga boleh memilih operasi AF dan mod pemacu yang paling sepadan dengan keadaan penangkapan dan subjek.


- Ikon ☆ pada sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menandakan fungsi yang hanya boleh digunakan dalam mod: **<P>** **<Tv>** **<Av>** **<M>** ****.
- Dalam mod **<A+>**, operasi AF dan mod pemilihan kawasan AF ditetapkan secara automatik.



<AF> singkatan untuk autofokus. **<MF>** singkatan untuk fokus manual.


AF: Memilih Operasi AF ☆

Anda boleh pilih ciri-ciri operasi AF untuk memenuhi keadaan penangkapan atau subjek. Dalam mod <A+>, "AF Fokus AI" ditetapkan secara automatik.




1 Tetapkan suis mod fokus lensa ke <AF>.

2 Tetapkan mod <P> <Tv> <Av> <M> .




3 Tekan butang <DRIVE•AF>. (6)



4 Pilih operasi AF.

- Semasa melihat panel LCD atau pemedang tilik, putar dail < >.
- ONE SHOT** : AF Tangkapan Tunggal
- AI FOCUS** : AF Fokus AI
- AI SERVO** : AF Servo AI



 Dalam mod <P>, <Tv>, <Av>, <M> atau , AF juga boleh dilakukan dengan menekan butang <AF-ON>.

AF Tangkapan Tunggal untuk Subjek Pegun



Titik AF

Penunjuk fokus

Sesuai untuk subjek pegun. Apabila anda tekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan fokus hanya sekali.

- Apabila fokus dicapai, titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan dan penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik juga akan menyala.
- Dengan pemeteran penilaian (hlm.226), tetapan pendedahan akan ditetapkan pada masa yang sama apabila fokus dicapai.
- Semasa anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, fokus akan dikunci. Anda kemudiannya boleh menggubah semula tangkapan jika diinginkan.



- Jika fokus tidak dapat dicapai, lampu penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik akan berkelip. Jika ini berlaku, gambar tidak boleh diambil walaupun jika butang pengatup ditekan sepenuhnya. Gubah semula tangkapan dan cuba fokus semula atau lihat “Jika Autofokus Gagal” (hlm.141).
- Jika [📷 1: Beep (Bip)] ditetapkan pada [Disable (Lumpuhkan)], beeper tidak akan berbunyi apabila fokus dicapai.
- Selepas mencapai fokus dengan AF Tangkapan Tunggal, anda boleh mengunci fokus pada subjek dan menggubah semula tangkapan. Ini dipanggil “kunci fokus”. Ini memudahkan apabila anda hendak fokus pada subjek persisian yang tidak diliputi oleh Bingkai AF kawasan.

AF Servo AI untuk Subjek Bergerak

Operasi AF ini sesuai dengan subjek bergerak apabila jarak pemfokusan berubah-ubah. Sementara anda menahan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan terus memfokus pada subjek secara berterusan.

- Pendedahan ditetapkan pada masa gambar diambil.
- Apabila mod pemilihan kawasan AF (hlm.92) ditetapkan ke AF pemilihan automatik 65 titik, pengesanan fokus akan berterusan selagi Bingkai AF kawasan meliputi subjek.

 Dengan AF Servo AI, beeper tidak akan berbunyi walaupun ketika fokus dicapai. Malah, lampu penunjuk fokus <●> dalam peminjang tilik tidak akan menyala.

AF Fokus AI untuk Menukar Operasi AF secara Automatik

AF Fokus AI menukar operasi AF dari AF Tangkapan Tunggal ke AF Servo AI secara automatik jika subjek pegun mula bergerak.

- Selepas subjek difokus dalam AF Tangkapan Tunggal, jika subjek mula bergerak, kamera akan mengesan pergerakan itu, menukar operasi AF secara automatik ke AF Servo AI dan terus mengesan subjek yang bergerak.

 Apabila fokus dicapai dengan AF Fokus AI dengan operasi Servo aktif, beeper akan terus berbunyi perlahan. Walau bagaimanapun, lampu penunjuk fokus <●> dalam peminjang tilik tidak akan menyala. Ambil perhatian bahawa fokus tidak akan dikunci dalam kes ini.

Penunjuk operasi AF



Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kamera sedang memfokus dengan AF, ikon <AF> akan muncul pada sebelah kanan bahagian bawah pemidang tilik.

Dalam mod AF Tangkapan Tunggal, ikon juga muncul jika anda tekan butang pengatup separuh ke bawah selepas fokus dicapai.



Penunjuk operasi AF boleh dipaparkan di luar kawasan imej pemidang tilik (hlm.134).

Titik AF Menyala Merah

Titik AF menyala merah dalam keadaan cahaya malap. Dalam mod <P>, <Tv>, <Av>, <M> atau , anda boleh menetapkan sama ada titik AF menyala merah atau tidak (hlm.133).

Sinar Bantu AF dengan Denyar Terbina Dalam

Dalam keadaan cahaya malap, apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, denyar terbina dalam mungkin menyalakan kelipan denyar sekejap. Denyar tersebut menerangi subjek untuk membantu autofokus.



- Dalam mod <A+>, jika [Flash firing (Nyalaaan denyar)] ditetapkan kepada <ON>, denyar terbina dalam tidak akan memancarkan sinar bantu AF.
- Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan dengan operasi AF Servo AI.
- Denyar terbina dalam akan berbunyi apabila bernyala berterusan. Ini perkara biasa dan bukan kepincangan.



- Julat berkesan sinar bantu AF dipancarkan oleh denyar terbina dalam adalah kira-kira 4 meter/13.1 kaki.
- Dalam mod <P>, <Tv>, <Av>, <M> atau , tekan butang <L> untuk menaikkan denyar terbina dalam. Kemudian ia akan menyalakan sinar bantu AF apabila diperlukan.


Memilih Kawasan AF dan Titik AF ☆

Kamera mempunyai 65 titik AF untuk autofokus. Anda boleh memilih mod pemilihan kawasan AF dan titik AF yang sesuai dengan pemandangan atau subjek.

 **Bergantung kepada lensa yang terpasang pada kamera, bilangan titik AF yang boleh digunakan dan corak titik AF akan berbeza. Untuk butiran, lihat “Lensa dan Titik AF yang Boleh Digunakan” pada halaman 102.**


Mod Pemilihan Kawasan AF

Anda boleh memilih salah satu daripada tujuh mod pemilihan kawasan AF. Untuk prosedur tetapan, lihat halaman 94.




Spot AF Titik Tunggal (Pemilihan manual)

Untuk pemfokusan penentuan.




AF Titik tunggal (Pemilihan manual)

Pilih satu titik AF untuk fokus.




Pengembangan titik AF (Pemilihan manual)

Titik AF yang dipilih secara manual </> dan empat titik AF bersebelahan </> (atas, bawah, sebelah kiri dan sebelah kanan) digunakan untuk fokus.




Pengembangan titik AF **(Pemilihan manual, titik sekitar)**

Titik AF yang dipilih secara manual <□> dan titik AF sekitar <◻> digunakan untuk fokus.




AF Zon **(Pemilihan zon secara manual)**

Salah satu daripada sembilan zon digunakan untuk fokus.




AF Zon Besar **(Pemilihan zon secara manual)**

Salah satu daripada tiga zon (kiri, tengah atau kanan) digunakan untuk fokus.




 **AF pemilihan automatik 65 titik**
 Bingkai AF kawasan (seluruh kawasan AF) digunakan untuk fokus. **Mod ini ditetapkan secara automatik dalam mod <A⁺>.**


Memilih Mod Pemilihan Kawasan AF



1 Tekan butang <☐>. (🕒6)



2 Kendalikan butang <🕒> atau <M-Fn>.




- Melihat melalui pemidang tilik dan mengendalikan butang <🕒> atau <M-Fn>.
- Setiap kali anda condongkan <🕒> ke kanan, mod pemilihan kawasan AF bertukar.
- Setiap kali anda menekan butang <M-Fn>, mod pemilihan kawasan AF bertukar.

- Dengan [**AF4: Select AF area selec. mode (Pilih mod pemilihan kawasan AF)**], anda boleh menghadkan mod pemilihan kawasan AF yang boleh dipilih (hlm.126).
- Jika anda tetapkan [**AF4: AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)**] ke [☐ → Main Dial (☐ → Dail Utama)], anda boleh pilih mod pemilihan kawasan AF dengan menekan butang <☐>, kemudian putar dail <🕒> (hlm.127).


Memilih Titik AF secara Manual

Anda boleh memilih titik AF atau zon AF secara manual.




1 Tekan butang <☐>.

- ▶ Titik AF akan dipaparkan dalam pemidang tilik.
- Dalam mod pengembangan titik AF, titik AF bersebelahan juga akan dipaparkan.
- Dalam mod AF Zon, zon yang dipilih akan dipaparkan.



2 Pilih titik AF.

- Pemilihan titik AF akan bertukar mengikut arah anda mencondong <☐>. Jika anda tekan <☐> ke bawah, titik AF tengah (atau zon tengah) akan dipilih.
- Anda juga boleh memilih titik AF mendatar dengan putar dail <☐> dan memilih titik AF menegak dengan putar dail <☐>.
- Dalam mod AF Zon, memutar dail <☐> atau <☐> akan menukarkan zon dalam urutan gelungan.



- Apabila [**AF4: Initial AF pt.**, ☐ **AI Servo AF (Titik AF awal, ☐ AF Servo AI)**] ditetapkan kepada [**Initial ☐ AF pt selected (Titik AF awal dipilih)**] (hlm.129), anda boleh menggunakan kaedah ini untuk memilih posisi permulaan AF Servo AI secara manual.
- Apabila anda menekan butang <☐>, panel LCD memaparkan yang berikut:
 - 65-point automatic selection AF (AF pemilihan automatik 65 titik), Zone AF (AF Zon), Large Zone AF (AF Zon Besar): [**☐☐ AF**]
 - Single-point Spot AF (Spot AF titik tunggal), Single-point AF (AF titik tunggal) dan AF point expansion (Pengembangan titik AF): **SEL [☐]** (Pusat)/**SEL AF** (Bukan Pusat)
- Dengan [**AF5: Manual AF pt. selec. pattern (Corak pemilihan titik AF manual)**], anda boleh menetapkan sama ada [**Stops at AF area edges (Berhenti di tepi kawasan AF)**] atau [**Continuous (Berterusan)**] (hlm.131).

Penunjuk Paparan Titik AF

Menekan butang <> menyalakan titik AF iaitu titik AF jenis silang untuk autofokus ketepatan tinggi. Titik AF yang berkelip sensitif kepada garisan mendatar atau menegak. Untuk butiran, lihat halaman 101-105.

Mendaftarkan titik AF

Anda boleh mendaftar titik AF yang sering digunakan pada kamera. Apabila anda menggunakan butang atau tuas yang ditetapkan dengan skrin tetapan butiran menu [.3: **Custom Controls (Kawalan Tersuai)**] (hlm.458) untuk [**Metering and AF start (Permulaan pemeteran dan AF)**], [**Switch to registered AF point (Tukar ke titik AF berdaftar)**], [**Selected AFpt ⇌ Cent/Reg AFpt (Titik AF dipilih ⇌ Titik AF tengah/berdaftar)**], [**Direct AF point selection (Pemilihan titik AF secara langsung)**] atau [**Register/recall shooting func (Daftar/ambil semula fungsi tangkapan)**], anda boleh segera menukar dari titik AF semasa kepada titik AF berdaftar.

Untuk butiran tentang pendaftaran titik AF, lihat halaman 463.

Mod Pemilihan Kawasan AF ☆

▣ Spot AF titik tunggal (Pemilihan manual)



Untuk pemfokusan penentuan kepada kawasan yang lebih sempit daripada dengan AF titik tunggal (pemilihan manual). Pilih satu titik AF <▣> untuk fokus.

Berkesan untuk subjek pemfokusan penentuan atau tindaian pemfokusan seperti binatang di dalam sangkar.

Memandangkan Spot AF titik tunggal (pemilihan manual) meliputi kawasan yang sangat sempit, pemfokusan mungkin susah semasa penangkapan pegangan atau untuk subjek yang bergerak.

□ AF titik tunggal (Pemilihan manual)



Pilih satu titik AF <□> untuk digunakan untuk memfokus.

▣▣ Pengembangan titik AF (Pemilihan manual-▣▣)

Titik AF yang dipilih secara manual <▣> dan titik AF bersebelahan <▣▣> (atas, bawah, sebelah kiri dan sebelah kanan) digunakan untuk fokus. Berkesan apabila sangat susah untuk mengesan subjek bergerak dengan hanya satu titik AF.

Dengan AF Servo AI, titik AF yang awal dipilih secara manual <▣> mesti mengesan fokus pada subjek terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, ia lebih baik daripada AF Zon dalam pemfokusan pada subjek sasaran. Dengan AF Tangkapan Tunggal, apabila fokus dicapai dengan titik AF dikembangkan, titik AF yang dikembangkan <▣▣> juga akan dipaparkan bersama dengan titik AF yang dipilih secara manual <▣>.



Pengembangan titik AF (Pemilihan manual, titik sekitar)


Titik AF dipilih secara manual <□> dan titik AF sekitar <◻> digunakan untuk fokus. Pengembangan titik AF lebih besar daripada dengan pengembangan titik AF (pemilihan manual ◻◻◻), maka pemfokusan dilakukan pada kawasan yang lebih lebar. Berkesan apabila sangat susah untuk mengesan subjek bergerak dengan hanya satu titik AF. AF Servo AI dan AF Tangkapan Tunggal berfungsi dengan cara yang sama seperti mod pengembangan titik AF (pemilihan manual ◻◻◻) (hlm.97).



AF Zon (Pemilihan zon secara manual)

Kawasan AF dibahagikan kepada sembilan zon pemfokusan untuk memfokus. Semua titik AF dalam zon yang dipilih akan digunakan untuk pemilihan titik AF secara automatik. Ia lebih baik dari AF titik tunggal atau pengembangan titik AF dalam mencapai fokus dan ia berkesan untuk subjek bergerak.

Walau bagaimanapun, kerana ia cenderung fokus pada subjek terdekat, memfokus pada sasaran tertentu mungkin lebih sukar berbanding dengan AF titik tunggal atau pengembangan titik AF. Titik AF yang mencapai fokus dipaparkan sebagai <□>.



() AF Zon Besar (Pemilihan zon secara manual)

Kawasan AF dibahagikan kepada tiga zon pemfokusan (kiri, tengah dan kanan) untuk memfokus. Memandangkan kawasan pemfokusan lebih besar berbanding dengan AF Zon, ia lebih baik dalam memfokus pada subjek. Memandangkan AF pemilihan auto digunakan, ia lebih baik daripada AF titik tunggal atau pengembangan titik AF dalam mencapai fokus, menjadikan ia berkesan untuk subjek bergerak. Walau bagaimanapun, kerana ia cenderung fokus pada subjek terdekat, memfokus pada sasaran tertentu mungkin lebih sukar berbanding dengan AF titik tunggal.

Titik AF yang mencapai fokus dipaparkan sebagai <□>.




() AF pemilihan automatik 65 titik

Bingkai AF kawasan (seluruh kawasan AF) digunakan untuk fokus. Mod ini ditetapkan secara automatik dalam mod <A+>.



Dengan AF Tangkapan Tunggal, menekan butang pengatup separuh ke bawah akan memaparkan titik AF <□> yang mencapai fokus. Jika berbilang titik AF dipaparkan, ini bermakna semuanya telah mencapai fokus. Mod ini cenderung fokus pada subjek terdekat.



Dengan AF Servo AI, anda boleh menetapkan posisi permulaan AF Servo AI dengan [Initial AF pt, () AI Servo AF (Titik AF awal, () AF Servo AI)] (hlm.129). Selagi Bingkai AF kawasan boleh mengesan subjek semasa penangkapan, pemfokusan akan berterusan.

Titik AF yang mencapai fokus dipaparkan sebagai <□>.



- Apabila mod AF Servo AI ditetapkan dengan AF pemilihan automatik 65 titik, AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) atau AF Zon (pemilihan zon secara manual), titik AF aktif <□> akan terus bertukar untuk mengesan subjek. Walau bagaimanapun, dalam keadaan penangkapan tertentu (contohnya apabila subjek adalah kecil), ia mungkin tidak mampu untuk mengesan subjek. Selain itu, pada suhu yang rendah, respons pengesanan mungkin menjadi lebih perlahan.
- Dengan Spot AF titik tunggal (pemilihan manual), pemfokusan dengan sinar bantu AF Speedlite mungkin sukar.
- Jika titik AF persisian atau lensa sudut lebar digunakan, mencapai fokus mungkin susah dengan sinar bantu AF Speedlite luaran yang khusus untuk EOS. Dalam kes ini, gunakan titik AF yang lebih dekat dengan pusat.
- Apabila titik AF menyala, sebahagian atau kesemua pemicang titik mungkin menyala merah. Ini merupakan ciri-ciri paparan titik AF (menggunakan kristal cecair).
- Dalam suhu rendah, paparan titik AF mungkin susah dilihat. Ini merupakan ciri-ciri paparan titik AF (menggunakan kristal cecair).



- Dengan [**AF4: Orientation linked AF point (Titik AF berkaitan orientasi)**], anda boleh menetapkan mod pemilihan kawasan AF + titik AF (atau hanya titik AF) secara berasingan untuk orientasi mendatar dan menegak (hlm.127).
- Dengan [**AF4: Selectable AF point (Titik AF boleh dipilih)**], anda boleh menukar bilangan titik AF yang boleh dipilih secara manual (hlm.125).


Pengesan AF

Pengesan AF kamera mempunyai 65 titik AF. Ilustrasi di bawah menunjukkan corak pengesan AF yang sepadan dengan setiap titik AF. Dengan lensa apertur maksimum $f/2.8$ atau lebih besar, AF ketepatan tinggi boleh berlaku dengan titik AF tengah.

Bergantung kepada lensa yang terpasang pada kamera, bilangan titik AF yang boleh digunakan dan corak AF akan berbeza. Untuk butiran, lihat halaman 102-109.

**Gambar
raja**


Pemfokusan jenis silang: $f/5.6$ menegak + $f/5.6$ mendatar



Pemfokusan jenis silang dual:

$f/2.8$ pepenjur kanan + $f/2.8$ pepenjur kiri

$f/5.6$ menegak + $f/5.6$ mendatar

	Pengesan fokus ini bertujuan untuk mendapatkan pemfokusan ketepatan yang lebih tinggi dengan lensa apertur maksimum $f/2.8$ atau lebih besar. Corak silang pepenjur memudahkan memfokus pada subjek yang susah untuk AF. Ia disediakan di tengah titik AF.
	Pengesan fokus ini bertujuan untuk lensa apertur maksimum $f/5.6$ atau lebih besar. Memandangkan mempunyai corak mendatar, ia boleh mengesan garisan menegak. Ia meliputi kesemua 65 titik AF. Titik AF tengah dan titik AF bersebelahan di atas dan di bawah bersesuaian dengan lensa apertur maksimum $f/8$ atau lebih besar.
	Pengesan fokus ini bertujuan untuk lensa apertur maksimum $f/5.6$ atau lebih besar. Memandangkan mempunyai corak menegak, ia boleh mengesan garisan mendatar. Ia meliputi kesemua 65 titik AF. Titik AF tengah dan titik AF bersebelahan di sebelah kiri dan di sebelah kanan bersesuaian dengan lensa apertur maksimum $f/8$ atau lebih besar.

Lensa dan Titik AF Boleh Digunakan




- Walaupun kamera mempunyai 65 titik AF, **bilangan titik AF yang boleh digunakan dan corak pemfokusan akan berbeza bergantung kepada lensa. Dengan itu, lensa dikelaskan kepada tujuh kumpulan dari A ke G.**
- Apabila menggunakan lensa dalam Kumpulan E ke G, semakin kurang titik AF boleh digunakan.
- **Lihat setiap lensa tergolong dalam kumpulan mana pada halaman 106-109. Semak lensa yang sedang digunakan tergolong dalam kumpulan mana.**



- Apabila anda tekan butang , titik AF yang ditunjukkan dengan tanda  akan berkelip (Titik AF / akan kekal menyala). Berkenaan titik AF yang bernyala atau berkelip, lihat halaman 96.
- Mengenai lensa-lensa baru yang dipasarkan selepas permulaan penjualan EOS 7D Mark II pada separuh tahun 2014 kedua, semak laman web Canon untuk melihat ia tergolong dalam kumpulan yang mana.
- Sesetengah lensa mungkin tidak tersedia di negara dan rantau yang tertentu.

Kumpulan A


Autofokus dengan 65 titik boleh dilakukan. Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih.



- : Titik AF jenis silang dual. Pengesanan subjek adalah hebat dan ketepatan pemfokusan adalah lebih tinggi berbanding dengan titik AF yang lain.
- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.

Kumpulan B


Autofokus dengan 65 titik boleh dilakukan. Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.

Kumpulan C


Autofokus dengan 65 titik boleh dilakukan. Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.
- : Titik AF sensitif kepada garisan mendatar.

Kumpulan D


Autofokus dengan 65 titik boleh dilakukan. Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.
- : Titik AF sensitif kepada garisan mendatar.

Kumpulan E


Autofokus dengan 45 titik boleh dilakukan. (Tidak boleh dengan kesemua 65 titik AF.) Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih. Semasa pemilihan titik AF secara automatik, bingkai luar yang menandakan kawasan AF (Bingkai AF kawasan) akan berbeza dengan AF pemilihan automatik 65 titik.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.
- : Titik AF sensitif kepada garisan mendatar.
- : Lumpuhkan titik AF (tidak dipaparkan).

Kumpulan F

Autofokus dengan 45 titik boleh dilakukan. (Tidak boleh dengan kesemua 65 titik AF.) Semua mod pemilihan kawasan AF boleh dipilih. Semasa pemilihan titik AF secara automatik, bingkai luar yang menandakan kawasan AF (Bingkai AF kawasan) akan berbeza dengan AF pemilihan automatik 65 titik.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.
- : Titik AF sensitif kepada garisan menegak (titik AF dalam susunan mendatar pada bahagian atas dan bawah) atau garisan mendatar (titik AF dalam susunan menegak pada sebelah kiri dan kanan).
- : Lumpuhkan titik AF (tidak dipaparkan).

Kumpulan G

AF boleh berlaku dengan titik AF tengah dan titik AF bersebelahan di atas, bawah, sebelah kiri dan sebelah kanan. Hanya mod pemilihan kawasan AF seperti berikut boleh dipilih: AF Titik tunggal (pemilihan manual), Spot AF titik tunggal (pemilihan manual) dan pengembangan titik AF (pemilihan manual $\square$).

Jika Penyambung terpasang pada lensa dan apertur maksimum adalah $f/8$ (antara $f/5.6$ sehingga $f/8$), AF boleh berlaku.



- : Titik AF jenis silang. Pengesanan subjek adalah hebat dan pemfokusan ketepatan tinggi dicapai.
- : Titik AF sensitif kepada garisan menegak (titik AF di atas dan bawah yang bersebelahan dengan titik AF pusat) atau garisan mendatar (titik AF di sebelah kiri dan kanan yang bersebelahan dengan titik AF pusat). Tidak boleh dipilih secara manual. Hanya berkesan apabila “pengembangan titik AF (pemilihan manual $\square$)” dipilih.
- : Lumpuhkan titik AF (tidak dipaparkan).



- Jika apertur maksimum adalah lebih kecil daripada $f/5.6$ (nombor apertur maksimum adalah antara $f/5.6$ dan $f/8$), fokus mungkin tidak dapat dicapai dengan AF apabila menangkap subjek yang mempunyai kontras rendah atau cahaya malap.
- Apabila Penyambung EF2x terpasang pada lensa EF180mm $f/3.5L$ Macro USM, AF tidak berfungsi.
- Jika apertur maksimum lebih kecil daripada $f/8$ (nombor apertur maksimum melebihi $f/8$), AF tidak berfungsi semasa penangkapan pemedang tilik.

Penetapan Kumpulan Lensa

EF-S60mm f/2.8 Macro USM	B
EF-S10-18mm f/4.5-5.6 IS STM	BM
EF-S10-22mm f/3.5-4.5 USM	C
EF-S15-85mm f/3.5-5.6 IS USM	B
EF-S17-55mm f/2.8 IS USM	A
EF-S17-85mm f/4-5.6 IS USM	B
EF-S18-55mm f/3.5-5.6	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 USM	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 II	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 II USM	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 III	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS II	C
EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS STM	C
EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS	B
EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM	B
EF-S18-200mm f/3.5-5.6 IS	B
EF-S55-250mm f/4-5.6 IS	B
EF-S55-250mm f/4-5.6 IS II	B
EF-S55-250mm f/4-5.6 IS STM	B
EF14mm f/2.8L USM	A
EF14mm f/2.8L II USM	A
EF15mm f/2.8 Fisheye	A
EF20mm f/2.8 USM	A
EF24mm f/1.4L USM	A
EF24mm f/1.4L II USM	A
EF24mm f/2.8	A
EF24mm f/2.8 IS USM	A
EF28mm f/1.8 USM	A
EF28mm f/2.8	A
EF28mm f/2.8 IS USM	A
EF35mm f/1.4L USM	A
EF35mm f/2	A
EF35mm f/2 IS USM	A
EF40mm f/2.8 STM	A
EF50mm f/1.0L USM	A
EF50mm f/1.2L USM	A
EF50mm f/1.4 USM	A
EF50mm f/1.8	A
EF50mm f/1.8 II	A
EF50mm f/2.5 Compact Macro	B
EF50mm f/2.5 Compact Macro + LIFE SIZE Converter	B
EF85mm f/1.2L USM	A

EF85mm f/1.2L II USM	A
EF85mm f/1.8 USM	A
EF100mm f/2 USM	A
EF100mm f/2.8 Macro	B
EF100mm f/2.8 Macro USM	BM
EF100mm f/2.8L Macro IS USM	B
EF135mm f/2L USM	A
EF135mm f/2L USM + Penyambung EF1.4x	A
EF135mm f/2L USM + Penyambung	B
EF135mm f/2.8 (Fokus lembut)	A
EF180mm f/3.5L Macro USM	B
EF180mm f/3.5L Macro USM + Penyambung EF1.4x	F
EF200mm f/1.8L USM	A
EF200mm f/1.8L USM + Penyambung EF1.4x	A*
EF200mm f/1.8L USM + Penyambung	B*
EF200mm f/2L IS USM	A
EF200mm f/2L IS USM + Penyambung EF1.4x	A
EF200mm f/2L IS USM + Penyambung EF2x	B
EF200mm f/2.8L USM	A
EF200mm f/2.8L USM + Penyambung EF1.4x	B
EF200mm f/2.8L USM + Penyambung EF2x	B
EF200mm f/2.8L II USM	A
EF200mm f/2.8L II USM + Penyambung EF1.4x	B
EF200mm f/2.8L II USM + Penyambung EF2x	B
EF300mm f/2.8L USM	A
EF300mm f/2.8L USM + Penyambung EF1.4x	B*
EF300mm f/2.8L USM + Penyambung EF2x	B*
EF300mm f/2.8L IS USM	A
EF300mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF1.4x	B
EF300mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF2x	B
EF300mm f/2.8L IS II USM	A

EF300mm f/2.8L IS II USM + Penyambung EF1.4x	B	EF500mm f/4L IS II USM	B
EF300mm f/2.8L IS II USM + Penyambung EF2x	B	EF500mm f/4L IS II USM + Penyambung EF1.4x	B
EF300mm f/4L USM	B	EF500mm f/4L IS II USM + Penyambung EF2x	G (f/8)
EF300mm f/4L USM + Penyambung EF1.4x	B	EF500mm f/4.5L USM	B
EF300mm f/4L USM + Penyambung	G (f/8)	EF500mm f/4.5L USM + Penyambung EF1.4x	G (f/8)*
EF300mm f/4L IS USM	B	EF600mm f/4L USM	B
EF300mm f/4L IS USM + Penyambung EF1.4x	B	EF600mm f/4L USM + Penyambung EF1.4x	B*
EF300mm f/4L IS USM + Penyambung EF2x	G (f/8)	EF600mm f/4L USM + Penyambung	G (f/8)*
EF400mm f/2.8L USM	A	EF600mm f/4L IS USM	B
EF400mm f/2.8L USM + Penyambung EF1.4x	B*	EF600mm f/4L IS USM + Penyambung EF1.4x	B
EF400mm f/2.8L USM + Penyambung EF2x	B*	EF600mm f/4L IS USM + Penyambung EF2x	G (f/8)
EF400mm f/2.8L II USM	A	EF600mm f/4L IS II USM	B
EF400mm f/2.8L II USM + Penyambung EF1.4x	B*	EF600mm f/4L IS II USM + Penyambung EF1.4x	B
EF400mm f/2.8L II USM + Penyambung EF2x	B*	EF600mm f/4L IS II USM + Penyambung EF2x	G (f/8)
EF400mm f/2.8L IS USM	A	EF800mm f/5.6L IS USM	BM
EF400mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF1.4x	B	EF800mm f/5.6L IS USM + Penyambung EF1.4x	G (f/8)
EF400mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF2x	B	EF1200mm f/5.6L USM	BM
EF-S17-55mm f/2.8L IS USM	A	EF1200mm f/5.6L USM + Penyambung EF1.4x	G (f/8)*
EF-S17-55mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF1.4x	B	EF8-15mm f/4L Fisheye USM	B
EF-S17-55mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF2x	B	EF16-35mm f/2.8L USM	A
EF400mm f/4 DO IS USM	B	EF16-35mm f/2.8L II USM	A
EF400mm f/4 DO IS USM + Penyambung EF1.4x	B	EF16-35mm f/4L IS USM	B
EF400mm f/4 DO IS USM + Penyambung EF2x	G (f/8)	EF17-35mm f/2.8L USM	A
EF-S10-22mm f/5-5.6 USM	B	EF17-40mm f/4L USM	B
EF-S10-22mm f/5-5.6 USM + Penyambung EF1.4x	G (f/8)	EF20-35mm f/2.8L	A
EF500mm f/4L IS USM	B	EF20-35mm f/3.5-4.5 USM	C
EF500mm f/4L IS USM + Penyambung EF1.4x	B	EF22-55mm f/4-5.6 USM	F
EF500mm f/4L IS USM + Penyambung EF2x	G (f/8)	EF24-70mm f/2.8L USM	A
		EF24-70mm f/2.8L II USM	A
		EF24-70mm f/4L IS USM	B
		EF24-85mm f/3.5-4.5 USM	D
		EF24-105mm f/4L IS USM	B
		EF28-70mm f/2.8L USM	A
		EF28-70mm f/3.5-4.5	BM
		EF28-70mm f/3.5-4.5 II	BM

EF28-80mm f/2.8-4L USM	B
EF28-80mm f/3.5-5.6	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 USM	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 II	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 II USM	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 III USM	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 IV USM	BM
EF28-80mm f/3.5-5.6 V USM	BM
EF28-90mm f/4-5.6	B
EF28-90mm f/4-5.6 USM	B
EF28-90mm f/4-5.6 II	B
EF28-90mm f/4-5.6 II USM	B
EF28-90mm f/4-5.6 III	B
EF28-105mm f/3.5-4.5 USM	B
EF28-105mm f/3.5-4.5 II USM	B
EF28-105mm f/4-5.6	F
EF28-105mm f/4-5.6 USM	F
EF28-135mm f/3.5-5.6 IS USM	B
EF28-200mm f/3.5-5.6	B
EF28-200mm f/3.5-5.6 USM	B
EF28-300mm f/3.5-5.6L IS USM	B
EF35-70mm f/3.5-4.5	BM
EF35-70mm f/3.5-4.5A	BM
EF35-80mm f/4-5.6	F
EF35-80mm f/4-5.6 PZ	BM
EF35-80mm f/4-5.6 USM	F
EF35-80mm f/4-5.6 II	BM
EF35-80mm f/4-5.6 III	F
EF35-105mm f/3.5-4.5	B
EF35-105mm f/4.5-5.6	G
EF35-105mm f/4.5-5.6 USM	G
EF35-135mm f/3.5-4.5	B
EF35-135mm f/4-5.6 USM	C
EF35-350mm f/3.5-5.6L USM	D
EF38-76mm f/4.5-5.6	BM
EF50-200mm f/3.5-4.5	B
EF50-200mm f/3.5-4.5L	B
EF55-200mm f/4.5-5.6 USM	D
EF55-200mm f/4.5-5.6 II USM	D
EF70-200mm f/2.8L USM	A
EF70-200mm f/2.8L USM + Penyambung EF1.4x	B*
EF70-200mm f/2.8L USM + Penyambung EF2x	B*
EF70-200mm f/2.8L IS USM	A

EF70-200mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF1.4x	B
EF70-200mm f/2.8L IS USM + Penyambung EF2x	B
EF70-200mm f/2.8L IS II USM	A
EF70-200mm f/2.8L IS II USM + Penyambung EF1.4x	B
EF70-200mm f/2.8L IS II USM + Penyambung EF2x	B
EF70-200mm f/4L USM	B
EF70-200mm f/4L USM + Penyambung EF1.4x	B
EF70-200mm f/4L USM + Penyambung EF2x	G (f/8)
EF70-200mm f/4L IS USM	B
EF70-200mm f/4L IS USM + Penyambung EF1.4x	B
EF70-200mm f/4L IS USM + Penyambung EF2x	G (f/8)
EF70-210mm f/3.5-4.5 USM	B
EF70-210mm f/4	B
EF70-300mm f/4-5.6 IS USM	B
EF70-300mm f/4-5.6L IS USM	B
EF70-300mm f/4.5-5.6 DO IS USM	B
EF75-300mm f/4-5.6	B
EF75-300mm f/4-5.6 USM	C
EF75-300mm f/4-5.6 II	B
EF75-300mm f/4-5.6 II USM	B
EF75-300mm f/4-5.6 III	B
EF75-300mm f/4-5.6 III USM	B
EF75-300mm f/4-5.6 IS USM	B
EF80-200mm f/2.8L	A
EF80-200mm f/4.5-5.6	D
EF80-200mm f/4.5-5.6 USM	BM
EF80-200mm f/4.5-5.6 II	BM
EF90-300mm f/4.5-5.6	D
EF90-300mm f/4.5-5.6 USM	D
EF100-200mm f/4.5A	B
EF100-300mm f/4.5-5.6 USM	C
EF100-300mm f/5.6	B
EF100-300mm f/5.6L	B
EF100-400mm f/4.5-5.6L IS USM	B
EF100-400mm f/4.5-5.6L IS USM + Penyambung EF1.4x	G (f/8)

EF200-400mm f/4L IS USM Penyambung 1.4x	B
EF200-400mm f/4L IS USM Penyambung 1.4x: Dengan Penyambung terbina dalam 1.4x	B
EF200-400mm f/4L IS USM Penyambung 1.4x + Penyambung EF1.4x	B
EF200-400mm f/4L IS USM Penyambung 1.4x: Dengan Penyambung terbina dalam 1.4x + Penyambung EF1.4x	G (f/8)
EF200-400mm f/4L IS USM Penyambung 1.4x + Penyambung EF2x	G (f/8)
TS-E17mm f/4L	B
TS-E24mm f/3.5L	B
TS-E24mm f/3.5L II	B
TS-E45mm f/2.8	A
TS-E90mm f/2.8	A




Apabila menggunakan lensa dan Penyambung secara bersama-sama seperti gabungan yang bertanda *, fokus yang tepat mungkin tidak dapat dicapai dengan AF. Rujuk kepada manual arahan lensa atau Penyambung yang digunakan.



Kedua-dua “Penyambung EF1.4x” dan “Penyambung EF2x” digunakan untuk semua model I/II/III (di bawah kumpulan ini).

MENU Memilih Ciri-ciri AF Servo AI ☆

Anda boleh dengan mudah menala halus AF Servo AI untuk menyesuaikan dengan subjek atau pemandangan tertentu dengan hanya memilih satu pilihan dari kes 1 hingga kes 6. Ciri ini dipanggil “Alat Konfigurasi AF.”



1 Pilih tab [AF1].

2 Pilih kes.


- Putar dial <⌚> untuk memilih ikon kes, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Kes yang dipilih akan ditetapkan. Kes yang dipilih ditunjukkan dalam warna biru.

Case 1 hingga 6

Seperti yang dijelaskan pada halaman 115 hingga 117, Case 1 hingga 6 adalah enam gabungan tetapan bagi “Sensitiviti pengesanan”, “Pengesanan pecutan/nyahpecutan” dan “penukaran auto titik AF”. Rujuk kepada jadual di bawah untuk memilih kes yang boleh diaplikasi kepada subjek atau pemandangan.

Kes	Ikon	Perihalannya	Subjek yang boleh diaplikasi	Halaman
Case 1		Tetapan berbilang fungsi serba guna	Untuk sebarang subjek yang bergerak.	111
Case 2		Terus mengesan subjek, mengabaikan halangan yang mungkin berlaku	Pemain tenis, perenang gaya kupu-kupu, pemain ski gaya bebas, dll.	111
Case 3		Fokus segera pada subjek yang tiba-tiba memasuki titik AF	Garis permulaan perlumbaan basikal, pemain ski alpin yang turun bukit, dll.	112
Case 4		Untuk subjek yang mempercepat atau memperlambat dengan pantas	Bola sepak, sukan motor, bola keranjang, dll.	112
Case 5		Untuk subjek yang bergerak cepat secara tidak menentu ke mana-mana arah (lumpuh dalam mod AF titik tunggal)	Pemain kasut roda dll.	113
Case 6		Untuk subjek yang mengubah kelajuan dan bergerak secara tidak menentu (lumpuh dalam mod AF titik tunggal)	Gimnastik berirama dll.	114

Case 1: Tetapan berbilang fungsi serba guna




Tetapan lalai

- Sensitiviti pengesanan: 0
- Pengesanan pecutan/nyahpeccutan: 0
- Penukaran auto titik AF: 0

Tetapan standard sesuai untuk sebarang subjek bergerak. Berkesan untuk banyak subjek dan pemandangan.

Pilih [Case 2] hingga [Case 6] untuk yang berikut: Apabila halangan merentasi titik AF atau subjek cenderung menyimpang dari titik AF, apabila anda mahu memfokus pada subjek yang muncul secara tiba-tiba, apabila kelajuan subjek yang bergerak berubah secara tiba-tiba atau apabila subjek bergerak mendatar atau menegak secara dramatik.

Case 2: Terus mengesan subjek, mengabaikan halangan yang mungkin berlaku



Tetapan lalai


- Sensitiviti pengesanan: Kunci hidup: -1
- Pengesanan pecutan/nyahpeccutan: 0
- Penukaran auto titik AF: 0

Kamera akan cuba untuk terus memfokus pada subjek walaupun jika halangan memasuki titik AF atau jika subjek menyimpang dari titik AF. Berkesan apabila mungkin terdapat halangan menghalang subjek atau apabila anda tidak mahu memfokus pada latar belakang.



Jika halangan menghalang atau jika subjek bergerak jauh dari titik AF untuk satu tempoh yang lama dan tetapan lalai tidak dapat mengesan subjek sasaran, menetapkan [Tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan)] kepada [-2] akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.115).

Case 3: Fokus segera pada subjek yang tiba-tiba memasuki titik AF




Sebaik sahaja titik AF mula mengesan subjek, tetapan ini membolehkan kamera untuk fokus berturut-turut pada subjek dalam jarak yang berbeza. Jika subjek baharu muncul di depan subjek sasaran, kamera akan mula memfokus pada subjek baharu. Juga berkesan apabila anda hendak sentiasa fokus pada subjek yang paling dekat.

Tetapan lalai

- Sensitiviti pengesanan: Reponsif: +1
- Pengesanan pecutan/nyahpecutan: +1
- Penukaran auto titik AF: 0

Jika anda hendak memfokus dengan pantas pada subjek yang muncul secara tiba-tiba, menetapkan [**Tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan)**] kepada [+2] akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.115).

Case 4: Untuk subjek yang mempercepat atau memperlakan dengan pantas




Bertujuan untuk mengesan subjek yang bergerak di mana kelajuan boleh bertukar secara dramatik dan tiba-tiba. Berkesan bagi subjek yang mempunyai pergerakan tiba-tiba, memecut, menyahpecut atau berhenti secara tiba-tiba.

Tetapan lalai

- Sensitiviti pengesanan: 0
- Pengesanan pecutan/nyahpecutan: +1
- Penukaran auto titik AF: 0

Jika subjek berada dalam pergerakan dan mudah bertukar kelajuan secara tiba-tiba dan dramatik, menetapkan [**Accel./decel. tracking (Pengesanan pecutan/nyahpecutan)**] kepada [+2] akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.116).

Case 5: Untuk subjek yang bergerak cepat secara tidak menentu ke mana-mana arah (lumpuh dalam mod AF titik tunggal)



Tetapan lalai

- Sensitiviti pengesanan: 0
- Pengesanan pecutan/nyahpecutan: 0
- Penukaran auto titik AF: +1

Walaupun jika subjek sasaran bergerak dengan dramatik ke atas, bawah, kiri atau kanan, titik AF akan bertukar secara automatik untuk jejak fokus subjek. Berkesan untuk menangkap subjek yang bergerak dengan dramatik ke atas, bawah, kiri atau kanan.


Tetapan ini mula berfungsi apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada pengembangan titik AF (pemilihan manual $\square \square \square$), pengembangan titik AF (pemilihan manual, titik sekitar), AF Zon (pemilihan zon secara manual), AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) atau AF pemilihan automatik 65 titik.

Tetapan ini tidak tersedia dengan mod Spot AF titik tunggal (pemilihan manual) dan AF titik tunggal (pemilihan manual).



Jika subjek bergerak dengan lebih dramatik lagi ke atas, bawah, kiri atau kanan, menetapkan **[AF pt auto switching (Penukaran auto titik AF)]** kepada **[+2]** akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.117).

Case 6: Untuk subjek yang mengubah kelajuan dan bergerak secara tidak menentu (lumpuh dalam mod AF titik tunggal)



Tetapan lalai

- Sensitiviti pengesanan: 0
- Pengesanan pecutan/nyahpecutan: +1
- Penukaran auto titik AF: +1

Bertujuan untuk mengesan subjek yang bergerak di mana kelajuan boleh bertukar secara dramatik dan tiba-tiba. Malah, jika subjek sasaran bergerak dengan dramatik ke atas, bawah, kiri atau kanan dan susah untuk fokus, titik AF akan bertukar secara automatik untuk mengesan subjek.

Tetapan ini mula berfungsi apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada pengembangan titik AF (pemilihan manual), pengembangan titik AF (pemilihan manual, titik sekitar), AF Zon (pemilihan zon secara manual), AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) atau AF pemilihan automatik 65 titik.


Tetapan ini tidak tersedia dengan mod Spot AF titik tunggal (pemilihan manual) dan AF titik tunggal (pemilihan manual).



- Jika subjek berada dalam pergerakan dan mudah bertukar kelajuan secara tiba-tiba dan dramatik, menetapkan **[Accel./decel. tracking (Pengesanan pecutan/nyahpecutan)]** kepada **[+2]** akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.116).
- Jika subjek bergerak dengan lebih dramatik lagi ke atas, bawah, kiri atau kanan, menetapkan **[AF pt auto switching (Penukaran auto titik AF)]** kepada **[+2]** akan memberikan hasil yang lebih baik (hlm.117).

Parameter

● Tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan)



Menetapkan sensitiviti pengesanan subjek semasa AF Servo AI apabila halangan memasuki titik AF atau apabila titik AF menyimpang dari subjek.

0

Tetapan lalai. Sesuai untuk subjek bergerak pada umumnya.

Locked on: -2 (Kunci hidup: -2) / Locked on: -1 (Kunci hidup: -1)

Kamera akan cuba untuk terus memfokus pada subjek walaupun jika halangan memasuki titik AF atau jika subjek menyimpang dari titik AF. Tetapan -2 menjadikan kamera mengesan subjek sasaran lebih lama berbanding dengan tetapan -1.

Walau bagaimanapun, jika kamera memfokus pada subjek yang salah, ia mungkin mengambil masa yang sedikit lama untuk menukar dan memfokus pada subjek sasaran.

Responsive: +2 (Responsif: +2) / Responsive: +1 (Responsif: +1)


Kamera boleh memfokus secara berturutan pada subjek dalam jarak berbeza yang diliputi oleh titik AF. Juga berkesan apabila anda hendak sentiasa fokus pada subjek yang paling dekat. Tetapan +2 lebih responsif daripada +1 apabila fokus pada subjek yang berikutnya.

Walau bagaimanapun, kamera akan lebih mudah memfokus pada subjek yang salah.



[Tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan)] adalah ciri yang dinamakan [AI Servo tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan Servo AI)] dalam EOS-1D Mark III/IV, EOS-1Ds Mark III dan EOS 7D.

● **Acceleration/deceleration tracking (Pengesanan pecutan/nyahpecutan)**



Ini menetapkan sensitiviti pengesanan bagi subjek bergerak yang mana kelajuannya boleh bertukar mendadak secara dramatik dengan bermula atau berhenti dengan tiba-tiba, dll.


0

Sesuai untuk subjek bergerak pada kelajuan yang mantap (pengubahan yang minimum pada kelajuan bergerak).

+2 / +1

Berkesan bagi subjek yang mempunyai pergerakan tiba-tiba, mempercepat/memperlakan atau berhenti secara tiba-tiba. Walaupun jika kelajuan subjek yang bergerak bertukar mendadak secara dramatik, kamera terus memfokus pada subjek sasaran. Sebagai contoh, untuk subjek yang sedang mendekati, kamera menjadi kurang cenderung fokus di belakangnya untuk mengelakkan subjek kabur. Untuk subjek berhenti secara tiba-tiba, kamera menjadi kurang cenderung fokus di hadapannya. Tetapan +2 boleh mengesan penukaran dramatik dalam kelajuan subjek bergerak dengan lebih baik berbanding dengan +1. Walau bagaimanapun, memandangkan kamera akan menjadi sensitif walaupun kepada pergerakan sedikit oleh subjek, pemfokusan mungkin tidak stabil untuk seketika.

● AF point auto switching (Penukaran auto titik AF)



Ini menetapkan sensitiviti penukaran titik AF untuk mengesan subjek yang bergerak dengan dramatik ke atas, bawah, kiri atau kanan.

Tetapan ini mula berfungsi apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada pengembangan titik AF (pemilihan manual $\square$), pengembangan titik AF (pemilihan manual, titik sekitar), AF Zon (pemilihan zon secara manual), AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) atau AF pemilihan automatik 65 titik.

0

Tetapan standard bagi penukaran titik AF beransur.


+2 / +1

Walaupun jika subjek sasaran bergerak dengan dramatik ke atas, bawah, kiri atau kanan dan bergerak jauh daripada titik AF, kamera mengubah fokusnya pada titik AF yang dekat untuk terus memfokus pada subjek. Kamera mengubah kepada titik AF yang dianggap paling mungkin fokus pada subjek berdasarkan gerakan berterusan subjek, kontrasnya dll. Tetapan +2 menjadikan kamera lebih mudah mengubah titik AF berbanding dengan +1.

Walau bagaimanapun, dengan lensa sudut lebar yang mempunyai kedalaman medan yang luas atau jika subjek terlalu kecil dalam bingkai, kamera mungkin fokus dengan titik AF yang salah.

Ubah Tetapan Parameter Kes

Anda boleh melaraskan tiga parameter bagi setiap case secara manual: 1. Sensitiviti pengesanan, 2. Pengesanan pecutan/nyahpecutan, dan 3. Penukaran auto titik AF.




1 Pilih kes.

- Putar dial <⌚> untuk memilih ikon kes yang hendak anda laraskan.


2 Tekan butang <RATE>.

- Parameter yang dipilih akan mempunyai sebuah bingkai berwarna ungu.



3 Pilih parameter untuk dilaraskan.

- Pilih parameter untuk dilaraskan, kemudian tekan <SET>.
- Apabila Sensitiviti pengesanan dipilih, skrin tetapan akan muncul.




4 Lakukan pelarasan.

- Laraskan tetapan, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Pelarasan disimpan.
- Tetapan lalai ditunjukkan dengan tanda berwarna kelabu muda [■].
- Untuk kembali ke skrin dalam langkah 1, tekan butang <RATE>.



- Dalam langkah 2, jika anda tekan butang <RATE> dan kemudian tekan butang <⌂>, anda dapat mengembalikan semula tetapan parameter 1, 2 dan 3 di atas untuk setiap kes.
- Anda juga boleh mendaftar tetapan parameter 1, 2 dan 3 ke dalam Menu Saya (hlm.472). Perbuatan demikian akan mengubah tetapan kes yang dipilih.
- Apabila menangkap dengan kes yang parameternya telah dilaraskan, pilih kes yang telah dilaraskan dan kemudian ambil gambar.

MENU Menyesuaikan Fungsi AF ☆




Dengan tab menu [**AF2**] hingga [**AF5**], anda boleh menetapkan fungsi AF untuk disesuaikan dengan gaya penangkapan anda atau subjek.

AF2: Servo AI

AI Servo 1st image priority (Keutamaan imej pertama Servo AI)

Anda boleh menetapkan ciri-ciri operasi AF dan masa pelepasan pengatup untuk tangkapan pertama dengan AF Servo AI.



□/⦿: Equal priority (Keutamaan setara)

Keutamaan setara diberikan kepada pemfokusan dan pelepasan pengatup.

□: Release priority (Keutamaan pelepasan)


Menekan butang pengatup akan mengambil gambar dengan segera walaupun jika fokus tidak dicapai. Ia berkesan apabila anda hendak memberi keutamaan kepada menangkap gambar dan bukannya mencapai fokus.

⦿: Focus priority (Keutamaan fokus)

Menekan butang pengatup tidak akan mengambil gambar sehingga fokus telah dicapai. Berkesan apabila anda hendak mencapai fokus sebelum menangkap gambar.

AI Servo 2nd image priority (Keutamaan imej kedua Servo AI)

Anda boleh menetapkan ciri-ciri operasi AF dan masa pelepasan pengatup semasa penangkapan berterusan selepas tangkapan pertama dengan AF Servo AI.



Equal priority (Keutamaan setara)

Keutamaan setara diberikan kepada pemfokusan dan kelajuan penangkapan berterusan. Dalam cahaya malap atau dengan subjek berkontras rendah, kelajuan tangkapan mungkin menurun.

Shooting speed priority (Keutamaan kelajuan penangkapan)

Keutamaan diberikan kepada kelajuan penangkapan berterusan dan bukannya mencapai fokus.

Focus priority (Keutamaan fokus)

Keutamaan diberikan untuk mencapai fokus dan bukannya kelajuan penangkapan gambar berterusan. Gambar tidak akan diambil sehingga fokus dicapai.

 Dalam keadaan penangkapan yang mengaktifkan penangkapan anti kelip (hlm.187), walaupun jika [**Shooting speed priority (Keutamaan kelajuan penangkapan)**] ditetapkan, kelajuan penangkapan berterusan mungkin menjadi perlahan sedikit atau selang masa penangkapan mungkin menjadi tidak sekata.


AF3: Tangkapan Tunggal

Lens electronic MF (MF elektronik lensa)

Dengan lensa USM dan STM berikut yang dilengkapi dengan gelang fokus elektronik, anda boleh menetapkan sama ada untuk menggunakan fokus manual elektronik atau tidak.

EF50mm f/1.0L USM	EF300mm f/2.8L USM	EF600mm f/4L USM
EF85mm f/1.2L USM	EF400mm f/2.8L USM	EF1200mm f/5.6L USM
EF85mm f/1.2L II USM	EF400mm f/2.8L II USM	EF28-80mm f/2.8-4L USM
EF200mm f/1.8L USM	EF500mm f/4.5L USM	

EF40mm f/2.8 STM	EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS STM	EF-S55-250mm f/4-5.6 IS STM
EF-S10-18mm f/4.5-6.3 IS STM	EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM	



☞ON: Enable after One-Shot AF (Aktif selepas AF Tangkapan Tunggal)

Selepas AF beroperasi, jika anda terus menekan butang pengatup separuh ke bawah, anda boleh melaraskan fokus secara manual.

☞OFF: Disable after One-Shot AF (Lumpuh selepas AF Tangkapan Tunggal)


Selepas AF beroperasi, pelarasan fokus manual dilumpuhkan.

OFF: Disable in AF mode (Lumpuh dalam mod AF)

Apabila suis mod fokus lensa ditetapkan kepada <AF>, fokus manual dilumpuhkan.

AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)

Mengaktifkan atau melumpuhkan sinar bantu AF yang dipancarkan oleh denyar terbina dalam atau Speedlite luaran khusus EOS.



ON: Enable (Aktif)

Sinar bantu AF dipancarkan apabila perlu.

OFF: Disable (Lumpuhkan)

Sinar bantu AF tidak dipancarkan. Menghalang sinar bantu AF daripada mengganggu.

Flash icon: Enable external flash only (Aktifkan denyar luaran sahaja)

Sinar bantu AF akan dipancarkan apabila perlu hanya jika Speedlite luaran digunakan. Denyar terbina dalam kamera tidak akan menyalakan sinar bantu AF.

IR: IR AF assist beam only (Lampu bantuan AF IR sahaja)


Apabila Speedlite luaran dipasang, hanya lampu bantuan AF inframerah akan dipancarkan. Ini mengelakkan lampu bantuan AF daripada menyala dengan letusan denyar kecil.

Dengan Speedlite siri EX yang dilengkapi dengan lampu LED, lampu LED tidak akan menyala secara automatik untuk bantuan AF.

 Jika Fungsi Tersuai [**AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)**] Speedlite luaran ditetapkan kepada [**Disabled (Lumpuhkan)**], Speedlite itu tidak akan memancarkan sinar bantu AF walaupun dengan tetapan ini.

One-Shot AF release priority (Keutamaan pelepasan AF Tangkapan Tunggal)

Anda boleh menetapkan ciri-ciri operasi AF dan masa pelepasan pengatup untuk AF Tangkapan Tunggal.



⦿: Focus priority (Keutamaan fokus)

Gambar tidak akan diambil sehingga fokus dicapai. Berkesan apabila anda mahu mencapai fokus sebelum mengambil tangkapan.

□: Release priority (Keutamaan pelepasan)


Keutamaan diberikan kepada mengambil gambar dan bukannya mencapai fokus. Ini memberikan keutamaan kepada mengambil gambar dan bukannya mencapai fokus yang betul.

Ambil perhatian bahawa gambar akan diambil walaupun jika fokus tidak dicapai.

AF4

Lens drive when AF impossible (Operasi lensa apabila AF mustahil)

Jika fokus tidak boleh dicapai dengan autofokus, anda boleh menetapkan kamera untuk terus mencari fokus yang betul atau untuk berhenti mencari.



ON: Continue focus search (Teruskan carian fokus)

Jika fokus tidak dapat dicapai dengan autofokus, lensa digerakkan untuk mencari fokus yang betul.


OFF: Stop focus search (Henti carian fokus)

Jika autofokus bermula dan tumpuan adalah jauh atau jika fokus tidak boleh dicapai, pacuan lensa akan berhenti. Ini menghalang lensa daripada terlampau kehilangan fokus disebabkan oleh carian fokus.

 Lensa super telefoto, dll dengan julat operasi fokus lebar boleh menjadi terlampau kehilangan fokus semasa carian fokus, mengambil lebih banyak masa untuk mencapai fokus pada masa akan datang. Menetapkan **[Stop focus search (Henti carian fokus)]** adalah disarankan.

Selectable AF point (Titik AF boleh dipilih)

Anda boleh menukar bilangan titik AF yang boleh dipilih. Jika AF pemilihan automatik 65 titik ditetapkan, Bingkai AF kawasan (seluruh kawasan AF) akan digunakan untuk AF tanpa mengira tetapan di bawah.



: **65 points (65 titik)**

Semua 65 titik AF akan boleh dipilih secara manual.

: **21 points (21 titik)**

Dua puluh satu titik AF utama akan boleh dipilih secara manual.

: **9 points (9 titik)**

Sembilan titik AF utama akan boleh dipilih secara manual.




Dengan lensa dari Kumpulan E ke G (hlm.104-105), bilangan titik AF yang boleh dipilih secara manual akan semakin kurang.



- Walaupun dengan tetapan selain daripada **[65 points (65 titik)]**, pengembangan titik AF (pemilihan manual ) , pengembangan titik AF (pemilihan manual, titik sekitar), AF Zon (pemilihan zon secara manual) dan AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) masih boleh dilakukan.
- Apabila anda menekan butang , titik AF yang tidak boleh dipilih secara manual tidak akan dipaparkan pada pemedang tilik.

Select AF area selection mode (Pilih mod pemilihan kawasan AF)

Anda boleh menghadkan mod pemilihan kawasan AF yang boleh dipilih untuk sesuai dengan keutamaan penangkapan anda. Pilih mod pemilihan yang diinginkan dan tekan <SET> untuk menambah tanda semak <✓>. Kemudian pilih [OK] untuk mendaftar tetapan.



: **Manual select.:Spot AF** (Pemilihan manual: Spot AF)

Untuk pemfokusan penentuan dengan kawasan yang lebih sempit daripada AF titik tunggal (pemilihan manual).

: **Manual selection:1 pt AF** (Pemilihan manual: 1 titik AF)

Salah satu daripada titik AF yang ditetapkan oleh tetapan [Selectable AF point (Titik AF boleh dipilih)] boleh dipilih.

: **Expand AF area:** (Kembangkan kawasan AF:)

Kamera akan fokus dengan titik AF yang dipilih secara manual dan titik AF bersebelahan (atas, bawah, sebelah kiri dan sebelah kanan).

: **Expand AF area:Surround** (Kembangkan kawasan AF:Keliling)

Kamera akan fokus dengan titik AF yang dipilih secara manual dan titik AF sekitar.

: **Manual select.:Zone AF** (Pemilihan manual: AF Zon)

Kawasan AF dibahagikan kepada sembilan zon pemfokusan untuk memfokus.

: **Manual select.:Large Zone AF** (Pemilihan manual: AF Zon Besar)

Kawasan AF dibahagikan kepada tiga zon pemfokusan untuk memfokus.

: **Auto selection:65 pt AF** (Pemilihan auto: 65 titik AF)


Bingkai AF kawasan (seluruh kawasan AF) digunakan untuk pemfokusan.



- Tanda semak <✓> tidak boleh dipadamkan daripada [Manual selection:1 pt AF (Pemilihan manual: 1 titik AF)].
- Jika lensa yang dipasangkan adalah daripada kumpulan G (hlm.105), anda hanya boleh memilih [Manual select.:Spot AF (Pemilihan manual:Spot AF)], [Manual selection:1 pt AF (Pemilihan manual: 1 titik AF)] dan [Expand AF area: (Kembangkan kawasan AF:)].

AF area selection method (Kaedah pemilihan kawasan AF)

Anda boleh menetapkan kaedah untuk menukar mod pemilihan kawasan AF.



/ : → **M-Fn button**
(Butang M-Fn)

Selepas anda menekan butang <>, mengendalikan butang <> atau <M-Fn> akan menukar mod pemilihan kawasan AF.


/ : → **Main Dial (Dail Utama)**

Selepas anda menekan butang <>, mengendalikan dail <> atau <> akan menukar mod pemilihan kawasan AF.

Apabila [→ **Main Dial (Dail Utama)**] ditetapkan, gunakan <> untuk memindahkan titik AF secara mendatar.

Orientation linked AF point (Titik AF berkaitan orientasi)

Anda boleh menetapkan titik AF atau mod pemilihan kawasan AF + titik AF secara berasingan untuk penangkapan menegak dan penangkapan mendatar.



: **Same for both vert/horiz**
(Sama untuk menegak/mendatar)

Mod pemilihan kawasan AF yang sama dan titik AF (atau zon AF) yang dipilih secara manual digunakan untuk kedua-dua penangkapan menegak dan penangkapan mendatar.

Separate AF pts: Area+pt (Titik AF berasingan: Kawasan+titik)

Mod pemilihan kawasan AF dan titik AF (atau zon AF) boleh ditetapkan secara berasingan untuk setiap orientasi kamera (1. Mendatar, 2. Menegak dengan cengkaman kamera di bahagian atas, 3. Menegak dengan cengkaman kamera di bahagian bawah). Apabila anda memilih secara manual mod pemilihan kawasan AF dan titik AF (atau zon AF) bagi setiap daripada tiga orientasi kamera, ia akan ditetapkan untuk orientasi masing-masing. Apabila anda menukar orientasi kamera semasa menangkap, kamera akan bertukar kepada mod pemilihan kawasan AF dan titik (atau zon AF) AF yang dipilih secara manual yang ditetapkan untuk orientasi tersebut.

Separate AF pts: Pt only (Titik AF berasingan: Titik sahaja)

Titik AF boleh ditetapkan secara berasingan untuk setiap orientasi kamera (1. Mendatar, 2. Menegak dengan cengkaman kamera di bahagian atas, 3. Menegak dengan cengkaman kamera di bahagian bawah). Apabila menggunakan mod pemilihan kawasan AF yang sama, titik AF akan bertukar secara automatik untuk orientasi kamera masing-masing.


Ini berfungsi dengan Pemilihan manual:Spot AF, Pemilihan manual:1 titik AF, Kembangkan kawasan AF: dan Kembangkan kawasan AF:Keliling. Apabila anda memilih titik AF secara manual bagi setiap daripada tiga orientasi kamera, ia akan direkodkan untuk orientasi masing-masing. Semasa menangkap, titik AF dipilih secara manual akan bertukar supaya sepadan dengan orientasi kamera masing-masing. Walaupun jika anda menukar mod pemilihan kawasan AF kepada Pemilihan Manual:Spot AF, Pemilihan manual:1 titik AF, Kembangkan kawasan AF: atau Kembangkan kawasan AF:Keliling, titik AF untuk orientasi yang berkenaan akan dikekalkan. Jika anda menukar mod pemilihan kawasan AF kepada AF Zon (pemilihan zon secara manual) atau AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual), zon akan bertukar supaya sepadan dengan orientasi kamera masing-masing.

-  ● Jika anda menghapuskan tetapan kamera kepada tetapan lalainya (hlm.70), tetapan akan menjadi [**Same for both vert/horiz (Sama untuk menegak/ mendatar)**]. Tambahan lagi, tetapan anda untuk tiga orientasi kamera tersebut (1, 2 dan 3) akan dihapuskan dan semua itu akan kembali ke AF titik tunggal (Pemilihan manual) dengan titik AF tengah dipilih.
- Jika anda menetapkan ini dan kemudiannya memasang lensa daripada kumpulan AF yang berbeza (hlm.102-105, terutamanya Kumpulan G), tetapan mungkin akan dihapuskan.

Auto AF point selection: EOS iTR AF (Pemilihan titik AF auto: EOS iTR AF)

EOS iTR* AF melaksanakan autofokus dengan mengenali wajah dan warna subjek. EOS iTR AF berfungsi apabila mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada AF Zon (pemilihan zon secara manual), AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) atau AF pemilihan automatik 65 titik.

* Intelligent Tracking and Recognition: Pengesanan pemeteran mengenali subjek dan titik AF mengesannya.



ON: Enable (Aktif)

Titik AF dipilih secara automatik berdasarkan bukan sahaja maklumat AF tetapi juga wajah dan butiran lain.

Dalam mod AF Servo AI, kamera mengingati warna pada posisi pertama yang difokuskannya, kemudian terus mengesan dan memfokus subjek dengan menukar titik AF untuk mengesan warna tersebut. Ini membuatkan lebih mudah untuk terus mengesan subjek berbanding dengan apabila hanya maklumat AF yang tersedia. Dalam mod AF Tangkapan Tunggal, EOS iTR AF menjadikan pemfokusan pada individu lebih mudah, supaya anda boleh mengutamakan pengubahan.

OFF: Disable (Lumpuhkan)


Titik AF dipilih secara automatik hanya berdasarkan maklumat AF. (AF tidak akan menggunakan maklumat yang berdasarkan wajah, subjek, warna dan butiran lain.)

- Jika **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, kamera akan mengambil masa yang lebih lama untuk memfokus berbanding dengan apabila **[Disable (Lumpuhkan)]** ditetapkan.
- Apabila EOS iTR AF beroperasi, kelajuan penangkapan berterusan maksimum dengan < > ditetapkan akan menjadi kira-kira 9.5 tangkapan/saat. Selain itu, dalam keadaan cahaya malap, kelajuan penangkapan berterusan mungkin akan berkurangan.
- Walaupun jika anda menetapkan **[Enable (Aktif)]**, hasil yang diharapkan mungkin tidak diperoleh bergantung kepada keadaan penangkapan dan subjek.
- Di bawah cahaya yang sangat malap sehingga denyar memancarkan sinar bantu AF secara automatik, titik AF dipilih secara automatik hanya berdasarkan maklumat AF.
- Pengesanan wajah mungkin tidak berfungsi jika wajah bersaiz kecil atau dalam keadaan cahaya malap.

AF5

Manual AF point selection pattern (Corak pemilihan titik AF manual)

Semasa pemilihan titik AF manual, pemilihan boleh sama ada berhenti di pinggir luaran atau ia boleh mengelilingi sehingga bahagian bertentangan. Fungsi ini berfungsi dalam mod pemilihan kawasan AF selain AF Zon (pemilihan zon secara manual), AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) dan AF pemilihan automatik 65 titik (berfungsi dengan AF Servo AI).



 : **Stops at AF area edges**
(Berhenti di tepi kawasan AF)


Memudahkan jika anda sering menggunakan titik AF di kawasan persisian.

 : **Continuous (Berterusan)**

Pemilihan titik AF tidak berhenti di pinggir luaran dan meneruskan sehingga bahagian bertentangan.

AF point display during focus (Paparan titik AF semasa fokus)

Anda boleh menetapkan sama ada atau tidak untuk memaparkan titik AF di dalam keadaan berikut: 1. Apabila memilih titik AF, 2. Apabila kamera bersedia untuk menangkap (sebelum operasi AF), 3. Semasa operasi AF dan 4. Apabila fokus dicapai.



 : **Selected (constant) (Dipilih (berterusan))**

Titik AF yang dipilih sentiasa dipaparkan.

 : **All (constant) (Semua (berterusan))**

Semua titik AF sentiasa dipaparkan.

 : **Selected (pre-AF, focused) (Dipilih (pra-AF, difokus))**

Titik AF yang dipilih dipaparkan untuk 1, 2 dan 4.

 : **Selected (focused) (Dipilih (difokus))**

Titik AF yang dipilih dipaparkan untuk 1 dan 4 dan apabila AF bermula.

OFF: Disable display (Lumpuhkan paparan)

Bagi 2, 3 dan 4, titik AF yang dipilih tidak akan dipaparkan.

VF display illumination (Pencahayaannya paparan Pemidang Tilik)

Anda boleh menetapkan sama ada titik AF dalam pemidang tilik bernyala merah atau tidak apabila fokus dicapai.

VF display illumination	
Auto	AUTO
Enable	ON
Disable	OFF
AF point during AI Servo AF OFF	
 AF point during AI Servo AF	
INFO Help	

AUTO: Auto

Titik AF menyala merah secara automatik dalam keadaan cahaya malap.

ON: Enable (Aktif)

Titik AF menyala merah tanpa mengambil kira tahap cahaya di sekeliling.

OFF: Disable (Lumpuhkan)

Titik AF tidak akan menyala merah.

Dengan **[Auto]** atau **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, anda boleh menetapkan sama ada titik AF bernyala merah (berkelip) atau tidak apabila anda menekan butang **<Q>** semasa AF Servo AI.

AF point during AI Servo AF	
Non illuminated	OFF
Illuminated	ON

OFF: Non illuminated (Tidak bercahaya)

Titik AF tidak akan bernyala merah semasa AF Servo AI.

ON: Illuminated (Bercahaya)


Titik AF yang digunakan dalam pemfokusan bernyala merah semasa AF Servo AI. Ini tidak akan berfungsi jika **[VF display illumination (Pencahayaannya paparan Pemidang Tilik)]** ditetapkan ke **[Disable (Lumpuhkan)]**.



- Apabila anda menekan butang **<INFO>**, titik AF akan bernyala merah tanpa mengambil kira tetapan ini.
- Aras elektronik dan grid dalam pemidang tilik dan maklumat yang ditetapkan dengan **[Show/hide in viewfinder (Paparkan/sembunyi dalam pemidang tilik)]** (hlm.79) juga akan bernyala merah.

AF status in viewfinder (Status AF dalam pemidang tilik)

Ikon status AF menunjukkan bahawa operasi AF boleh dipaparkan dalam medan pandangan pemidang tilik atau di luar medan pandangan pemidang tilik.



: Show in field of view (Paparkan dalam medan pandangan)

Ikon status AF < **AF** > dipaparkan di sebelah kanan bahagian bawah medan pandangan pemidang tilik.

: Show outside view (Paparkan di luar medan pandangan)

Ikon status AF <  > dipaparkan di bawah penunjuk fokus <  > di luar medan pandangan pemidang tilik.

 Ikon status AF dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah selepas fokus dicapai dan ketika anda menahan butang <AF-ON> ke bawah.

AF Microadjustment (Penyesuaian Mikro AF)

Anda boleh melakukan pelarasan halus untuk titik fokus AF. Untuk maklumat lanjut, lihat “Pelarasan Halus untuk Titik Fokus AF” pada halaman berikutnya.


MENU Pelarasan Halus untuk Titik Fokus AF ☆

Pelarasan halus untuk titik fokus AF boleh dilakukan untuk penangkapan pemidang tilik. Ia dipanggil “Penyesuaian Mikro AF”. Sebelum membuat pelarasan, baca “Peringatan untuk Penyesuaian Mikro AF” pada halaman 140.

Biasanya, pelarasan ini tidak diperlukan. Lakukan pelarasan ini hanya jika perlu. Ambil perhatian bahawa melakukan pelarasan ini mungkin menghalang pemfokusan yang tepat dicapai.


Laraskan Semua dengan Jumlah Sama

Tetapkan pelarasan secara manual dengan melaraskan, menangkap dan memeriksa hasilnya. Ulangi ini sehingga pelarasan yang sesuai dicapai. Semasa AF, tanpa mengambil kira lensa yang digunakan, titik fokus akan sentiasa dianjakkan mengikut jumlah pelarasan.



1 Pilih [AF Microadjustment (Penyesuaian Mikro AF)].



- Di bawah tab [AF5], pilih [AF Microadjustment (Penyesuaian Mikro AF)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [All by same amount (Semua berdasarkan jumlah yang sama)].

3 Tekan butang <INFO.>.

- Skrin [All by same amount (Semua berdasarkan jumlah yang sama)] akan muncul.



4 Lakukan pelarasan.

- Tetapkan jumlah penyesuaian. Julat boleh laras adalah ± 20 langkah.
- Menetapkan ia ke arah “-: ” akan menganjakkan titik fokus di bahagian hadapan titik fokus standard.
- Menetapkan ia ke arah “+: ” akan menganjakkan titik fokus ke belakang titik fokus standard.
- Selepas melakukan pelarasan, tekan .
- Pilih [**All by same amount (Semua berdasarkan jumlah yang sama)**], kemudian tekan .


5 Periksa hasil pelarasan.

- Ambil gambar dan mainkan balik imej (hlm.366) untuk memeriksa hasil pelarasan.
- Jika hasil tangkapan terhasil dengan fokus di hadapan titik yang disasarkan, laraskan ke arah sisi “+: ”. Jika hasil tangkapan terhasil dengan fokus di belakang titik yang disasarkan, laraskan ke arah sisi “-: ”.
- Jika perlu, ulangi semula penyesuaian.


Jika [**All by same amount (Semua berdasarkan jumlah yang sama)**] dipilih, pelarasan AF berasingan tidak boleh dilakukan untuk sudut lebar dan hujung telefoto lensa zum.

Laraskan mengikut Lensa

Anda boleh melakukan pelarasan bagi setiap lensa dan daftar pelarasan di dalam kamera. Anda boleh mendaftarkan pelarasan sehingga 40 lensa. Apabila anda autofokus dengan lensa yang pelarasannya telah didaftarkan, titik fokus akan sentiasa dianjakkan oleh jumlah pelarasan. Tetapkan pelarasan secara manual dengan melaraskan, menangkap dan memeriksa hasilnya. Ulangi ini sehingga pelarasan yang dikehendaki dicapai. Jika anda menggunakan lensa zum, lakukan pelarasan sudut lebar (W) dan hujung telefoto (T).




1 Pilih **[Adjust by lens (Laraskan mengikut lensa)]**.



2 Tekan butang **<INFO>**.

► Skrin **[Adjust by lens (Laraskan mengikut lensa)]** akan muncul.




Nombor didaftar

3 **Memeriksa dan menukar maklumat lensa.**

Memeriksa maklumat lensa.

- Tekan butang **<INFO>**.
- Skrin akan menunjukkan nama lensa dan nombor siri 10 angka. Apabila nombor siri dipaparkan, pilih **[OK]** dan pergi ke langkah 4.
- Jika nombor siri lensa tidak boleh disahkan, "0000000000" akan dipaparkan. Dalam keadaan ini, masukkan nombor dengan mengikut arahan pada halaman berikutnya.
- Mengenai asterisk "*" yang dipaparkan di bahagian hadapan sesetengah nombor siri lensa, sila lihat halaman seterusnya.



Memasukkan Nombor Siri

- Pilih angka yang hendak dimasukkan, kemudian tekan < **SET** > supaya < **SET** > muncul.
- Masukkan nombor, kemudian tekan < **SET** >.
- Selepas memasukkan semua digit, pilih [**OK**].


Nombor Siri Lensa

- Dalam langkah 3, jika “*” muncul di hadapan nombor siri lensa 10 angka, anda hanya boleh mendaftar satu unit bagi model lensa yang sama. Walaupun jika anda memasukkan nombor siri itu, “*” akan terus dipaparkan.
- Nombor siri lensa pada lensa mungkin berbeza daripada nombor siri yang dipaparkan pada skrin di langkah 3. Ini bukan kepelincangan.
- Jika nombor siri lensa termasuk huruf, masukkan hanya nombor.
- Jika nombor siri lensa adalah 11 angka atau lebih, masukkan hanya 10 angka terakhir.
- Lokasi nombor siri berbeza bergantung kepada lensa.
- Sesetengah lensa mungkin tidak mempunyai nombor siri tertulis. Untuk mendaftar lensa yang tidak mempunyai nombor siri tertulis, masukkan sebarang nombor siri.





- Jika [**Adjust by lens (Laraskan mengikut lensa)**] dipilih dan Penyambung digunakan, pelarasan tersebut akan didaftarkan untuk gabungan lensa dan Penyambung.
- Jika 40 lensa telah didaftarkan, satu mesej akan muncul. Selepas anda memilih lensa yang pendaftarannya akan dipadamkan (tuliskan semula), anda boleh mendaftar lensa lain.

Panjang lensa fokus



Lensa zoom



4 Lakukan pelarasan.

- Untuk lensa zum, pilih sudut lebar (W) atau hujung telefoto (T). Menekan <SET> akan mematikan bingkai ungu dan pelarasan boleh dilakukan.
- Tetapkan jumlah pelarasan, kemudian tekan <SET>. Julat boleh laras adalah ± 20 langkah.
- Menetapkan ia ke arah “-: 〰” akan menganjakkan titik fokus di bahagian hadapan titik fokus standard.
- Menetapkan ia ke arah “+: ▲” akan menganjakkan titik fokus ke belakang titik fokus standard.
- Untuk lensa zum, ulangi prosedur ini dan laraskannya untuk sudut lebar (W) atau hujung telefoto (T).
- Selepas menamatkan pelarasan, tekan butang <MENU> untuk kembali kepada skrin di dalam langkah 1.
- Pilih [Adjust by lens (Laraskan mengikut lensa)], kemudian tekan <SET>.

5 Periksa hasil pelarasan.

- Ambil gambar dan mainkan balik imej (hlm.366) untuk memeriksa hasil pelarasan.
- Jika hasil tangkapan terhasil dengan fokus di hadapan titik yang disasarkan, laraskan ke arah sisi “+: ▲”. Jika hasil tangkapan terhasil dengan fokus di belakang titik yang disasarkan, laraskan ke arah sisi “-: 〰”.
- Jika perlu, ulangi semula penyesuaian.

 Apabila menangkap dengan julat pertengahan (panjang fokus) lensa zum, titik fokus AF dibetulkan secara automatik relatif kepada pelarasan yang dibuat untuk sudut lebar dan hujung telefoto. Walaupun hanya sudut lebar atau hujung telefoto telah dilaraskan, pembetulan akan dibuat secara automatik untuk julat pertengahan.

Memadam Semua Pelarasan Mikro AF

Apabila  **Clear all (Hapus semua)**] muncul di bahagian bawah skrin, menekan butang  > akan memadamkan semua pelarasan yang dibuat untuk **[All by same amount (Semua berdasarkan jumlah yang sama)]** dan **[Adjust by lens (Laraskan mengikut lensa)]**.

Peringatan untuk Penyesuaian Mikro AF

- Titik AF bagi fokus akan berbeza sedikit bergantung kepada keadaan subjek, kecerahan, kedudukan zum dan keadaan penangkapan lain. Oleh itu, walaupun anda melakukan Penyesuaian Mikro AF, fokus mungkin masih tidak boleh dicapai pada kedudukan yang sesuai.
- Jumlah pelarasan bagi setiap hentian berbeza bergantung kepada apertur maksimum lensa. Teruskan melaras, menangkap dan memeriksa fokus berulang kali untuk melaraskan titik fokus AF.
- Penyesuaian tidak akan digunakan pada AF semasa penangkapan Pandangan Langsung atau rakaman filem.
- Penyesuaian ini akan disimpan walaupun anda menghapuskan semua tetapan kamera (hlm.70). Walau bagaimanapun, tetapan itu akan sendirinya menjadi **[Disable (Lumpuhkan)]**.

Nota untuk Penyesuaian Mikro AF

- Ini adalah terbaik untuk melakukan pelarasan di lokasi sebenar anda akan menangkap. Ini akan menjadikan pelarasan lebih tepat.
- Menggunakan tripod apabila membuat pelarasan adalah disarankan.
- Untuk membuat penyesuaian, menangkap pada kualiti rakaman imej  L adalah disarankan.

Jika Autofokus Gagal

Autofokus boleh gagal mencapai fokus (penunjuk fokus pemidang tilik <●> berkelip) dengan subjek tertentu seperti berikut:

Subjek yang Sukar untuk Difokus

- Subjek dengan kontras yang sangat rendah
(Contoh: Langit biru, permukaan rata berwarna, dll.)
- Subjek dalam cahaya yang sangat malap
- Subjek bercahaya belakang yang terlalu terang dan memantul
(Contoh: Kereta dengan badan pantulan tinggi, dll.)
- Subjek jauh dan dekat yang ditingkatkan hampir dengan titik AF
(Contoh: Haiwan di dalam sangkar, dll.)
- Subjek seperti titik cahaya yang ditingkatkan hampir dengan titik AF
(Contoh: Pemandangan malam, dll.)
- Corak berulang
(Contoh: Tingkap pencakar langit, papan kekunci komputer, dll.)


Dalam keadaan sedemikian, fokus dengan melakukan salah satu daripada yang berikut:

- (1) Dengan AF Tangkapan Tunggal, fokus pada objek di jarak yang sama seperti subjek dan kunci fokus, kemudian gubah semula tangkapan (hlm.85).
- (2) Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual (hlm.142).




- Bergantung pada subjek, fokus mungkin dicapai dengan menggubah semula tangkapan sedikit dan menjalankan operasi AF sekali lagi.
- Keadaan yang membuatkan pemfokusan sukar dengan AF semasa penangkapan Pandangan Langsung atau rakaman filem disenaraikan pada halaman 315.

MF: Fokus Manual



Gelang fokus



1 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>.

▶ <M FOCUS> akan dipaparkan pada panel LCD.

2 Fokus pada subjek.


- Fokus dengan memutar gelang fokus lensa sehingga subjek kelihatan tajam dalam peminang tilik.




- Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah semasa memfokus secara manual, penunjuk fokus <●> akan menyala apabila fokus dicapai.
- Dengan AF pemilihan automatik 65 titik, apabila titik AF tengah mencapai fokus, penunjuk fokus <●> akan beryala.

Memilih Mod Pemacu

Mod pemacu tunggal dan berterusan disediakan. Anda boleh memilih mod pemacu yang sesuai dengan pemandangan atau subjek.



1 Tekan butang <DRIVE•AF>. (ⓘ6)



2 Pilih mod pemacu.

- Semasa melihat panel LCD atau pemedang tilik, putar dail <☉>.

: Penangkapan tunggal

Apabila anda tekan butang pengatup sepenuhnya, hanya satu tangkapan akan diambil.

H: Penangkapan berterusan kelajuan tinggi

Sementara anda menahan butang pengatup sepenuhnya, kamera akan menangkap secara berterusan pada kelajuan maksimum kira-kira 10.0 tangkapan/saat.

: Penangkapan berterusan kelajuan rendah

Sementara anda menahan butang pengatup sepenuhnya, tangkapan akan diambil pada kelajuan kira-kira 3.0 tangkapan/saat.

S: Penangkapan tunggal senyap

Penangkapan tunggal dengan kurang bunyi penangkapan berbanding dengan <☐> semasa penangkapan pemedang tilik.

S: Penangkapan berterusan senyap

Penangkapan berterusan dengan kurang bunyi penangkapan berbanding dengan <☐H> semasa penangkapan pemedang tilik. Kelajuan penangkapan berterusan akan menjadi kira-kira 4.0 tangkapan/saat.



Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem, penangkapan tidak akan senyap walaupun jika <☐S> atau <☐H> ditetapkan.

 : **Pemasa sendiri 10 saat/kawalan jauh**

₂ : **Pemasa sendiri 2 saat/kawalan jauh**


Untuk penangkapan pemasa sendiri, lihat halaman 145. Untuk penangkapan kawalan jauh, lihat halaman 250.

- Apabila EOS iTR AF sedang beroperasi (hlm.130), kelajuan penangkapan berterusan dengan <H> akan menjadi kira-kira 9.5 tangkapan/saat. Selain itu, dalam keadaan cahaya malap, kelajuan penangkapan berterusan mungkin akan berkurangan.
 - Jika <S> atau <S> ditetapkan, jarak masa dari masa anda menekan butang pengatup sepenuhnya sehingga gambar ditangkap akan menjadi sedikit lama berbanding dengan penangkapan standard.
 - Jika anda melakukan penangkapan berterusan kelajuan tinggi dalam suhu yang rendah apabila baki kapasiti bateri adalah rendah, kelajuan penangkapan berterusan akan menjadi perlahan.
 - Dalam operasi AF Servo AI, kelajuan penangkapan berterusan mungkin menjadi lebih perlahan bergantung pada subjek dan lensa yang digunakan.
 - H: Kelajuan penangkapan berterusan maksimum iaitu kira-kira 10 tangkapan/saat dicapai di bawah keadaan berikut*: 1/1000 saat atau kelajuan pengatup yang lebih tinggi, apertur maksimum (berbeza bergantung pada lensa), EOS iTR AF: OFF dan Penangkapan anti kelip: Lumpuhkan. Kelajuan penangkapan berterusan mungkin berkurangan bergantung pada kelajuan pengatup, apertur, keadaan subjek, kecerahan, lensa, penggunaan denyar, suhu, baki kapasiti bateri, dll.
- * Dengan mod AF ditetapkan pada AF Tangkapan Tunggal dan Penstabil Imej dimatikan apabila menggunakan lensa berikut : EF300mm f/4L IS USM, EF28-135mm f/3.5-5.6 IS USM, EF75-300mm f/4-5.6 IS USM, EF100-400mm f/4.5-5.6L IS USM.
- Jika [Record func. (Fungsi rekod)] dari menu [1: Record func+card/ folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)] ditetapkan kepada [Rec. separately (Rekod berasingan)] (hlm.148) dan tetapan kualiti rakaman untuk kad CF [1] dan kad SD [2] adalah berbeza, bilangan tangkapan maksimum (hlm.153) akan berkurangan. Apabila memori dalaman telah penuh semasa penangkapan berterusan, kelajuan penangkapan berterusan akan menjadi perlahan kerana penangkapan akan dilumpuhkan untuk sementara waktu (hlm.155).

 Dengan menetapkan [2: Continuous shooting speed (Kelajuan penangkapan berterusan)] (hlm.452), anda boleh menetapkan kelajuan penangkapan berterusan secara manual.

☺ Menggunakan Pemasa sendiri

Gunakan pemasa sendiri apabila anda ingin berada di dalam gambar.




1 Tekan butang <DRIVE•AF>. (☺6)

2 Pilih pemasa sendiri.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <☺>.

☺ : Pemasa sendiri 10 saat

☺₂ : Pemasa sendiri 2 saat



3 Ambil gambar.

- Lihat melalui pemidang tilik, fokus pada subjek, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Anda boleh periksa operasi pemasa sendiri dengan lampu pemasa sendiri, beeper dan paparan kiraan detik (dalam saat) pada panel LCD.
- ▶ Dua saat sebelum gambar diambil, lampu pemasa sendiri akan menyala dan beeper akan berbunyi dengan lebih cepat.



⚠ Jika anda tidak melihat melalui pemidang tilik apabila anda menekan butang pengatup, pasang penutup kanta mata (hlm.249). Jika cahaya lilau memasuki pemidang tilik apabila gambar itu diambil, ia mungkin mempengaruhi pendedahan.



- <☺> membolehkan anda menangkap walaupun tidak menyentuh kamera yang dicagakkan pada satu tripod. Ini menghalang guncangan kamera semasa anda menangkap hidupan pegun atau pendedahan lama.
- Selepas mengambil tangkapan pemasa sendiri, memainkan balik imej (hlm.366) untuk memeriksa fokus dan pendedahan adalah disarankan.
- Apabila menggunakan pemasa sendiri untuk menangkap diri anda sahaja, gunakan kunci fokus (hlm.85) pada satu objek pada jarak yang agak sama seperti jarak anda akan berada.
- Untuk membatalkan pemasa sendiri selepas ia bermula, tekan butang <DRIVE•AF>.

[illegible]

4

Tetapan Imej

Bab ini menerangkan tetapan fungsi berkaitan imej: Kualiti rakaman imej, kelajuan ISO, Gaya Gambar, white balance, Pengoptimum Pencahayaan Auto, pengurangan hingar, keutamaan ton sorotan, pembetulan penyimpangan lensa, penangkapan anti kelip dan fungsi lain.

- Ikon ☆ pada sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menandakan fungsi yang hanya boleh digunakan dalam mod: **<P>** **<Tv>** **<Av>** **<M>** ****.


MENU Memilih Kad untuk Merekod dan Main balik

Jika salah satu kad CF atau SD sudah dimasukkan dalam kamera, anda boleh mula merekod imej yang ditangkap. Apabila hanya satu kad dimasukkan, anda tidak perlu mengikuti prosedur yang diterangkan pada halaman 148-150.

Jika anda memasukkan kedua-dua kad CF dan kad SD, anda boleh memilih kaedah rekod dan memilih kad yang mana digunakan untuk merekod dan main balik imej.


[1] menandakan kad CF dan [2] menandakan kad SD.

Kaedah Rekod dengan Dua Kad Dimasukkan




1 Pilih [Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)].

- Di bawah tab [1], pilih [Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Record func. (Fungsi rekod)].



3 Pilih kaedah rekod.

- Pilih kaedah rekod, kemudian tekan <SET>.

- **Standard**

Imej akan direkod ke dalam kad yang dipilih dengan [**Record/play (Rekod/mainkan)**].

- **Auto switch card (Penukaran auto kad)**

Bersamaan dengan tetapan [**Standard**], tetapi jika kad menjadi penuh, kamera akan bertukar secara automatik ke kad yang lain untuk merekod imej. Apabila kad ditukar secara automatik, folder baharu akan dicipta.

- **Rec. separately (Rekod berasingan)**

Anda boleh menetapkan kualiti rakaman imej untuk setiap kad (hlm.151). Setiap imej direkod ke kedua-dua kad CF dan kad SD dengan kualiti rakaman imej yang ditetapkan. Anda boleh menetapkan kualiti rakaman imej dengan bebas, seperti **L** dan **RAW**, atau **S3** dan **M RAW**.

- **Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**

Setiap imej direkod ke kedua-dua kad CF dan kad SD pada masa yang sama dengan saiz imej yang sama. Anda juga boleh memilih RAW+JPEG.



- Jika [**Rec. separately (Rekod berasingan)**] ditetapkan dan kualiti rakaman berbeza ditetapkan untuk kad CF dan kad SD, bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan akan menurun (hlm.153).
- Walaupun [**Record func. (Fungsi rekod)**] ditetapkan kepada [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**], filem tidak boleh dirakam pada kedua-dua kad CF dan kad SD pada masa yang sama. Jika [**Rec. separately (Rekod berasingan)**] atau [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**] ditetapkan, filem akan dirakam pada kad yang ditetapkan untuk [**Playback (Main balik)**].



[**Rec. separately (Rekod berasingan)**] dan [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**]


- Nombor fail yang sama digunakan untuk merekod pada kedua-dua kad CF dan kad SD.
- Panel LCD akan memaparkan bilangan tangkapan yang mungkin bagi kad yang mempunyai bilangan lebih rendah.
- Jika salah satu kad menjadi penuh, [**Card* full (Kad* penuh)**] akan dipaparkan dan penangkapan akan dilumpuhkan. Jika ini berlaku, sama ada gantikan kad atau tetapkan [**Record func. (Fungsi rekod)**] kepada [**Standard**] atau [**Auto switch card (Penukaran auto kad)**], dan pilih kad yang mempunyai baki kapasiti untuk meneruskan penangkapan.

Memilih Kad CF atau SD untuk Merekod dan Main balik

Jika **[Record func. (Fungsi rekod)]** ditetapkan pada **[Standard]** atau **[Auto switch card (Penukaran auto kad)]**, pilih kad untuk merekod dan main balik.

Jika **[Record func. (Fungsi rekod)]** ditetapkan pada **[Rec. separately (Rekod berasingan)]** atau **[Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)]**, pilih kad untuk main balik imej.


Standard / Penukaran auto kad



Pilih **[Record/play (Rekod/mainkan)]**.

- Pilih **[Record/play (Rekod/mainkan)]**, kemudian tekan **<SET>**.
 - 1** : Rekod imej ke dan main balik imej dari kad CF.
 - 2** : Rekod imej ke dan main balik imej dari kad SD.
- Pilih kad, kemudian tekan **<SET>**.

Rekod berasingan / Rekod ke berbilang




Pilih **[Playback (Main balik)]**.

- Pilih **[Playback (Main balik)]**, kemudian tekan **<SET>**.
 - 1** : Main balik imej kad CF.
 - 2** : Main balik imej kad SD.
- Pilih kad, kemudian tekan **<SET>**.

MENU Menetapkan Kualiti Rakaman Imej

Anda boleh memilih bilangan piksel dan kualiti imej. Terdapat lapan tetapan kualiti rakaman imej JPEG: **L**, **L**, **M**, **M**, **S1**, **S1**, **S2**, **S3**.


Terdapat tiga tetapan kualiti imej RAW: **RAW**, **M RAW**, **S RAW** (hlm.154).



1 Pilih [Image quality (Kualiti imej)].

- Di bawah tab [1], pilih **Image quality (Kualiti imej)**, kemudian tekan <SET>.


Standard / Penukaran auto kad / Rekod ke berbilang




2 Pilih kualiti rakaman imej.

- Untuk memilih kualiti RAW, putar dial <[1]>. Untuk memilih kualiti JPEG, putar dial <[2]>.
- Pada sebelah kanan bahagian atas, nombor "***M (megapiksel) **** x ****" menunjukkan bilangan piksel direkod, dan "***" ialah bilangan tangkapan yang mungkin (dipaparkan sehingga 9999).
- Tekan <SET> untuk menentukannya.

Rekod berasingan




- Di bawah [1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)], jika [Record func. (Fungsi rekod)] ditetapkan pada [Rec. separately (Rekod berasingan)], pilih kad CF [1] atau kad SD [2], kemudian tekan <SET>.




- Pilih kualiti rakaman imej yang dikehendaki, kemudian tekan <SET>.

Contoh Tetapan Kualiti Rakaman Imej


L sahaja



RAW sahaja



RAW + L



S RAW + M



- Jika [-] ditetapkan untuk kedua-dua RAW dan JPEG, **L** akan ditetapkan.
- Bilangan tangkapan yang mungkin akan dipaparkan sehingga 1999 pada panel LCD.

Panduan ke Tetap Kualiti Rakaman Imej (Anggaran)

Kualiti Imej		Piksel Direkod	Saiz Cetakan	Saiz Fail (MB)	Tangkapan yang Mungkin	Bilangan Tangkapan Maksimum
JPEG	L	20M	A2	6.6	1090	130 (1090)
	L			3.5	2060	2060 (2060)
	M	8.9M	A3	3.6	2000	2000 (2000)
	M			1.8	3810	3810 (3810)
	S1	5.0M	A4	2.3	3060	3060 (3060)
	S1			1.2	5800	5800 (5800)
	S2 ^{*1}	2.5M	9x13 cm	1.3	5240	5240 (5240)
	S3 ^{*2}	0.3M	-	0.3	20330	20330 (20330)
RAW	RAW	20M	A2	24.0	290	24 (31)
	M RAW	11M	A3	19.3	350	28 (31)
	S RAW	5.0M	A4	13.3	510	35 (35)
RAW + JPEG	RAW L	20M 20M	A2 A2	24.0+6.6	220	18 (19)
	M RAW L	11M 20M	A3 A2	19.3+6.6	260	18 (19)
	S RAW L	5.0M 20M	A4 A2	13.3+6.6	340	18 (19)

*1: S2 sesuai untuk memainkan imej pada bingkai gambar digital.

*2: S3 sesuai untuk e-mel imej atau menggunakannya pada laman Web.

- S2 dan S3 akan berada dalam kualiti (Halus).
- Saiz fail, bilangan tangkapan yang mungkin dan bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan berdasarkan standard pengujian Canon (nisbah bidang 3:2, ISO 100 dan Gaya Gambar Standard) dengan menggunakan kad CF 8 GB. **Angka ini akan bertukar bergantung kepada subjek, jenama kad, nisbah bidang, kelajuan ISO, Gaya Gambar, Fungsi Tersuai dan tetapan lain.**
- Bilangan tangkapan maksimum yang dikenakan pada <H> penangkapan berterusan kelajuan tinggi. Angka dalam kurungan boleh terpakai bagi kad CF Ultra DMA (UDMA) 7 yang berdasarkan standard pengujian Canon.



Walaupun anda menggunakan kad UDMA, penunjuk bilangan tangkapan maksimum tidak akan bertukar. Bilangan tangkapan maksimum dalam tanda kurung dalam jadual sebaliknya akan dikenakan.



- Jika anda memilih kedua-dua RAW dan JPEG, imej yang sama akan direkod serentak pada kad dalam bentuk RAW dan JPEG pada kualiti rakaman imej yang ditetapkan. Kedua-dua imej akan direkod dengan nombor fail yang sama (sambungan fail: .JPG untuk JPEG dan .CR2 untuk RAW).
- Ikon kualiti rakaman imej adalah seperti berikut: **RAW** (RAW), **M RAW** (RAW Sederhana), **S RAW** (RAW Kecil), JPEG (JPEG),  (Halus),  (Normal), **L** (Besar), **M** (Sederhana) dan **S** (Kecil).

Imej RAW

Imej RAW ialah data mentah yang dioutput oleh pengesan imej seterusnya ditukar ke data digital. Ia dirakam pada kad seperti seadanya dan anda boleh memilih kualiti seperti berikut: **RAW**, **M RAW** atau **S RAW**.

Imej **RAW** boleh diproses dengan [ **1: RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)**] (hlm.410) dan disimpan sebagai imej JPEG. (Imej **M RAW** dan **S RAW** tidak boleh diproses dengan kamera.) Oleh kerana imej RAW sendiri tidak bertukar, anda boleh memproses imej RAW mengikut keadaan pemprosesan berlainan untuk mencipta seberapa banyak imej JPEG daripadanya. Anda boleh menggunakan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) untuk memproses imej RAW. Anda boleh membuat pelbagai pelarasan seperti yang dikehendaki dan menghasilkan imej JPEG, TIFF, dll yang menggabungkan pelarasan tersebut.



Perisian Pemprosesan Imej RAW

- Untuk memaparkan imej RAW pada komputer, penggunaan Digital Photo Professional (DPP, perisian EOS) adalah disyorkan.
- Versi terdahulu DPP mungkin tidak boleh memproses imej RAW yang diambil dengan kamera ini. Jika komputer anda mempunyai versi terdahulu DPP, kemas kini dengan CD-ROM EOS DIGITAL Solution Disk yang disediakan dengan kamera ini. (Versi terdahulu akan ditulis ganti.)
- Perisian yang tersedia dalam pasaran mungkin tidak boleh memaparkan imej RAW yang diambil dengan kamera ini. Untuk maklumat keserasian, sila hubungi pengeluar perisian.


Tetapan Kualiti Imej Satu Sentuhan

Dengan Kawalan Tersuai, anda boleh menetapkan kualiti rakaman imej pada butang <M-Fn> atau butang pratonton kedalaman medan supaya anda boleh bertukar kepadanya buat seketika. Jika anda menetapkan **[One-touch image quality setting (Tetapan kualiti imej satu sentuhan)]** atau **[One-touch image quality (hold) (Kualiti imej satu sentuhan (tahan))]** pada butang <M-Fn> atau butang pratonton kedalaman medan, anda boleh bertukar dengan pantas kepada kualiti rakaman imej yang dikehendaki dan menangkap.

Untuk maklumat lanjut, lihat Kawalan Tersuai (hlm.458).

Di bawah **[F1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)]**, jika **[Record func. (Fungsi rekod)]** ditetapkan kepada **[Rec. separately (Rekod berasingan)]**, anda tidak boleh bertukar ke Tetapan kualiti imej satu sentuhan.

Bilangan Tangkapan Maksimum untuk Penangkapan Berterusan



Anggaran bilangan tangkapan maksimum dipaparkan pada sebelah kanan bahagian bawah dalam kedua-dua pemedang tilik dan pada skrin tetapan fungsi tangkapan.

Jika bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan ialah 99 atau lebih tinggi, "99" akan dipaparkan.


Bilangan tangkapan maksimum dipaparkan walaupun apabila kad tidak dimasukkan dalam kamera. Pastikan kad dimasukkan sebelum mengambil gambar.

Jika bilangan tangkapan maksimum dipaparkan sebagai "99", ia menunjukkan bahawa anda boleh mengambil 99 atau lebih tangkapan secara berterusan. Jika bilangan tangkapan maksimum berkurangan ke 98 atau lebih rendah dan memori penimbun dalam menjadi penuh, "buSY" akan dipaparkan dalam pemedang tilik dan pada panel LCD. Penangkapan akan dilumpuhkan sementara waktu. Jika anda menghentikan penangkapan berterusan, bilangan tangkapan maksimum akan meningkat. Selepas semua imej yang ditangkap ditulis pada kad, anda boleh menyambung semula penangkapan berterusan dan menangkap sehingga bilangan tangkapan maksimum yang disenaraikan pada halaman 153.


ISO: Menetapkan Kelajuan ISO ☆

Tetapkan kelajuan ISO (kepekaan pengesan imej kepada cahaya) untuk sesuai dengan tahap cahaya sekitar. Setelah mod <A+> dipilih, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik (hlm.158).

Berkekaan kelajuan ISO semasa rakaman filem, lihat halaman 325 dan 329.



1 Tekan butang <ISO>. (ⓘ6)



2 Tetapkan kelajuan ISO.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <ISO>.
- Kelajuan ISO boleh ditetapkan antara ISO 100 - ISO 16000 dalam kenaikan 1/3 hentian.
- “A” menunjukkan ISO Auto. Kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik (hlm.158).

Panduan Kelajuan ISO

Kelajuan ISO	Keadaan Penangkapan (Tiada denyar)	Julat Denyar
ISO 100 - ISO 400	Cuaca cerah di luar	Lebih tinggi kelajuan ISO, akan lebih jauh julat denyar.
ISO 400 - ISO 1600	Langit mendung atau waktu petang	
ISO 1600 - ISO 16000, H1, H2	Dalam bangunan atau malam gelap	

* Kelajuan ISO tinggi akan menghasilkan imej lebih berbintik-bintik.



- Oleh sebab H1 (bersamaan dengan ISO 25600) dan H2 (bersamaan dengan ISO 51200) adalah tetapan kelajuan ISO yang dikembangkan, hingar (titik cahaya, penjaluran, dll) dan warna tak sekata akan lebih ketara, serta resolusi akan lebih rendah daripada biasa.
- Jika [**📷3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**] (hlm.182), ISO 100/125/160, H1 (bersamaan dengan ISO 25600) dan H2 (bersamaan dengan ISO 51200) tidak boleh dipilih.
- Menangkap gambar dalam suhu tinggi boleh menghasilkan imej yang kelihatan lebih berbintik-bintik. Pendedahan panjang boleh juga menyebabkan warna tidak sekata dalam imej.
- Apabila anda menangkap pada kelajuan ISO tinggi, hingar (seperti titik cahaya dan penjaluran) mungkin menjadi ketara.
- Apabila mengambil gambar dalam keadaan yang menghasilkan jumlah hingar yang sangat banyak, seperti gabungan kelajuan ISO tinggi, suhu tinggi dan pendedahan lama, imej mungkin tidak direkod dengan betul.
- Jika anda menggunakan kelajuan ISO tinggi dan denyar untuk menangkap gambar subjek dekat, mungkin berlaku pendedahan berlebihan.
- Jika anda menetapkan H2 (bersamaan dengan ISO 51200) dan merakam filem, ia akan bertukar kepada H1 (bersamaan dengan ISO 25600) dengan rakaman filem pendedahan manual. Walaupun jika anda menukar kembali kepada penangkapan foto pegun, kelajuan ISO tidak akan kembali ke H2.



- Di bawah [**📷2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)**], anda boleh menggunakan [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**] untuk mengembangkan julat kelajuan ISO yang boleh ditetapkan sehingga H2 (bersamaan dengan ISO 51200) (hlm.159).
- Walaupun jika [**📷1: ISO speed setting increments (Kenaikan tetapan kelajuan ISO)**] ditetapkan kepada [**1-stop (1 hentian)**], anda masih boleh memilih ISO 16000.

ISO Auto



Jika kelajuan ISO ditetapkan ke “A” (Auto), kelajuan ISO sebenar untuk ditetapkan akan dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Seperti yang ditunjukkan di bawah, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik supaya sesuai dengan mod penangkapan.

Mod Penangkapan	Tetapan Kelajuan ISO
[A]⁺	Ditetapkan secara automatik dalam ISO 100 - ISO 6400
P/Tv/Av/M	Ditetapkan secara automatik dalam ISO 100 - ISO 16000 ^{*1}
B	ISO 400 ^{*1}
Dengan denyar	ISO 400 ^{*1*2*3*4}

*1 : Julat kelajuan ISO sebenar bergantung pada tetapan [Minimum] dan [Maximum (Maksimum)] ditetapkan dalam [Auto ISO range (Julat ISO auto)].


*2: Jika denyar tokok akan menyebabkan pendedahan berlebihan, kelajuan ISO mungkin dikurangkan, sehingga minimum yang mungkin iaitu ISO 100 (kecuali dalam mod <M> dan).

*3: Kecuali dalam mod <[A]⁺>.

*4: Dalam mod <P>, jika Speedlite luaran ditetapkan untuk denyar lantun, ISO 400 - ISO 1600 akan ditetapkan secara automatik.


MENU Menetapkan Julat Kelajuan ISO yang Boleh Ditetapkan secara Manual

Anda boleh menetapkan julat kelajuan ISO yang boleh ditetapkan secara manual (had minimum dan maksimum). Anda boleh menetapkan had minimum dalam ISO 100 hingga H1 (bersamaan dengan ISO 25600), dan had maksimum dalam ISO 200 hingga H2 (bersamaan dengan ISO 51200).




1 Pilih [ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)].

- Di bawah tab [2], pilih [ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [ISO speed range (Julat kelajuan ISO)].



3 Tetapkan had minimum.

- Pilih kotak had minimum, kemudian tekan <SET>.
- Pilih kelajuan ISO, kemudian tekan <SET>.




4 Tetapkan had maksimum.

- Pilih kotak had maksimum, kemudian tekan <SET>.
- Pilih kelajuan ISO, kemudian tekan <SET>.


5 Pilih [OK].

MENU Menetapkan Julat Kelajuan ISO untuk ISO Auto

Anda boleh menetapkan julat kelajuan ISO untuk ISO Auto dalam ISO 100 - ISO 16000. Anda boleh menetapkan had minimum dalam ISO 100 - ISO 12800 dan had maksimum dalam ISO 200 - ISO 16000.




1 Pilih [Auto ISO range (Julat ISO auto)].



2 Tetapkan had minimum.

- Pilih kotak had minimum, kemudian tekan <SET>.
- Pilih kelajuan ISO, kemudian tekan <SET>.



3 Tetapkan had maksimum.

- Pilih kotak had maksimum, kemudian tekan <SET>.
- Pilih kelajuan ISO, kemudian tekan <SET>.

4 Pilih [OK].

Tetapan **[Minimum]** dan **[Maximum (Maksimum)]** juga akan dikenakan pada kelajuan ISO minimum dan maksimum bagi anjakan keselamatan kelajuan ISO (hlm.449).

MENU Menetapkan Kelajuan Pengatup Minimum untuk ISO Auto

Anda boleh menetapkan kelajuan pengatup minimum supaya kelajuan pengatup yang ditetapkan secara automatik tidak akan terlalu perlahan apabila ISO Auto ditetapkan.

Ini mudah dalam mod <P> dan <Av> apabila anda menggunakan lensa sudut lebar untuk menangkap subjek bergerak atau apabila anda menggunakan lensa telefoto. Ia membantu mengurangkan goncangan kamera dan subjek yang kabur.

ISO speed settings	
ISO speed	Auto
ISO speed range	100-16000
Auto ISO range	100-6400
Min. shutter spd.	Auto

1 Pilih [Min. shutter spd. (Kelajuan pengatup minimum)].

Ditetapkan secara automatik

Min. shutter spd.	
Auto(Standard)	
Auto	
Manual	
Slower	Faster

2 Tetapkan kelajuan pengatup minimum yang dikehendaki.

- Pilih [Auto] atau [Manual].
- Jika anda memilih [Auto], putar dail <☀> untuk menetapkan kelajuan yang dikehendaki (lebih perlahan atau lebih laju) berbanding dengan kelajuan standard, kemudian tekan <SET>.
- Jika anda memilih [Manual], putar dail <☀> untuk memilih kelajuan pengatup, kemudian tekan <SET>.

Ditetapkan secara manual

Min. shutter spd.				
Manual(1/125)				
Auto				
Manual				
1/8000	1/4000	1/2000	1/1000	1/500
1/250	1/125	1/60	1/30	1/15
1/8	1/4	0"5	1"	



- Jika pendedahan betul tidak boleh diperoleh dengan had kelajuan ISO maksimum ditetapkan dengan [Auto ISO range (Julat ISO auto)], kelajuan pengatup lebih perlahan daripada [Min. shutter spd. (Kelajuan pengatup minimum)] akan ditetapkan untuk mendapatkan pendedahan standard.
- Fungsi ini tidak akan dikenakan pada penangkapan denyar atau rakaman filem.



Apabila [Auto: 0] ditetapkan, kelajuan pengatup minimum adalah timbalan balik panjang fokus lensa. Satu langkah dari [Slower (Lebih Perlahan)] ke [Faster (Lebih Laju)] adalah bersamaan dengan satu hentian kelajuan pengatup.


Memilih Gaya Gambar ☆

Dengan memilih Gaya Gambar, anda boleh mendapatkan ciri-ciri imej yang sepadan dengan ekspresi fotografi anda atau subjek.

Gaya Gambar ditetapkan secara automatik pada [A] (Auto) dalam mod <A+>.




1 Tekan butang </>.



2 Pilih [].

▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.



3 Pilih Gaya Gambar.

▶ Gaya Gambar akan ditetapkan dan kamera akan bersedia untuk menangkap.

 Anda juga boleh memilih Gaya Gambar dengan [3: Picture Style (Gaya Gambar)].

Ciri-ciri Gaya Gambar

Auto

Ton warna akan dilaraskan secara automatik supaya sesuai dengan pemandangan. Warna akan kelihatan terang, terutamanya bagi langit biru, tumbuhan hijau dan matahari terbenam, serta dalam pemandangan semula jadi, luar dan matahari terbenam.



Jika ton warna yang dikehendaki tidak diperoleh dengan **[Auto]**, guna Gaya Gambar lain.

Standard

Imej kelihatan terang, tajam, dan jelas. Ini ialah Gaya Gambar serbaguna sesuai untuk kebanyakan pemandangan.

Portrait (Potret)

Untuk ton kulit menarik. Imej kelihatan lebih lembut. Sesuai untuk potret tangkap dekat.

Dengan menukar **[Color tone (Ton Warna)]** (hlm.165), anda boleh melaraskan ton kulit.

Landscape (Landskap)

Untuk warna biru dan hijau terang, dan imej yang sangat tajam dan ketara. Berkesan untuk landskap mengagumkan.

Neutral

Sesuai untuk memproses imej dengan komputer. Untuk warna semula jadi dan imej lembut.

Faithful (Setia)

Sesuai untuk memproses imej dengan komputer. Warna subjek yang ditangkap di bawah cahaya matahari pada suhu warna 5200K akan dilaraskan untuk sepadan dengan warna kolorimetri subjek. Imej akan kelihatan lembut.

Monochrome (Monokrom)

Mencipta imej hitam dan putih.

 Imej hitam dan putih ditangkap dalam JPEG tidak boleh kembali kepada berwarna. Jika kemudian anda mahu menangkap gambar dalam berwarna, pastikan tetapan **[Monochrome (Monokrom)]** dibatalkan.


 Anda boleh memaparkan <> dalam pemidang tilik dan pada panel LCD apabila **[Monochrome (Monokrom)]** ditetapkan (hlm.454).

User Def. 1-3 (Pilihan Pengguna 1-3)

Anda boleh mendaftar gaya asas seperti **[Portrait (Potret)]**, **[Landscape (Landskap)]**, fail Gaya Gambar dll, dan melaraskannya seperti dikehendaki (hlm.168). Mana-mana Gaya Gambar Pilihan Pengguna yang tidak ditetapkan akan mempunyai tetapan sama seperti Gaya Gambar **[Standard]**.

Simbol

Simbol skrin pemilihan Gaya Gambar merujuk kepada parameter seperti **[Sharpness (Ketajaman)]** dan **[Contrast (Kontras)]**. Angka menunjukkan tetapan parameter, seperti untuk **[Sharpness (Ketajaman)]** dan **[Contrast (Kontras)]**, untuk setiap Gaya Gambar.




Simbol

	Ketajaman
	Kontras
	Ketepuan
	Ton warna
	Kesan turas (Monokrom)
	Kesan pengetonan (Monokrom)

✱ Menyesuaikan Gaya Gambar ☆


Anda boleh menyesuaikan Gaya Gambar dengan melaraskan parameter individu seperti **[Sharpness (Ketajaman)]** dan **[Contrast (Kontras)]**. Untuk melihat kesan yang dihasilkan, ambil tangkapan ujian. Untuk menyesuaikan **[Monochrome (Monokrom)]**, lihat halaman 167.

1 Tekan butang <🔍>.




2 Pilih [✱].

- ▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.





3 Pilih Gaya Gambar.

- Pilih Gaya Gambar, kemudian tekan butang <INFO.>.



4 Pilih parameter.

- Pilih parameter seperti **[Sharpness (Ketajaman)]**, kemudian tekan <SET>.



5 Tetapkan parameter.

- Laraskan parameter seperti dikehendaki, kemudian tekan <SET>.
- Tekan butang <MENU> untuk menyimpan parameter yang telah dilaraskan. Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul semula.
- ▶ Mana-mana tetapan parameter yang berbeza daripada tetapan lalai akan dipaparkan dalam warna biru.

Tetapan Parameter dan Kesan


Sharpness (Ketajaman)	0: Garis bentuk kurang tajam	+7: Garis bentuk tajam
Contrast (Kontras)	-4: Kontras rendah	+4: Kontras tinggi
Saturation (Ketepuan)	-4: Ketepuan rendah	+4: Ketepuan tinggi
Color tone (Ton warna)	-4: Ton kulit kemerahan	+4: Ton kulit kekuningan

- Dengan memilih [**Default set. (Tetapan lalai)**] dalam langkah 4, anda boleh tukar semula Gaya Gambar masing-masing ke tetapan parameter lalainya.
- Untuk menangkap dengan Gaya Gambar yang anda dilaraskan, pilih Gaya Gambar yang dilaraskan terlebih dahulu, kemudian tangkap.

Pelarasan Monokrom

Untuk Monokrom, anda juga boleh menetapkan **[Filter effect (Kesan turas)]** dan **[Toning effect (Kesan ton)]** selain **[Sharpness (Ketajaman)]** dan **[Contrast (Kontras)]** yang diterangkan dalam halaman sebelumnya.

Filter effect (Kesan turas)




Dengan kesan turas dikenakan pada imej monokrom, anda boleh membuat awan putih atau pokok hijau lebih menonjol.

Penuras	Kesan Sampel
N: None (Tiada)	Imej hitam dan putih biasa tanpa kesan turas.
Ye: Yellow (Kuning)	Langit biru akan nampak lebih semula jadi dan awan putih nampak lebih jelas.
Or: Orange (Jingga)	Langit biru akan nampak gelap sedikit. Matahari terbenam akan nampak lebih marak.
R: Red (Merah)	Langit biru akan nampak agak gelap. Daun gugur akan nampak lebih jelas dan cerah.
G: Green (Hijau)	Ton kulit dan bibir akan nampak lembut. Daun pokok hijau akan nampak lebih jelas dan cerah.

 Meningkatkan **[Contrast (Kontras)]** akan membuatkan kesan turas lebih jelas.

Toning effect (Kesan ton)



Dengan menggunakan kesan ton, anda boleh mencipta imej monokrom dalam warna tersebut. Ia boleh membuatkan imej nampak lebih mengagumkan. Yang berikut boleh dipilih: **[N:None (Tiada)]**, **[S:Sepia]**, **[B:Blue (Biru)]**, **[P:Purple (Ungu)]** atau **[G:Green (Hijau)]**.


🔧 Mendaftar Gaya Gambar ☆

Anda boleh memilih Gaya Gambar asas seperti [**Portrait (Potret)**] atau [**Landscape (Landskap)**], laraskan parameternya seperti yang dikehendaki dan daftarkannya di bawah [**User Def. 1 (Pilihan Pengguna 1)**], [**User Def. 2 (Pilihan Pengguna 2)**] atau [**User Def. 3 (Pilihan Pengguna 3)**].

Anda boleh mencipta pelbagai Gaya Gambar dengan tetapan berbeza untuk parameter seperti ketajaman dan kontras.


Anda juga boleh melaraskan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan ke dalam kamera dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.558).

1 Tekan butang <🔧>.



2 Pilih [🔧].

- ▶ Skrin pemilihan Gaya Gambar akan muncul.




3 Pilih [User Def. * (Pilihan Pengguna *)].

- Pilih [User Def. * (Pilihan Pengguna *)], kemudian tekan butang <INFO.>.




4 Tekan <SET>.

- Dengan [Picture Style (Gaya Gambar)] dipilih, tekan <SET>.




5 Pilih Gaya Gambar asas.

- Pilih Gaya Gambar asas, kemudian tekan <SET>.
- Untuk melaraskan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan ke dalam kamera dengan EOS Utility (perisian EOS), pilih Gaya Gambar di sini.




6 Pilih parameter.

- Pilih parameter seperti [**Sharpness (Ketajaman)**], kemudian tekan <SET>.



7 Tetapkan parameter.

- Laraskan parameter seperti dikehendaki, kemudian tekan <SET>.
- Untuk maklumat lanjut, lihat “Menyesuaikan Gaya Gambar” (hlm.165).
- Tekan butang <MENU> untuk mendaftar Gaya Gambar yang diubah suai. Skrin pemilihan Gaya Gambar kemudian akan muncul semula.
- Gaya Gambar asas akan ditunjukkan pada sebelah kanan [**User Def. * (Pilihan Pengguna *)**].



- Jika Gaya Gambar telah didaftarkan di bawah [**User Def. * (Pilihan Pengguna *)**], menukar Gaya Gambar asas dalam langkah 5 akan membatalkan tetapan parameter Gaya Gambar yang didaftarkan.
- Jika anda melaksanakan [**Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] (hlm.70), semua tetapan [**User Def. * (Pilihan Pengguna *)**] akan kembali ke lalainya. Mana-mana Gaya Gambar yang didaftarkan melalui EOS Utility (perisian EOS) hanya akan membuatkan parameter yang diubah suai dikembalikan kepada tetapan lalai.




- Untuk menangkap dengan Gaya Gambar yang anda laraskan, pilih [**User Def. * (Pilihan Pengguna *)**] yang didaftarkan, kemudian tangkap.
- Berkenaan dengan prosedur untuk mendaftar fail Gaya Gambar ke dalam kamera, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.558).


WB: Menetapkan White Balance ☆

White balance (WB) berfungsi untuk membuatkan kawasan putih kelihatan putih. Biasanya, tetapan [AWB] (Auto) akan mendapatkan white balance yang betul. Jika warna yang nampak semula jadi tidak boleh diperolehi dengan [AWB], anda boleh memilih white balance untuk sepadan dengan sumber cahaya atau menetakannya secara manual dengan menangkap objek putih.

<[A]> ditetapkan secara automatik dalam mod [AWB].



1 Tekan butang <WB•☀>. (ⓘ6)



2 Pilih tetapan white balance.

- Semasa melihat panel LCD atau pemandang tilik, putar dail <☀>.

(Anggaran)

Paparan	Mod	Suhu Warna (K: Kelvin)
[AWB]	Auto	3000-7000
☀	Siang	5200
☀☀☀	Gelapan	7000
☁	Mendung, senja, matahari terbenam	6000
☀	Cahaya tungsten	3200
☀☀	Lampu pendarfluor putih	4000
⚡	Denyar digunakan	Ditetapkan secara automatik*
☀	Tersuai (hlm.171)	2000 -10000
K	Suhu warna (hlm.173)	2500 -10000

* Boleh digunakan dengan Speedlite yang mempunyai fungsi penghantaran suhu warna. Jika tidak, ia akan ditetapkan pada lebih kurang 6000 K.




Anda juga boleh menetapkan ini dengan [📷2: White balance].

White Balance

Pada mata manusia, objek putih nampak putih tanpa mengira jenis pencahayaan. Dengan kamera digital, suhu warna dilaraskan dengan perisian untuk membuatkan kawasan putih nampak putih. Pelarasan ini bertindak sebagai asas untuk pembetulan warna. Dengan fungsi ini, warna dengan rona warna semula jadi boleh diambil.


White Balance Tersuai

White balance tersuai membolehkan anda menetapkan white balance bagi sumber cahaya tertentu secara manual untuk ketepatan yang lebih baik. Lakukan prosedur ini di bawah sumber cahaya sebenar yang akan digunakan.




1 Tangkap objek putih.

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan keseluruhan kotak garisan putus-putus (ditunjukkan dalam ilustrasi) terhadap objek putih bersih.
- Fokus secara manual dan tangkap dengan pendedahan standard yang ditetapkan untuk objek putih.
- Anda boleh menggunakan tetapan White Balance.




2 Pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)].

- Di bawah tab [2], pilih [Custom White Balance (White Balance Tersuai)], kemudian tekan <(SET)>.
- ▶ Skrin pilihan white balance tersuai akan muncul.



3 Import data white balance.

- Putar dial <⌚> untuk memilih imej yang ditangkap dalam langkah 1, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Pada skrin dialog yang muncul, pilih [OK] dan data akan diimport.
- Tekan butang <MENU> untuk keluar dari menu.



4 Tekan butang <WB•[camera icon]>. (⌚6)

5 Pilih white balance tersuai.


- Lihat pada panel LCD dan putar dial <⌚> untuk memilih <[camera icon]>.

- Jika pendedahan diperoleh dalam langkah 1 berbeza banyak daripada pendedahan standard, white balance yang betul mungkin tidak dapat diperoleh.
- Dalam langkah 3, imej yang berikut tidak boleh dipilih: Imej yang ditangkap semasa Gaya Gambar ditetapkan kepada **[Monochrome (Monokrom)]**, imej pendedahan berbilang dan imej yang ditangkap dengan kamera lain.

- Selain objek putih, carta kelabu atau pemantul kelabu 18% (boleh didapati secara komersial) boleh menghasilkan white balance yang lebih tepat.
- White balance peribadi yang didaftarkan dengan perisian EOS akan didaftarkan di bawah <[camera icon]>. Jika anda melakukan langkah 3, data untuk white balance peribadi yang didaftarkan akan dipadam.


K Menetapkan Suhu Warna

Anda boleh menetapkan suhu warna white balance secara berangka. Ini untuk pengguna mahir.



1 Pilih [White balance].

- Di bawah tab [2], pilih [White balance], kemudian tekan <SET>.



2 Tetapkan suhu warna.

- Pilih [K].
- Putar dial <☀> untuk menetapkan suhu warna, kemudian tekan <SET>.
- Suhu warna boleh ditetapkan daripada lebih kurang 2500 K hingga 10000 K dengan kenaikan 100 K.




- Apabila menetapkan suhu warna untuk sumber cahaya tiruan, tetapkan pembetulan white balance (magenta atau hijau) seperti yang diperlukan.
- Jika anda menetapkan [K] pada bacaan yang diambil dengan meter suhu warna yang terdapat di pasaran, ambil tangkapan ujian dan laras tetapan untuk memampas untuk perbezaan di antara bacaan meter suhu warna dan bacaan suhu warna kamera.

WB $\pm$ Pembetulan White Balance ☆


Anda boleh membetulkan white balance yang ditetapkan. Pelarasan ini akan memberikan kesan yang sama seperti menggunakan penuras penukaran suhu warna atau penuras pemampasan warna yang terdapat di pasaran. Setiap warna boleh dibetulkan ke satu daripada sembilan tahap. Fungsi ini adalah untuk pengguna mahir yang biasa dengan penggunaan penukaran suhu warna atau penuras pemampasan warna.

Pembetulan White Balance



1 Pilih [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)].


- Di bawah tab [2], pilih [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)], kemudian tekan <SET>.



2 Tetapkan pembetulan white balance.

- Gunakan <[WB Shift/Bkt.]> untuk menggerakkan tanda "■" ke kedudukan yang sesuai.
- B adalah untuk biru, A adalah untuk ambar, M adalah untuk magenta dan G adalah untuk hijau. Imbangan warna imej akan dibetulkan mengikut warna yang dipilih.
- Pada sebelah kanan skrin, "Shift (Anjakan)" menunjukkan arah dan jumlah pembetulan masing-masing.
- Menekan butang <[Bracket]> akan membatalkan semua tetapan [WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)].
- Tekan <SET> untuk keluar dari tetapan.


Tetapan sampel: A2, G1




- Semasa pembetulan white balance, <WB> akan dipaparkan pada panel LCD.
- Anda boleh memaparkan <[WB Shift/Bkt.]> dalam pemidang tilik dan panel LCD apabila pembetulan white balance ditetapkan (hlm.454).
- Satu tahap daripada pembetulan biru/ambar sama dengan lebih kurang 5 mired penuras penukaran suhu warna. (Mired: Unit pengukuran menunjukkan ketumpatan penuras penukaran suhu warna.)

Bracketing Auto White Balance

Dengan hanya satu tangkapan, tiga imej dengan ton warna berlainan boleh direkod secara serentak. Berdasarkan suhu warna tetapan white balance semasa, imej akan ditarafkan dengan bias biru/ambar atau magenta/hijau. Ini dipanggil bracketing white balance (WB-BKT). Bracketing white balance boleh dilaraskan sehingga ± 3 tahap dalam kenaikan tahap tunggal.



Bias B/A ± 3 tahap



Tetapkan jumlah bracketing white balance.

- Dalam langkah 2 untuk “Pembedulan white balance”, apabila anda memutar dail <⌚>, tanda “■” pada skrin akan bertukar menjadi “■■■” (3 titik). Memutar dail ke kanan menetapkan bracketing B/A dan memutarnya ke kiri menetapkan bracketing M/G.
- ▶ Pada sebelah kanan, “**Bracket**” menunjukkan arah bracketing dan jumlah pembedulan.
- Menekan butang <⌂> akan membatalkan semua tetapan [**WB Shift/Bkt. (Anjakan/Bkt. WB)**].
- Tekan <SET> untuk keluar dari tetapan.

Urutan Bracketing

Image akan dikenakan bracketing dalam urutan berikut: 1. White balance standard, 2. Bias biru (B), dan 3. Bias ambar (A), atau 1. White balance standard, 2. Bias magenta (M), dan 3. Bias hijau (G).




- Semasa bracketing WB, bilangan tangkapan maksimum untuk penangkapan berterusan akan lebih rendah dan bilangan tangkapan yang mungkin juga akan berkurang sehingga satu pertiga bilangan biasa.
- Oleh sebab tiga imej direkod untuk satu tangkapan, ia mengambil masa lebih lama untuk merekod imej pada kad.



- Anda juga boleh menetapkan pembetulan white balance dan AEB bersama dengan bracketing white balance. Jika anda menetapkan AEB dalam gabungan dengan bracketing white balance, sejumlah sembilan imej akan dirakamkan untuk tangkapan tunggal.
- Apabila bracketing white balance ditetapkan, ikon white balance akan berkelip.
- Anda boleh menukar bilang tangkapan untuk bracketing white balance (hlm.447).
- “**Bkt.**” singkatan untuk bracketing.


MENU Pembetulan Auto Kecerahan dan Kontras ☆

Jika imej yang terhasil gelap dan kontras rendah, kecerahan dan kontras boleh dibetulkan secara automatik. Fungsi ini dipanggil Pengoptimum Pencahayaan Auto. Tetapan lalai ialah **[Standard]**. Dengan imej JPEG, pembetulan dikenakan apabila imej ditangkap. **[Standard]** ditetapkan secara automatik dalam mod <A+>.



1 Pilih [Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)].

- Di bawah tab [A2], pilih **[Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)]**, kemudian tekan <SET>.



2 Pilih tetapan.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan kecerahan dan kontras dibetulkan jika perlu.



- Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin meningkat.
- Jika Pengoptimum Pencahayaan Auto adalah terlalu kuat dan imej adalah terlalu terang, tetapkan **[Low (Rendah)]** atau **[Disable (Lumpuhkan)]**.
- Jika tetapan selain daripada **[Disable (Lumpuhkan)]** ditetapkan dan anda menggunakan pampasan pendedahan atau pampasan pendedahan denyar untuk menggelapkan pendedahan, imej yang terhasil mungkin masih cerah. Jika anda mahu pendedahan lebih gelap, tetapkan fungsi ini ke **[Disable (Lumpuhkan)]**.
- Jika **[A3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)]** ditetapkan kepada **[Enable (Aktif)]**, Pengoptimum Pencahayaan Auto




Dalam langkah 2, jika anda tekan butang <INFO.> dan buang tanda <✓> tetapan **[Disabled in M or B modes (Lumpuhkan dalam mod M atau B)]**, **[Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)]** juga boleh ditetapkan dalam mod <M> dan .

MENU Menetapkan Pengurangan Hingar[☆]


Pengurangan Hingar ISO Berkelajuan Tinggi

Fungsi ini mengurangkan hingar yang dihasilkan dalam imej. Walaupun pengurangan hingar dikenakan pada semua kelajuan ISO, ia berkesan terutamanya pada kelajuan ISO tinggi. Pada kelajuan ISO rendah, hingar dalam bahagian gelap imej (kawasan berbayang) dikurangkan lebih lagi.



1 Pilih [High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)].

- Di bawah tab [📷3], pilih [High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)], kemudian tekan <Ⓢ>.



2 Tetapkan tahap.

- Pilih tahap pengurang hingar yang dikehendaki, kemudian tekan <Ⓢ>.

• : Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)

Tetapan ini melaksanakan pengurangan hingar dengan kualiti imej lebih tinggi daripada [High (Tinggi)]. Untuk foto tunggal, empat tangkapan diambil berturut-turut dan disejajarkan serta digabungkan secara automatik ke dalam imej JPEG tunggal.

Jika kualiti rakaman imej ditetapkan ke RAW atau RAW+JPEG, anda tidak boleh menetapkan [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)].

3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan pengurangan hingar dikenakan.

 Apabila Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan ditetapkan, anda boleh memaparkan <📷> dalam peminat tilik dan pada panel LCD (hlm.454).




Amaran untuk Menetapkan Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan

- Jika terdapat salah jajaran besar dalam imej kerana guncangan kamera, kesan pengurangan hingar mungkin minimum.
- Jika anda memegang kamera dengan tangan, memastikan ia mantap untuk mengelakkan guncangan kamera. Menggunakan tripod adalah disarankan.
- Jika anda menangkap subjek bergerak, subjek bergerak tersebut mungkin meninggalkan imej tinggal.
- Jajaran imej mungkin tidak berfungsi dengan betul dengan corak berulang (kekisi, jalur, dll) atau imej rata atau berwarna tunggal.
- Jika kecerahan subjek bertukar ketika empat tangkapan berturutan diambil, pendedahan yang tidak teratur mungkin berlaku pada imej.
- Merekod imej pada kad akan mengambil masa lama berbanding dengan tangkapan normal. Semasa pemprosesan imej, "buSY" akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD dan anda tidak boleh mengambil gambar lagi sehingga pemprosesan selesai.
- Anda tidak dapat menggunakan bracketing AEB dan WB.
- Tetapan [**Distortion (Herotan)**] akan ditetapkan secara automatik kepada [**Disable (Lumpuhkan)**].
- Jika [**3: Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)**], [**3: Multiple exposure (Pendedahan berbilang)**], [**3: HDR Mode (Mod HDR)**], AEB atau bracketing WB ditetapkan, [**Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)**] tidak boleh ditetapkan.
- Penangkapan denyar tidak boleh dilakukan. Sinar bantu AF akan dipancarkan mengikut tetapan [**AF3: AF-assist beam firing (Nyalaan sinar bantu AF)**].
- Anda tidak boleh menetapkan [**Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)**] untuk pendedahan mentol dan rakaman filem.
- Tetapan akan bertukar secara automatik kepada [**Standard**] jika anda melakukan sebarang yang berikut: Menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, menukar bateri, menggantikan kad, memilih mod penangkapan <A+> atau , menetapkan atau menukar kualiti rakaman imej kepada RAW atau RAW+JPEG, atau bertukar kepada rakaman filem.


Pengurangan Hingar Pendedahan Lama

Pengurangan hingar boleh dilakukan dengan imej terdedah selama 1 saat atau lebih lama.



1 Pilih [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)].

- Di bawah tab [3], pilih [Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)], kemudian tekan <SET>.



2 Tetapkan tetapan yang dikehendaki.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

• Auto

Untuk pendedahan 1 saat atau lebih lama, pengurangan hingar dilakukan secara automatik jika hingar pendedahan panjang biasa dikesan. Tetapan [**Auto**] berkesan dalam kebanyakan keadaan.

• Enable (Aktif)

Pengurangan hingar dilaksanakan untuk semua pendedahan 1 saat atau lebih lama. Tetapan [**Enable (Aktif)**] mungkin mengurangkan hingar yang tidak boleh dikesan dengan tetapan [**Auto**].

3 Ambil gambar.


- Imej akan direkod dengan pengurangan hingar dikenakan.



- Dengan [**Auto**] dan [**Enable (Aktif)**], proses pengurangan hingar selepas gambar diambil mungkin mengambil jumlah masa yang sama seperti untuk pendedahan. Semasa pengurangan hingar, penangkapan boleh dilakukan selagi penunjuk bilangan tangkapan maksimum dalam pemedang tilik menunjukkan “1” atau lebih tinggi.
- Imej diambil pada ISO 1600 atau lebih tinggi mungkin kelihatan lebih berbintik dengan tetapan [**Enable (Aktif)**] daripada dengan tetapan [**Disable (Lumpuhkan)**] atau [**Auto**].
- Dengan [**Enable (Aktif)**], jika tangkapan pendedahan lama diambil dengan imej Pandang Langsung dipaparkan, “**BUSY (SIBUK)**” akan dipaparkan semasa proses pengurangan hingar. Paparan Pandang Langsung tidak akan muncul sehingga pengurangan hingar selesai. (Anda tidak boleh ambil gambar lagi.)


MENU Keutamaan Ton Sorotan ☆

Anda boleh mengurangkan kawasan sorotan yang terlalu didedahkan.



1 Pilih [Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)].

- Di bawah tab [SHOOT3], pilih [Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Enable (Aktif)].

- Butiran sorotan diperbaiki. Julat dinamik dikembangkan daripada standard kelabu 18% kepada sorotan cerah. Pemeringkatan antara kelabu dan sorotan menjadi lebih licin.

3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan keutamaan ton sorotan dikenakan.


Apabila [Enable (Aktif)] ditetapkan, hinggar mungkin meningkat sedikit.

Dengan [Enable (Aktif)], julat yang boleh ditetapkan akan menjadi ISO 200 - ISO 16000. Ikon <D+> juga akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD apabila keutamaan ton sorotan diaktifkan.

MENU Pembetulan Pencahayaan Sisi Lensa dan Penyimpangan


Penurunan cahaya persisian ialah fenomenon yang membuatkan sudut imej kelihatan lebih gelap kerana ciri-ciri lensa. Warna berumbai sepanjang garis bentuk subjek dipanggil penyimpangan kromatik. Dan herotan imej yang disebabkan oleh ciri-ciri lensa dipanggil herotan. Penyimpangan lensa dan penurunan cahaya tersebut boleh dibetulkan. Dengan laai, Pencahayaan sisi dan Pembetulan penyimpangan kromatik ditetapkan pada **[Enable (Aktif)]**, dan Pembetulan herotan ditetapkan pada **[Disable (Lumpuhkan)]**. Jika **[Correction data not available (Data pembetulan tidak tersedia)]** dipaparkan, lihat “Data Pembetulan Lensa” pada halaman 185.

Pembetulan Pencahayaan Persisian



1 Pilih **[Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)]**.

- Di bawah tab [1], pilih **[Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)]**, kemudian tekan <SET>.



2 Pilih tetapan.

- Periksa **[Correction data available (Data pembetulan tersedia)]** dipaparkan untuk lensa yang dipasang.
- Pilih **[Peripheral illumin. (Pencahayaan sisi)]**, kemudian tekan <SET>.
- Pilih **[Enable (Aktif)]**, kemudian tekan <SET>.

3 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan pencahayaan persisian dibetulkan.




Bergantung pada keadaan penangkapan, hingar mungkin muncul pada persisian imej.



- Jumlah pembetulan yang dikenakan akan lebih rendah daripada jumlah pembetulan maksimum yang boleh ditetapkan dengan Digital Photo Professional (persisian EOS, hlm.558).
- Lebih tinggi kelajuan ISO, jumlah pembetulan akan lebih rendah.

Pembetulan Penyimpangan Kromatik




1 Pilih tetapan.

- Periksa [**Correction data available (Data pembetulan tersedia)**] dipaparkan untuk lensa yang dipasangkan.
- Pilih [**Chromatic aberration (Penyimpangan kromatik)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan < **SET** >.

2 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan penyimpangan kromatik dibetulkan.

Pembetulan herotan



1 Pilih tetapan.

- Periksa [**Correction data available (Data pembetulan tersedia)**] dipaparkan untuk lensa yang dipasangkan.
- Pilih [**Distortion (Herotan)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan < **SET** >.

2 Ambil gambar.

- Imej akan direkod dengan herotan yang dibetulkan.



- Apabila pembetulan herotan diaktifkan, kamera merekod julat imej yang lebih sempit daripada yang dapat dilihat melalui pemidang tilik. (Persisian imej akan dipotong sedikit dan resolusi akan direndahkan sedikit.)
- Jika anda menetapkan [**Distortion (Herotan)**] kepada [**Enable (Aktif)**], bilangan tangkapan maksimum (hlm.155) semasa penangkapan berterusan akan berkurangan.
- Herotan tidak akan dibetulkan jika anda merakam filem atau menetapkan mod HDR, pendedahan berbilang atau Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan.
- Menggunakan pembetulan herotan semasa penangkapan Pandangan Langsung akan sedikit mempengaruhi sudut pandangan.
- Apabila anda membesarkan imej semasa penangkapan Pandangan Langsung, pembetulan herotan tidak dikenakan pada imej yang dipaparkan. Oleh itu, jika persisian imej dibesarkan, sebahagian daripada julat imej yang tidak akan direkod dalam imej sebenar mungkin dipaparkan.
- Data Penghapusan Debu (hlm.419) tidak akan ditambah pada imej yang direkod dengan pembetulan herotan diaktifkan. Titik AF juga tidak akan dipaparkan (hlm.371) apabila anda bermain balik imej.

Data Pembetulan Lensa

Kamera telah mengandungi data untuk pembetulan pencahayaan sisi lensa, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan untuk kira-kira 30 lensa. Jika anda pilih [**Enable (Aktif)**], pembetulan pencahayaan sisi, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan akan diguna pakai secara automatik untuk mana-mana lensa yang data pembetulannya terdaftar dalam kamera.

Dengan EOS Utility (perisian EOS), anda boleh memeriksa lensa yang mana data pembetulannya terdaftar dalam kamera. Anda juga boleh mendaftarkan data pembetulan untuk lensa yang belum terdaftar. Untuk butiran, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (hlm.558) pada CD-ROM Manual Arahan Perisian.



Peringatan untuk Pembetulan Lensa

- Pembetulan pencahayaan persisian, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan tidak boleh dikenakan pada imej JPEG yang telah diambil.
- Apabila menggunakan lensa bukan pembuatan Canon, disyorkan menetapkan pembetulan ke [**Disable (Lumpuhkan)**], walaupun [**Correction data available (Data pembetulan tersedia)**] dipaparkan.
- Jika anda gunakan pandangan diperbesar semasa penangkapan Pandangan Langsung, pembetulan pencahayaan persisian, pembetulan penyimpangan kromatik dan pembetulan herotan tidak akan ditunjukkan dalam imej yang dipaparkan pada skrin.
- Jumlah pembetulan akan kurang jika lensa yang digunakan tidak mempunyai maklumat jarak.




Nota untuk Pembetulan Lensa

- Jika kesan pembetulan tidak kelihatan, besarkan imej selepas penangkapan dan periksa semula.
- Pembetulan boleh dikenakan walaupun apabila Penyambung atau Penukar Saiz Sebenar dipasang.
- Jika data pembetulan untuk lensa yang dipasang tidak didaftarkan ke dalam kamera, hasilnya sama dengan apabila pembetulan ditetapkan pada [**Disable (Lumpuhkan)**].

MENU Mengurangkan Kelipan ☆


Jika anda menangkap imej dengan kelajuan pengatup yang lebih tinggi di bawah sumber cahaya seperti cahaya pendarfluor, kelipan sumber cahaya mungkin menyebabkan kelipan dan imej terdedah secara tidak rata pada hala menegak. Jika penangkapan berterusan digunakan dalam keadaan tersebut, pendedahan atau warna pada kesemua imej mungkin menjadi tidak rata.

Dengan penangkapan anti kelip, kamera mengesan kekerapan kelipan sumber cahaya dan mengambil gambar apabila kesan kelipan atas pendedahan atau warna yang minimum.



1 Pilih [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)].

- Di bawah tab [SHOOT4], pilih [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Enable (Aktif)].

3 Ambil gambar.

- Imej akan diambil dengan kurang ketidakrataan pendedahan atau warna yang disebabkan oleh kelipan.



- Apabila [Enable (Aktif)] ditetapkan dan anda menangkap di bawah sumber cahaya berkelip, jeda masa pelepasan pengatup mungkin menjadi lebih lama. Kelajuan penangkapan berterusan juga mungkin menjadi lebih perlahan dan selang penangkapan mungkin menjadi tidak tetap.
- Fungsi ini tidak berfungsi dengan penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem.
- Dalam mod <P> atau <Av>, jika kelajuan pengatup bertukar semasa penangkapan berterusan atau jika anda mengambil berbilang tangkapan bagi pemandangan yang sama pada kelajuan pengatup yang berbeza, ton warna mungkin menjadi tidak konsisten. Untuk mengelakkan ton warna yang tidak konsisten, gunakan mod <Tv> atau <M> pada kelajuan pengatup yang tetap.
- Ton warna imej yang ditangkap apabila [Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)] mungkin kelihatan berbeza berbanding dengan apabila [Disable (Lumpuhkan)] ditetapkan.
- Kelipan pada frekuensi selain 100 Hz atau 120 Hz tidak boleh dikesan. Selain itu, jika frekuensi kelipan cahaya berubah semasa penangkapan berterusan, kesan kelipan tidak boleh dikurangkan.

- ❗
- Jika subjek berlatarbelakangkan pemandangan gelap atau jika terdapat sumber cahaya terang dalam imej, kelipan mungkin tidak dikesan.
- Di bawah jenis pencahayaan istimewa yang tertentu, kamera mungkin tidak dapat mengurangkan kesan kelipan walaupun ketika < **Flicker!** > dipaparkan.
- Bergantung pada sumber cahaya, kelipan mungkin tidak dikesan dengan betul.
- Jika anda mengubah semula tangkapan, < **Flicker!** > mungkin muncul dan hilang sekejap-sekejap.
- Bergantung pada sumber cahaya atau keadaan penangkapan, hasil yang dijangka mungkin tidak diperolehi walaupun anda menggunakan fungsi ini.

- 📄
- Mengambil tangkapan ujian adalah disyorkan.
- Jika < **Flicker!** > tidak dipaparkan dalam pemidang tilik, tanda semak [**Flicker detection (Pengesanan kelipan)**] dalam [**Show/hide in viewfinder (Paparkan/sembunyi dalam pemidang tilik)**] (hlm.79). Apabila kamera mengurangkan kesan kelipan semasa anda menangkap, < **Flicker!** > akan menyala. Di bawah sumber cahaya yang tidak berkelip atau jika tiada kelipan dikesan, < **Flicker!** > tidak akan dipaparkan.
- Jika [**Flicker detection (Pengesanan kelipan)**] ditanda semak dan [**4: Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)**] ditetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], pemeteran di bawah sumber cahaya berkelip akan menyebabkan < **Flicker!** > berkelip dalam pemidang tilik sebagai amaran. Menetapkan [**Enable (Aktif)**] sebelum penangkapan adalah disyorkan.
- Dalam mod < **A⁺** >, kesan cahaya berkelip akan dikurangkan apabila anda menangkap, tetapi < **Flicker!** > tidak akan dipaparkan.
- Penangkapan anti kelip juga berfungsi dengan denyar. Namun, hasil yang dijangka mungkin tidak diperolehi ketika penangkapan denyar wayarles.


MENU Menetapkan Ruang Warna ☆

Julat warna yang boleh dihasilkan semula dipanggil “ruang warna”. Dengan kamera ini, anda boleh menetapkan ruang warna untuk imej yang ditangkap ke sRGB atau Adobe RGB. Untuk tangkapan biasa, disyorkan sRGB.

Ruang warna ditetapkan secara automatik kepada [sRGB] dalam mod <[A]⁺>.

1 Pilih [Color space (Ruang warna)].

- Di bawah tab [📷2], pilih [Color space (Ruang warna)], kemudian tekan <(SET)>.



2 Tetapkan ruang warna yang dikehendaki.

- Pilih [sRGB] atau [Adobe RGB], kemudian tekan <(SET)>.

Adobe RGB

Ruang warna ini digunakan terutamanya untuk mencetak secara komersial dan kegunaan perindustrian lain. Tetapan ini tidak disyorkan jika anda tidak biasa dengan pemprosesan imej, Adobe RGB, dan peraturan Reka Bentuk untuk Sistem Fail Kamera 2.0 (Design rule for Camera File System 2.0) (Exif 2.21 atau lebih tinggi). Imej akan kelihatan lembut dalam suasana komputer sRGB dan dengan pencetak yang tidak sesuai dengan peraturan Reka Bentuk untuk Sistem Fail Kamera 2.0 (Design rule for Camera File System 2.0) (Exif 2.21 atau lebih tinggi). Oleh itu pasca pemprosesan imej dengan perisian komputer akan diperlukan.




- Jika foto pegun yang ditangkap telah diambil dalam ruang warna Adobe RGB, aksara pertama dalam nama fail ialah satu garis bawah “_”.
- Profil ICC tidak digabungkan. Rujuk kepada penerangan mengenai profil ICC dalam Manual Arahan Perisian (hlm.561) pada CD-ROM.

MENU Mencipta dan Memilih Folder

Anda boleh cipta dan pilih dengan bebas di mana imej yang ditangkap hendak disimpan.


Operasi ini ialah pilihan kerana folder akan dicipta secara automatik untuk menyimpan imej yang ditangkap.

Mencipta Folder




1 Pilih [Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)].


- Di bawah tab [1], pilih [Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Folder].



3 Pilih [Create folder (Mencipta folder)].




4 Pilih [OK].

- ▶ Satu folder baharu dengan nombor folder meningkat dengan satu dicipta.

Memilih Folder

Nombor fail yang paling rendah
Bilangan imej dalam folder



Nama folder

Nombor fail yang paling tinggi

- Pilih folder pada skrin pemilihan folder, kemudian tekan < (SET) >.
- ▶ Folder di mana imej ditangkap akan disimpan dipilih.
- Imej yang ditangkap kemudiannya akan dirakam ke dalam folder pilihan.



Folder

Ambil **"100EOS7D"** sebagai contoh, nama folder bermula dengan tiga digit (nombor folder) diikuti dengan lima aksara abjad angka. Satu folder boleh mengandungi sehingga 9999 imej (nombor fail 0001 - 9999). Apabila satu folder menjadi penuh, folder baharu dengan nombor folder meningkat dengan satu dicipta secara automatik. Begitu juga jika penetapan semula secara manual (hlm.196) dilaksanakan, folder baharu akan dicipta secara automatik. Folder bernombor dari 100 hingga 999 boleh dicipta.

Mencipta Folder dengan Komputer

Dengan kad terbuka pada skrin, cipta folder baharu dengan nama **"DCIM"**. Buka folder DCIM dan cipta sebanyak mana folder yang diperlukan untuk menyimpan dan menyusun imej anda. Nama folder hendaklah mengikut format **"100ABC_D"**. Tiga digit pertama ialah nombor folder dari 100 hingga 999. Lima aksara terakhir boleh menjadi sebarang gabungan huruf besar dan huruf kecil dari A hingga Z, angka dan garis bawah **"_"**. Ruang tidak boleh digunakan. Juga ambil perhatian bahawa dua nama folder tidak boleh berkongsi nombor folder tiga digit yang sama (misalnya, **"100ABC_D"** dan **"100W_XYZ"**), walaupun jika lima aksara yang tinggal dalam setiap nama adalah berbeza.

MENU Menukar Nama Fail


Nama fail mempunyai empat aksara abjad angka diikuti oleh nombor imej empat digit (hlm.195) dan sambungan.

(Contoh) **BE3B0001.JPG**

Empat aksara abjad angka pertama ditetapkan semasa penghantaran kilang dan adalah unik mengikut kamera. Namun, anda boleh menukarnya.


Dengan "Tetapan pengguna1", anda boleh menukar dan mendaftarkan empat aksara tersebut seperti dikehendaki. Dengan "Tetapan pengguna2", jika anda mendaftar tiga aksara, aksara keempat dari sebelah kiri akan ditambah secara automatik untuk menunjukkan saiz imej.

Mendaftar atau Menukar Nama Fail




1 Pilih [File name (Nama fail)].

- Di bawah tab [1], pilih [File name (Nama fail)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Change User setting* (Ubah Tetapan pengguna)*].



3 Masukkan apa-apa aksara abjad angka.


- Untuk Tetapan pengguna1, masukkan empat aksara. Untuk Tetapan pengguna2, masukkan tiga aksara.
- Tekan butang <[X]> untuk memadam sebarang aksara yang tidak diperlukan.
- Tekan butang <[Q]>. Palet teks akan disorot dengan bingkai warna dan teks boleh dimasukkan.



- Kendalikan dail <⏮> atau <⏭> untuk menggerakkan  dan pilih aksara yang dikehendaki. Kemudian tekan <SET> untuk memasukkannya.

4 Keluar dari tetapan.

- Selepas memasukkan bilangan aksara yang betul, tekan butang <MENU>, kemudian pilih [OK].
- ▶ Nama fail yang didaftarkan akan disimpan.



Tetapan-tetapan

5 Pilih nama fail yang didaftarkan tersebut.

- Pilih [File name (Nama fail)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih nama fail yang didaftarkan, kemudian tekan <SET>.
- Jika Tetapan pengguna2 didaftarkan, pilih “***” (3 aksara yang didaftarkan) + saiz imej”.



Garis bawah “_” tidak boleh menjadi aksara pertama.



Tetapan pengguna2

Apabila anda memilih “*** + saiz imej” yang didaftarkan dengan Tetapan pengguna2 dan mengambil gambar, aksara kualiti rakaman imej akan ditambah secara automatik sebagai aksara keempat dari kiri untuk nama fail. Makna bagi aksara kualiti rakaman imej adalah seperti berikut:

“***L” = L / L / RAW “***M” = M / M / RAW

“***S” = S1 / S1 / RAW “***T” = S2

“***U” = S3


Apabila imej dipindah ke komputer, aksara keempat yang ditambah secara automatik akan disertakan. Anda boleh melihat saiz imej tanpa perlu membuka imej tersebut. Imej RAW atau JPEG boleh dibezakan dengan sambungan.



- Sambungan ialah “.JPG” untuk imej JPEG, “.CR2” untuk imej RAW dan “.MOV” atau “.MP4” untuk filem.
- Apabila anda merakam filem dengan Tetapan pengguna2, aksara keempat nama fail ialah garis bawah “_”.

MENU Kaedah Penomboran fail

Nombor fail empat digit adalah seperti nombor bingkai pada segulung filem. Imej (Contoh) **BE3B0001.JPG** yang ditangkap ditetapkan dengan nombor fail yang berturutan dari 0001 hingga 9999 dan disimpan dalam satu folder. Anda boleh menukar bagaimana nombor fail ditetapkan.



1 Pilih [File numbering (Penomboran fail)].

- Di bawah tab [1], pilih [File numbering (Penomboran fail)], kemudian tekan <SET>.

2 Pilih kaedah penomboran fail.

- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.


Berterusan

Urutan penomboran fail berterusan walaupun selepas kad diganti atau folder baharu dicipta.

Walaupun selepas anda menggantikan kad, mencipta folder atau menukar kad sasaran (contohnya ① → ②), penomboran fail berterusan dalam urutan sehingga 9999 untuk imej yang disimpan. Ini mudah apabila anda mahu menyimpan imej yang dinomborkan di mana-mana antara 0001 hingga 9999 pada berbilang kad atau dalam berbilang folder kepada satu folder dalam komputer anda.


Jika kad penggantian atau folder semasa telah mengandungi imej yang dirakamkan sebelum ini, penomboran fail imej baharu mungkin disambung dari penomboran fail imej sedia ada pada kad atau dalam folder tersebut. Jika anda mahu menggunakan penomboran fail berturut-turut, anda disarankan supaya menggunakan kad yang baru diformat setiap kali.

Penomboran fail selepas mengganti kad



Nombor fail berturutan seterusnya

Penomboran fail selepas mencipta folder




Tetap semula Auto

Memulakan semula penomboran fail daripada 0001 setiap kali kad digantikan atau folder baharu dicipta.

Apabila anda menggantikan kad, mencipta folder atau menukar kad sasaran (contohnya ① → ②), penomboran fail berterusan dalam urutan dari 0001 untuk imej yang disimpan. Ini mudah jika anda mahu menyusun imej menurut kad atau folder.

Jika kad penggantian atau folder semasa telah mengandungi imej yang dirakamkan sebelum ini, penomboran fail imej baharu mungkin disambung dari penomboran fail imej sedia ada pada kad atau dalam folder tersebut. Jika anda ingin menyimpan imej dengan penomboran fail bermula dari 0001, gunakan kad yang baru di format setiap kali.



Tetap semula Manual

Menetapkan semula penomboran fail kepada 0001 atau untuk mula dari nombor fail 0001 dalam folder baharu.

Apabila anda menetapkan semula penomboran fail secara manual, folder baharu dicipta secara automatik dan penomboran fail imej yang disimpan pada folder baharu itu bermula dari 0001.


Misalnya jika anda mahu menggunakan folder yang berlainan untuk imej yang diambil semalam dan imej yang diambil hari ini, cara ini amat mudah. Selepas menetapkan semula secara manual, penomboran fail kembali ke berterusan atau tetapan semula auto. (Tidak akan terdapat skrin pengesahan tetapkan semula secara manual.)



Jika nombor fail dalam folder 999 mencapai 9999, penangkapan tidak boleh dilakukan walaupun kad masih ada kapasiti simpanan. Monitor LCD akan memaparkan pesanan memberitahu anda untuk menggantikan kad. Gantikan ia dengan kad baharu.


MENU Menetapkan Maklumat Hak cipta ☆

Apabila anda menetapkan maklumat hak cipta, ia akan direkod pada imej sebagai maklumat Exif.




1 Pilih [Copyright information (Maklumat hak cipta)].

- Di bawah tab [4], pilih [Copyright information (Maklumat hak cipta)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih pilihan untuk ditetapkan.

- Pilih [Enter author's name (Masukkan nama pengarang)] atau [Enter copyright details (Masukkan butiran hak cipta)], kemudian tekan <SET>.




3 Masukkan teks.

- Tekan butang <Q>. Palet teks akan disorot dengan bingkai warna dan teks boleh dimasukkan.
- Kendalikan dail <☉> atau <☼> untuk menggerakkan  dan pilih aksara yang dikehendaki. Kemudian tekan <SET> untuk memasukkannya.
- Anda boleh masukkan sehingga 63 aksara.
- Untuk menghapus aksara, tekan butang <☒>.
- Untuk membatalkan pemasukan teks, tekan butang <INFO>, kemudian pilih [OK] pada skrin pengesahan.

4 Keluar dari tetapan.

- Selepas memasukkan teks, tekan butang <MENU>, kemudian pilih [OK].
- Maklumat disimpan.

Memeriksa Maklumat Hak cipta



Apabila anda memilih [**Display copyright info. (Paparkan maklumat hak cipta)**] dalam langkah 2, anda boleh memeriksa maklumat [**Author (Pengarang)**] dan [**Copyright (Hak cipta)**] yang anda masukkan.

Menghapus Maklumat Hak cipta

Apabila anda memilih [**Delete copyright information (Padam maklumat hak cipta)**] dalam langkah 2 pada halaman sebelumnya, anda boleh memadamkan maklumat [**Author (Pengarang)**] dan [**Copyright (Hak cipta)**].

 Jika pemasangan untuk “Author (Pengarang)” atau “Copyright (Hak cipta)” adalah panjang, ia mungkin tidak dipaparkan secara keseluruhan apabila anda memilih [**Display copyright info. (Paparkan maklumat hak cipta)**].

 Anda juga boleh menetapkan atau memeriksa maklumat hak cipta dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.558).

5

Tetapan GPS

Bab ini menerangkan tetapan GPS terbina dalam kamera. EOS 7D Mark II (G) boleh menerima isyarat navigasi satelit dari satelit GPS (AS), satelit GLONASS (Rusia) dan Sistem Satelit Quasi-Zenith (QZSS) “Michibiki” (Jepun).

- Fungsi GPS ditetapkan pada **[Disable (Lumpuhkan)]** dengan lalai.
- Manual ini menggunakan istilah “GPS” untuk merujuk kepada fungsi navigasi satelit.


Apabila [GPS] ditetapkan ke [Enable (Aktif)] (hlm.203), kamera akan berterusan menerima isyarat GPS pada waktu yang tetap walaupun selepas kuasa dimatikan. Dengan itu, bateri akan habis dengan lebih cepat dan bilangan tangkapan yang mungkin akan menjadi kurang. Jika anda tidak akan menggunakan GPS, anda disarankan supaya tetapkan [GPS] ke [Disable (Lumpuhkan)].



Apabila menggunakan fungsi GPS, pastikan kawasan penggunaan dan menggunakan fungsi ini mengikut undang-undang dan peraturan negara atau kawasan tersebut. Berhati-hati terutama apabila menggunakan GPS di luar negara anda.

Ciri GPS

Menambah Geotag pada Imej



- Maklumat geotag*¹ (latitud, longitud, ketinggian) dan waktu seragam sejagat*² boleh disertakan pada imej.
- Menggunakan kompas digital (berdasarkan utara magnet), arah penangkapan boleh disertakan pada imej.
- Maklumat ini boleh digunakan untuk menunjukkan lokasi penangkapan dan arah penangkapan pada peta yang dipaparkan pada komputer.

*1: Keadaan perjalanan atau tetapan GPS tertentu mungkin menyebabkan maklumat geotag yang tidak tepat ditambahkan pada imej.

*2: Waktu Seragam Sejagat, diringkaskan menjadi UTC pada asasnya adalah sama seperti Waktu Min Greenwich.

Mencatatkan Laluan Perjalanan

Anda boleh menggunakan fungsi pencatatan GPS untuk merekod maklumat lokasi kamera secara automatik pada selang masa yang ditetapkan. Maklumat geotag ini boleh dilihat pada peta yang dipaparkan pada komputer.


* Keadaan perjalanan, lokasi atau tetapan GPS tertentu mungkin menyebabkan maklumat geotag yang tidak tepat ditambahkan pada imej.

Menetapkan Masa Kamera

Masa kamera boleh ditetapkan menggunakan isyarat GPS.

Melihat Imej dan Maklumat pada Peta Maya

Lokasi penangkapan dan laluan perjalanan boleh dilihat pada peta yang dipaparkan pada komputer menggunakan Map Utility (perisian EOS, hlm.559).



Data peta ©2014 ZENRIN -


Peringatan GPS

Ambil perhatian yang berikut apabila menggunakan fungsi GPS.

- Di negara dan kawasan tertentu, penggunaan GPS mungkin dihadkan. Oleh itu, pastikan untuk menggunakan GPS mengikut undang-undang dan peraturan di negara atau kawasan anda. Berhati-hati terutama apabila menggunakan GPS di luar negara anda.
- Berhati-hati tentang penggunaan fungsi GPS di mana operasi peranti elektronik dihadkan.
- Orang lain mungkin boleh mengesan atau mengenal pasti anda dengan menggunakan data lokasi dalam gambar atau filem anda yang ditandai dengan geotag. Berhati-hati apabila berkongsi imej dan filem yang ditandai dengan geotag serta fail log GPS dengan orang lain, seperti apabila mengepos mereka online di mana ramai orang boleh melihat.
- Penerimaan isyarat GPS mungkin mengambil masa yang lebih panjang dalam sesetengah keadaan.


Memperoleh Isyarat GPS

Untuk memperoleh isyarat GPS, bawa kamera ke luar bilik di mana langit tidak dihalang. Hadapkan bahagian atas kamera kepada langit sambil menjauhkan tangan anda, dll dari bahagian atas kamera. Apabila keadaan perolehan isyarat adalah baik, kamera akan mengambil masa kira-kira 30 saat hingga 60 saat untuk menangkap isyarat satelit GPS selepas anda menetapkan [GPS] ke [Enable (Aktif)]. Semak [GPS] dipaparkan pada panel LCD, kemudian menangkap.




1 Pilih [GPS/digital compass settings (GPS/tetapan kompas digital)].

- Di bawah tab [42], pilih [GPS/digital compass settings (GPS/tetapan kompas digital)], kemudian tekan <SET>.




2 Tetapkan [GPS] ke [Enable (Aktif)].

Status perolehan GPS



Status perolehan GPS ditunjukkan dengan ikon [GPS] pada panel LCD dan pada skrin tetapan fungsi tangkapan.

Berterusan GPS : Isyarat diperoleh
Berkelip GPS : Isyarat belum diperoleh



Apabila anda menangkap semasa [GPS] dipaparkan, imej itu akan ditandai dengan geotag.

- Jika [**Enable (Aktif)**] dipilih, <**GPS**> masih akan dipaparkan pada panel LCD walaupun apabila anda memutar suis kuasa kamera ke <**OFF**>. Juga, oleh kerana kamera akan menerima isyarat GPS pada selang masa tertentu, bateri akan habis dengan cepat dan jumlah tangkapan yang mungkin akan berkurangan. Jika anda tidak akan menggunakan kamera dalam jangka masa yang lama, tetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**].
- Antena GPS terdapat di sekeliling hot shoe secara terbina dalam. Walaupun isyarat GPS boleh diperoleh semasa Speedlite luaran dipasangkan pada hot shoe, sensitiviti perolehan akan sedikit menurun.
- Penerima GPS GP-E2 (dijual secara berasingan) tidak boleh digunakan.

Liputan GPS Lemah

Dalam keadaan di bawah, isyarat satelit GPS tidak akan diperoleh dengan baik. Hasilnya, maklumat geotag mungkin tidak akan direkod atau maklumat geotag yang tidak tepat mungkin akan direkodkan.

- Di dalam bangunan, di bawah tanah, di dalam terowong atau hutan, antara bangunan atau di dalam lembah.
- Berhampiran talian elektrik bervoltan tinggi atau telefon mudah alih yang beroperasi pada jalur 1.5 GHz.
- Kamera ditinggalkan di dalam beg, dll.
- Apabila dalam perjalanan yang jauh.
- Apabila melalui persekitaran yang berbeza.
- Oleh kerana satelit GPS bergerak pada setiap masa, pergerakan satelit boleh mengganggu geotag dan menyebabkan kehilangan atau maklumat geotag yang tidak tepat walaupun dalam keadaan selain daripada yang di atas. Selain itu, maklumat geotag juga mungkin menyertakan jalan yang dilalui walaupun jika kamera digunakan hanya pada satu lokasi.

 Kamera boleh menerima isyarat GPS walaupun dalam orientasi menegak.

Lihat Maklumat GPS

GPS/digital compass settings	
GPS	Enable
Set up	

1 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pastikan [GPS] ditetapkan pada [Enable (Aktif)].
- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.

GPS/digital compass settings	
Auto time setting	Disable
Position update interval	Every 15s
Digital compass	Disable
GPS information display	
Calibrate digital compass	
GPS Logger	Disable

2 Pilih [GPS information display (Paparan maklumat GPS)].

- ▶ Maklumat GPS terperinci dipaparkan.

GPS information display	
Latitude	N30°30'30.0"
Longitude	W30°30'30.0"
Elevation	50m
Direction	NE 45°
UTC	09/01/2014 00:00:00
Satellite reception	 3D

3 Ambil gambar.

- Tangkapan yang diambil selepas perolehan isyarat GPS ditandai dengan geotag.




Secara amnya, ketinggian adalah tidak tepat sepertimana latitud dan longitud disebabkan oleh ciri GPS.



- Ikon < 3D> menunjukkan keadaan isyarat. Apabila <3D> dipaparkan, ketinggian juga boleh direkodkan. Walau bagaimanapun, ketinggian tidak boleh direkod apabila <2D> dipaparkan.
- UTC (Waktu Seragam Sejagat) pada asasnya adalah sama seperti Waktu Min Greenwich.
- Dalam skrin contoh, arah NE45° menunjukkan timur laut 45°.

Maklumat Geotag


Main balik imej dan tekan butang <INFO.> untuk memaparkan skrin maklumat penangkapan (hlm.369). Kemudian condongkan <📶> ke atas atau ke bawah untuk memeriksa maklumat geotag.



- Apabila anda merakam filem, maklumat GPS pada masa bermulanya rakaman akan direkodkan. Ambil perhatian bahawa keadaan penerimaan isyarat tidak direkodkan.
- Lokasi penangkapan boleh dilihat pada peta yang dipaparkan pada komputer dengan menggunakan Map Utility (perisian EOS, hlm.559).


Menetapkan Selang Pendudukan

Selang (waktu) untuk kemas kini maklumat geotag boleh ditetapkan. Walaupun kemas kini maklumat geotag dalam selang yang lebih pendek akan meningkat ketepatan, ia akan mengurangkan bilangan tangkapan yang mungkin.




1 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pastikan [GPS] ditetapkan pada [Enable (Aktif)].
- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan < **SET** >.



2 Pilih [Position update interval (Selang kemas kini kedudukan)].



3 Tetapkan selang kemas kini yang diinginkan.


- Pilih selang kemas kini yang diinginkan, kemudian tekan < **SET** >.



- Semakin pendek selang masa, semakin berkurang jumlah tangkapan yang mungkin.
- Jika anda berada di lokasi di mana keadaan perolehan GPS tidak baik, jumlah tangkapan yang boleh diambil akan berkurang.
- Sifat GPS mungkin menyebabkan beberapa ketidakseragaman dalam penentuan selang masa.


Menggunakan Kompas Digital

Maklumat orientasi kamera (arah yang kamera menghadap) boleh dilampirkan pada imej.



1 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pastikan [GPS] ditetapkan pada [Enable (Aktif)].
- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.




2 Tetapkan [Digital compass (Kompas digital)] ke [Enable (Aktif)].

- Pilih [Digital compass (Kompas digital)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.
- Jika skrin [Calibrate digital compass (Menentukurkan kompas digital)] muncul, lakukan langkah 2 dan 3 pada halaman 210.

Paparan Kompas Semasa Penangkapan

Orientasi sekarang kamera boleh dipaparkan pada monitor LCD.



- Apabila anda tekan butang <INFO.> untuk memaparkan kompas digital, arah akan dipaparkan pada bahagian bawah skrin.
- Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem, anda boleh memastikan arah dengan menggunakan ikon anak panah pada lokasi yang dibulatkan pada contoh skrin ini.



- Semasa penangkapan berterusan, jika anda menukar arah kamera atau mencondongkan kamera ke atas atau ke bawah, maklumat arah yang betul mungkin tidak akan direkodkan.
- Maklumat arah tidak direkodkan ke fail log (hlm.213).





Oleh kerana kompas digital menggunakan geomagnetisme untuk mengesan arah, arah yang betul mungkin tidak diperolehi atau penentuan mungkin tidak boleh dilakukan dalam persekitaran yang berikut.

- Di dalam atau berhampiran dengan bangunan (termasuk bangunan pejabat, rumah yang dibina menggunakan konkrit bertetulang atau batu dan pusat membeli-belah bawah tanah), kenderaan (termasuk kereta, keretapi, kapal terbang dan bot) atau struktur logam seperti lif
- Berhampiran dengan logam (termasuk meja keluli dan perabot), magnet tetap (termasuk barang kemas bermagnet) atau alatan elektronik rumah (termasuk televisyen, komputer, pembesar suara atau telefon mudah alih)
- Berhampiran dengan kawasan bervoltan tinggi (termasuk menara penghantar), talian elektrik atas (termasuk keretapi yang dikuasakan) atau kemudahan logam (termasuk jambatan pejalan kaki dan penyangga jalan)
- Di latitud tinggi


Menentukur Kompas Digital

Semasa anda menggunakan fungsi GPS, jika skrin [**Calibrate digital compass (Menentukur kompas digital)**] muncul atau jika arah yang ditunjukkan kelihatan tidak munasabah, tentukur kompas digital seperti berikut. Kompas digital perlu ditentukur di lokasi penangkapan sebenar.



1 Pilih [**Calibrate digital compass (Menentukur kompas digital)**].

- Pastikan [**Digital compass (Kompas digital)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**].
- Pilih [**Calibrate digital compass (Menentukur kompas digital)**], kemudian tekan **< (SET) >**.
- ▶ Kamera akan bersedia untuk penentukuran.



2 Gerakkan kamera.

- (1) Ayunkan kamera ke kiri dan ke kanan sekurang-kurangnya sehingga 180° .
 - (2) Condongkan kamera ke atas dan ke bawah sekurang-kurangnya sehingga 180° .
 - (3) Pusingkan kamera sekurang-kurangnya sehingga 180° .
- Berhati-hati supaya tidak menjatuhkan kamera.
 - Langkah (1), (2) dan (3) boleh dilakukan dalam mana-mana susunan. Terus menggerakkan kamera sehingga penentuan selesai.
 - Jika kompas tidak ditentukan selepas anda melakukan langkah ini, pusingkan badan anda ke kanan atau kiri dan gerakkan kamera sekali lagi.




3 Keluar dari penentuan.

- Apabila penentuan selesai, skrin yang menunjukkan penentuan telah selesai akan dipaparkan.
- Penentuan akan diselesaikan secara normal walaupun jika mesej yang menunjukkan penentuan telah selesai muncul semasa anda masih menggerakkan kamera dalam langkah 2.

 Untuk tujuan keselamatan, menanggalkan lensa daripada kamera adalah disarankan sebelum anda melakukan penentuan.


Menetapkan Masa daripada GPS pada Kamera

Maklumat masa yang diperolehi daripada isyarat GPS boleh ditetapkan ke dalam kamera. Jidar selisih adalah kira-kira ± 1 saat.




1 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pastikan [GPS] ditetapkan pada [Enable (Aktif)].
- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan $\langle \text{SET} \rangle$.



2 Pilih [Auto time setting (Tetapan masa auto)].




3 Pilih tetapan yang dikehendaki.

- Pilih [Auto update (Kemas kini auto)] atau [Set now (Tetapkan sekarang)], kemudian tekan $\langle \text{SET} \rangle$.
- [Auto update (Kemas kini auto)] mengemas kini masa apabila kamera dihidupkan dan isyarat GPS diterima.



- Jika isyarat daripada sekurang-kurangnya lima satelit GPS tidak dapat diperolehi, masa tidak boleh dikemas kini secara automatik. [Set now (Tetapkan sekarang)] akan menjadi kelabu dan tidak boleh dipilih.
- Walaupun jika [Set now (Tetapkan sekarang)] dipilih, mengemas kini masa mungkin tidak boleh dilakukan disebabkan oleh pemasaan perolehan isyarat GPS yang tidak baik.
- Apabila [Auto time setting (Tetapan masa auto)] ditetapkan kepada [Auto update (Kemas kini auto)], tarikh atau masa tidak boleh ditetapkan secara manual dengan [Date/Time/Zone (Tarikh/Waktu/Zon)] di bawah tab [2].
- Jika anda menggunakan Penghantar Wayarles WFT-E7 (Versi 2/dijual secara berasingan) dan tidak ingin menukar masa selepas melaksanakan [Sync time between cameras (Selaraskan masa antara kamera)], tetapkan [Auto time setting (Tetapan masa auto)] kepada [Disable (Lumpuhkan)] dalam langkah 2.

Mencatatkan Laluan Perjalanan




Data peta ©2014 ZENRIN -

Apabila menggunakan fungsi pencatatan GPS, maklumat geotag untuk laluan perjalanan kamera dicatat secara automatik dalam memori dalaman kamera.


Lokasi penangkapan dan laluan perjalanan boleh dilihat pada peta yang dipaparkan pada komputer dengan menggunakan Map Utility (perisian EOS, hlm.559).

Ambil perhatian bahawa fungsi pencatatan GPS akan berterusan mencatatkan maklumat walaupun apabila kuasa kamera dimatikan, termasuk kuasa terpadam secara automatik.




1 Pilih [Set up (Persediaan)].

- Pastikan [GPS] ditetapkan pada [Enable (Aktif)].
- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [GPS Logger (Pencatat GPS)].



3 Tetapkan [Log GPS position (Mencatatkan kedudukan GPS)] ke [Enable (Aktif)].

- Pilih [Log GPS position (Mencatatkan kedudukan GPS)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.



- Apabila fungsi pencatatan GPS diaktifkan, ikon [LOG] akan muncul pada skrin tetapan fungsi tangkapan (hlm.203).
- Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF> atau apabila kuasa terpadam secara auto berfungsi, <LOG> akan dipaparkan pada panel LCD.

Pencatatan Maklumat Geotag

Maklumat geotag untuk laluan perjalanan kamera direkodkan pada selang masa yang ditetapkan dengan **[Position update interval (Selang kemas kini kedudukan)]** (hlm.207). Data log disimpan dalam memori dalaman kamera mengikut tarikh. Jadual di bawah menunjukkan jumlah hari data tersebut boleh disimpan.

Kapasiti Data Log dengan Selang Penentududukan (Anggaran)

Selang masa Kemas kini	Data Log	Selang masa Kemas kini	Data Log
Setiap 1 saat	4.1 hari	Setiap 30 saat	100 hari
Setiap 5 saat	20 hari	Setiap 1 minit	100 hari
Setiap 10 saat	41 hari	Setiap 2 minit	100 hari
Setiap 15 saat	61 hari	Setiap 5 minit	100 hari

* Dengan anggapan bahawa 8 jam data dicatat setiap hari.

- Data log yang disimpan dalam memori dalaman boleh dipindahkan sebagai fail log ke kad (hlm.214).
- Satu fail log dicipta setiap hari. Nama fail log mempunyai tarikh (YYYYMMDD) dan nombor, contohnya, 14103100. Jika zon masa bertukar (hlm.47), fail log yang baharu akan dicipta.
- Jika memori dalaman kamera telah penuh, data log yang paling lama akan ditulis ganti dengan data log yang terbaharu.

Penggunaan Bateri Semasa Pencatatan

Apabila **[GPS]** ditetapkan kepada **[Enable (Aktif)]**, kamera akan berterusan menerima isyarat GPS pada waktu yang tetap walaupun selepas kuasa dimatikan. Ini akan menyebabkan kuasa bateri habis dengan lebih cepat, mengurangkan jumlah tangkapan yang boleh diambil. Selain itu, apabila **[Log GPS position (Mencatatkan kedudukan GPS)]** ditetapkan kepada **[Enable (Aktif)]**, selang masa yang lebih pendek akan menyebabkan kuasa bateri habis dengan lebih cepat.

Apabila anda tidak melakukan perjalanan atau apabila isyarat GPS adalah lemah, menetapkan **[GPS]** kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** adalah disarankan.

Memuat Turun Data Log ke Komputer



Data log dalam memori dalaman kamera boleh dimuat turun ke komputer dengan EOS Utility (Perisian EOS) atau dimuat turun daripada kad selepas memindahkan data ke kad.

Apabila anda menggunakan Map Utility (Perisian EOS, hlm.559) untuk membuka fail log yang disimpan pada komputer anda, laluan perjalanan kamera akan dipaparkan pada peta.

Mengimport data log menggunakan perisian EOS

Dengan kamera yang disambungkan ke komputer melalui kabel antara muka yang disediakan, anda boleh memuat turun data log ke komputer dengan menggunakan EOS Utility (perisian EOS). Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Manual Arahan EOS Utility (CD-ROM).

Memindahkan data log ke kad untuk proses memuat turun



- Apabila [**Transfer log data to card (Pindahkan data log ke kad)**] dipilih, anda boleh memindahkan data log dalam memori dalaman sebagai fail log ke kad CF [**1**] atau kad SD [**2**]. Ambil perhatian bahawa apabila fail log dipindahkan ke kad, data log tersebut dihapuskan secara kekal daripada memori dalaman kamera.

- Fail log yang diimport ke kad tersebut akan disimpan dalam folder “GPS” yang terdapat di folder “MISC”. Sambungannya ialah “.LOG”.
- Memilih [**Delete log data (Hapuskan data log)**] akan menghapuskan sepenuhnya data log yang disimpan dalam memori dalaman kamera. Penghapusan data mungkin mengambil masa kira-kira satu minit.




- Gunakan kabel antara muka yang disediakan atau kabel daripada Canon (hlm.492). Apabila menyambung kabel antara muka, juga gunakan pelindung kabel yang disediakan (hlm.34).
- Antena GPS terletak di bahagian atas badan kamera. Disebabkan itu, walaupun apabila membawa kamera, seperti di dalam beg, cuba pastikan supaya kamera sentiasa menghadap ke atas dan jangan letakkan apa-apa benda di atasnya.
- Tetapkan masa dan tarikh kamera setepat yang boleh. Juga, tetapkan zon masa dan waktu jimat siang yang betul untuk lokasi penangkapan.
- Oleh kerana maklumat geotag, tarikh dan masa sentiasa direkodkan walaupun apabila kamera dimatikan, bateri akan masih terus berkurang. Apabila anda menggunakan kamera semula, aras bateri mungkin telah pun menjadi rendah. Jika perlu, cas semula bateri atau sediakan bateri sandaran yang telah dicas (dijual secara berasingan).

[illegible]

6

Operasi Lanjutan



Dalam mod penangkapan, **<P>** **<Tv>** **<Av>** **<M>** ****, anda boleh memilih kelajuan pengatup, apertur dan tetapan kamera yang lain untuk menukar pendedahan dan mendapatkan hasil yang diinginkan.

- Ikon ☆ pada sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menandakan fungsi yang hanya boleh digunakan dalam mod: **<P>** **<Tv>** **<Av>** **<M>** ****.
- Selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan lepaskannya, nilai pendedahan akan kekal dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD selama 4 saat (⌚4).
- Untuk fungsi yang boleh ditetapkan dalam setiap mod penangkapan, lihat halaman 494.



Tetapkan suis **<LOCK▶>** ke kiri.

P: AE Program

Kamera menetapkan kelajuan pengatup dan apertur secara automatik supaya sesuai dengan kecerahan subjek. Ini dikenali sebagai AE Program.

* <P> singkatan untuk Program.

* AE singkatan untuk Pendedahan Auto.



1 Tetapkan Dail Mod pada <P>.



2 Fokus pada subjek.

- Lihat melalui pemidang tilik dan sasarkan titik AF terhadap subjek. Kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus dicapai, penunjuk fokus <●> dalam pemidang tilik akan menyala (dalam mod AF Tangkapan Tunggal).
- ▶ Kelajuan pengatup dan apertur akan ditetapkan secara automatik dan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD.



3 Periksa paparan.

- Pendedahan standard akan dikekalkan selagi paparan kelajuan pengatup dan apertur tidak berkelip.



4 Ambil gambar.

- Gubah dan tekan butang pengatup sepenuhnya.



- Jika kelajuan pengatup “30” dan nombor/f lebih rendah berkelip, ia menunjukkan kurang pendedahan. Naikkan kelajuan ISO atau gunakan denyar.



- Jika kelajuan pengatup “8000” dan f/nombor lebih tinggi berkelip, ia menandakan pendedahan berlebihan. Kurangkan kelajuan ISO atau gunakan penuras ND (dijual berasingan) untuk mengurangkan jumlah cahaya yang memasuki lensa.



Perbezaan Antara <P> dan Mod <A+>

Dalam mod <A+>, banyak fungsi, seperti operasi AF dan mod pemeteran, ditetapkan secara automatik untuk menghalang tangkapan rosak. Fungsi yang anda boleh menetapkan terhad. Dengan mod <P>, hanya kelajuan pengatup dan apertur ditetapkan secara automatik. Anda boleh menetapkan secara bebas operasi AF, mod pemeteran dan fungsi lain (hlm.494).

Anjakan Program

- Dalam mod AE Program, anda boleh menukar kelajuan pengatup dan gabungan apertur (Program) secara bebas yang ditetapkan secara automatik oleh kamera semasa mengekalkan pendedahan sama. Ini dikenali sebagai Anjakan program.
- Untuk menganjak program, tekan butang pengatup separuh ke bawah, kemudian putar dail <☀> sehingga kelajuan pengatup atau apertur yang dikehendaki dipaparkan.
- Anjakan program akan dibatalkan secara automatik apabila pemasa pemeteran (4) tamat (padam paparan tetapan pendedahan).
- Anjakan program tidak boleh digunakan dengan denyar.

Tv: AE Keutamaan Pengatup

Dalam mod ini, anda tetapkan kelajuan pengatup dan kamera menetapkan apertur secara automatik untuk mendapatkan pendedahan standard yang sepadan dengan kecerahan subjek. Ini dipanggil AE keutamaan pengatup. Kelajuan pengatup yang lebih laju boleh membekukan tindakan subjek yang bergerak. Kelajuan pengatup yang lebih perlahan boleh mencipta kesan kabur, memberi gambaran pergerakan.

* <Tv> singkatan untuk Time value (Nilai masa).




Pergerakan kabur
(Kelajuan pengatup perlahan: 1/30 saat)



Tindakan kaku
(Kelajuan pengatup laju: 1/2000 saat)



1 Tetapkan Dail Mod pada <Tv>.



2 Tetapkan kelajuan pengatup dikehendaki.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <  >.

3 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apertur ditetapkan secara automatik.



4 Periksa paparan pemidang tilik dan tangkap.

- Selagi apertur tidak berkelip, pendedahan standard akan diperoleh.



- Jika nombor/f rendah berkelip, ia menunjukkan kurang pendedahan. Putar dail <  > untuk menetapkan kelajuan pengatup lebih perlahan sehingga apertur berhenti berkelip atau menetapkan kelajuan ISO lebih tinggi.
- Jika nombor/f lebih tinggi berkelip, ia menunjukkan pendedahan berlebihan. Putar dail <  > untuk menetapkan kelajuan pengatup lebih laju sehingga apertur berhenti berkelip atau menetapkan kelajuan ISO lebih rendah.



Paparan Kelajuan Pengatup

Kelajuan pengatup daripada “8000” hingga “4” menunjukkan penyebut kelajuan pengatup pecahan. Contohnya, “125” menunjukkan 1/125 saat, “0”5” menunjukkan 0.5 saat dan “15” ialah 15 saat.

Av: AE Keutamaan Apertur

Dalam mod ini, anda tetapkan apertur yang dikehendaki dan kamera menetapkan kelajuan pengatup secara automatik untuk mendapatkan pendedahan standard yang sepadan dengan kecerahan subjek. Ini dipanggil AE keutamaan apertur. f/nombor yang lebih tinggi (lubang apertur lebih kecil) akan membuatkan lebih banyak latar depan dan latar belakang masuk dalam fokus yang boleh diterima. Sebaliknya, f/nombor yang lebih rendah (lubang apertur lebih besar) akan mengurangkan latar depan dan latar belakang masuk dalam fokus yang boleh diterima.

* <Av> singkatan untuk Aperture value (Nilai apertur, bukan apertur).




Latar belakang kabur
(Dengan nombor/f apertur rendah: f/5.6)



Latar depan dan latar belakang tajam
(Dengan nombor/f apertur tinggi: f/32)



1 Tetapkan Dail Mod pada <Av>.



2 Tetapkan apertur yang dikehendaki.

- Semasa melihat panel LCD atau pemandang tilik, putar dail <apertur>.


3 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Kelajuan pengatup ditetapkan secara automatik.



4 Periksa paparan pemandang tilik dan tangkap.

- Selagi kelajuan pengatup tidak berkelip, pendedahan standard akan diperolehi.



- Jika kelajuan pengatup “30” berkilip, ia menunjukkan kurang pendedahan. Putar dail <  > untuk menetapkan apertur lebih besar (nombor/f lebih rendah) sehingga kelipan kelajuan pengatup berhenti atau tetapkan kelajuan ISO lebih tinggi.
- Jika kelajuan pengatup “8000” berkilip, ia menandakan pendedahan berlebihan. Putar dail <  > untuk menetapkan apertur lebih kecil (f/nombor apertur lebih tinggi) sehingga kelipan kelajuan pengatup berhenti atau tetapkan kelajuan ISO lebih rendah.




Paparan Apertur

Lebih tinggi nombor/f, akan lebih kecil bukaan apertur. f/nombor yang dipaparkan akan berbeza bergantung pada lensa. Jika tiada lensa dipasangkan pada kamera, “00” akan dipaparkan untuk apertur.

Pratonton Kedalaman Medan ☆

Bukaan apertur (diafragma) bertukar hanya pada detik apabila gambar diambil. Jika tidak, apertur kekal terbuka penuh. Oleh itu, apabila anda melihat pada pemandangan melalui pemidang tilik atau pada monitor LCD, kedalaman medan akan kelihatan sempit.



Tekan butang pratonton kedalaman medan untuk menurunkan lensa kepada tetapan apertur semasa dan periksa kedalaman medan (julat fokus boleh diterima).



- Nombor/f lebih tinggi akan membuatkan lebih banyak latar belakang depan dan latar belakang masuk dalam fokus yang boleh diterima. Walau bagaimanapun, pemidang tilik akan kelihatan lebih gelap.
- Semasa melihat imej Pandangan Langsung (hlm.292), anda boleh menukar apertur dan menekan butang pratonton kedalaman medan untuk melihat cara kedalaman medan berubah.
- Pendedahan akan dikunci (kunci AE) semasa butang pratonton kedalaman medan ditekan.

M: Pendedahan Manual

Dalam mod ini, anda boleh menetapkan kedua-dua kelajuan pengatup dan apertur seperti dikehendaki. Untuk menentukan pendedahan, rujuk kepada penunjuk aras pendedahan dalam pemidang tilik atau gunakan meter pendedahan yang terdapat secara komersial. Kaedah ini dipanggil sebagai pendedahan manual.

* <M> singkatan untuk Manual.




1 Tetapkan Dail Mod pada <M>.

2 Tetapkan kelajuan ISO (hlm.156).

3 Tetapkan kelajuan pengatup dan apertur.

- Untuk menetapkan kelajuan pengatup, putar dail <  >.
- Untuk menetapkan apertur, putar dail <  >.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK> ke kiri, kemudian putar dail <  > atau dail <  >.




4 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Tetapan pendedahan akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD.
- Pada sebelah kanan pemidang tilik, penunjuk aras pendedahan <  > memaparkan kejauhan jarak aras pendedahan sekarang dengan aras pendedahan standard <  >.



5 Tetapkan pendedahan dan ambil gambar.

- Periksa penunjuk aras pendedahan dan tetapkan kelajuan pengatup dan apertur yang dikehendaki.
- Jika aras pendedahan melebihi ± 3 hentian daripada pendedahan standard, hujung penunjuk aras pendedahan akan memaparkan <  > atau <  >.



Pampasan Pendedahan dengan ISO Auto

Jika kelajuan ISO ditetapkan ke **A** (AUTO), anda boleh menetapkan pampasan pendedahan (hlm.228) seperti berikut.

- [📷2: Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)]
- Di bawah [📷3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)], gunakan [SET: Expo comp (hold btn, turn 🌞)] (Pampasan pendedahan (tahan butang, putar 🌞)) (hlm.468) atau [🔍: Expo comp (hold down lever, turn 🌞)] (Pampasan pendedahan (tahan tuas ke bawah, putar 🌞)) (hlm.468).
- Kawalan Cepat (hlm.61)

Tetapkan jumlah pampasan pendedahan semasa menyemak penunjuk aras pendedahan pada bahagian bawah pemidang tilik atau pada panel LCD.




- Jika ISO Auto ditetapkan, tetapan kelajuan ISO akan bertukar supaya sesuai dengan kelajuan pengatup dan apertur untuk mendapatkan pendedahan standard. Oleh itu, anda mungkin tidak mendapatkan kesan pendedahan yang dikehendaki. Dalam keadaan sedemikian, tetapkan pampasan pendedahan.
- Jika denyar digunakan apabila ISO Auto ditetapkan, pampasan pendedahan tidak akan dikenakan walaupun jika jumlah pampasan pendedahan ditetapkan.



- Di bawah [📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaannya Auto)], jika tanda semak <✓> untuk [Disabled in M or B modes (Lumpuhkan dalam mod M atau B)] dikeluarkan, Pengoptimum Pencahayaannya Auto boleh ditetapkan walaupun dalam mod <M> (hlm.177).
- Apabila ISO Auto ditetapkan, anda boleh tekan butang <✱> untuk mengunci kelajuan ISO.
- Jika anda menekan butang <✱> dan menggubah semula tangkapan, anda boleh melihat perbezaan tahap pendedahan pada penunjuk aras pendedahan berbanding dengan apabila anda menekan butang <✱>.
- Jika pampasan pendedahan (hlm.228) dikenakan dalam mod <P>, <Tv> atau <Av>, dan kemudian mod penangkapan ditukar kepada <M> dengan ISO Auto ditetapkan, jumlah pampasan pendedahan yang telah ditetapkan akan dikekalkan.
- Dengan ISO Auto ditetapkan dan [📷1: ISO speed setting increments (Kenaikan tetapan kelajuan ISO)] ditetapkan kepada [1/2-stop (1/2 hentian)], sebarang pampasan pendedahan 1/2 hentian akan dilaksanakan dengan kelajuan ISO (1/3 hentian) dan kelajuan pengatup. Namun, kelajuan pengatup yang dipaparkan tidak akan berubah.

Memilih Mod Pemeteran ☆

Anda boleh memilih salah satu daripada empat kaedah untuk mengukur kecerahan subjek. Dalam mod <A⁺>, pemeteran penilaian ditetapkan secara automatik.




1 Tekan butang <WB•>. (ⓘ6)




2 Pilih mod pemeteran.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <>.
- : **Pemeteran penilaian**
- : **Pemeteran separa**
- : **Pemeteran titik**
- : **Pemeteran purata wajaran pusat**




Pemeteran penilaian

Ini ialah mod pemeteran serbaguna sesuai walaupun untuk subjek bercahaya belakang. Kamera menetapkan pendedahan secara automatik untuk sesuai dengan pemandangan.



Pemeteran separa

Berkesan apabila latar belakang lebih cerah daripada subjek kerana pencahayaan belakang, dll. Pemeteran separa meliputi kira-kira 6% kawasan tengah pemidang tilik.



☐● **Pemeteran titik**

Ini ialah untuk pemeteran titik tertentu subjek atau pemandangan. Pemeteran titik meliputi kira-kira 1.8% kawasan tengah pemidang tilik. Lingkaran pemeteran titik akan dipaparkan dalam pemidang tilik.



☐☐ **Pemeteran purata wajaran pusat**

Pemeteran berwajaran di pusat dan kemudian berpurata untuk seluruh pemandangan.



- Dengan ☒ (Pemeteran penilaian), tetapan pendedahan akan dikunci apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan fokus dicapai. Dalam mod ☒ (Pemeteran separa), ☐● (Pemeteran titik), dan ☐☐ (Pemeteran purata wajaran pusat), pendedahan ditetapkan pada masa foto diambil. (Menekan butang pengatup separuh ke bawah tidak mengunci pendedahan.)
- Apabila <☐●> (Pemeteran titik) ditetapkan, anda boleh memaparkan <①> dalam pemidang tilik dan pada panel LCD (hlm.454).

☑ Menetapkan Pampasan Pendedahan ☆

Pampasan pendedahan boleh mencerahkan (meningkatkan pendedahan) atau menggelapkan (mengurangkan pendedahan) pendedahan standard yang ditetapkan oleh kamera.

Pampasan pendedahan boleh ditetapkan dalam mod penangkapan <P>, <Tv> dan <Av>. Walaupun anda boleh menetapkan pampasan pendedahan sehingga ± 5 hentian dalam kenaikan 1/3 hentian, penunjuk pampasan pendedahan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD hanya boleh memaparkan tetapan sehingga ± 3 hentian. Jika anda hendak menetapkan tetapan pampasan pendedahan melebihi ± 3 hentian, gunakan Kawalan Cepat (hlm.61) atau ikuti arahan untuk [📷 2: Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)] pada halaman seterusnya.

Jika mod <M> dengan tetapan ISO Auto, lihat halaman 225 untuk menetapkan pampasan pendedahan.


1 Periksa pendedahan.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah (📷 4) dan periksa penunjuk aras pendedahan.


2 Tetapkan jumlah pampasan pendedahan.

- Semasa melihat pada pemidang tilik atau panel LCD, putar dail <📷 3>.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK▶> ke kiri, kemudian putar dail <📷 3>.

Tinggikan pendedahan untuk imej lebih cerah



Kurangkan pendedahan untuk imej lebih gelap



3 Ambil gambar.

- Untuk membatalkan pampasan pendedahan, tetapkan penunjuk aras pendedahan <1/1> ke indeks pendedahan standard (<📷 3> atau <📷 4>).


📷 Jika [📷 2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaann Auto)] (hlm.177) ditetapkan kepada sebarang tetapan selain daripada [Disable (Lumpuhkan)], imej mungkin masih kelihatan cerah walaupun pampasan pendedahan yang dikurangkan untuk imej lebih gelap ditetapkan.

- Jumlah pampasan pendedahan akan kekal berkesan walaupun selepas anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF>.
- Selepas menetapkan jumlah pampasan pendedahan, anda boleh menghalang jumlah pampasan pendedahan daripada berubah secara tidak sengaja dengan menetapkan suis <LOCK▶> ke kanan.
- Jika jumlah pampasan pendedahan melebihi ± 3 hentian, hujung penunjuk aras pendedahan akan memaparkan <▶/▲> atau <◀/▼>.

Bracketing Pendedahan Auto (AEB) ☆


Dengan menukar kelajuan pengatup atau apertur secara automatik, kamera mengenakan braket pada pendedahan sehingga ± 3 hentian dalam kenaikan $1/3$ hentian untuk tiga tangkapan berturutan. Ini dipanggil AEB.

* AEB ialah singkatan untuk Auto Exposure Bracketing (Bracketing Pendedahan Auto).



1 Pilih [Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)].

- Di bawah tab [, pilih [Expo.comp./AEB (Pampasan pendedahan/AEB)], kemudian tekan $\langle \text{SET} \rangle$.



Julat AEB

2 Tetapkan julat AEB.

- Putar dial $\langle \text{gear icon} \rangle$ untuk menetapkan julat AEB. Jika anda putar $\langle \text{clock icon} \rangle$, anda boleh menetapkan pampasan pendedahan.
- Tekan $\langle \text{SET} \rangle$ untuk menetapkannya.
- Apabila anda keluar dari menu, $\langle \text{camera icon} \rangle$ dan julat AEB akan dipaparkan pada panel LCD.



3 Ambil gambar.

- Tiga tangkapan yang dikenakan braket akan diambil mengikut tetapan mod pemacu dalam urutan ini: pendedahan standard, pendedahan yang dikurangkan dan pendedahan yang ditingkatkan.
- AEB tidak akan dibatalkan secara automatik. Untuk membatalkan AEB, ikuti langkah 2 untuk menutup paparan julat AEB.



Pendedahan standard



Pendedahan yang dikurangkan



Pendedahan yang ditingkatkan




- Semasa AEB, <✱> dalam pemidang tilik dan < > pada panel LCD akan berkelip.
- Jika mod pemacu ditetapkan kepada < > atau < S>, tekan butang pengatup tiga kali untuk setiap tangkapan. Apabila < H>, < > atau < S> ditetapkan dan anda menahan butang pengatup ke bawah sepenuhnya, tiga tangkapan yang dikenakan bracket akan diambil berturut-turut dan kamera akan berhenti menangkap secara automatik. Apabila < 1> atau < 2> ditetapkan, tiga tangkapan yang dikenakan bracket akan diambil berturut-turut selepas lewat 10 saat atau 2 saat.
- Anda boleh menetapkan AEB dalam gabungan dengan pampasan pendedahan.
- Jika julat AEB melebihi ± 3 hentian, hujung penunjuk aras pendedahan akan memaparkan <▶/▲> atau <◀/▼>.
- AEB tidak boleh digunakan dengan denyar, pendedahan mentol atau apabila [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)] atau [HDR Mode (Mod HDR)] ditetapkan.
- AEB akan dibatalkan secara automatik apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF> atau apabila denyar bersedia untuk menyala.

✱ Kunci AE ☆

Gunakan Kunci AE apabila kawasan fokus perlu berbeza daripada kawasan pemeteran pendedahan atau apabila anda mahu mengambil tangkapan berbilang pada tetapan pendedahan yang sama. Tekan butang <✱> untuk mengunci pendedahan, kemudian gubah semula dan ambil gambar. Ini dipanggil kunci AE. Ia berkesan untuk subjek bercahaya belakang, dll.

1 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Tetapan pendedahan akan dipaparkan.



2 Tekan butang <✱>. (ⓘ4)

- ▶ Ikon <✱> menyala dalam pemidang tilik untuk menunjukkan tetapan pendedahan dikunci (kunci AE).
- Setiap kali anda menekan butang <✱>, tetapan pendedahan semasa akan dikunci.



3 Gubah semula dan ambil gambar.

- Penunjuk aras pendedahan pada sebelah kanan pemidang tilik akan memaparkan aras pendedahan kunci AE dan aras pendedahan sekarang dalam masa sebenar.
- Jika anda hendak mengekalkan kunci AE semasa mengambil lebih banyak tangkapan, tahan butang <✱> ke bawah dan tekan butang pengatup untuk mengambil tangkapan lain.

Kesan Kunci AE

Mod Pemeteran (hlm.226)	Kaedah Pemilihan Titik AF (hlm.95)	
	Pemilihan Automatik	Pemilihan Manual
	Kunci AE dikenakan pada titik AF yang mencapai fokus.	Kunci AE dikenakan pada titik AF terpilih.
	Kunci AE dikenakan pada titik AF pusat.	

* Apabila suis mod fokus lensa ditetapkan kepada <MF>, kunci AE dikenakan pada titik AF pusat.




Kunci AE tidak boleh dilakukan dengan pendedahan mentol.

B: Pendedahan Mentol

Dalam mod ini pengatup kekal terbuka selagi anda menahan butang pengatup ke bawah sepenuhnya, dan tutup apabila anda melepaskan butang pengatup. Ini dipanggil pendedahan mentol. Gunakan pendedahan mentol untuk pemandangan malam, bunga api, langit dan subjek lain yang memerlukan pendedahan lama.




1 Tetapkan Dail Mod pada .



2 Tetapkan aperture yang dikehendaki.

- Semasa melihat pada panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <  > atau <  >.

Masa pendedahan



3 Ambil gambar.

- Pendedahan akan berterusan selagi anda mengekalkan butang pengatup ditekan sepenuhnya.
- ▶ Masa pendedahan berlalu akan dipaparkan pada panel LCD.


- Pendedahan panjang menghasilkan lebih banyak hinggar daripada biasa.
- Jika ISO Auto ditetapkan, kelajuan ISO ialah ISO 400 (hlm.158).
- Bagi pendedahan mentol, jika anda tidak menggunakan pemasa mentol tetapi menggunakan kedua-dua pemasa sendiri dan kunci cermin, kekal menekan butang pengatup sepenuhnya (masa penangguhan pemasa sendiri + masa pendedahan mentol). Jika anda melepaskan butang pengatup semasa perhitungan pemasa sendiri, akan terdapat bunyi pengatup lepas, tetapi tiada gambar diambil. Jika anda menggunakan pemasa mentol dalam keadaan penangkapan yang sama, anda tidak perlu menahan butang pengatup ke bawah sepenuhnya.
- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh merosakkan pengesan imej atau komponen dalaman kamera.



- Dengan [**3: Long exp. noise reduction (Pengurangan hingar pendedahan lama)**], anda boleh mengurangkan hingar yang dihasilkan semasa pendedahan lama (hlm.180).
- Untuk pendedahan mentol, menggunakan tripod dan pemasa mentol adalah disyorkan. Anda juga boleh menggunakan kunci cermin (hlm.248) dengan pendedahan mentol.
- Anda juga boleh menangkap pendedahan mentol dengan menggunakan Suis Kawalan Jauh RS-80N3 atau Alat Kawalan Jauh Pemasa TC-80N3 (kedua-dua dijual berasingan, hlm.250).
- Anda juga boleh menggunakan Alat Kawalan Jauh RC-6 (dijual berasingan, hlm.250) untuk pendedahan mentol. Apabila anda menekan butang pemancar kawalan jauh, pendedahan mentol akan bermula serta-merta atau 2 saat kemudian. Tekan butang sekali lagi untuk menghentikan pendedahan mentol.


Pemasa Mentol ☆

Anda boleh praset masa pendedahan bagi pendedahan mentol. Dengan pemasa mentol, anda tidak perlu menahan butang pengatup ke bawah semasa pendedahan mentol. Ini mengurangkan goncangan kamera. Pemasa mentol hanya boleh ditetapkan dalam mod penangkapan (Mentol). Ia tidak boleh ditetapkan (atau tidak akan berfungsi) dalam sebarang mod penangkapan lain.




1 Pilih [**Bulb timer (Pemasa mentol)**].

- Di bawah tab [**4**], pilih [**Bulb timer (Pemasa mentol)**], kemudian tekan **<SET>**.




2 Pilih [**Enable (Aktif)**].

- Pilih [**Enable (Aktif)**], kemudian tekan butang <INFO.>.



3 Tetapkan masa pendedahan yang dikehendaki.


- Pilih jam, minit atau saat.
- Tekan <SET> supaya <☑> dipaparkan.
- Tetapkan nombor yang dikehendaki, kemudian tekan <SET> (Kembali ke <☐>).



4 Pilih [OK].

- ▶ Masa yang ditetapkan akan dipaparkan pada skrin menu.
- ▶ <☑> akan dipaparkan pada panel LCD.

Masa pendedahan berlaku



Pemasa mentol

5 Ambil gambar.

- ▶ Tekan butang pengatup sepenuhnya dan pendedahan mentol akan bermula dan diteruskan sehingga masa yang ditetapkan berlaku.
- Untuk membatalkan tetapan pemasa, tetapkan **[Disable (Lumpuhkan)]** dalam langkah 2.


- Jika anda menekan butang pengatup sepenuhnya semasa pemasa mentol sedang beroperasi, pendedahan mentol akan berhenti.
- Melakukan sebarang yang berikut akan membatalkan pemasa mentol (kembali ke **[Disable (Lumpuhkan)]**): Tetapkan suis kuasa kepada <OFF>, paparkan skrin rakaman filem atau tukar mod penangkapan daripada .

HDR : Penangkapan HDR (Julat Dinamik Tinggi) ☆

Butiran sorotan dan butiran bayang akan dikekalkan untuk ton julat dinamik tinggi walaupun dengan pemandangan kontras tinggi. Penangkapan HDR berkesan untuk landskap dan tangkapan alam benda.

Dengan Penangkapan HDR, tiga imej dengan pendedahan berbeza (pendedahan standard, kurang pendedahan dan pendedahan berlebihan) akan ditangkap untuk setiap tangkapan dan kemudian digabungkan bersama secara automatik. Imej HDR dirakamkan sebagai imej JPEG.


* HDR singkatan untuk High Dynamic Range (Julat Dinamik Tinggi).



1 Tekan butang <[ikon] >.


2 Pilih mod HDR.

- Pilih [HDR], kemudian tekan <(SET) >.
- ▶ Skrin mod HDR akan muncul.



3 Tetapkan [Adjust dyn range (Laras julat dinamik)].

- Pilih julat dinamik yang dikehendaki, kemudian tekan <(SET) >.
- Memilih [Auto] akan membuatkan julat dinamik ditetapkan secara automatik bergantung pada julat rona keseluruhan imej.
- Lebih tinggi angka, julat dinamik akan menjadi lebih lebar.
- Untuk keluar penangkapan HDR, pilih [Disable HDR (Lumpuhkan HDR)].



4 Tetapkan [Effect (Kesan)].

- Pilih kesan yang dikehendaki, kemudian tekan <(SET) >.



- Anda juga boleh menetapkan penangkapan HDR dengan [📷3: HDR Mode (Mod HDR)].

Kesan

- **Natural (Semula jadi)**

Untuk imej yang mengekalkan julat ton luas yang sebaliknya akan kehilangan butiran bayangan dan sorotan.

- **Art standard (Seni Standard)**

Walaupun butiran bayangan dan sorotan dikekalkan lebih baik berbanding dengan [**Natural (Semula jadi)**], kontras akan lebih rendah dan pemeringkatan lebih rata untuk menjadikan gambar kelihatan seperti lukisan. Garis bentuk subjek akan mempunyai pinggiran cerah (atau gelap).

- **Art vivid (Seni terang)**

Warna lebih pekat berbanding dengan [**Art standard (Seni standard)**] dan kontras rendah serta pemeringkatan rata menghasilkan kesan seni grafik.

- **Art bold (Seni tebal)**


Warna paling pekat, membuatkan subjek menonjol dan gambar kelihatan seperti lukisan cat minyak.

- **Art embossed (Seni timbul)**

Ketepuan warna, kecerahan, kontras dan pemeringkatan dikurangkan untuk menjadikan gambar kelihatan rata. Gambar kelihatan pudar dan lama. Garis bentuk subjek akan mempunyai pinggiran cerah (atau gelap).


	Art standard (Seni Standard)	Art vivid (Seni terang)	Art bold (Seni tebal)	Art embossed (Seni timbul)
Ketepuan	Standard	Tinggi	Lebih tinggi	Rendah
Garis bentuk tebal	Standard	Lemah	Kuat	Lebih kuat
Kecerahan	Standard	Standard	Standard	Gelap
Ton	Rata	Rata	Rata	Lebih rata

 Setiap kesan akan dikenakan berdasarkan sifat Gaya Gambar yang ditetapkan (hlm.162).




5 Tetapkan [Continuous HDR (HDR Berterusan)].

- Pilih sama ada [**1 shot only (1 tangkapan sahaja)**] atau [**Every shot (Setiap tangkapan)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Dengan [**1 shot only (1 tangkapan sahaja)**], penangkapan HDR akan dibatalkan secara automatik selepas tangkapan berakhir.
- Dengan [**Every shot (Setiap tangkapan)**], penangkapan HDR berterusan sehingga tetapan dalam langkah 3 ditetapkan kepada [**Disable HDR (Lumpuhkan HDR)**].



6 Tetapkan [Auto Image Align (Penjajaran Imej Auto)].

- Untuk penangkapan pegangan tangan, pilih [**Enable (Aktif)**]. Apabila menggunakan tripod, pilih [**Disable (Lumpuhkan)**], kemudian tekan < **SET** >.



7 Tetapkan imej yang akan disimpan.

- Untuk menyimpan ketiga-tiga imej dan imej HDR digabungkan, pilih [**All images (Semua imej)**], kemudian tekan < **SET** >.
- Untuk menyimpan hanya imej HDR, pilih [**HDR img only (Imej HDR sahaja)**], kemudian tekan < **SET** >.

8 Ambil gambar.

- Penangkapan HDR boleh dilakukan dengan penangkapan pemidang tilik dan penangkapan Pandangan Langsung.
- ▶ <HDR> akan dipaparkan pada panel LCD.
- Apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, tiga imej berterusan akan ditangkap dan imej HDR akan dirakamkan pada kad.


- Jika kualiti rakaman imej ditetapkan kepada RAW, imej HDR akan dirakam dalam kualiti **L**. Jika kualiti rakaman imej ditetapkan kepada RAW+JPEG, imej HDR akan dirakam dalam kualiti JPEG yang ditetapkan.
- Penangkapan HDR tidak boleh dilakukan dengan pengembangan ISO (H1, H2). Penangkapan HDR boleh dilakukan dalam ISO 100 - ISO 16000.
- Denyar tidak boleh menyala semasa penangkapan HDR.
- Semasa penangkapan HDR, [**Disable (Lumpuhkan)**] akan dikenakan untuk [**Distortion (Herotan)**], [**2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)**], [**3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)**] dan [**5: Expo. simulation (Simulasi pendedahan)**].
- AEB tidak boleh ditetapkan.
- Jika anda menangkap subjek bergerak, pergerakan subjek mungkin meninggalkan imej tinggal.
- Dalam penangkapan HDR, 3 imej ditangkap dengan kelajuan pengatup berbeza yang ditetapkan secara automatik. Oleh itu, walaupun dalam mod penangkapan <**Tv**> dan <**M**>, kelajuan pengatup akan dianjak berdasarkan kelajuan pengatup yang anda tetapkan.
- Untuk menghalang goncangan kamera, kelajuan ISO tinggi boleh ditetapkan.



- Apabila menangkap imej HDR dengan [**Auto Image Align (Penjajaran Imej Auto)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**], titik AF memaparkan maklumat (hlm.371) dan Data Penghapusan Debu (hlm.419) tidak akan disertakan pada imej.
- Jika anda melakukan penangkapan HDR pegang tangan semasa [**Auto Image Align (Penjajaran Imej Auto)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**], persisian imej akan dipotong sedikit dan resolusi akan dikurangkan sedikit. Juga, jika imej tidak boleh dijajarkan dengan betul kerana goncangan kamera, dll, penjajaran imej auto mungkin tidak akan berkesan. Ambil perhatian apabila menangkap dengan tetapan pendedahan terlalu terang atau gelap, penjajaran imej auto mungkin tidak berfungsi dengan betul.
- Jika anda melakukan penangkapan HDR pegangan tangan semasa [**Auto Image Align (Penjajaran Imej Auto)**] ditetapkan kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], 3 imej mungkin tidak dijajarkan dengan betul dan kesan HDR mungkin minimum. Menggunakan tripod adalah disarankan.
- Penjajaran imej auto tidak akan berfungsi dengan betul dengan corak berulang (kekisi, jalur, dll) atau imej rata atau berwarna tunggal.
- Pemeringkatan warna langit atau dinding putih tidak akan dihasilkan semula dengan betul. Warna tak sekata, pendedahan yang tidak teratur atau hingar mungkin muncul.
- Penangkapan HDR di bawah pencahayaan pendarfleur atau LED mungkin menyebabkan penghasilan warna tidak semula jadi bagi kawasan yang diterangi.
- Dengan penangkapan HDR, tiga imej tersebut akan digabungkan selepas anda mengambil gambar. Oleh itu, ia akan mengambil masa lebih lama untuk merakam imej HDR pada kad berbanding dengan penangkapan biasa. Semasa pemprosesan imej, "**buSY**" akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD dan anda tidak boleh mengambil gambar lagi sehingga pemprosesan telah lengkap.
- Jika anda menukar mod penangkapan atau bertukar ke rakaman filem selepas menetapkan penangkapan HDR, tetapan penangkapan HDR mungkin akan dihapuskan (Tetapan [**Adjust dyn range (Laras julat dinamik)**] mungkin ditukar kepada [**Disable HDR (Lumpuhkan HDR)**]).

Pendedahan Berbilang ☆

Anda boleh menangkap dua hingga sembilan pendedahan untuk digabungkan menjadi satu imej. Jika anda menangkap imej berbilang pendedahan dengan penangkapan Pandangan Langsung (hlm.291), anda boleh melihat cara pendedahan tunggal digabung semasa penangkapan.



1 Tekan butang <[Multiple exposure]>.

2 Pilih Pendedahan berbilang.

- Pilih [>, kemudian tekan <[SET]>.
- ▶ Skrin tetapan pendedahan berbilang akan muncul.

3 Tetapkan [Multiple exposure (Pendedahan berbilang)].

- Pilih [On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)] atau [On:ContShtng (Hidup: Penangkapan Berterusan)], kemudian tekan <[SET]>.
- Untuk keluar dari penangkapan pendedahan berbilang, pilih [Disable (Lumpuhkan)].

- **On: Func/Ctrl (Hidup: Fungsi/Kawalan, keutamaan fungsi dan kawalan)**


Memudahkan apabila anda ingin menangkap pendedahan berbilang sambil melihat hasil semasa anda meneruskan. Semasa penangkapan berterusan, kelajuan penangkapan berterusan akan menurun dengan banyak.

- **On: ContShtng (Hidup: Penangkapan Berterusan, keutamaan penangkapan berterusan)**

Disesuaikan untuk penangkapan pendedahan berbilang berterusan terhadap subjek bergerak. Penangkapan berterusan boleh dilakukan, tetapi operasi berikut dilumpuhkan semasa penangkapan: melihat menu, paparan Pandangan Langsung, semakan imej selepas menangkap imej, main balik imej dan buat asal imej akhir (hlm.246).

Selain itu, hanya imej pendedahan berbilang akan disimpan. (Pendedahan tunggal yang digabungkan dalam imej pendedahan berbilang tidak akan disimpan.)

 Anda juga boleh menetapkan pendedahan berbilang dengan [**3: Multiple exposure (Pendedahan berbilang)**].



4 Tetapkan [Multi-expos ctrl (Kawalan pendedahan berbilang)].

- Pilih kaedah kawalan pendedahan berbilang yang dikehendaki, kemudian tekan <SET>.

● Additive (Tambahan)

Pendedahan setiap pendedahan tunggal ditambah secara terhimpun. Berdasarkan [No. of exposures (Jumlah pendedahan)], tetapkan pampasan pendedahan negatif. Rujuk kepada panduan asas di bawah untuk menetapkan pampasan pendedahan negatif.

Panduan Penetapan Pampasan Pendedahan untuk Pendedahan Berbilang

Dua pendedahan: -1 hentian, tiga pendedahan: -1.5 hentian, empat pendedahan: -2 hentian

● Average (Purata)

Berdasarkan [No. of exposures (Jumlah pendedahan)], pampasan pendedahan negatif ditetapkan secara automatik sebaik anda menangkap pendedahan berbilang. Jika anda menangkap pendedahan berbilang pemandangan yang sama, pendedahan latar belakang subjek akan dikawal secara automatik untuk mendapatkan pendedahan standard.


● Bright (Cerah) / Dark (Gelap)

Kecerahan (atau kegelapan) imej asas dan imej yang akan ditambah dibandingkan pada kedudukan sama, dan kemudian bahagian cerah (atau gelap) akan ditinggalkan dalam gambar. Bergantung pada warna yang bertindih, warna mungkin tercampur bergantung pada nisbah kecerahan (atau kegelapan) imej yang dibandingkan.




5 Tetapkan [No. of exposures (Jumlah pendedahan)].

- Pilih bilangan pendedahan, kemudian tekan <SET>.
- Anda boleh menentukannya dari 2 hingga 9 pendedahan.



6 Tetapkan imej yang akan disimpan.

- Untuk menyimpan semua pendedahan tunggal dan imej pendedahan berbilang tergabung, pilih **[All images (Semua imej)]**, kemudian tekan <SET>.
- Untuk menyimpan hanya imej pendedahan berbilang tergabung, pilih **[Result only (Hanya hasil)]**, kemudian tekan <SET>.



7 Tetapkan [Continue Mult-exp (Sambungan Berbilang Dedahan)].

- Pilih sama ada **[1 shot only (1 tangkapan sahaja)]** atau **[Continuously (Berterusan)]**, kemudian tekan <SET>.
- Dengan **[1 shot only (1 tangkapan sahaja)]**, tangkapan pendedahan berbilang akan dibatalkan secara automatik selepas penangkapan berakhir.
- Dengan **[Continuously (Berterusan)]**, penangkapan pendedahan berbilang berterusan sehingga tetapan dalam langkah 3 ditetapkan kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**.



Bilangan pendedahan berbaki

8 Ambil pendedahan pertama.

- ▶ Apabila **[On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/ Kawalan)]** ditetapkan, imej yang ditangkap akan dipaparkan.
- ▶ Ikon <📷> akan berkelip.
- Bilangan pendedahan berbaki akan dipaparkan dalam kurungan [] dalam pemidang tilik atau pada skrin.
- Menekan butang <▶> membolehkan anda memaparkan imej yang ditangkap (hlm.246).

9 Tangkap pendedahan berikutnya.

- ▶ Apabila [**On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)**] ditetapkan, imej pendedahan berbilang tergabung akan dipaparkan.
- Dengan penangkapan Pandangan Langsung, imej pendedahan berbilang yang setakat ini digabungkan akan dipaparkan. Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh memaparkan hanya imej Pandangan Langsung.
- Selepas anda menangkap bilangan pendedahan yang ditetapkan, penangkapan pendedahan berbilang akan keluar. Dengan penangkapan berterusan, selepas anda siap menangkap bilangan pendedahan yang ditetapkan semasa menekan butang pengatup ke bawah, tangkapan akan berhenti.



- Kualiti rakaman imej, kelajuan ISO, Gaya Gambar, pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi dan ruang warna dll ditetapkan untuk pendedahan tunggal pertama akan ditetapkan juga untuk pendedahan berikutnya.
- [📷5: Aspect ratio (Nisbah bidang)] akan tetap pada 3:2.
- Semasa penangkapan pendedahan berbilang, [Disable (Lumpuhkan)] akan dikenakan untuk [📷1: Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)], [📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)] dan [📷3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)].
- Jika [📷3: Picture Style (Gaya Gambar)] ditetapkan kepada [Auto], [Standard] akan dikenakan untuk penangkapan.
- Jika kedua-dua [**On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)**] dan [Additive (Tambahan)] ditetapkan, imej yang dipaparkan semasa penangkapan mungkin kelihatan banyak hingar. Namun, apabila anda selesai menangkap bilangan pendedahan yang ditetapkan, pengurangan hingar akan dikenakan dan imej pendedahan berbilang terakhir akan mempunyai kurang hingar.
- Jika anda melaksanakan penangkapan Pandangan Langsung semasa [**On:ContShtng (Hidup:Penangkapan Berterusan)**] ditetapkan, fungsi Pandangan Langsung akan berhenti secara automatik selepas tangkapan pertama diambil. Daripada tangkapan kedua dan seterusnya, tangkap semasa melihat menerusi pemidang tilik.



Apabila [**On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)**] ditetapkan, anda boleh menekan butang <▶> untuk melihat pendedahan berbilang yang diambil setakat itu atau memadam pendedahan tunggal terakhir (hlm.246).



- Dengan pendedahan berbilang, lebih banyak pendedahan yang ada, gangguan, warna tidak sekata dan penjaluran akan menjadi lebih jelas. Juga, oleh sebab gangguan meningkat dengan kelajuan ISO lebih tinggi, penangkapan pada kelajuan ISO rendah disyorkan.
- Jika [**Additive (tambahan)**] ditetapkan, pemprosesan imej selepas mengambil pendedahan berbilang akan mengambil masa. (Lampu akses akan menyala lebih lama daripada biasa.)
- Jika anda melakukan penangkapan Pandangan Langsung semasa kedua-dua [**On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)**] dan [**Additive (Tambahan)**] ditetapkan, fungsi Pandangan Langsung akan berhenti secara automatik apabila penangkapan pendedahan berbilang berakhir.
- Dalam langkah 9, kecerahan dan gangguan imej pendedahan berbilang yang dipaparkan semasa penangkapan Pandangan Langsung akan berbeza daripada imej pendedahan berbilang terakhir yang dirakamkan.
- Jika [**On:ContShtn (Hidup:Penangkapan Berterusan)**] ditetapkan, lepaskan butang pengatup selepas menangkap bilangan pendedahan berbilang yang ditetapkan.
- Jika suis kuasa ditetapkan kepada <**OFF**>, bateri digantikan atau jika anda bertukar ke rakaman filem, penangkapan pendedahan berbilang akan dibatalkan.
- Jika anda menukar mod penangkapan kepada <**A⁺**> atau <**C1/C2/C3**> semasa menangkap, penangkapan pendedahan berbilang akan berakhir.
- Jika anda menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak, penangkapan pendedahan berbilang tidak akan berfungsi. Jika anda menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak semasa menangkap, penangkapan pendedahan berbilang akan berhenti.

Menggabungkan Pendedahan Berbilang dengan Imej yang Dirakam pada Kad

Anda boleh memilih imej yang dirakamkan pada kad sebagai pendedahan tunggal pertama. Imej asal imej yang dipilih akan kekal tidak bertukar.

Anda boleh memilih imej RAW. Anda tidak boleh memilih imej **M RAW** / **S RAW** atau JPEG.

Multiple exposure	
Multiple exposure	On:Func/Ctrl
Multi-expos ctrl	Additive
No. of exposures	3
Save source imgs	All images
Continue Mult-exp	1 shot only
Select image for multi. expo.	
Deselect img	

1 Pilih [Select image for multi. expo. (Pilih imej untuk berbilang pendedahan)].

- ▶ Imej pada kad akan dipaparkan.

2 Pilih imej.

- Putar dial <⌚> untuk memilih imej untuk digunakan sebagai pendedahan tunggal pertama, kemudian tekan <SET>.
- Pilih [OK].
- ▶ Nombor fail imej terpilih akan dipaparkan pada bahagian bawah skrin.

3 Ambil gambar.


- Apabila anda memilih imej pertama, bilangan pendedahan berbaki seperti ditetapkan dengan [No. of exposures (Jumlah pendedahan)] akan berkurang sebanyak 1. Contohnya, jika [No. of exposures (Jumlah pendedahan)] ialah 3, anda boleh menangkap dua pendedahan.



- Yang berikut tidak boleh dipilih sebagai pendedahan tunggal pertama: Imej yang ditangkap dengan [📷3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], imej yang [Aspect ratio (Nisbah bidang)] ditetapkan kepada sebarang tetapan selain daripada [3:2] (hlm.303), dan imej yang mempunyai maklumat pemotongan (hlm.456).
- [Disable (Lumpuhkan)] akan dikenakan untuk [📷1: Lens aberration correction (Pembetulan penyimpangan lensa)], [📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)] dan [📷3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] tanpa mengambil kira tetapan imej RAW yang dipilih sebagai pendedahan berbilang pertama.
- Kelajuan ISO, Gaya Gambar, pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi dan ruang warna, dll, ditetapkan untuk imej **RAW** pertama juga akan dikenakan untuk imej berikutnya.
- Jika [📷3: Picture Style (Gaya Gambar)] adalah Auto untuk imej RAW yang dipilih sebagai pendedahan tunggal pertama, Standard akan dikenakan untuk penangkapan.
- Anda tidak boleh memilih imej yang diambil dengan kamera lain.

- Anda juga boleh memilih imej **RAW** pendedahan berbilang sebagai pendedahan tunggal pertama.
- Jika anda memilih **[Deselect img (Buang pilihan imej)]**, imej yang dipilih akan dibatalkan.

Memeriksa dan Menghapus Pendedahan Berbilang Semasa Penangkapan



Apabila **[On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)]** ditetapkan dan anda belum selesai menangkap bilangan pendedahan yang ditetapkan, anda boleh menekan butang **<▶>** untuk melihat imej pendedahan berbilang tergabung setakat itu. Anda boleh memeriksa bagaimana ia kelihatan dan pendedahannya. (Tidak boleh dilakukan apabila **[On:ContShtng (Hidup:Penangkapan Berterusan)]** ditetapkan.) Jika anda tekan butang **<⏮>**, operasi yang boleh dilakukan semasa penangkapan pendedahan berbilang akan dipaparkan.

Operasi	Perihalan
🔄 Undo last image (Buat asal imej akhir)	Hapus imej terakhir yang anda tangkap (tangkap imej lain). Bilangan pendedahan akan meningkat sebanyak 1.
💾 Save and exit (Simpan dan keluar)	Jika [Save source imgs: All images (Simpan imej sumber: Semua imej)] ditetapkan, semua pendedahan tunggal dan imej pendedahan berbilang tergabung akan disimpan sebelum keluar. Jika [Save source imgs: Result only (Simpan imej sumber: Hanya hasil)] ditetapkan, hanya imej pendedahan berbilang yang digabungkan setakat itu akan disimpan sebelum keluar.
🚪 Exit without saving (Keluar tanpa menyimpan)	Tiada imej yang akan disimpan sebelum keluar.
⬅️ Return to previous screen (Kembali kepada skrin sebelumnya)	Skrin sebelum anda menekan butang <⏮> akan muncul semula.

🔒 Semasa penangkapan pendedahan berbilang, anda hanya boleh bermain balik imej pendedahan berbilang.

? SOALAN-SOALAN LAZIM



- Adakah terdapat sebarang sekatan pada kualiti rakaman imej?
Semua tetapan kualiti rakaman imej JPEG boleh dipilih. Jika **M RAW** atau **S RAW** ditetapkan, pendedahan berbilang tergabung akan menjadi imej **RAW**.

Tetapan Kualiti Rakaman Imej	Pendedahan Tunggal	Pendedahan Berbilang Tergabung
JPEG	JPEG	JPEG
RAW	RAW	RAW
M RAW / S RAW	M RAW / S RAW	RAW
RAW +JPEG	RAW +JPEG	RAW +JPEG
M RAW / S RAW +JPEG	M RAW / S RAW +JPEG	RAW +JPEG

- Bolehkah saya menggabungkan imej yang dirakamkan pada kad?
Dengan [Select image for multi. expo. (Pilih imej untuk berbilang pendedahan)], anda boleh memilih pendedahan tunggal pertama daripada imej yang dirakamkan pada kad (hlm.245). Ambil perhatian bahawa anda tidak boleh menggabungkan berbilang imej yang telah dirakamkan pada kad.
- Adakah pendedahan berbilang boleh digunakan dengan penangkapan Pandangan Langsung?
Dengan [On:Func/Ctrl (Hidup:Fungsi/Kawalan)] ditetapkan, anda boleh menangkap pendedahan berbilang dengan penangkapan Pandangan Langsung (hlm.291). Ambil perhatian bahawa [5: Aspect ratio (Nisbah bidang)] akan tetap pada [3:2].
- Apakah nombor fail yang digunakan untuk menyimpan imej pendedahan berbilang tergabung?
Jika semua imej ditetapkan untuk disimpan, nombor fail imej pendedahan berbilang tergabung ialah nombor siri selepas nombor fail pendedahan tunggal terakhir yang digunakan untuk mencipta imej pendedahan berbilang tergabung tersebut.
- Adakah kuasa terpadam secara auto akan berfungsi semasa penangkapan berbilang pendedahan?
Selagi [42: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)] ditetapkan pada sebarang tetapan selain [Disable (Lumpuhkan)], kuasa akan terpadam secara automatik selepas 30 minit tiada pengendalian. Jika kuasa terpadam secara auto berfungsi, penangkapan pendedahan berbilang akan ditamatkan dan tetapan pendedahan berbilang akan dibatalkan. Sebelum memulakan penangkapan pendedahan berbilang, kuasa terpadam secara auto akan berfungsi seperti yang ditetapkan dengan kamera, dan tetapan pendedahan berbilang akan dibatalkan.

Kunci Cermin ☆

Walaupun menggunakan pemasa sendiri atau suis kawalan jauh boleh menghalang guncangan kamera, menggunakan kunci cermin untuk menghalang getaran kamera (kejutan cermin) boleh juga membantu apabila anda menggunakan lensa telefoto super atau menangkap dari jarak dekat (fotografi makro).



1 Tetapkan [Mirror lockup (Kunci cermin)] kepada [Enable (Aktif)].

- Di bawah tab [4], pilih [Mirror lockup (Kunci Cermin)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.

2 Fokus pada subjek, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya.

- ▶ Cermin akan ayun ke atas.

3 Tekan butang pengatup sepenuhnya sekali lagi.

- ▶ Gambar akan diambil dan cermin kembali ke bawah.

- ❗ Dalam cahaya yang sangat terang, seperti di pantai atau di lereng luncur salji pada hari yang cerah, ambil gambar serta-merta selepas kunci cermin.
- Jangan halakan kamera ke arah matahari. Haba matahari boleh membakar dan merosakkan tirai pengatup.
- Semasa kunci cermin, tetapan fungsi tangkapan dan operasi menu, dll akan dilumpuhkan.




- Walaupun mod pemacu ditetapkan pada penangkapan berterusan, hanya satu tangkapan akan diambil.
- Anda juga boleh menggunakan pemasa sendiri atau pemasa mentol dengan kunci cermin.
- Jika 30 saat berlalu selepas cermin telah dikunci, ia akan turun semula secara automatik. Menekan butang pengatup sepenuhnya akan mengunci cermin sekali lagi.
- Untuk kunci cermin, menggunakan tripod dan Suis Kawalan Jauh RS-80N3 (dijual berasingan) atau Alat Kawalan Jauh Pemasa TC-80N3 (dijual berasingan) disyorkan (hlm.250).
- Anda juga boleh menggunakan alat kawalan jauh (dijual berasingan, hlm.250). Disyorkan menetapkan alat kawalan jauh kepada lewat 2 saat.

Menggunakan Penutup Kanta Mata


Apabila anda menggunakan pemasa sendiri, mentol atau suis kawalan jauh dan tidak melihat menerusi pembedang tilik, cahaya lilau yang memasuki pembedang tilik boleh menyebabkan gambar kelihatan gelap. Untuk menghalang keadaan ini, guna penutup kanta mata (hlm.33) yang dipasang pada tali kamera.

Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem, penutup kanta mata tidak perlu dipasang.



1 Keluarkan eyecup.

- Sambil memegang kedua-dua sisi eyecup, luncurkannya ke atas untuk menanggalkannya.




2 Pasang penutup kanta mata.

- Tolak penutup kanta mata ke bawah ke dalam alur kanta mata untuk memasangnya.
- ▶ Selepas anda siap menangkap, keluarkan penutup kanta mata dan pasang eyecup.

Menggunakan Suis Kawalan Jauh

Anda boleh menyambung Suis Kawalan Jauh RS-80N3 (dijual berasingan) atau Alat Kawalan Jauh Pemasa TC-80N3 (dijual berasingan) atau sebarang aksesori EOS yang dilengkapi dengan terminal jenis N3 pada kamera untuk penangkapan (hlm.492). Untuk mengendalikan aksesori, rujuk kepada manual arahnya.



1 Buka penutup terminal.

2 Sambung palam ke terminal kawalan jauh.

- Sambungkan palam seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.
- Untuk mencabut palam, pegang bahagian perak dan tarik.

Penangkapan Kawalan Jauh




Dengan Alat Kawalan Jauh RC-6 (dijual berasingan), anda boleh menangkap dari jarak jauh sehingga lebih kurang 5 meter/16.4 kaki dari kamera. Anda boleh tangkap serta-merta atau gunakan lewat 2-saat. Anda juga boleh menggunakan Alat Kawalan Jauh RC-1 dan RC-5.


1 Fokus pada subjek.

2 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>.

- Anda juga boleh menangkap dengan <AF>.


3 Tekan butang <DRIVE•AF>. (6)





4 Pilih pemasa sendiri.

- Sambil melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <⌚> untuk memilih <⌚1> atau <⌚2>.



5 Tekan butang penghantaran alat kawalan jauh.

- Halakan alat kawalan jauh ke arah pegesan kawalan jauh dan tekan butang penghantaran.
- Lampu pemasa sendiri menyala dan gambar diambil.




- Pencahayaan pendarfluor atau LED boleh menyebabkan salah operasi kamera dengan pemuncian pengatup dengan tidak sengaja. Cuba jauhkan kamera daripada sumber cahaya sedemikian.
- Jika anda halakan alat kawalan jauh untuk set TV ke arah kamera dan menggunakannya, ia boleh menyebabkan salah operasi kamera dengan pemuncian pengatup dengan tidak sengaja.



Penangkapan kawalan jauh juga boleh dilakukan dengan peranti seperti Speedlite siri EX yang dilengkapi dengan fungsi lepas jarak jauh.


Penangkapan Pemasa Selang

Dengan pemasa selang, anda boleh menetapkan selang penangkapan dan bilangan tangkapan. Kamera akan secara automatik mengulang pengambilan satu tangkapan dengan selang yang ditetapkan sehingga bilangan tangkapan telah diambil.




1 Pilih [Interval timer (Pemasa selang)].

- Di bawah tab [4] (tab [2] dalam <A+>), pilih [Interval timer (Pemasa selang)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Enable (Aktif)].

- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan butang <INFO>.



3 Tetapkan selang dan bilangan tangkapan.

- Pilih jam, minit, saat atau bilangan tangkapan.
- Tekan <SET> supaya <+> dipaparkan.
- Tetapkan nombor yang dikehendaki, kemudian tekan <SET> (Kembali ke <□>).

Interval (Selang)


Boleh ditetapkan dari [00:00:01] hingga [99:59:59].

No. of shots (Bilangan tangkapan)

Boleh ditetapkan dari [01] hingga [99]. Jika anda menetapkan [00], kamera akan terus menangkap sehingga anda memberhentikan pemasa selang.

Bilangan tangkapan

Selang



Pemasa dalaman



4 Pilih [OK].

- ▶ Tetapan pemasa selang akan dipaparkan pada skrin menu.
- ▶ <[OK]> akan dipaparkan pada panel LCD.

5 Ambil gambar.

- ▶ Penangkapan akan bermula mengikut tetapan pemasa selang.
- Semasa penangkapan pemasa selang, <[OK]> akan berkelip.
- Selepas bilangan tangkapan yang ditetapkan telah diambil, penangkapan pemasa selang akan berhenti dan dibatalkan secara automatik.



- Menggunakan tripod adalah disarankan.
- Mengambil tangkapan ujian adalah disyorkan.
- Selepas penangkapan pemasa selang bermula, anda masih boleh menekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar seperti biasa. Namun, dari 5 saat sebelum penangkapan pemasa selang seterusnya, tetapan fungsi tangkapan, operasi menu, main balik imej dan operasi lain akan digantung, dan kamera akan bersedia untuk menangkap.
- Jika gambar diambil atau imej diproses semasa penangkapan pemasa selang seterusnya, penangkapan pemasa selang itu akan dibatalkan. Ini akan menjadikan bilangan imej pemasa selang yang ditangkap lebih rendah daripada bilangan tangkapan yang ditetapkan.
- Penangkapan pemasa selang boleh digabung dengan AEB, bracketing WB, pendedahan berbilang dan mod HDR.
- Anda boleh menghentikan penangkapan pemasa selang dengan memilih [**Disable (Lumpuhkan)**] atau menetapkan suis kuasa kepada <**OFF**>.



- Jika suis mod fokus ditetapkan kepada <AF>, kamera tidak akan menangkap apabila fokus tidak tercapai. Menetapkannya kepada <MF> dan memfokus secara manual dahulu disyorkan.
- Penangkapan Pandangan Langsung, rakaman filem, pendedahan mentol atau kunci cermin tidak boleh dilaksanakan dengan penangkapan pemasa selang.
- Semasa penangkapan pemasa selang, kuasa terpadam secara auto tidak akan berfungsi. Untuk penangkapan pemasa selang yang dipanjangkan, penggunaan Kit Penyesuai AC ACK-E6 (dijual berasingan) untuk membekalkan kuasa pada kamera adalah disyorkan.
- Jika pendedahan lama atau kelajuan pengatup yang lebih lama daripada selang penangkapan ditetapkan, kamera tidak boleh menangkap pada selang yang ditetapkan. Oleh itu kamera akan menangkap tangkapan yang kurang daripada bilangan yang ditetapkan untuk penangkapan pemasa selang. Selain itu, bilangan tangkapan mungkin akan berkurangan apabila kelajuan pengatup dan selang penangkapan adalah hampir sama atau berdekatan.
- Jika masa rakaman kad adalah lebih lama daripada selang penangkapan yang ditetapkan, disebabkan prestasi kad atau tetapan penangkapan, dll, kamera mungkin tidak menangkap pada selang penangkapan yang ditetapkan.
- Jika anda menggunakan denyar dengan penangkapan pemasa selang, tetapkan selang yang lebih lama daripada masa denyar diulang cas. Sebaliknya, jika selang terlalu pendek, denyar mungkin tidak beryala.
- Jika selang penangkapan terlalu pendek, kamera mungkin tidak mengambil gambar atau menangkap imej tanpa autofocus.
- Penangkapan pemasa selang akan dibatalkan dan ditetapkan semula kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** jika anda melakukan sebarang yang berikut: Menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, memaparkan skrin Pandangan Langsung atau rakaman filem, menetapkan mod penangkapan kepada atau mod penangkapan Tersuai atau menggunakan EOS Utility (perisian EOS, hlm.558).
- Selepas penangkapan pemasa selang bermula, anda tidak boleh menggunakan penangkapan kawalan jauh (hlm.250) atau penangkapan pelepasan jauh dengan Speedlite luaran yang khusus untuk EOS.
- Semasa penangkapan pemasa selang, jika mata anda tidak akan kekal pada kanta mata pembedang tilik, pasang penutup kanta mata (hlm.249). Cahaya lilau yang memasuki pembedang tilik boleh menjejaskan pendedahan.

7


Fotografi Denyar

Bab ini menerangkan cara menggunakan denyar terbina dalam dan Speedlite luaran (siri EX, dijual secara berasingan), cara menetapkan tetapan denyar dengan skrin menu kamera dan cara menggunakan denyar terbina dalam untuk penangkapan denyar wayarles.



- Denyar tidak boleh digunakan dengan rakaman filem. Ia tidak akan menyala.
- AEB tidak boleh digunakan dengan denyar.

⚡ Menggunakan Denyar Terbina Dalam



Dalam mod <P> <Tv> <Av> <M> , tekan butang <⚡> untuk menaikkan denyar terbina dalam untuk fotografi denyar. Sebelum penangkapan, periksa [⚡] dipaparkan dalam pembedang tilik. Selepas penangkapan, tolak denyar terbina dalam kembali ke bawah dengan

jari anda sehingga ia klik ke tempatnya.

Dalam mod <A+>, denyar terbina dalam akan dinaikkan dan menyala secara automatik dalam keadaan cahaya malap atau cahaya belakang. Anda juga boleh mengaktifkan atau melumpuhkan nyalaan denyar. Jadual di bawah menunjukkan tetapan kelajuan pengatup dan apertur yang akan digunakan dengan denyar.

Mod Penangkapan	Kelajuan Pengatup	Apertur
A+	Ditetapkan secara automatik	Ditetapkan secara automatik
P	Ditetapkan secara automatik (1/250 saat - 1/60 saat)	Ditetapkan secara automatik
Tv	Ditetapkan secara manual (1/250 saat - 30 saat)	Ditetapkan secara automatik
Av	Ditetapkan secara automatik (1/250 saat - 30 saat)	Ditetapkan secara manual
M	Ditetapkan secara manual (1/250 saat - 30 saat)	Ditetapkan secara manual
B	Pendedahan bersambung semasa anda menahan butang pengatup ke bawah atau semasa pemasa mentol sedang beroperasi.	Ditetapkan secara manual



Fotografi Denyar dalam Mod <Av>

Untuk mendapatkan pendedahan denyar yang betul, output denyar akan ditetapkan secara automatik (pendedahan denyar automatik) untuk dipadankan dengan apertur yang ditetapkan secara manual. Kelajuan pengatup akan ditetapkan secara automatik antara 1/250 saat - 30 saat supaya sesuai dengan kecerahan pemandangan.

Dalam cahaya malap, subjek utama terdedah dengan denyar automatik, dan latar belakang terdedah dengan kelajuan pengatup yang perlahan yang ditetapkan secara automatik. Kedua-dua subjek dan latar belakang kelihatan terdedah dengan betul (penyegerakan denyar kelajuan perlahan automatik). Jika anda memegang kamera dengan tangan, pastikan ia mantap untuk mengelakkan guncangan kamera. Menggunakan tripod adalah disarankan.

Untuk mengelakkan kelajuan pengatup denyar yang perlahan, di bawah [**📷 1: Flash control (Kawalan Denyar)**], tetapkan [**Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)**] kepada [**1/250-1/60 sec. auto (1/250-1/60 saat auto)**] atau [**1/250 sec. (fixed) (1/250 saat (tetap))**] (hlm.267).

Julat Berkesan Denyar Terbina Dalam

(Anggaran dalam meter/kaki)


Kelajuan ISO	EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM EF-S15-85mm f/3-5.6 IS USM	
	Sudut Lebar: f/3.5	Telefoto: f/5.6
ISO 100	1-3.1 / 3.3-10.3	1-2.0 / 3.3-6.4
ISO 200	1-4.4 / 3.3-14.6	1-2.8 / 3.3-9.1
ISO 400	1-6.3 / 3.3-20.6	1-3.9 / 3.3-12.9
ISO 800	1.1-8.9 / 3.6-29.2	1-5.6 / 3.3-18.2
ISO 1600	1.6-12.6 / 5.2-41.2	1-7.9 / 3.3-25.8
ISO 3200	2.2-17.8 / 7.3-58.3	1.4-11.1 / 4.6-36.5
ISO 6400	3.1-25.1 / 10.3-82.5	2.0-15.7 / 6.4-51.6
ISO 12800	4.4-35.6 / 14.6-116.7	2.8-22.2 / 9.1-72.9
ISO 16000	5.0-39.9 / 16.4-130.9	3.1-24.9 / 10.2-81.8
H1 (sama dengan ISO 25600)	6.3-50.3 / 20.6-165.0	3.9-31.4 / 12.9-103.1
H2 (sama dengan ISO 51200)	8.9-71.1 / 29.2-233.3	5.6-44.4 / 18.2-145.8

- ⚠ Apabila anda menggunakan denyar terbina dalam, tanggalkan sebarang tudung lensa dan jarakkan sekurang-kurangnya 1 meter/3.3 kaki daripada subjek.
- Jika tudung lensa dipasangkan atau subjek berada terlalu hampir, denyar terbina dalam akan terhalang dan bahagian bawah gambar mungkin kelihatan gelap.
- Jangan gunakan fotografi denyar apabila denyar terbina dalam sedang ditahan oleh jari anda atau tidak dinaikkan sepenuhnya oleh sebab-sebab tertentu.

📷 Jika anda menggunakan lensa telefoto super atau lensa apertur besar dan bahagian bawah gambar kelihatan gelap, menggunakan Speedlite luaran (dijual berasingan, hlm.263) adalah disyorkan.

MENU Pengurangan Mata Merah

Menggunakan lampu pengurangan mata merah apabila mengambil gambar denyar boleh mengurangkan mata merah.



1 Pilih [Red-eye reduc. (Pengurangan mata merah)].

- Di bawah tab [📷4] (tab [📷2] dalam <[A+]>), pilih [Red-eye reduc. (Pengurangan mata merah)], kemudian tekan <[SET]>.

2 Pilih [Enable (Aktif)].

- Untuk fotografi denyar, apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, lampu pengurangan mata merah akan menyala.




- Ciri-ciri pengurangan mata merah paling berkesan apabila subjek melihat ke arah lampu pengurangan mata merah, apabila bilik diterangi secukupnya atau apabila anda berada dekat dengan subjek.
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, paparan skala di bahagian bawah pembedang tilik akan mengecut dan padam. Untuk hasil terbaik, ambil gambar selepas paparan skala tersebut padam.
- Keberkesanan pengurangan mata merah bergantung pada subjek.




🔧 Pampasan Pendedahan Denyar ☆

Tetapkan pampasan pendedahan denyar jika pendedahan denyar subjek tidak menjadi seperti yang dikehendaki. Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar sehingga ± 3 hentian dalam kenaikan 1/3 hentian.



1 Tekan butang <ISO>. (ⓘ6)



2 Tetapkan jumlah pampasan pendedahan.

- Semasa melihat panel LCD atau pemidang tilik, putar dail <ⓘ6>.
- Untuk menjadikan pendedahan denyar lebih cerah, putarkan dail <ⓘ6> ke kanan (pendedahan yang ditingkatkan). Untuk menjadikan pendedahan denyar lebih gelap, putarkan dail <ⓘ6> ke kiri (pendedahan yang dikurangkan).
- Selepas menangkap, tetapkan kembali jumlah pampasan pendedahan denyar ke sifar.

Tinggikan pendedahan untuk imej lebih cerah



Kurangkan pendedahan untuk imej lebih gelap






- Jika [**📷2: Auto Lighting Optimizer (Pengoptimum Pencahayaan Auto)**] (hlm.177) ditetapkan ke sebarang tetapan selain daripada [**Disable (Lumpuhkan)**], imej mungkin masih kelihatan cerah walaupun pampasan pendedahan denyar yang dikurangkan telah ditetapkan.
- Jika pampasan pendedahan denyar ditetapkan dengan Speedlite luaran (dijual secara berasingan, hlm.263), anda tidak boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar dengan kamera. Jika ia ditetapkan dengan kamera dan Speedlite, tetapan Speedlite mengatasi tetapan kamera.



- Jumlah pampasan pendedahan akan kekal berkesan walaupun selepas anda menetapkan suis kuasa kepada <**OFF**>.
- Anda juga boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar dengan [**Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)**] di bawah [**📷1: Flash control (Kawalan denyar)**] (hlm.266).
- Kamera ini juga boleh digunakan untuk menetapkan pampasan pendedahan denyar Speedlite luaran yang khusus untuk EOS dalam cara yang sama seperti denyar terbina dalam.

✳ Kunci FE ☆


Kunci FE (pendedahan denyar) mendapatkan dan mengunci pendedahan denyar yang sesuai untuk bahagian imej yang dikehendaki.



1 Tekan butang <⚡>.

- ▶ Denyar terbina dalam akan dinaikkan.
- Tekan butang pengatup separuh ke bawah dan lihat melalui pemidang tilik untuk memeriksa bahawa ikon <⚡> bernyala.

2 Fokus pada subjek.



3 Tekan butang <M-Fn>. (ⓘ16)

- Sasarkan pusat pemidang tilik terhadap subjek di mana anda mahu mengunci pendedahan denyar, kemudian tekan butang <M-Fn>.
- ▶ Denyar akan menyalakan pradenyar dan output denyar yang diperlukan dikira dan disimpan dalam memori.
- ▶ Dalam pemidang tilik, "FEL" dipaparkan untuk seketika dan <⚡*> akan menyala. Juga, penunjuk aras pendedahan denyar akan dipaparkan seperti yang ditunjukkan di sebelah kiri.
- Setiap kali anda menekan butang <M-Fn>, pradenyar akan menyala dan output denyar dikira dan disimpan dalam memori.



4 Ambil gambar.

- Gubah dan tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Denyar dinyalakan ketika gambar diambil.



- ❗ ● Jika subjek terlalu jauh dan di luar julat berkesan denyar, ikon <⚡> akan berkelip. Bergerak lebih dekat kepada subjek dan ulangi langkah 2 hingga 4.
- Kunci FE tidak boleh dilakukan dengan penangkapan Pandangan Langsung.

⚡ Menggunakan Speedlite Luar

Speedlite Siri EX yang Khusus Untuk EOS

Fotografi denyar dengan Speedlite siri EX (dijual berasingan) adalah mudah dengan denyar terbina dalam.

Untuk arahan terperinci, sila rujuk kepada manual arahan Speedlite siri EX. Kamera ini ialah kamera jenis A yang boleh menggunakan semua ciri Speedlite siri EX.

Untuk menetapkan fungsi denyar dan Fungsi Tersuai denyar dengan menu kamera, lihat halaman 266-276.



- **Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)**
Tetapkannya dengan cara yang sama untuk denyar terbina dalam. Lihat halaman 260.
- **FE lock (Kunci FE)**
Prosedur tetapan pada dasarnya adalah sama seperti denyar terbina dalam. Lihat halaman 262.



Apabila sukar untuk mencapai fokus dengan autofokus, Speedlite luaran yang khusus untuk EOS ini akan memancarkan sinar bantu AF secara automatik apabila diperlukan.

Speedlite Canon Selain Daripada Siri EX

- Dengan Speedlite siri EZ/E/EG/ML/TL ditetapkan ke mod denyar automatik A-TTL atau TTL, denyar akan dinyalakan pada output penuh sahaja.

Tetapkan mod penangkapan kamera pada <M> (pendedahan manual) atau <Av> (AE keutamaan apertur) dan laraskan tetapan apertur sebelum penangkapan.


- Apabila menggunakan Speedlite yang mempunyai mod denyar manual, tangkap dalam mod denyar manual.

Unit Denyar Bukan Canon

Kelajuan Penyegerakan

Kamera boleh menyegerakan dengan unit denyar padat bukan Canon pada 1/250 saat dan kelajuan lebih perlahan. Dengan unit denyar studio besar, pastikan untuk menguji penyegerakan denyar sebelum menangkap dengan kelajuan penyegerakan yang ditetapkan dalam anggaran 1/60 saat hingga 1/30 saat. Tempoh denyar bagi unit seperti itu lebih lama berbanding dengan unit-unit denyar padat dan berbeza bergantung pada model.

Terminal PC



- Terminal PC kamera boleh digunakan dengan unit denyar yang mempunyai kord penyegerakan. Terminal PC diulir untuk mengelakkannya daripada tercabut secara tidak sengaja.
- Terminal PC kamera tidak mempunyai kutub. Anda boleh menyambung mana-mana kord penyegerakan tanpa perlu mengira kutubnya.

Peringatan Penangkapan Pandangan Langsung

Jika anda menggunakan unit denyar bukan Canon dengan penangkapan Pandangan Langsung, tetapkan [**6: Silent LV shoot. (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap)**] kepada [**Disable (Lumpuhkan)**] (hlm.305). Denyar tidak akan menyala jika ditetapkan kepada [**Mode 1 (Mod 1)**] atau [**Mode 2 (Mod 2)**].



- Jika kamera ini digunakan dengan unit denyar atau aksesori denyar yang dikhususkan kepada jenama kamera lain, kamera mungkin tidak beroperasi dengan betul dan mungkin menyebabkan kepincangan.
- Jangan sambungkan mana-mana unit denyar dengan voltan output sebanyak 250 V atau lebih ke terminal PC kamera.
- Jangan pasang unit denyar voltan tinggi pada hot shoe kamera. Ia mungkin tidak menyala.




Unit denyar yang dipasangkan ke hot shoe kamera dan unit denyar yang bersambung dengan terminal PC, kedua-duanya boleh digunakan pada masa yang sama.

MENU Menetapkan Denyar ☆


Dengan denyar terbina dalam atau Speedlite luaran siri EX yang serasi dengan tetapan fungsi denyar, anda boleh menggunakan skrin menu kamera untuk menetapkan fungsi denyar dan Fungsi Tersuai Speedlite Luaran.

Jika anda menggunakan Speedlite luaran, pasangkan Speedlite pada kamera dan hidupkan Speedlite sebelum menetapkan fungsi denyar. Untuk maklumat lanjut mengenai fungsi denyar Speedlite luaran, rujuk kepada manual arahan Speedlite.



1 Pilih [Flash control (Kawalan denyar)].


- Di bawah tab [1], pilih [Flash control (Kawalan denyar)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin Kawalan denyar akan muncul.



2 Pilih item yang dikehendaki.


- Pilih item untuk ditetapkan, kemudian tekan <SET>.

Nyalaan denyar



Untuk mengaktifkan fotografi denyar, tetapkan [Enable (Aktif)]. Untuk mengaktifkan sinar bantu AF sahaja, tetapkan [Disable (Lumpuhkan)].

Pemeteran Denyar E-TTL II



Bagi pendedahan denyar normal, tetapkannya pada [Evaluative (Penilaian)]. Jika [Average (Purata)] ditetapkan, pendedahan denyar akan dipuratakan bagi keseluruhan kawasan bermeter. Bergantung pada pemandangan, pampasan pendedahan denyar mungkin diperlukan. Tetapan ini adalah untuk pengguna yang mahir.

Kelajuan Penyegerakan Denyar dalam Mod Av

Flash sync. speed in Av mode	
Auto	AUTO
1/250-1/60sec. auto	1/250 A -1/60
1/250 sec. (fixed)	1/250
INFO Help	

Anda boleh menetapkan kelajuan penyegerakan denyar untuk fotografi denyar dalam mod AE keutamaan apertur (**Av**).

● AUTO: Auto

Kelajuan penyegerakan denyar ditetapkan secara automatik dalam julat 1/250 saat sehingga 30 saat untuk disesuaikan dengan kecerahan pemandangan. Dengan Speedlite luaran, penyegerakan kelajuan tinggi juga boleh dilakukan.

● 1/250-1/60 A: 1/250-1/60sec. auto (1/250-1/60 saat auto)

Mengelakkan kelajuan pengatup yang perlahan daripada ditetapkan dalam keadaan cahaya malap. Ia berkesan untuk menghalang subjek menjadi kabur dan guncangan kamera. Walau bagaimanapun, apabila subjek didedahkan betul dengan denyar, latar belakang yang terhasil mungkin menjadi gelap.


● 1/250: 1/250 sec. (fixed) (1/250 saat (tetap))

Kelajuan penyegerakan denyar adalah tetap pada 1/250 saat. Ini lebih berkesan untuk menghalang subjek menjadi kabur dan guncangan kamera berbanding dengan [1/250-1/60sec. auto (1/250-1/60saat auto)]. Walau bagaimanapun, dalam cahaya malap, latar belakang subjek akan terhasil lebih gelap berbanding dengan [1/250-1/60sec. auto (1/250-1/60saat auto)].



Jika [1/250-1/60sec. auto (1/250-1/60saat auto)] atau [1/250 sec. (fixed) (1/250 saat (tetap))] ditetapkan, penyegerakan berkelajuan tinggi tidak boleh dilakukan dalam mod <**Av**> dengan Speedlite luaran.

Memaparkan Skrin Tetapan Fungsi Denyar Secara Langsung



Apabila anda menggunakan denyar terbina dalam atau Speedlite luaran siri EX yang serasi dengan tetapan fungsi denyar, anda boleh menekan butang <⚡> untuk memaparkan skrin **[Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)]** atau **[External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]** secara langsung tanpa memaparkan skrin menu terlebih dahulu.

● Dengan denyar terbina dalam

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
exp. comp.	-3, -2, -1, 0, 1, 2, 3
Wireless func.	Disable

Tekan butang <⚡> sebanyak dua kali.

- Tekan butang tersebut sekali lagi dan denyar terbina dalam akan dinaikkan.
- Tekan butang sekali lagi untuk memaparkan skrin **[Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)]**.

● Dengan Speedlite luaran

External flash func. setting		
ETTL	WIRELESS OFF	Zoom AUTO
⏪	±0	FEB ±0
E-TTL II flash metering		


Tekan butang <⚡>.

- Dengan Speedlite luaran yang telah dihidupkan, tekan butang <⚡> untuk memaparkan skrin **[External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]**.


- ❗
- Apabila anda menekan butang <⚡> untuk memaparkan skrin tetapan fungsi denyar luaran, anda tidak boleh menetapkan **[Flash firing (Nyalaan denyar)]**, **[E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)]** atau **[Flash sync. speed in Av mode (Kelajuan penyegerakan denyar dalam mod Av)]**. Sebaliknya, tetapkan fungsi ini dengan **[Q1: Flash control (Kawalan denyar)]**.
 - Jika **[Flash firing (Nyalaan denyar)]** ditetapkan kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** dan anda menekan butang <⚡>, skrin **[Flash control (Kawalan denyar)]** akan muncul (hlm.266).

Tetapan Denyar Terbina Dalam

● Flash mode (Mod denyar)




Lazimnya, tetapkan ini kepada **[E-TTL II]**. Ini membolehkan penangkapan pendedahan automatik dengan denyar terbina dalam.



Untuk menetapkan tahap output denyar secara manual, pilih **[Manual flash (Denyar manual)]**.

Pilih **[flash output (Output denyar)]**, kemudian tetapkan tahap output denyar antara 1/1 - 1/128 (kenaikan 1/3 hentian) sebelum menangkap. Mod ini adalah untuk pengguna mahir.




Dengan **[MULTI flash (BERBILANG denyar)]** dipilih, anda boleh menggunakan kelajuan pengatup yang lebih perlahan untuk menangkap subjek yang sedang bergerak untuk beberapa saat dalam satu imej.

Terlebih dahulu tetapkan **[flash output (Output denyar)]**, **[Frequency (Kekerapan)]**, dan **[Flash count (Kiraan denyar)]**, kemudian tangkap. Mod ini adalah untuk pengguna mahir.

- ❗ ● Untuk mengelakkan denyar daripada rosak disebabkan oleh panas yang melampau, jangan gunakan BERBILANG denyar lebih daripada sepuluh kali secara berturut-turut. Jika anda menggunakan BERBILANG denyar sebanyak sepuluh kali, biarkan denyar berehat sekurang-kurangnya selama 10 minit sebelum menyalakan denyar semula.
- Denyar akan dioutput pada 1/128 - 1/4 untuk BERBILANG denyar.


● Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)



Biasanya, tetapkan ini kepada **[1st curtain (Tirai pertama)]** supaya denyar beryala sejurus selepas pendedahan bermula.


Jika **[2nd curtain (Tirai kedua)]** ditetapkan, denyar akan menyala sejurus sebelum pengatup tertutup. Apabila ini digabungkan dengan kelajuan pengatup yang perlahan, anda boleh mencipta jejak cahaya seperti dari lampu depan kereta pada malam dengan kesan yang lebih semula jadi. Dengan penyegerakan tirai kedua, dua denyar akan dinyalakan: sekali apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, dan sekali dengan serta-merta sebelum pendedahan itu berakhir.

● Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)



Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar sehingga ± 3 hentian dalam kenaikan 1/3 hentian.

● Wireless functions (Fungsi wayarles)



Dengan fotografi denyar wayarles (melalui penghantaran optik), anda boleh menggunakan denyar terbina dalam untuk mengawal Speedlite luaran secara wayarles.

Untuk maklumat lanjut, lihat “Menggunakan Denyar Wayarles” pada halaman 277.


⚠ Apabila menggunakan penyegerakan tirai kedua, tetapkan kelajuan pengatup kepada 1/25 saat atau lebih perlahan. Jika kelajuan pengatup adalah 1/30 saat atau lebih cepat, penyegerakan tirai pertama akan digunakan secara automatik walaupun jika **[2nd curtain (Tirai kedua)]** ditetapkan.

Tetapan Fungsi Denyar Luar

Paparan skrin dan pilihan tetapan akan berbeza bergantung pada model Speedlite luaran, mod denyar semasa, tetapan Fungsi Tersuai Speedlite, dll.


Untuk melihat fungsi yang dimiliki oleh Speedlite (dijual secara berasingan) anda, rujuk kepada manual arahan Speedlite.

Paparan sampel



Flash mode (Mod denyar)

Anda boleh memilih mod denyar untuk disesuaikan dengan penangkapan denyar anda dikehendaki.




[E-TTL II flash metering (Pemeteran denyar E-TTL II)] ialah mod standard Speedlite siri EX untuk penangkapan denyar automatik.

[Manual flash (Denyar manual)] adalah untuk anda menetapkan Speedlite **[Flash output level (Aras output denyar)]** sendiri.


Berkenaan mod denyar yang lain, sila rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi dengan fungsi-fungsi tersebut.

● Wireless functions (Fungsi wayarles) / Flash ratio control (Kawalan nisbah denyar)



Penangkapan denyar wayarles (berbilang) boleh dilakukan dengan radio atau penghantaran optik.


Untuk maklumat tentang denyar wayarles, rujuk kepada manual arahan Speedlite yang serasi dengan penangkapan denyar wayarles.



Dengan denyar makro (MR-14EX II, dll) yang serasi dengan tetapan fungsi denyar luaran, anda boleh menetapkan nisbah denyar antara tiub denyar atau kepala denyar A dan B atau menggunakan denyar wayarles dengan unit bantu.


Untuk butiran berkaitan kawalan nisbah denyar, rujuk kepada manual arahan denyar makro.

● Flash zoom (Zum denyar, Liputan denyar)



Dengan Speedlite mempunyai kepala denyar pengezum, anda boleh menetapkan liputan denyar. Lazimnya, tetapkan ini kepada **[AUTO]** supaya kamera akan menetapkan liputan denyar secara automatik supaya sepadan dengan panjang fokus lensa.

● Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)




Lazimnya, tetapkan ini kepada **[First-curtain synchronization (Penyegerakan tirai pertama)]** supaya denyar menyala serta-merta selepas pendedahan bermula.

Jika **[Second-curtain synchronization (Penyegerakan tirai kedua)]** ditetapkan, denyar akan menyala sejeurus sebelum pengatup tertutup. Apabila ini digabungkan dengan kelajuan pengatup yang perlahan, anda boleh mencipta jejak cahaya seperti dari lampu depan kereta pada malam dengan kesan yang lebih semula jadi. Dengan penyegerakan tirai kedua, dua denyar akan dinyalakan: sekali apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya, dan sekali dengan serta-merta sebelum pendedahan itu berakhir.


Jika **[High-speed synchronization (Penyegerakan kelajuan tinggi)]** ditetapkan, denyar boleh digunakan pada semua kelajuan pengatup. Ini berkesan terutamanya untuk potret dengan menggunakan denyar tokok apabila anda mahu memberikan keutamaan kepada tetapan aperture.

● Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)



Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar sehingga ± 3 hentian dalam kenaikan $1/3$ hentian. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan Speedlite.

● Flash exposure bracketing (Bracketing pendedahan denyar)




Semasa output denyar bertukar secara automatik, tiga tangkapan diambil. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada manual arahan Speedlite yang dilengkapi dengan bracketing pendedahan denyar.

 Apabila menggunakan penyegerakan tirai kedua, tetapkan kelajuan pengatup kepada 1/25 saat atau lebih perlahan. Jika kelajuan pengatup adalah 1/30 saat atau lebih cepat, penyegerakan tirai pertama akan digunakan secara automatik walaupun **[Second-curtain synchronization (Penyegerakan tirai kedua)]** ditetapkan.


- 
- Dengan Speedlite siri EX tidak serasi dengan tetapan fungsi denyar, anda boleh menetapkan yang berikut sahaja: **[Flash firing (Nyalaan denyar)]**, **[E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)]** dan **[Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)]** di bawah **[External flash func. setting (Tetapan fungsi denyar luaran)]**. **[Shutter synchronization (Penyegerakan pengatup)]** juga boleh ditetapkan dengan Speedlite siri EX tertentu.)
 - Jika pampasan pendedahan denyar ditetapkan dengan Speedlite luaran, anda tidak boleh menetapkan pampasan pendedahan denyar dengan kamera ini. Jika ia ditetapkan dengan kamera ini dan Speedlite luaran, tetapan Speedlite mengatasi tetapan kamera ini.

Tetapan Fungsi Tersuai Speedlite Luaran

Untuk maklumat lanjut berkaitan Fungsi Tersuai Speedlite luaran, rujuk kepada manual arahan Speedlite (dijual secara berasingan).



1 Pilih [**External flash C.Fn setting** (Tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)].





2 Tetapkan fungsi yang dikehendaki.

- Pilih nombor, kemudian tekan <  >.
- Pilih tetapan, kemudian tekan <  >.

 Dengan Speedlite siri EX, jika Fungsi Tersuai [**Flash metering mode (Mod pemeteran denyar)**] ditetapkan kepada [**TTL flash metering (Pemeteran denyar TTL)**] (denyar automatik), Speedlite akan sentiasa menyala pada output penuh.

Padam Tetapan



- 1 Pilih [Clear settings (Hapus tetapan)].
- 2 Pilih tetapan untuk dipadamkan.
 - Pilih [Clear built-in flash set. (Hapus tetapan denyar terbina dalam)], [Clear external flash set. (Hapus tetapan denyar luaran)], atau [Clear ext. denyar C.Fn set. (Padam tetapan Fungsi Tersuai denyar luaran)], kemudian tekan <  >.
 - Pada skrin pengesahan, pilih [OK]. Kemudian, semua tetapan denyar atau tetapan Fungsi Tersuai akan dihapuskan.

 Fungsi Peribadi (P.Fn) Speedlite tidak boleh ditetapkan atau dibatalkan dengan skrin [Flash control (Kawalan denyar)] kamera. Tetapkannya dengan Speedlite.

Menggunakan Denyar Wayarles ☆

Denyar terbina dalam kamera boleh berfungsi sebagai unit induk untuk Speedlite luaran Canon siri EX yang mempunyai ciri bantu wayarles. Ia boleh mencetuskan Speedlite secara wayarles untuk menyala melalui penghantaran optik.


Pastikan untuk membaca tentang fotografi denyar wayarles (penghantaran optik) dalam manual arahan Speedlite.

Tetapan Unit Bantu dan Posisi

Tentang (unit bantu) Speedlite anda, rujuk kepada manual arahnya dan tetapkannya seperti berikut. Tetapan selain yang ditunjukkan di bawah untuk unit bantu ini semuanya ditetapkan dengan kamera. Jenis unit bantu yang berbeza boleh digunakan dan dikawal secara bersama.

- (1) Tetapkan Speedlite luaran sebagai satu unit bantu.
- (2) Tetapkan saluran penghantaran Speedlite luaran kepada saluran yang sama seperti yang ditetapkan pada kamera.*¹
- (3) Untuk kawalan nisbah denyar, tetapkan kumpulan nyalaan unit bantu.
- (4) Posisikan kamera ini dan unit bantu dalam julat yang ditunjukkan di bawah.
- (5) Halakan pengesan wayarles unit bantu ke arah kamera.*²

Contoh Persediaan Denyar Wayarles



- *1: Jika Speedlite tidak mempunyai fungsi tetapan saluran penghantaran, Speedlite akan beroperasi tanpa mengambil kira saluran yang ditetapkan pada kamera.
- *2: Di bilik kecil, unit bantu mungkin berfungsi walaupun pengesan wayarles tidak menghadap kamera. Isyarat wayarles kamera boleh melantun dari dinding dan diterima oleh unit bantu. Apabila menggunakan Speedlite siri EX dengan kepala denyar tetap dan pengesan wayarles, pastikan ia menyala apabila anda mengambil gambar.

- **Membatalkan kuasa terpadam secara auto bagi unit bantu**
Untuk membatalkan kuasa terpadam secara auto bagi unit bantu, tekan butang <M-Fn>.

 Fungsi unit induk kamera ini tidak boleh digunakan untuk penangkapan denyar wayarles dengan penghantaran radio.

Konfigurasi Penangkapan Denyar Wayarles


Jadual di bawah menunjukkan konfigurasi yang boleh dilakukan untuk penangkapan denyar wayarles. Pilih konfigurasi yang sesuai dengan subjek, keadaan penangkapan dan bilangan Speedlite luaran yang anda gunakan, dll.

	Speedlite Luaran			Densar Terbina Dalam	Halaman	Tetapan	
	Kuantiti	A:B Nisbah Denyar	C Pampasan pendedahan denyar			Fungsi Wayarles	Kumpulan Nyalaan
Automatik Sepenuhnya (E-TTL II denyar automatik)	Tunggal	-	-	-	hlm.281		Semua
	Tunggal	-	-	Digunakan	hlm.283	:	-
	Berbilang	-	-	-	hlm.284		Semua
	Berbilang	Tetapkan	-	-	hlm.285		(A:B)
	Berbilang	Tetapkan	Tetapkan	-	hlm.286		(A:B C)
	Berbilang	-	-	Digunakan	hlm.287	+	Semua dan
	Berbilang	Tetapkan	-	Digunakan		+	(A:B)
	Berbilang	Tetapkan	Tetapkan	Digunakan		+	(A:B C)
	• Pampasan pendedahan denyar				hlm.288		
	• Kunci FE						

	Speedlite Luaran		Densar Terbina Dalam	Halaman	Tetapan	
	Kuantiti	Output Densar A, B, C			Fungsi Wayarles	Kumpulan Nyalaan
Densar Manual	Tunggal/ Berbilang	-	-	hlm.289		Semua 
	Berbilang	Tetapkan	-			 (A:B:C)
	Tunggal/ Berbilang	-	Digunakan		 + 	Semua  dan 
	Berbilang	Tetapkan	Digunakan		 + 	 (A:B:C) 

 Walaupun jika densar terbina dalam dilumpuhkan dalam tetapan kamera, densar terbina dalam akan masih bernyala untuk mengawal unit bantu melalui penghantaran optik. Maka, densar yang dinyalakan untuk mengawal unit bantu mungkin muncul dalam gambar bergantung kepada keadaan penangkapan.

Penangkapan Automatik Sepenuhnya dengan Satu Speedlite Luar




Ini menunjukkan persediaan paling asas untuk penangkapan denyar wayarles yang automatik sepenuhnya dengan satu Speedlite luaran.

Langkah-langkah 1 hingga 4 dan 6 boleh digunakan untuk semua penangkapan denyar wayarles.


Justeru itu, langkah tersebut tidak dimasukkan dalam persediaan denyar wayarles lain yang diterangkan dalam halaman selepas ini.

Pada skrin menu, ikon <≡/≡> merujuk pada Speedlite luaran dan ikon <≡/≡> merujuk pada denyar terbina dalam.




1 Tekan butang <⚡> untuk menaikkan denyar terbina dalam.

- Untuk penangkapan denyar wayarles, pastikan untuk menaikkan denyar terbina dalam.



2 Pilih [Flash control (Kawalan denyar)].

- Di bawah tab [1], pilih [Flash control (Kawalan denyar)].



3 Pilih [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)].

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain

4 Tetapkan [Flash mode (Mod denyar)] kepada [E-TTL II].

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1

5 Tetapkan [Wireless func. (Fungsi wayarles)] kepada [].

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	All


6 Tetapkan [Channel (Saluran)].

- Tetapkan saluran (1-4) sama seperti unit bantu.

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	All
exp. comp.	-3..2..1..0..1..2..3

7 Tetapkan [Firing group (Kumpulan nyalaan)] kepada [All (Semua)].

- Unit bantu boleh ditetapkan ke mana-mana kumpulan nyalaan (A, B atau C).



8 Nyalakan denyar untuk mengujinya.

- Pastikan bahawa unit bantu telah sedia untuk menyala, kemudian semasa skrin [Built-in flash settings (Tetapan denyar terbina dalam)] dipaparkan, tekan butang <INFO>.
- ▶ Unit bantu tersebut akan menyala.


9 Ambil gambar.

- Tetapkan kamera dan ambil gambar dengan cara yang sama seperti penangkapan denyar normal.
- Untuk menamatkan penangkapan denyar wayarles, tetapkan [Wireless func. (Fungsi wayarles)] kepada [Disable (Lumpuhkan)].



- Menetapkan [E-TTL II meter. (Pemeteran E-TTL II)] kepada [Evaluative (Penilaian)] adalah disyorkan.
- Penangkapan BERBILANG denyar wayarles tidak boleh dilakukan.

Penangkapan Automatik Sepenuhnya dengan Satu Speedlite Luar dan Denyar Terbina Dalam



Ini merupakan penangkapan denyar wayarles automatik sepenuhnya dengan satu Speedlite luar dan denyar terbina dalam.

Anda boleh menukar nisbah denyar antara Speedlite luar dengan denyar terbina dalam untuk melaraskan bagaimana bayangan kelihatan pada subjek.

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Flash exp. comp	3..2..1..0..1..2..3
	2:1 • 1:1 • 1:2
INFO Test flash firing	

1 Tetapkan [Wireless func. (Fungsi wayarles)] kepada [:].

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Flash exp. comp	3..2..1..0..1..2..3
	2:1 • 1:1 • 1:2
INFO Test flash firing	

2 Tetapkan nisbah denyar yang dikehendaki dan ambil gambar.

- Pilih [:] dan tetapkan nisbah denyar dalam 8:1 sehingga 1:1. Menetapkan nisbah denyar ke kanan 1:1 tidak boleh dilakukan.



- Jika nyalaan denyar terbina dalam tidak mencukupi, tetapkan kelajuan ISO yang lebih tinggi (hlm.156).
- Nisbah denyar 8:1 sehingga 1:1 adalah bersamaan 3:1 sehingga 1:1 hentian (kenaikan 1/2 hentian).

Penangkapan Automatik Sepenuhnya dengan Berbilang Speedlite Luaran

Berbilang unit bantu Speedlite boleh dianggap sebagai satu unit denyar atau diasingkan kepada kumpulan unit bantu yang nisbah denyarnya boleh ditetapkan.

Tetapan asas dinyatakan di bawah. Dengan menukar tetapan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**], anda boleh menangkap dengan pelbagai persediaan denyar wayarles dengan berbilang Speedlite.

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	☞
Channel	1
Firing group	All
exp. comp.	-3..2..1..0..1..2..3
INFO Test flash firing	


Tetapan asas:

Flash mode (Mod denyar): E-TTL II

Wireless func. (Fungsi wayarles): ☞

Channel (Saluran): (Sama seperti unit bantu)

- ☞ [**All (Semua)**] Menggunakan berbilang bantu Speedlite sebagai satu unit denyar



Memudahkan apabila anda memerlukan output denyar yang besar. Semua unit bantu akan menyala pada output yang sama dan boleh dikawal untuk mendapatkan pendedahan yang standard.


Apa pun kumpulan nyalaan (A, B atau C) unit bantu tersebut, semua unit bantu akan menyala sebagai satu kumpulan.

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	☞
Channel	1
Firing group	All
exp. comp.	-3..2..1..0..1..2..3
INFO Test flash firing	

- 1 Tetapkan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**] kepada [**All (Semua)**].

- 2 Ambil gambar.

- [(A:B)] Berbilang unit bantu dalam berbilang kumpulan



Anda boleh membahagikan unit-unit bantu kepada kumpulan A dan B dan menukar nisbah denyar untuk mendapatkan kesan pencahayaan yang dikehendaki.

Rujuk kepada manual arahan Speedlite dan tetapkan satu unit bantu kepada kumpulan nyalaan A dan yang lainnya kepada kumpulan nyalaan B. Posisikan Speedlite seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.

Built-in flash settings	
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	 (A:B)
 exp. comp.	3..2..1..0..1..2..3
A:B fire ratio	2:1 · 1:1 · 1:2
INFO Test flash firing	

1 Tetapkan [Firing group (Kumpulan nyalaan)] kepada [(A:B)].

Built-in flash settings	
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	 (A:B)
 exp. comp.	3..2..1..0..1..2..3
A:B fire ratio	2:1 · 1:1 · 1:2
INFO Test flash firing	


2 Tetapkan nisbah denyar A:B dan tangkap.

- Pilih [A:B fire ratio (nisbah nyalaan A:B)] dan tetapkan nisbah denyar.



Nisbah denyar 8:1 sehingga 1:1 sehingga 1:8 adalah bersamaan 3:1 sehingga 1:1 sehingga 1:3 hentian (kenaikan 1/2 hentian).

● [(A:B C)] Berbilang unit bantu dalam berbilang kumpulan



Ini adalah penyediaan alternatif bagi [ (A:B)]. Penyediaan ini membuatkan kumpulan C menyingkirkan bayang pada latar belakang yang diwujudkan oleh kumpulan A dan B.

Rujuk kepada manual arahan Speedlite dan tetapkan tiga unit bantu kepada kumpulan nyalaan A, B dan C masing-masing. Posisikan Speedlites seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.

Built-in flash settings	
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	 (A:B C)
A:B fire ratio	2:1 · 1:1 · 1:2
A,B exp. comp.	3..2..1..0..1..2..3
INFO Test flash firing	

1 Tetapkan [Firing group (Kumpulan nyalaan)] kepada [(A:B C)].

Built-in flash settings	
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	 (A:B C)
A:B fire ratio	2:1 · 1:1 · 1:2
A,B exp. comp.	3..2..1..0..1..2..3
Grp.C exp. comp	3..2..1..0..1..2..3
INFO Test flash firing	

2 Tetapkan nisbah denyar A:B dan jumlah pampasan pendedahan denyar untuk C, kemudian tangkap.

- Pilih [A:B fire ratio (nisbah nyalaan A:B)] dan tetapkan nisbah denyar.
- Pilih [Grp.C exp. comp. (Pampasan pendedahan kumpulan C)] dan tetapkan jumlah pampasan pendedahan denyar.

- Jika [Firing group (Kumpulan nyalaan)] ditetapkan kepada [ (A:B)], unit bantu dalam kumpulan nyalaan C tidak akan menyala.
- Jika kumpulan nyalaan C dihalakan ke subjek utama, pendedahan berlebihan mungkin berlaku.

Penangkapan Automatik Sepenuhnya dengan Denyar Terbina Dalam dan Berbilang Speedlite Luaran

Denyar terbina dalam boleh juga ditambah ke penangkapan denyar wayarles seperti diterangkan pada halaman 284-286.

Tetapan asas dinyatakan di bawah. Dengan menukar tetapan **[Firing group (Kumpulan nyalaan)]**, anda boleh menangkap dengan pelbagai persediaan denyar wayarles dengan berbilang Speedlite yang dilengkapi dengan denyar terbina dalam.

Built-in flash settings	
Flash mode	E-TTL II
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	+
Channel	1
exp. comp.	-3..-2..-1..0..1..2..3
Firing group	All and
INFO. Test flash firing	

1 Tetapan asas:

Flash mode (Mod denyar): E-TTL II
Wireless func. (Fungsi wayarles)



Channel (Saluran): (Sama seperti unit bantu)


Built-in flash settings

Firing group


- All and
- (A:B)
- (A-B C)

2 Tetapkan [Firing group (Kumpulan nyalaan)].


- Pilih satu daripada yang berikut:
 $[A \text{ and } B \text{ (Semua } A \text{ dan } B)]$,
 $[A:(B) \text{ }]$ atau $[A:(B \text{ } C) \text{ }]$.
- Dengan $[A:(B) \text{ }]$, tetapkan nisbah denyar $A:B$ dan tangkap.
- Dengan $[A:(B \text{ } C) \text{ }]$, tetapkan nisbah denyar $A:B$ dan jumlah pampasan pendedahan denyar untuk C , kemudian tangkap.



[All and (Semua dan)]



[(A:B)]




[(A:B C)]

Penangkapan Denyar Wayarles Kreatif

● Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)

Apabila [**Flash mode (Mod denyar)**] ditetapkan kepada [**E-TTL II**], pampasan pendedahan denyar boleh ditetapkan. Tetapan pampasan pendedahan denyar yang boleh ditetapkan (lihat di bawah) akan berbeza bergantung pada tetapan [**Wireless func. (Fungsi wayarles)**] dan [**Firing group (Kumpulan nyalaan)**].



Flash exposure compensation (Pampasan pendedahan denyar)

Pampasan pendedahan denyar digunakan untuk denyar terbina dalam dan semua Speedlite luaran.

☛ exp. comp. (pampasan pendedahan)

Pampasan pendedahan denyar digunakan pada denyar terbina dalam.

☛ exp. comp. (pampasan pendedahan)

Pampasan pendedahan denyar digunakan pada semua Speedlite luaran.

A, B exp. comp. (Pampasan pendedahan A, B)

Pampasan pendedahan denyar digunakan pada kedua-dua kumpulan A dan B.

Grp.C exp. comp. (Pampasan pendedahan kumpulan C)

Pampasan pendedahan denyar digunakan pada kumpulan C.

● FE lock (Kunci FE)

Jika [**Flash mode (Mod denyar)**] ditetapkan kepada [**E-TTL II**], anda boleh menekan butang <M-Fn> untuk melaksanakan kunci FE (hlm.262).

Tetapan Manual Output Denyar untuk Penangkapan Denyar Wayarles

Apabila **[Flash mode (Mod denyar)]** ditetapkan kepada **[Manual flash (Denyar manual)]**, pendedahan denyar boleh ditetapkan secara manual. Tetapan output denyar yang boleh ditetapkan (**[Flash output (output denyar)]**), **[Group A output (Output Kumpulan A)]**, dll) adalah berbeza bergantung pada tetapan **[Wireless func. (Fungsi wayarles)]** (lihat di bawah).

Built-in flash settings	
Flash mode	Manual flash
Shutter sync.	1st curtain
Wireless func.	
Channel	1
Firing group	All
flash output	1/4 . . 1/2 . . 1/1
INFO Test flash firing	

Wireless func. (Fungsi wayarles):

- **Firing group (Kumpulan nyalaan):**
 All (Semua)
Tetapan output denyar secara manual akan digunakan untuk semua Speedlite luaran.
- **Firing group (Kumpulan nyalaan):**
 (A:B:C)
Anda boleh membahagikan unit bantu pada Kumpulan A, B dan C dan tetapkan output denyar secara berasingan bagi setiap kumpulan.

Wireless func. (Fungsi wayarles):



- **Firing group (Kumpulan nyalaan):**
 All and (Semua dan)
Anda boleh menetapkan output denyar secara berasingan bagi Speedlite luaran dan denyar terbina dalam.
- **Firing group (Kumpulan nyalaan):**
 (A:B:C)
Anda boleh membahagikan unit bantu pada Kumpulan A, B dan C dan tetapkan output denyar secara berasingan bagi setiap kumpulan. Anda juga boleh menetapkan output denyar untuk denyar terbina dalam.




Denyar terbina dalam akan dioutput pada 1/4 - 1/128 apabila + ditetapkan.

[illegible]

8

Menangkap dengan Monitor LCD (Penangkapan Pandangan Langsung)



Anda boleh menangkap sambil melihat gambar pada monitor LCD kamera. Ini dipanggil sebagai “penangkapan Pandangan Langsung”. Penangkapan Pandangan Langsung diaktifkan dengan menetapkan suis penangkapan

Pandangan Langsung/rakaman filem kepada **<📷>**.


- Jika anda memegang kamera dengan tangan dan menangkap sambil melihat monitor LCD, guncangan kamera boleh menyebabkan imej kabur. Menggunakan tripod adalah disarankan.




Penangkapan Pandangan Langsung Secara Jauh

Dengan EOS Utility (perisian EOS, hlm.558) dipasang di dalam komputer anda, anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan tangkap secara jauh sambil melihat skrin komputer. Untuk butiran, rujuk kepada Manual Arahan Perisian (hlm.561) pada CD-ROM.

Menangkap dengan Monitor LCD




- 1** Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <  >.




- 2** Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <  >.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.
- Imej Pandangan Langsung akan rapat sepadan dengan tahap kecerahan imej sebenar yang anda tangkap.



- 3** Fokus pada subjek.

- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan memfokus dengan kaedah AF semasa (hlm.308).




4 Ambil gambar.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya.
- ▶ Gambar diambil dan imej yang ditangkap dipaparkan pada monitor LCD.
- ▶ Apabila paparan main balik berakhir, kamera akan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung secara automatik.
- Tekan butang < $\frac{\text{START}}{\text{STOP}}$ > untuk keluar dari penangkapan Pandangan Langsung.



- Medan pandangan imej adalah lebih kurang 100% (apabila kualiti rakaman imej ditetapkan kepada JPEG **L**).
- Dalam mod penangkapan <**P**> <**Tv**> <**Av**> <**M**> <**B**>, anda boleh menyemak kedalaman medan dengan menekan butang pratonton kedalaman medan.
- Semasa penangkapan berterusan, pendedahan yang ditetapkan untuk tangkapan pertama juga akan digunakan untuk tangkapan berikutnya.
- Anda juga boleh menggunakan alat kawalan jauh (dijual berasingan, hlm.250) untuk penangkapan Pandangan Langsung.

Mengaktifkan Penangkapan Pandangan Langsung



Tetapkan [**5: Live View shoot. (Penangkapan Pandangan Langsung)**] (tab [**3**] dalam <[**A**+]>) kepada [**Enable (Aktif)**].

Bilangan Tangkapan yang Mungkin dengan Penangkapan Pandangan Langsung

(Anggaran bilangan tangkapan)

Suhu	Suhu Bilik (23°C / 73°F)	Suhu Rendah (0°C / 32°F)
Tiada Denyar	270	260
50% Menggunakan Denyar	250	240

- Angka di atas berdasarkan Pek Bateri LP-E6N yang dicas sepenuhnya dan standard pengujian CIPA (Camera & Imaging Products Association).
- Dengan Pek Bateri LP-E6N yang dicaskan sepenuhnya, penangkapan Pandangan Langsung berterusan boleh dilakukan untuk kira-kira 2 jam 20 minit pada suhu bilik (23°C / 73°F), atau untuk kira-kira 2 jam 10 minit pada suhu rendah (0°C/32°F).


- ⚠ Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh merosakkan pengesan imej atau komponen dalaman kamera.
- Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung terdapat pada halaman 319-320.



- Anda juga boleh memfokus dengan menekan butang <AF-ON>.
- Apabila denyar digunakan, akan ada dua bunyi pengatup, tetapi hanya satu tangkapan akan diambil. Selain itu, masa yang diambil untuk mengambil gambar selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya akan menjadi lebih lama sedikit berbanding dengan penangkapan pemidang tilik.
- Jika kamera tidak dikendalikan untuk tempoh yang lama, kuasanya akan terpadam secara automatik selepas masa yang ditetapkan dalam [⚡2: **Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**] (hlm.69). Jika [⚡2: **Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)**] ditetapkan kepada [Disable (Lumpuhkan)], penangkapan Pandangan Langsung secara automatik akan berakhir selepas 30 minit (kuasa kamera masih hidup).
- Dengan kabel HDMI HTC-100 (dijual secara berasingan), anda boleh memaparkan imej Pandangan Langsung pada skrin TV (hlm.397). Ambil perhatian bahawa tiada bunyi akan dihasilkan. Jika gambar tidak muncul pada skrin TV, tetapkan [⚡3: **Video system (Sistem video)**] dengan betul kepada [For NTSC (Untuk NTSC)] atau [For PAL (Untuk PAL)] (bergantung pada standard video set TV anda).

Paparan Maklumat

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.





- Histogram boleh dipaparkan apabila [5: Expo. simulation: Enable (Simulasi pendedahan: Aktif)] (hlm.304) ditetapkan.
- Anda boleh memaparkan aras elektronik dengan menekan butang <INFO.> (hlm.77). Ambil perhatian bahawa jika kaedah AF ditetapkan kepada [+Tracking (+Pengesanan)] atau kamera disambungkan ke set TV dengan kabel HDMI, aras elektronik tidak boleh dipaparkan.
- Apabila <Exp.SIM> dipaparkan dalam warna putih, ia menunjukkan bahawa kecerahan imej Pandangan Langsung akan kelihatan hampir seperti imej yang ditangkap.
- Jika <Exp.SIM> berkelip, ia menunjukkan bahawa imej Pandangan Langsung dipaparkan pada kecerahan yang berbeza daripada hasil rakaman yang sebenar kerana keadaan cahaya malap atau cerah. Walau bagaimanapun, imej sebenar yang dirakam akan mencerminkan tetapan pendedahan. Ambil perhatian bahawa hingar boleh menjadi lebih ketara daripada imej sebenar yang direkod.
- Jika Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan, pendedahan mentol atau denyar digunakan, ikon <Exp.SIM> dan histogram akan menjadi kelabu (untuk rujukan anda). Histogram mungkin tidak dipaparkan dengan betul dalam keadaan cahaya malap atau cerah.



Jangan pegang kamera dalam posisi yang sama untuk jangka masa yang lama.

Walaupun kamera tidak terasa terlalu panas, sentuhan yang berpanjangan dengan bahagian badan yang sama boleh menyebabkan kemerahan kulit, melepuh atau lecuran suhu rendah. Menggunakan tripod adalah disarankan bagi mereka yang mempunyai masalah dengan peredaran atau kulit yang sangat sensitif, atau apabila menggunakan kamera di tempat yang sangat panas.

Ikon Pemandangan

Dalam mod penangkapan <A⁺>, kamera mengesan jenis pemandangan dan menetapkan segala-galanya secara automatik untuk disesuaikan dengan pemandangan. Jenis pemandangan yang dikesan ditunjukkan pada sebelah kiri bahagian atas skrin. Untuk pemandangan atau keadaan penangkapan tertentu, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

Subjek		Potret ^{*1}		Bukan potret			Warna Latar Belakang
			Pergerakan	Pemandangan Semula jadi dan Luaran	Pergerakan	Dekat ^{*2}	
Latar belakang							
Cerah							Kelabu
Cahaya belakang							
Termasuk Langit Biru							Biru cerah
Cahaya belakang							
Matahari terbenam	*3					*3	Jingga
Lampu sorot							Biru gelap
Gelap							
Dengan Tripod		*3		*3			

*1:Dipaparkan hanya apabila kaedah AF ditetapkan kepada [+Tracking (+Pengesanan)]. Jika kaedah AF lain ditetapkan, ikon "Bukan potret" akan dipaparkan walaupun seseorang dikesan.

*2:Dipaparkan apabila lensa yang dipasang mempunyai maklumat jarak. Dengan Tiub Sambungan atau Lensa Tangkap Dekat, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

*3: Ikon sepadan dengan pemandangan yang dikesan akan dipaparkan.

*4: Dipaparkan apabila semua keadaan berikut terpakai: Pemandangan penangkapan gelap, ia merupakan pemandangan malam, dan kamera dipasang pada tripod.

*5: Dipaparkan dengan mana-mana lensa di bawah:

- EF-S18-55mm f/3.5-5.6 IS II
- EF-S55-250mm f/4-5.6 IS II
- EF300mm f/2.8L IS II USM
- EF400mm f/2.8L IS II USM
- Lensa Penstabil imej dipasangkan pada 2012 atau kemudian.

*4+*5: Jika keadaan pada kedua-dua *4 dan *5 dipenuhi, kelajuan pengatup akan menjadi perlahan.

Simulasi Imej Akhir

Simulasi imej terakhir menunjukkan hasil tetapan semasa untuk Gaya Gambar, white balance dan fungsi-fungsi lain dalam imej Pandangan Langsung supaya anda boleh melihat hasil imej yang ditangkap. Imej Pandangan Langsung secara automatik akan menunjukkan kesan tetapan yang disenaraikan di bawah.

Simulasi Imej Akhir Semasa Penangkapan Pandangan Langsung

- Gaya Gambar
 - * Semua tetapan seperti ketajaman, kontras, ketepuan warna dan ton warna akan dapat dilihat.
- White balance
- Pembetulan white balance
- Mod pemeteran
- Pendedahan (dengan [ 5: Expo. simulation: Enable (Simulasi pendedahan: Aktif)] ditetapkan)
- Kedalaman medan (dengan butang pratonton kedalaman medan ON)
- Pengoptimum Pencahayaan Auto
- Pembetulan pencahayaan sisi lensa
- Pembetulan penyimpangan kromatik
- Pembetulan herotan
- Keutamaan ton sorotan
- Nisbah bidang (pengesahan kawasan imej)



Peringatan untuk pembetulan herotan semasa penangkapan Pandangan Langsung terdapat di halaman 185.

Tetapan Fungsi Tangkapan

Tetapan WB//DRIVE/AF//ISO/

Semasa imej Pandangan Langsung dipaparkan, jika anda menekan butang <WB•>, <DRIVE•AF>, <•ISO> atau <>, skrin tetapan akan muncul pada monitor LCD dan anda boleh memutar dial <> atau <> untuk menetapkan fungsi tangkapan masing-masing.

- Dengan menekan butang <WB•> dan kemudian butang <INFO.>, anda boleh menetapkan anjakan WB dan bracketing WB.

 Apabila anda menetapkan  (Pemeteran separa) atau  (Pemeteran titik), bulatan pemeteran akan dipaparkan di tengah-tengah.

Q Kawalan Cepat

Dalam mod <P> <Tv> <Av> <M> , kaedah AF, mod Pemacu, mod Pemeteran, Merakam/memainkan balik kad dan kualiti imej, White balance, Gaya Gambar dan Pengoptimum Pencahayaan Auto boleh ditetapkan.

Dalam mod <A+>, anda boleh menetapkan item yang berbentuk fon tebal dan nyalaan denyar.




1 Tekan butang <Q> (10).

- ▶ Fungsi boleh ditetapkan akan dipaparkan.

2 Pilih fungsi dan tetapkannya.

- Gunakan <F1> untuk memilih fungsi.
- ▶ Tetapan fungsi yang dipilih dipaparkan pada skrin.
- Putar dial <F2> atau <F3> untuk menentukannya.
- Untuk menetapkan kualiti rakaman imej RAW, tekan <SET>.
- Untuk memilih kad untuk merakam/memain balik, Anjakan/Bracketing WB atau parameter Gaya Gambar, tekan butang <INFO>.
- Tekan <SET> memuktamadkan tetapan dan kembali ke penangkapan Pandangan Langsung.

MENU Tetapan Fungsi Menu



Apabila penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[Camera Icon]>, pilihan menu bagi penangkapan Pandangan Langsung akan muncul di bawah tab [Camera Icon 5] dan [Camera Icon 6] (tab [Camera Icon 3] dalam <[A+]>).

Fungsi boleh ditetapkan pada skrin menu ini hanya terpakai untuk penangkapan Pandangan Langsung. Ia tidak berfungsi dengan penangkapan pemidang tilik (tetapan menjadi tidak sah).

- **Live View shooting (Penangkapan Pandangan Langsung)**

Anda boleh menetapkan Penangkapan Pandangan Langsung kepada [Enable (Aktif)] atau [Disable (Lumpuhkan)].

- **AF method (Kaedah AF)**

Anda boleh memilih [C+Tracking (C+Pengesanan)], [FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)] atau [FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)]. Lihat halaman 308-316 untuk kaedah AF.

- **Continuous AF (AF Berterusan)**

Tetapan lalai adalah [Disable (Lumpuhkan)].

Kamera mencapai fokus kasar pada subjek secara berterusan. Ini menjadikan ia lebih cepat untuk mencapai fokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Jika [Enable (Aktif)] ditetapkan, lensa akan beroperasi secara berterusan dan menggunakan kuasa bateri yang lebih. Ini akan mengurangkan bilangan tangkapan yang mungkin disebabkan oleh hayat bateri yang lebih pendek.

Jika anda mahu menetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> semasa AF Berterusan, hentikan penangkapan Pandangan Langsung terlebih dahulu.

● Grid display (Paparan grid)

Dengan [3x3 

● Aspect ratio (Nisbah bidang) ☆

Nisbah bidang imej boleh ditetapkan kepada [3:2], [4:3], [16:9] atau [1:1]. Kawasan di sekitar imej Pandangan Langsung ditutupi dengan warna hitam apabila salah satu daripada nisbah bidang berikut ditetapkan: [4:3] [16:9] [1:1].

Imej JPEG akan disimpan dengan nisbah bidang yang ditetapkan. Imej RAW akan sentiasa disimpan dengan nisbah bidang [3:2]. Memandangkan maklumat nisbah bidang disertakan dengan imej RAW, imej boleh dihasilkan dalam nisbah bidang yang ditetapkan apabila anda memproses imej RAW dengan kamera atau perisian EOS. Apabila anda memaparkan imej RAW pada kamera, garisan nisbah bidang akan dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej.

Kualiti Imej	Nisbah Bidang dan Bilangan Pikel (Anggaran)			
	3:2	4:3	16:9	1:1
L / RAW	5472x3648 (20.0 mega pikel)	4864x3648 (17.7 mega pikel)	5472x3072* (16.8 mega pikel)	3648x3648 (13.3 mega pikel)
M	3648x2432 (8.9 mega pikel)	3248x2432* (7.9 mega pikel)	3648x2048* (7.5 mega pikel)	2432x2432 (5.9 mega pikel)
M RAW	4104x2736 (11.2 mega pikel)	3648x2736 (10.0 mega pikel)	4104x2310* (9.5 mega pikel)	2736x2736 (7.5 mega pikel)
S1/S RAW	2736x1824 (5.0 mega pikel)	2432x1824 (4.4 mega pikel)	2736x1536* (4.2 mega pikel)	1824x1824 (3.3 mega pikel)
S2	1920x1280 (2.5 mega pikel)	1696x1280* (2.2 mega pikel)	1920x1080 (2.1 mega pikel)	1280x1280 (1.6 mega pikel)
S3	720x480 (350,000 pikel)	640x480 (310,000 pikel)	720x408* (290,000 pikel)	480x480 (230,000 pikel)



- Tetapan kualiti rakaman imej yang ditanda dengan asterisk tidak benar-benar sepadan dengan nisbah bidang masing-masing.
- Kawasan imej dirakam bagi nisbah bidang yang ditandai dengan asterisk mungkin sedikit berbeza dengan yang dipaparkan. Semak imej yang ditangkap pada monitor LCD apabila menangkap.
- Jika anda menggunakan kamera yang berbeza untuk mencetak terus imej yang ditangkap dengan kamera ini dalam nisbah bidang 1:1, imej mungkin tidak dicetak dengan betul.

• **Exposure simulation (Simulasi pendedahan)** [☆]

Simulasi pendedahan mensimulasi dan memaparkan bagaimana kecerahan imej yang sebenar (pendedahan) akan kelihatan.

• **Enable (Aktif)** ()


Kecerahan imej dipaparkan akan menyerupai kecerahan yang sebenar (pendedahan) imej yang terhasil. Jika anda menetapkan pampasan pendedahan, kecerahan imej akan bertukar sewajarnya.

• **During** **(Semasa** **)** (/)

Biasanya, imej dipaparkan pada kecerahan standard untuk membuat imej Pandangan Langsung mudah untuk dilihat. Imej akan dipaparkan hampir serupa dengan kecerahan sebenar (pendedahan) imej yang terhasil hanya semasa anda menahan butang pratonton kedalam medan.

• **Disable (Lumpuhkan)** ()

Imej dipaparkan pada kecerahan standard untuk membuat imej Pandangan Langsung mudah untuk dilihat. Jika anda menetapkan pampasan pendedahan, imej dipaparkan pada kecerahan standard.



● Silent LV shooting (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap) ☆

• Mode 1 (Mod 1)

Anda boleh menghentikan hingar kamera apabila menangkap. Penangkapan berterusan juga boleh dilakukan. Jika  > ditetapkan, anda boleh menangkap pada kelajuan penangkapan berterusan maksimum kira-kira 10.0 fps.

• Mode 2 (Mod 2)

Apabila butang pengatup ditekan sepenuhnya, hanya satu tangkapan akan diambil. Semasa anda terus menahan butang pengatup, operasi kamera akan digantung. Kemudian apabila anda kembali ke kedudukan butang pengatup separuh ke bawah ini, operasi kamera akan disambung semula. Bunyi menangkap dengan itu dikurangkan. Walaupun penangkapan gambar berterusan ditetapkan, hanya tangkapan tunggal akan diambil.

• Disable (Lumpuhkan)

Pastikan anda menetakannya kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** jika anda menggunakan lensa TS-E (selain daripada yang disenaraikan dalam  di bawah) **untuk menganjak atau mencondongkan lensa** atau jika anda menggunakan Tiub Sambungan. Jika **[Mode 1 (Mod 1)]** atau **[Mode 2 (Mod 2)]** ditetapkan, pendedahan standard mungkin tidak dapat diperoleh atau pendedahan yang tidak teratur mungkin berlaku.



- Jika anda menggunakan [**Mode 1 (Mod 1)**] dengan penangkapan berterusan, tetapan [**Disable (Lumpuhkan)**] akan digunakan pada tangkapan kedua dan yang berikutnya.
- Apabila menangkap dengan denyar, tetapan [**Disable (Lumpuhkan)**] akan digunakan tanpa mengira tetapan [**Silent LV shoot. (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap)**]. (Penangkapan senyap tidak boleh dilakukan.)
- Apabila menggunakan unit denyar bukan Canon, tetapkannya kepada [**Disable (Lumpuhkan)**]. Denyar tidak akan menyala jika ditetapkan kepada [**Mode 1 (Mod 1)**] atau [**Mode 2 (Mod 2)**].
- Jika [**Mode 2 (Mod 2)**] ditetapkan dan anda menggunakan Alat Kawalan Jauh (hlm.250), operasi akan sama seperti [**Mode 1 (Mod 1)**].



Dengan lensa TS-E17mm f/4L atau TS-E24mm f/3.5L II, anda boleh menggunakan [**Mode 1 (Mod 1)**] atau [**Mode 2 (Mod 2)**].

● **Metering timer (Pemasa pemeteran) ***

Anda boleh menukar berapa lama tetapan pendedahan dipaparkan (masa kunci AE).



Menjalankan apa-apa operasi berikut akan menghentikan penangkapan Pandangan Langsung. Untuk memulakan penangkapan Pandangan Langsung semula, tekan butang $\langle \overset{\text{START}}{\text{STOP}} \rangle$.

- Memilih [**3: Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)**], [**3: Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)**], [**4: Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] atau [**4: firmware ver. (versi perisian tegar)**].

Menggunakan AF untuk Fokus (Kaedah AF)


Penukaran dalam Kelajuan AF Bergantung Pada Kaedah Kawalan AF

Semasa penangkapan Pandangan Langsung dan rakaman filem, kaedah kawalan AF yang digunakan (pengesanan perbezaan fasa dengan pengesanan imej atau pengesanan kontras) akan bertukar secara automatik bergantung pada lensa dan fungsi yang digunakan, seperti pandangan yang dibesarkan. Ini boleh makin menjejaskan kelajuan AF dan kamera mungkin mengambil masa yang lama untuk fokus (pengesanan perbezaan fasa umumnya membolehkan pemfokusan AF yang lebih cepat). Untuk butiran, rujuk kepada laman Web Canon.

Memilih Kaedah AF

Anda boleh memilih kaedah AF untuk memenuhi keadaan penangkapan dan subjek anda. Kaedah AF berikut disediakan: [(face)+Tracking ((wajah)+Pengesanan)] (hlm.309), [FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)] (hlm.311) dan [FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)] (hlm.313).

Jika anda ingin mencapai fokus yang tepat, tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>, besarkan imej dan fokus secara manual (hlm.317).



Pilih Kaedah AF.

- Di bawah tab [5] (tab [3] dalam <[]>), pilih [AF method (Kaedah AF)].
- Pilih kaedah AF yang dikehendaki, kemudian tekan <[]>.
- Sementara imej Pandangan Langsung dipaparkan, anda boleh menekan butang <DRIVE•AF> untuk memilih kaedah AF.

⌂(wajah)+Pengesanan: AF

Kamera mengesan dan memfokus wajah manusia. Jika wajah bergerak, titik AF <⌂> juga bergerak untuk mengesan wajah.


1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <START/STOP>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.



2 Pilih titik AF.

- Apabila wajah dikesan, bingkai <⌂> akan muncul pada wajah yang akan difokus.
- Jika beberapa wajah dikesan, <⌂> akan dipaparkan. Gunakan <⌂> untuk menggerakkan bingkai <⌂> pada wajah yang anda hendak fokus.
- Jika tiada wajah dikesan, kamera akan bertukar ke FlexiZone - Berbilang untuk pemilihan automatik (hlm.311).



3 Fokus pada subjek.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk memfokus.
- ▶ Apabila fokus tercapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, titik AF akan bertukar jingga.



4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.292).

● Fokus pada subjek selain wajah manusia

Tekan <  > atau <  >, dan bingkai AF <  > akan muncul di tengah. Kemudian gunakan <  > untuk menggerakkan bingkai AF pada subjek yang diinginkan. Sebaik sahaja bingkai AF mencapai fokus, ia akan mengesan subjek walaupun jika subjek bergerak atau jika anda menukar komposisi.



- Jika wajah subjek keluar dari fokus dengan ketara, pengesanan wajah tidak boleh dilakukan. Anda boleh mengelakkan ini dengan menetapkan [ 5: Continuous AF (AF Berterusan)] kepada [Enable (Aktif)].
- Objek selain daripada wajah manusia boleh dikesan sebagai wajah.
- Pengesanan wajah tidak akan berfungsi jika wajah adalah sangat kecil atau besar dalam gambar, terlalu terang atau terlalu gelap, atau tersembunyi sebahagiannya.
- <  > mungkin hanya meliputi sebahagian daripada wajah.



- Memandangkan AF tidak boleh dilakukan dengan wajah yang dikesan berhampiran pinggir gambar, <  > akan menjadi kelabu. Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan ini, subjek akan difokus dalam kaedah FlexiZone - Berbilang dengan pemilihan automatik.
- Bentuk bingkai AF <  > berbeza bergantung pada saiz dan bentuk subjek.

FlexiZone - Berbilang: AF ()


Anda boleh memfokus di kawasan yang luas sehingga 31 titik AF (pemilihan automatik). Kawasan yang luas ini juga boleh dibahagikan kepada 9 zon untuk pemfokusan (pemilihan zon).



Bingkai kawasan



Bingkai zon



1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <  >.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.

2 Pilih titik AF. ☆

- Menekan <  > atau <  > akan bertukar-tukar antara pemilihan automatik dan pemilihan zon. Dalam mod <  >, pemilihan automatik ditetapkan secara automatik.
- Gunakan <  > untuk memilih zon. Untuk kembali ke zon tengah, tekan <  > atau <  > semula.

3 Fokus pada subjek.

- Halakan titik AF terhadap subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus tercapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, bingkai kawasan itu akan bertukar jingga.




4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.292).

- Jika kamera tidak memfokus sasaran subjek yang dikehendaki dengan pemilihan titik AF automatik, pilih zon atau tukar kaedah AF kepada [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggai)**] dan fokus semula.
- Bergantung pada [**5: Aspect ratio (Nisbah bidang)**], bilangan titik AF adalah berbeza. Pada [**3:2**], akan terdapat 31 titik AF. Pada [**4:3**] dan [**1:1**], akan terdapat 25 titik AF. Dan pada [**16:9**], 21 titik AF. Juga, pada [**16:9**], akan terdapat tiga zon.
- Untuk rakaman filem, terdapat 21 titik AF (atau 25 titik AF jika [**640x480**] ditetapkan) dan tiga zon (atau sembilan zon jika [**640x480**] ditetapkan).

FlexiZone - Tunggal: AF □


Kamera memfokus dengan titik AF tunggal. Ini berkesan apabila anda mahu memfokus pada subjek tertentu.



Titik AF


1 Paparkan imej Pandangan Langsung.

- Tekan butang <START/STOP>.
- ▶ Imej Pandangan Langsung akan muncul pada monitor LCD.
- ▶ Titik AF <□> akan muncul.
- Semasa rakaman filem, jika [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], titik AF akan dipaparkan dalam saiz yang lebih besar.



2 Gerakkan Titik AF.

- Gunakan <⬢> untuk menggerakkan titik AF di mana anda mahu memfokus. (Ia tidak boleh digerakkan ke tepi skrin.)
- Tekan <⬢> atau <SET> akan mengembalikan titik AF ke pusat skrin.



3 Fokus pada subjek.

- Halakan titik AF terhadap subjek dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- ▶ Apabila fokus tercapai, titik AF akan bertukar hijau dan beeper akan berbunyi.
- ▶ Jika fokus tidak dicapai, titik AF akan bertukar jingga.



4 Ambil gambar.

- Semak fokus dan pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.292).

Nota untuk AF

Operasi AF

- Walaupun fokus telah dicapai, menekan butang pengatup separuh ke bawah akan memfokus semula.
- Kecerahan imej mungkin bertukar semasa dan selepas operasi AF.
- Jika sumber cahaya bertukar semasa imej Pandangan Langsung dipaparkan, skrin mungkin berkelip dan memfokus mungkin sukar. Jika ini berlaku, keluar daripada penangkapan Pandangan Langsung dan laksanakan AF di bawah sumber cahaya yang sebenar.
- Jika [**Tracking** (**Pengesanan**)] ditetapkan, pandangan yang dibesarkan tidak boleh dilakukan.
- Apabila [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] ditetapkan dan anda menekan butang $\langle Q \rangle$, pusat zon yang dipilih (atau pusat imej dengan pemilihan automatik) akan diperbesar.
- Apabila [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] ditetapkan dan anda menekan butang $\langle Q \rangle$, kawasan yang diliputi oleh titik AF akan diperbesar. Jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, pemfokusan akan berfungsi semasa memaparkan pandangan diperbesar. Jika tumpuan adalah sukar dalam pandangan diperbesar, kembali ke paparan biasa dan gunakan AF. Ambil perhatian bahawa kelajuan AF mungkin berbeza antara pandangan normal dan yang diperbesar.
- Jika anda membesarkan pandangan selepas memfokus dengan [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**] atau [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] dalam pandangan normal, fokus yang tepat tidak boleh dicapai.



- Apabila dalam pandangan diperbesar, AF pengesanan kontras akan digunakan tanpa mengira lensa yang digunakan. Kelajuan AF dengan itu akan menjadi perlahan.
- Apabila dalam pandangan diperbesar, AF Berterusan (hlm.302) tidak akan dilaksanakan.
- Dalam pandangan diperbesar, imej akan dipaparkan tanpa mengenakan pembetulan herotan.

Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan


- Subjek berkontras rendah seperti langit biru, permukaan rata berwarna terang atau apabila sorotan atau butiran bayangan hilang.
- Subjek dalam cahaya malap.
- Jalur dan lain-lain corak di mana terdapat kontras hanya dalam arah mendatar.
- Subjek dengan corak berulang (tingkap pencakar langit, papan kekunci komputer, dll.)
- Garis-garis halus dan garisan bentuk subjek.
- Di bawah sumber kecerahan yang terang, warna atau corak sentiasa bertukar.
- Pemandangan malam atau titik cahaya.
- Di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED apabila imej berkelip.
- Subjek yang sangat kecil.
- Subjek berada di tepi gambar.
- Subjek yang membalikkan cahaya dengan kuat.
- Objek dekat dan jauh yang diliputi oleh titik AF (seperti haiwan di dalam sangkar).
- Subjek yang terus bergerak dalam titik AF dan tidak boleh kekal pegun kerana guncangan kamera atau kekaburan subjek.
- Subjek menghampiri atau bergerak menjauhi kamera.
- Menjalankan AF ketika subjek berada terlalu jauh.
- Kesan fokus lembut digunakan dengan lensa fokus lembut.
- Turas kesan khas digunakan.
- Hingar (tompok, jaluran, dll) muncul di skrin semasa AF.



- Jika anda tidak dapat mencapai fokus dengan AF, tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan fokus secara manual.
- Jika anda menangkap subjek pada pinggir dan subjek sedikit terkeluar daripada fokus, sasarkan titik atau zon AF tengah terhadap subjek untuk memfokus, fokus sekali lagi, dan kemudian ambil gambar.
- Sinar bantu AF tidak akan dipancarkan. Walau bagaimanapun, jika Speedlite siri EX (dijual berasingan) yang dilengkapi dengan lampu LED digunakan, lampu LED akan menyala untuk bantuan AF apabila diperlukan.
- Semasa pandangan diperbesar, goncangan kamera boleh membuatkan kamera lebih sukar untuk mencapai fokus. Menggunakan tripod adalah disarankan.

MF: Memfokus secara Manual

Anda boleh membesarkan imej dan fokus dengan tepat menggunakan MF (fokus manual).



1 Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF>.


- Putar gelang fokus lensa untuk memfokus secara kasar.



Bingkai pembesaran

2 Paparkan bingkai pembesaran.

- Tekan butang <Q>.
- ▶ Bingkai pembesaran akan muncul.



3 Gerakkan bingkai pembesaran.

- Tekan <⬤> untuk menggerakkan bingkai pembesaran ke posisi yang anda hendak fokus.
- Tekan <⬤> akan mengembalikan bingkai pembesaran ke pusat skrin.



Kunci AE

Posisi kawasan dibesarkan

Pembesaran (anggaran)

4 Besarkan imej.

- Setiap kali anda menekan butang <Q>, pembesaran dalam bingkai akan bertukar seperti berikut:

→ Pandangan normal → 1x → 5x → 10x

- Semasa dalam pandangan yang dibesarkan, anda boleh menggunakan <⬤> untuk menatal sekitar imej yang dibesarkan.

5 Fokus secara manual.

- Semasa melihat imej yang dibesarkan, putar gelang fokus lensa untuk memfokus.
- Selepas mencapai fokus, tekan butang <Q> untuk kembali ke paparan normal.

6 Ambil gambar.

- Semak pendedahan, kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya untuk mengambil gambar (hlm.292).



Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung

Kualiti Imej

- Apabila anda menangkap pada kelajuan ISO tinggi, hingar (seperti titik cahaya dan penjaluran) mungkin menjadi ketara.
- Menangkap dalam suhu yang tinggi boleh menyebabkan hingar dan warna yang tidak sekata dalam gambar.
- Jika penangkapan Pandangan Langsung digunakan secara berterusan untuk tempoh yang lama, suhu dalaman kamera boleh meningkat, dan kualiti imej mungkin merosot. Sentiasa keluar dari penangkapan Pandangan Langsung apabila anda tidak membuat tangkapan.
- Jika anda menangkap pendedahan lama semasa suhu dalaman kamera tinggi, kualiti imej mungkin merosot. Keluar dari penangkapan Pandangan Langsung dan tunggu beberapa minit sebelum menangkap lagi.

Ikon Amaran Suhu Dalaman Putih <🔥> dan Merah <🔥>

- Jika suhu dalaman kamera meningkat disebabkan penangkapan Pandangan Langsung berpanjangan atau di bawah suhu persekitaran yang tinggi, ikon putih <🔥> atau merah <🔥> akan muncul.
- Ikon putih <🔥> menunjukkan bahawa kualiti imej gambar pegun akan merosot. Adalah disyorkan supaya anda keluar dari penangkapan Pandangan Langsung untuk sementara waktu dan membiarkan kamera sejuk sebelum mengambil gambar semula.
- Ikon merah <🔥> menunjukkan bahawa penangkapan Pandangan Langsung akan berhenti secara automatik. Jika ini berlaku, anda tidak akan dapat membuat tangkapan lagi sehingga suhu dalaman kamera menurun. Keluar dari penangkapan Pandangan Langsung atau matikan kuasa dan biarkan kamera berehat untuk seketika.
- Menggunakan penangkapan Pandangan Langsung pada suhu yang tinggi untuk tempoh yang lama akan menyebabkan ikon <🔥> atau <🔥> muncul lebih awal. Apabila anda tidak menangkap, matikan kamera.
- Jika suhu dalaman kamera adalah tinggi, kualiti imej yang ditangkap dengan ISO berkelajuan tinggi atau pendedahan panjang mungkin merosot walaupun sebelum ikon putih <🔥> dipaparkan.

Hasil Penangkapan

- Dalam pandangan diperbesar, kelajuan pengatup dan apertur akan dipaparkan dalam warna merah. Jika anda mengambil gambar dalam pandangan diperbesar, pendedahan itu mungkin tidak terhasil seperti yang dikehendaki. Kembali ke paparan normal sebelum mengambil gambar.
- Walaupun jika anda mengambil gambar dalam pandangan diperbesar, imej akan ditangkap dalam lingkungan pandangan biasa.



Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung

Imej Pandangan Langsung

- Dalam keadaan cahaya malap atau cerah, imej Pandangan Langsung mungkin tidak menggambarkan kecerahan imej yang ditangkap.
- Walaupun kelajuan ISO yang rendah ditetapkan, hingar mungkin ketara dalam imej Pandangan Langsung yang dipaparkan di dalam cahaya malap. Walau bagaimanapun, apabila anda menangkap, imej yang dirakam mempunyai hingar yang minimum. (Kualiti imej bagi imej Pandangan Langsung adalah berbeza daripada imej yang dirakam.)
- Jika sumber cahaya (pencahayaan) dalam imej bertukar, skrin boleh berkelip. Jika ini berlaku, keluar dari penangkapan Pandangan Langsung dan sambung menangkap di bawah sumber cahaya sebenar.
- Jika anda halakan kamera ke arah yang berbeza, ia boleh mengganggu kecerahan imej Pandangan Langsung yang betul untuk seketika. Tunggu sehingga tahap kecerahan stabil sebelum menangkap.
- Jika terdapat sumber cahaya yang sangat terang dalam imej, kawasan yang cerah mungkin kelihatan hitam pada monitor LCD. Walau bagaimanapun, imej sebenar yang ditangkap dengan betul akan menunjukkan kawasan yang cerah dengan betul.
- Dalam cahaya malap, jika anda menetapkan **[F2: LCD brightness (Kecerahan LCD)]** kepada tetapan terang, hingar atau warna yang tidak sekata mungkin muncul dalam imej Pandangan Langsung. Walau bagaimanapun, hingar atau warna yang tidak sekata tidak akan dirakam dalam imej yang ditangkap.
- Apabila anda membesarkan imej, ketajaman imej mungkin kelihatan lebih ketara berbanding dengan imej sebenar.

Custom Functions (Fungsi Tersuai)


- Semasa penangkapan Pandangan Langsung, sesetengah Fungsi Tersuai tidak akan berfungsi (tetapan menjadi tidak sah). Untuk butiran, lihat hlm.444-445.

Lensa dan Denyar

- Fungsi pratetap fokus adalah mustahil untuk penangkapan Pandangan Langsung hanya apabila menggunakan lensa telefoto (super) dilengkapi dengan mod fokus ditetapkan, tersedia sejak separuh kedua 2011.
- Kunci FE tidak akan berfungsi apabila denyar terbina dalam digunakan. Kunci FE dan denyar pemodelan tidak akan berfungsi jika Speedlite luaran digunakan.

9

Merakam Filem



Rakaman filem dibolehkan dengan menetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <Movie>.

- Untuk kad yang boleh merakam filem, lihat halaman 5.
- Jika anda memegang kamera dengan tangan dan merakam filem, guncangan kamera boleh menyebabkan filem kabur. Menggunakan tripod adalah disarankan.



Full HD 1080

Full HD 1080 menunjukkan keserasian dengan Definisi Tinggi bercirikan 1080 piksel menegak (garis pengimbas).



Merakam Filem

Rakaman Pendedahan auto


Apabila mod penangkapan ditetapkan pada $\langle \boxed{A}^+ \rangle$, $\langle P \rangle$ atau $\langle B \rangle$, kawalan pendedahan auto akan berfungsi untuk sesuai dengan kecerahan pemandangan semasa. Kawalan pendedahan akan sama untuk semua mod rakaman.



1 Tetapkan Dail Mod kepada $\langle \boxed{A}^+ \rangle$, $\langle P \rangle$ atau $\langle B \rangle$.


2 Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada $\langle \text{ikon} \rangle$.

- ▶ Cermin refleks akan berbunyi, kemudian imej akan muncul pada monitor LCD.



3 Fokus pada subjek.


- Sebelum merakam filem, fokus dengan AF atau fokus manual (hlm.308-318).
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan memfokus dengan kaedah AF semasa.



Merakam filem

4 Rakam filem.

- Tekan butang $\langle \text{START/STOP} \rangle$ untuk mula merakam filem.
- ▶ Apabila filem sedang dirakam, tanda "●" akan dipaparkan di sebelah kanan bahagian atas skrin.
- ▶ Bunyi akan dirakam oleh mikrofon terbina dalam.
- Untuk berhenti merakam filem, tekan butang $\langle \text{START/STOP} \rangle$ semula.



Mikrofon terbina dalam


AE Keutamaan Pengatup

Apabila mod rakaman ialah **<Tv>**, anda boleh menetapkan kelajuan pengatup secara manual untuk rakaman filem. Kelajuan ISO dan apertur akan ditetapkan secara automatik untuk sesuai dengan kecerahan dan mendapatkan pendedahan standard.



1 Tetapkan Dail Mod kepada **<Tv>**.

2 Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada **<M>**.



Kelajuan pengatup

3 Tetapkan kelajuan pengatup dikehendaki.

- Semasa melihat monitor LCD, putar dail **<S>**. Kelajuan pengatup yang boleh ditetapkan bergantung pada kadar bingkai.

- 29.97P 25.00P 24.00P 23.98P** : 1/4000 saat - 1/30 saat
- 59.94P 50.00P** : 1/4000 saat - 1/60 saat

4 Fokus dan rakam filem.


- Prosedur adalah sama seperti langkah 3 dan 4 untuk "Rakaman Pendedahan auto" (hlm.322).



- Menukar kelajuan pengatup semasa rakaman filem adalah tidak disyorkan memandangkan pertukaran dalam pendedahan akan dirakamkan.
- Apabila merakam filem untuk subjek yang bergerak, kelajuan pengatup 1/30 saat sehingga 1/125 saat adalah disarankan. Semakin laju kelajuan pengatup, pergerakan subjek akan kelihatan semakin kurang lancar.
- Jika anda menukar kelajuan pengatup semasa merakam di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED, kerlipan imej mungkin akan dirakamkan.


AE Keutamaan Apertur

Apabila mod rakaman ialah <Av>, anda boleh menetapkan apertur secara manual untuk rakaman filem. Kelajuan ISO dan kelajuan pengatup akan ditetapkan secara automatik untuk sesuai dengan kecerahan dan mendapatkan pendedahan standard.



1 Tetapkan Dail Mod kepada <Av>.

2 Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <📷>.



3 Tetapkan apertur yang dikehendaki.

- Semasa melihat monitor LCD, putar dail <🔍>.



4 Fokus dan rakam filem.

- Prosedur adalah sama seperti langkah 3 dan 4 untuk "Rakaman Pendedahan auto" (hlm.322).

 Menukar apertur semasa rakaman filem tidak disyorkan, kerana perubahan dalam pendedahan yang disebabkan oleh pacuan apertur lensa akan dirakamkan.

Kelajuan ISO dalam mod <A⁺>

- Dalam mod <A⁺>, kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 16000.

Kelajuan ISO dalam Mod <P>, <Tv>, <Av> dan

- Kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik di antara ISO 100 - ISO 16000.
- Di bawah [📷2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)] (hlm.159), jika anda menetapkan tetapan [Maximum (Maksimum)] bagi [ISO speed range (Julat kelajuan ISO)] kepada [H1 (25600)] dalam mod <P>, <Av> atau , julat ISO automatik akan dikembangkan ke H1 (bersamaan dengan ISO 25600). Walaupun jika anda menetapkan [Maximum (Maksimum)] dan [Minimum] kepada julat yang lebih kecil daripada julat ISO lahai (ISO 100 - ISO 16000), ia tidak akan berfungsi.
- Jika [📷3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)] (hlm.182), kelajuan ISO automatik akan menjadi ISO 200 - ISO 16000.
- Di bawah [📷2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)], [Auto ISO range (Julat ISO auto)] dan [Min. shutter spd. (Kelajuan pengatup minimum)] tidak boleh ditetapkan (hlm.160-161) untuk rakaman filem. Juga, [ISO speed range (Julat kelajuan ISO)] tidak boleh ditetapkan dalam mod <Tv>.

- Untuk [ISO speed range (Julat kelajuan ISO)], jika [Maximum (Maksimum)] ditetapkan kepada [H2 (51200)] dan anda menukar daripada penangkapan foto pegun kepada rakaman filem, nilai maksimum bagi julat ISO automatik untuk rakaman filem akan menjadi H1 (bersamaan dengan ISO 25600, kecuali dalam mod <A⁺> dan <Tv>). Ia tidak boleh dikembangkan kepada ISO 51200.



Nota untuk Mod <A⁺>, <P>, <Tv>, <Av> dan

- Dalam mod <A⁺>, ikon pemandangan untuk pemandangan yang dikesan oleh kamera dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas skrin (hlm.327).
- Anda boleh mengunci pendedahan (Kunci AE) dengan menekan butang <★> (kecuali dalam mod <A⁺>, hlm.231). Tetapan pendedahan akan dipaparkan untuk panjang masa yang ditetapkan dengan [6: **Metering timer (Pemasa pemeteran)**]. Selepas menggunakan kunci AE semasa rakaman filem, anda boleh membatalkan ia dengan menekan butang <⏏>. (Tetapan kunci AE dikekalkan sehingga anda menekan butang <⏏>)
- Anda boleh menetapkan pampasan pendedahan sehingga ±3 hentian dengan menetapkan suis <LOCK▶> ke kiri dan memutar dial <⦿> (kecuali dalam mod <A⁺>).
- Menekan butang pengatup separuh ke bawah memaparkan kelajuan ISO dan kelajuan pengatup di bahagian bawah skrin. Ini adalah tetapan pendedahan untuk mengambil foto pegun (hlm.331). Tetapan pendedahan untuk rakaman filem tidak dipaparkan. Perhatikan bahawa tetapan pendedahan untuk rakaman filem mungkin berbeza daripada penangkapan foto pegun.
- Dalam mod <A⁺>, <P> dan , kelajuan pengatup dan apertur tidak akan direkod dalam maklumat Exif filem.

Menggunakan Speedlite siri-EX (Dijual Berasingan) Dilengkapi dengan Lampu LED

Semasa rakaman filem dalam mod <A⁺>, <P>, <Tv>, <Av> dan , kamera ini menyokong fungsi yang menghidupkan lampu LED Speedlite secara automatik dalam keadaan cahaya rendah. **Untuk arahan terperinci, sila rujuk kepada manual arahan Speedlite siri EX.**

Ikon Pemandangan

Semasa rakaman filem dalam mod <A⁺>, ikon yang mewakili pemandangan yang dikesan oleh kamera akan dipaparkan dan rakaman akan disesuaikan dengan pemandangan tersebut. Untuk pemandangan atau keadaan penangkapan tertentu, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

Subjek Latar belakang	Potret ^{*1}	Bukan potret		Warna Latar Belakang
		Pemandangan Semula jadi dan Luaran	Dekat ^{*2}	
Cerah				Kelabu
Cahaya belakang				
Termasuk Langit Biru				Biru cerah
Cahaya belakang				
Matahari terbenam	*3		*3	Jingga
Lampu sorot				Biru gelap
Gelap				

*1: Dipaparkan hanya apabila kaedah AF ditetapkan kepada [**A⁺+Tracking** (**A⁺+Pengesanan**)]. Jika kaedah AF lain ditetapkan, ikon “Bukan potret” akan dipaparkan walaupun seseorang dikesan.

*2: Dipaparkan apabila lensa yang dilampirkan mempunyai maklumat jarak. Dengan Tiub Sambungan atau Lensa Tangkap Dekat, ikon yang dipaparkan mungkin tidak sepadan dengan pemandangan sebenar.

*3: Ikon sepadan dengan pemandangan yang dikesan akan dipaparkan.


Rakaman Pendedahan Manual

Anda boleh menetapkan kelajuan pengatup, apertur dan kelajuan ISO secara manual untuk rakaman filem. Menggunakan pendedahan manual untuk merakam filem adalah untuk pengguna mahir.




1 Tetapkan Dail Mod kepada <M>.

2 Tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <☑>.




3 Tetapkan kelajuan ISO.

- Tekan butang <ISO>.
- ▶ Skrin tetapan kelajuan ISO akan muncul pada monitor LCD.
- Putarkan dail <ISO> untuk menetapkan kelajuan ISO.
- Untuk keterangan lanjut mengenai kelajuan ISO, lihat halaman seterusnya.



Kelajuan pengatup



Apertur

4 Tetapkan kelajuan pengatup dan apertur.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah dan periksa penunjuk aras pendedahan.
- Untuk menetapkan kelajuan pengatup, putar dail <ISO>. Kelajuan pengatup yang boleh ditetapkan bergantung pada kadar bingkai.
 - 29.97P 25.00P 24.00P 23.98P : 1/4000 saat - 1/30 saat
 - 59.94P 50.00P : 1/4000 saat - 1/60 saat
- Untuk menetapkan apertur, putar dail <ISO>.
- Jika ia tidak boleh ditetapkan, tetapkan suis <LOCK> ke kiri, kemudian putar dail <ISO> atau dail <ISO>.

5 Fokus dan rakam filem.

- Prosedur adalah sama seperti langkah 3 dan 4 untuk “Rakaman Pendedahan auto ” (hlm.322).

Kelajuan ISO dalam Mod <M>

- Dengan [**Auto**] (**A**), kelajuan ISO akan ditetapkan secara automatik antara ISO 100 - ISO 16000. Di bawah [**2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)**], jika anda menetapkan tetapan [**Maximum (Maksimum)**] bagi [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**] kepada [**H1 (25600)**] (hlm.159), julat ISO automatik tidak akan berkembang sehingga maksimum H1. Walaupun jika anda menetapkan [**Maximum (Maksimum)**] dan [**Minimum**] kepada julat yang lebih kecil daripada julat ISO lahai (ISO 100 - ISO 16000), ia tidak akan berfungsi.
- Anda boleh menetapkan kelajuan ISO secara manual antara ISO 100 - ISO 16000 dalam kenaikan 1/3 hentian. Di bawah [**2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)**], jika anda menetapkan tetapan [**Maximum (Maksimum)**] bagi [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**] kepada [**H1 (25600)**], nilai maksimum bagi julat tetapan kelajuan ISO manual akan dikembangkan ke H1 (bersamaan dengan ISO 25600). Anda boleh menetapkan [**Maximum (Maksimum)**] dan [**Minimum**] kepada julat yang lebih kecil daripada julat lahai (ISO 100 - ISO 16000).
- Jika [**3: Highlight tone priority (Keutamaan ton sorotan)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**] (hlm.182), julat tetapan ISO manual atau automatik akan menjadi ISO 200 - ISO 16000.
- Di bawah [**2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)**], [**Auto ISO range (Julat ISO auto)**] dan [**Min. shutter spd. (Kelajuan pengatup minimum)**] tidak boleh ditetapkan (hlm.160-161) untuk rakaman filem.




- Di bawah [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**], jika [**Maximum (Maksimum)**] ditetapkan kepada [**H2 (51200)**] dan anda menukar daripada penangkapan foto pegun ke rakaman filem, kelajuan ISO maksimum untuk julat ISO manual semasa rakaman filem akan menjadi H1 (bersamaan dengan ISO 25600). Ia tidak boleh dikembangkan kepada ISO 51200.
- Menukar kelajuan pengatup atau apertur semasa rakaman filem tidak disarankan memandangkan pertukaran di dalam pendedahan akan dirakamkan.
- Apabila merakam filem untuk subjek yang bergerak, kelajuan pengatup 1/30 saat sehingga 1/125 saat adalah disarankan. Semakin laju kelajuan pengatup, pergerakan subjek akan kelihatan semakin kurang lancar.
- Jika anda menukar kelajuan pengatup semasa merakam di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED, kerlipan imej mungkin akan dirakamkan.



- Di bawah [**3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)**], jika [**SET: Expo comp (hold btn, turn) (Pampasan pendedahan (Tahan butang, putar))**] ditetapkan (hlm.468), anda boleh menetapkan pampasan pendedahan semasa ISO Auto ditetapkan.
- Apabila ISO Auto ditetapkan, anda boleh tekan butang <✱> untuk mengunci kelajuan ISO.
- Jika anda menekan butang <✱> dan menggubah semula tangkapan, anda boleh lihat perbezaan tahap pendedahan pada penunjuk aras pendedahan (hlm.331) berbanding dengan apabila butang <✱> ditekan.
- Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh memaparkan histogram.

Paparan Maklumat

- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.



* Digunakan kepada klip filem tunggal.



- Anda boleh memaparkan aras elektronik dengan menekan butang **<INFO.>** (hlm.77).
- Ambil perhatian bahawa jika kaedah AF ditetapkan kepada [**┐** **+Tracking** (**┐** **+Pengesanan**)] atau kamera disambungkan ke set TV dengan kabel HDMI (hlm.397), aras elektronik tidak boleh dipaparkan.
- Aras elektronik tidak boleh dipaparkan semasa rakaman filem. (Aras elektronik akan hilang apabila anda mula merakam filem)
- Apabila rakaman filem bermula, baki masa rakaman filem akan bertukar kepada masa berlalu.



Peringatan untuk Rakaman Filem

- Jangan halakan kamera ke arah sumber cahaya yang terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terang. Perbuatan sebegini boleh merosakkan pengesan imej atau komponen dalaman kamera.
- Di bawah [**1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)**], walaupun jika [**Record func (Fungsi rekod)**] ditetapkan kepada [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**] (hlm.149), filem tidak boleh direkodkan ke kedua-dua kad CF [**1**] dan kad SD [**2**]. Jika [**Rec. separately (Rekod berasingan)**] atau [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**] ditetapkan, filem akan dirakam pada kad yang ditetapkan untuk [**Playback (Main balik)**].
- Jika **<AWB>** ditetapkan dan kelajuan ISO atau apertur bertukar semasa rakaman filem, white balance mungkin bertukar juga.
- Jika anda merakam filem di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED, filem mungkin berkelip.
- Mengezum lensa semasa rakaman filem adalah tidak disarankan. Mengezum lensa boleh menyebabkan perubahan dalam pendedahan direkod tanpa mengambil kira sama ada apertur maksimum lensa berubah atau tidak.
- Semasa rakaman filem, anda tidak boleh membesarkan imej walaupun anda menekan butang **<Q>**.
- Berhati-hati supaya tidak menutup mikrofon terbina dalam (hlm.322) dengan jari anda, dll.
- [**Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)**] (hlm.178) dan [**Distortion (Herotan)**] (hlm.184) tidak boleh ditetapkan. (Kedua-duanya tidak akan berfungsi.)
- Jika anda menyambung atau menanggalkan kabel HDMI semasa rakaman filem, rakaman filem akan tamat.
- **Peringatan Am untuk Rakaman Filem terdapat pada halaman 363-364.**
- **Jika perlu, baca juga Peringatan Am Penangkapan Pandangan Langsung pada halaman 319-320.**



Nota untuk Rakaman Filem

- Tetap berkaitan filem terdapat di bawah tab [4] and [5] (hlm.354). Dalam mod <A>, tetapan tersebut terdapat di bawah tab [2] dan [3].
- Fail filem dirakamkan setiap kali anda merakam filem. Jika saiz fail melebihi 4 GB, fail baharu akan dicipta untuk setiap 4 GB yang berikutnya.
- Medan pandangan imej filem adalah kira-kira 100% (apabila saiz rakaman filem ditetapkan kepada FHD).
- Anda juga boleh memfokus imej dengan menekan butang <AF-ON>.
- Di bawah [5: button function (Fungsi butang)], jika [AF/AF-ON] dipilih, anda boleh menekan butang pengatup sepenuhnya untuk memula atau menghentikan rakaman filem (hlm.360).
- Bunyi monaural dirakam dengan mikrofon terbina dalam kamera (hlm.322).
- Kebanyakan mikrofon luaran (boleh didapati di pasaran) yang dilengkapi dengan palam mini berdiameter 3.5 mm adalah boleh digunakan.
- Dengan menggunakan kabel HDMI HTC-100 (dijual secara berasingan), anda boleh memaparkan filem pada set TV (hlm.397). Jika gambar tidak muncul pada skrin TV, semak sama ada [3: Video system (Sistem video)] telah ditetapkan dengan betul kepada [For NTSC (Untuk NTSC)] atau [For PAL (Untuk PAL)] (bergantung pada standard video set TV anda).
- Dengan menyambungkan fon kepala stereo (boleh didapati di pasaran) yang dilengkapi dengan palam mini berdiameter 3.5 mm ke terminal fon kepala kamera (hlm.23), anda boleh mendengar bunyi semasa merakam filem.
- Anda boleh menggunakan Pengawal Jauh RC-6 (dijual berasingan, hlm.250) untuk memulakan dan menghentikan rakaman filem jika mod pemacu adalah <1> atau <2>. Tetapkan suis pemasaan rakaman kepada <2> (lewat 2 saat), kemudian tekan butang penghantaran. Jika suis ditetapkan kepada <1> (rakaman segera), rakaman foto pegun akan berfungsi.
- Dengan Pek Bateri LP-E6N yang dicas sepenuhnya, masa keseluruhan rakaman filem adalah seperti berikut: Pada 23°C/73°F: Kira-kira 1 jam 40 minit, Pada 0°C/32°F: Kira-kira 1 jam 30 minit.
- Fungsi pratetap fokus adalah mungkin untuk rakaman filem apabila menggunakan lensa telefoto (super) yang dilengkapi dengan mod pratetap fokus, tersedia sejak separuh tahun terakhir 2011.



Jangan pegang kamera dalam posisi yang sama untuk jangka masa yang lama.

Walaupun kamera tidak terasa terlalu panas, sentuhan yang berpanjangan dengan bahagian badan yang sama boleh menyebabkan kemerahan kulit, melepuh atau lecuran suhu rendah. Menggunakan tripod adalah disarankan bagi mereka yang mempunyai masalah dengan peredaran darah atau kulit yang sangat sensitif, atau apabila menggunakan kamera di tempat yang sangat panas.

Simulasi Imej Akhir


Simulasi imej terakhir menunjukkan hasil tetapan semasa untuk Gaya Gambar, white balance dan fungsi lain dalam imej agar anda boleh melihat seperti apa imej yang ditangkap akan kelihatan.

Semasa rakaman filem, imej yang dipaparkan akan menunjukkan secara automatik kesan-kesan tetapan yang tersenarai di bawah.

Simulasi Imej Terakhir untuk Rakaman Filem

- Gaya Gambar
 - * Semua tetapan seperti ketajaman, kontras, ketepuan warna dan ton warna akan dapat dilihat.
- White balance
- Pembetulan white balance
- Pendedahan
- Kedalaman medan
- Pengoptimum Pencahayaan Auto
- Pembetulan pencahayaan sisi lensa
- Pembetulan penyimpangan kromatik
- Keutamaan ton sorotan

Menangkap Foto Pegun



Apabila merakam filem, anda boleh juga menangkap foto pegun dengan menekan butang pengatup sepenuhnya.

Menangkap Foto Pegun Semasa Rakaman Filem

- Jika anda mengambil foto pegun semasa rakaman filem, filem akan merakamkan foto pegun selama kira-kira 1 saat.
- Foto pegun yang ditangkap akan dirakamkan kepada kad, rakaman filem akan disambung secara automatik apabila imej Pandangan Langsung dipaparkan.
- Filem dan foto pegun akan dirakamkan sebagai fail berasingan pada kad.
- Di bawah [**1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)**], jika [**Record func. (Fungsi rekod)**] (hlm.148) ditetapkan kepada [**Standard**] atau [**Auto switch card (Penukaran auto kad)**], filem dan foto pegun akan direkodkan ke kad yang sama. Jika [**Rec. separately (Rekod berasingan)**] atau [**Rec. to multiple (Rekod ke berbilang)**] ditetapkan, filem akan direkodkan ke kad yang ditetapkan untuk [**Playback (Main balik)**] (hlm.150). Foto pegun akan direkodkan pada kualiti rakaman imej yang telah ditetapkan untuk kad masing-masing.

- Fungsi berkaitan dengan penangkapan foto pegun ditunjukkan di bawah. Fungsi lain adalah sama untuk rakaman filem.

Fungsi	Tetapan
Kualiti Rakaman Imej	Seperti ditetapkan di dalam [ 1: Image quality (Kualiti imej)]. Apabila saiz rakaman filem adalah [1920x1080] atau [1280x720], nisbah bidang akan menjadi 16:9. Apabila saiz adalah [640x480], nisbah bidang akan menjadi 4:3.
Kelajuan ISO*	<[A]⁺>: ISO 100 - ISO 6400 <P>, <Tv>, <Av> dan : ISO 100 - ISO 16000 <M>: Lihat "Kelajuan ISO dalam mod <M>" pada halaman 329.
Tetapan Pendedahan	<[A]⁺>, <P> dan : Kelajuan pengatup dan apertur ditetapkan secara automatik. <Tv>: Kelajuan pengatup ditetapkan secara manual dan apertur ditetapkan secara automatik. <Av>: Apertur ditetapkan secara manual dan kelajuan pengatup ditetapkan secara automatik. <M>: Kelajuan pengatup dan apertur ditetapkan secara manual.

*Jika keutamaan ton sorotan ditetapkan, julat kelajuan ISO akan bermula daripada ISO 200.



- Jika **FHD 59.94P** (59.94 fps) atau **50.00P** (50.00 fps) ditetapkan atau jika [**5:** **button function (Fungsi butang**)] ditetapkan kepada [**AF/**] atau [**/**], anda tidak boleh menangkap foto pegun.
- Penangkapan foto pegun semasa rakaman filem akan mempunyai kira-kira 99% liputan dengan **FHD** atau **HD** dan kira-kira 98% dengan **VGA** (apabila kualiti rakaman imej ditetapkan ke JPEG **L**).
- AEB tidak boleh digunakan.
- Walaupun jika denyar digunakan, ia tidak akan mencetus.
- Penangkapan foto pegun yang berterusan adalah mungkin semasa rakaman filem. Walau bagaimanapun, imej yang ditangkap tidak akan dipaparkan pada skrin. Bergantung kepada kualiti rakaman imej foto pegun, jumlah tangkapan semasa rakaman berterusan, prestasi kad, dll, rakaman filem mungkin berhenti secara automatik.
- AF boleh dilakukan semasa rakaman filem. Walau bagaimanapun, yang berikut mungkin berlaku:
 - Fokus mungkin menjadi jauh seketika.
 - Kecerahan filem yang dirakam mungkin berubah.
 - Filem yang dirakamkan mungkin menjadi pegun seketika.
 - Filem mungkin merakamkan bunyi operasi lensa.
 - Jika fokus tidak dapat dicapai, anda tidak boleh menangkap foto pegun.



- Pampasan pendedahan sehingga ± 3 hentian boleh digunakan untuk penangkapan foto pegun semasa rakaman filem.
- Jika anda mahu menangkap foto pegun secara berterusan semasa rakaman filem, menggunakan kad berkelajuan tinggi disarankan. Menetapkan kualiti rakaman imej yang lebih kecil untuk foto pegun dan mengurangkan penangkapan foto pegun secara berterusan juga disarankan.
- Anda boleh menangkap foto pegun dalam semua mod pemacu.
- Pemasa sendiri boleh ditetapkan sebelum anda mula merakam filem. Semasa rakaman filem, kamera akan bertukar kepada rakaman imej tunggal.

Tetapan Fungsi Tangkapan

Tetapan WB/DRIVE/AF/ISO/

Jika anda menekan butang <WB•>, <DRIVE•AF>, <•ISO> atau </AF> semasa imej dipaparkan pada monitor LCD, skrin tetapan akan muncul pada monitor LCD dan anda boleh memutar dail </WB> atau </ISO> untuk menetapkan fungsi masing-masing.

- Semasa rakaman pendedahan manual (hlm.328), anda boleh menekan butang <•ISO> untuk menetapkan kelajuan ISO.
- Dengan menekan butang <WB•> dan kemudian butang <INFO.>, anda boleh menetapkan anjakan WB dan bracketing WB.
- Ambil perhatian bahawa yang berikut tidak boleh ditetapkan: </WB> Mod pemeteran, </ISO> Pampasan pendedahan denyar, <HDR> Mod HDR dan </WB> Pendedahan berbilang.

Q Kawalan Cepat

Dalam mod <P>, <Tv>, <Av>, <M> dan , kaedah AF, Mod pemacu, Saiz rakaman filem, Aras rakaman (ditetapkan secara manual sahaja), Kelantangan (fon kepala), Merakam/memainkan balik kad dan kualiti imej (foto pegun), White balance, Gaya Gambar dan Pengoptimum Pencahayaan Auto boleh ditetapkan.

Dalam mod <A+>, hanya fungsi dalam fon tebal di atas boleh ditetapkan.



1 Tekan butang <Q> (10).

- ▶ Fungsi boleh ditetapkan akan dipaparkan.

2 Pilih fungsi dan tetapkannya.

- Gunakan </AF> untuk memilih fungsi.
- ▶ Tetapan fungsi yang dipilih dipaparkan pada skrin.
- Putar dail </WB> atau </ISO> untuk menentukannya.
- Untuk menetapkan saiz rakaman filem atau menetapkan kualiti imej kepada RAW, tekan <SET>.

- Untuk memilih kad untuk merakam/ bermain balik, Anjakan/Bracketing WB atau parameter Gaya Gambar, tekan butang <**INFO**>.
- Menekan <**SET**> akan mengembalikan kamera ke rakaman filem.


MENU Menetapkan Saiz Rakaman Filem



Dengan [**4: Movie rec quality (Kualiti rakaman filem)**] (tab [**2**] dalam <**A**>), anda boleh menetapkan format rakaman filem, saiz rakaman filem (saiz, kadar bingkai, kaedah mampatan) dan fungsi lain. Kadar bingkai yang dipaparkan pada skrin [**Movie rec. size (Saiz rakaman filem)**] bertukar secara automatik bergantung pada [**3: Video system (Sistem video)**] (hlm.511).

MOV/MP4

Anda boleh memilih format rakaman filem.



MOV MOV

Filem dirakam dalam format MOV (sambungan fail: “.MOV”). Mudah untuk pengeditan dengan komputer.

MP4 MP4

Filem dirakam dalam format MP4 (sambungan fail: “.MP4”). Format ini serasi dengan lebih banyak sistem main balik daripada format MOV.

Saiz Rakaman Filem

Anda boleh memilih saiz filem, kadar bingkai dan kaedah mampatan.



● Saiz Imej

FHD 1920x1080

Kualiti rakaman Definisi Tinggi Penuh (Full HD). Nisbah bidang ialah 16:9.

HD 1280x720

Kualiti rakaman Definisi Tinggi (HD). Nisbah bidang ialah 16:9.

VGA 640x480

Kualiti rakaman definisi standard. Nisbah bidang ialah 4:3.

● Kadar Bingkai (fps: bingkai bagi setiap saat)

29.97P 29.97 fps/ 59.94P 59.94 fps

Untuk kawasan di mana format TV adalah NTSC (Amerika Utara, Jepun, Korea Selatan, Mexico, dll).

25.00P 25.00 fps/ 50.00P 50.00 fps

Untuk kawasan di mana format TV adalah PAL (Eropah, Rusia, China, Australia, dll).

23.98P 23.98 fps/ 59.94P 24.00 fps

Terutamanya untuk wayang gambar. Tentang **24.00P**, lihat halaman 342.

⚠ Filem yang dirakam pada **FHD 59.94P** (59.94fps) atau **50.00P** (50.00fps) mungkin tidak dimainkan balik dengan betul pada peranti lain, kerana beban pemprosesan data yang tinggi semasa main balik.

📺 Kadar bingkai yang dipaparkan pada skrin saiz rakaman filem bergantung pada sama ada [**PS: Video system (Sistem video)**] ditetapkan kepada [**For NTSC (Untuk NTSC)**] atau [**For PAL (Untuk PAL)**].

● **Kaedah Mampatan**

[ALL-I] **ALL-I** (Untuk pengeditan/I-only)

Mampatkan satu bingkai pada satu masa untuk rakaman. Walaupun saiz fail lebih besar berbanding dengan IPB (Standard) dan IPB (Ringan), filem ini lebih sesuai untuk pengeditan.

[IPB] **IPB** (Standard)

Mampatkan beberapa bingkai pada satu masa secara berkesan untuk rakaman. Oleh sebab saiz fail lebih kecil berbanding dengan ALL-I (Untuk pengeditan), anda boleh merakam lebih lama (dengan kad yang sama).

[IPB] **IPB** (Ringan)


Boleh dipilih apabila format rakaman filem ditetapkan pada **[MP4]**. Filem dirakam pada kadar bit yang lebih rendah berbanding dengan IPB (Standard), menyebabkan saiz fail lebih kecil dan serasi dengan lebih banyak sistem main balik. Antara tiga kaedah tersedia, kaedah ini membolehkan jumlah masa rakaman filem yang paling panjang pada satu kad dengan kapasiti tertentu.



- Jika **[FHD 59.94P]** (59.94 fps) atau **[50.00P]** (50.00 fps) ditetapkan, fungsi tertentu mungkin tidak akan tersedia.
 - AF Servo Filem tidak akan berfungsi.
 - AF pengesanan kontras akan digunakan. (Pemfokusan mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada kebiasaannya.)
 - Foto pegun tidak dapat diambil.
- Jika anda menukar tetapan **[3: Video system (Sistem video)]**, tetapkan saiz rakaman filem sekali lagi.

24.00p

Merakam filem pada kadar bingkai 24.00 fps. Berkaitan dengan kualiti Full HD.



Jika [**Enable (Aktif)**] ditetapkan, filem dirakam dalam **FHD 24.00P [ALL-I]** atau **FHD 24.00P [IPB]**.

Jika anda telah menetapkan [**Movie rec. size (Saiz rakaman filem)**] dan kemudian menetapkan [**24.00p**] kepada [**Enable (Aktif)**], tetapkan [**Movie rec. size (Saiz rakaman filem)**] sekali lagi.

Peringatan untuk [24.00p: Enable (Aktif)]

- [**3: Video system (Sistem video)**] tidak boleh ditetapkan.
- [**3: HDMI frame rate (Kadar bingkai HDMI)**] (hlm.362) tidak boleh ditetapkan. Filem akan dioutput pada 1080/24.00p melalui HDMI. Jika anda menyambungkan kamera ke set TV dll yang tidak serasi dengan isyarat 1080/24.00p melalui HDMI, filem tidak akan muncul.
- Jika anda menentukannya kembali kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], [**3: HDMI frame rate (Kadar bingkai HDMI)**] akan ditetapkan kepada [**Auto**].
- Walaupun jika anda menentukannya kembali kepada [**Disable (Lumpuhkan)**], saiz rakaman filem tidak akan kembali kepada asalnya. Tetapkan saiz rakaman filem sekali lagi.

Jumlah Masa Rakaman Filem dan Saiz Fail bagi Setiap Minit

● Dalam Format MOV

(Anggaran)

Kualiti Rakaman Filem			Jumlah Masa Rakaman pada Kad			Saiz fail
			4 GB	8 GB	16 GB	
FHD	59.94P 50.00P	IPB	8 minit	17 minit	34 minit	440 MB/minit
	29.97P 25.00P 24.00P 23.98P	ALL-I	5 minit	11 minit	23 minit	654 MB/minit
	29.97P 25.00P 24.00P 23.98P	IPB	16 minit	33 minit	1 jam 7 minit	225 MB/minit
HD	59.94P 50.00P	ALL-I	6 minit	13 minit	26 minit	583 MB/minit
	59.94P 50.00P	IPB	19 minit	38 minit	1 jam 17 minit	196 MB/minit
VGA	29.97P 25.00P	IPB	50 minit	1 jam 41 minit	3 jam 22 minit	75 MB/minit

● Dalam Format MP4

(Anggaran)

Kualiti Rakaman Filem			Jumlah Masa Rakaman pada Kad			Saiz fail
			4 GB	8 GB	16 GB	
FHD	59.94P 50.00P	IPB	8 minit	17 minit	35 minit	431 MB/minit
	29.97P 25.00P 24.00P 23.98P	ALL-I	5 minit	11 minit	23 minit	645 MB/minit
	29.97P 25.00P 24.00P 23.98P	IPB	17 minit	35 minit	1 jam 10 minit	216 MB/minit
	29.97P 25.00P	IPB	43 minit	1 jam 26 minit	2 jam 53 minit	87 MB/minit
	59.94P 50.00P	ALL-I	6 minit	13 minit	26 minit	574 MB/minit
HD	59.94P 50.00P	IPB	20 minit	40 minit	1 jam 21 minit	187 MB/minit
	29.97P 25.00P	IPB	2 jam 5 minit	4 jam 10 minit	8 jam 20 minit	30 MB/minit
	29.97P 25.00P	IPB	57 minit	1 jam 55 minit	3 jam 50 minit	66 MB/minit
VGA	29.97P 25.00P	IPB	2 jam 43 minit	5 jam 26 minit	10 jam 53 minit	23 MB/minit



Peningkatan suhu dalaman kamera boleh menyebabkan rakaman filem berhenti sebelum masa rakaman maksimum ditunjukkan dalam jadual (hlm.363).

● **Fail Filem Melebihi 4 GB**

Walaupun jika anda merakam filem melebihi 4 GB, anda boleh menyimpan rakaman tanpa gangguan.

Semasa rakaman filem, kira-kira 30 saat sebelum filem mencapai saiz fail 4 GB, masa rakaman berlalu atau kod waktu yang dipaparkan pada skrin rakaman filem akan mula berkelip. Jika anda terus merakam sehingga saiz fail filem melebihi 4 GB, fail filem yang baru akan dicipta secara automatik dan masa rakaman berlalu atau kod waktu akan henti berkelip.


Apabila anda memainkan balik filem, anda perlu memainkan setiap fail filem secara individu. Fail filem tidak boleh dimainkan balik secara automatik dalam susunan berturutan. Selepas main balik filem tamat, pilih filem seterusnya dan main balik.

● **Had Masa Rakaman Filem**

Masa rakaman maksimum untuk sebuah klip filem adalah 29 minit 59 saat. Jika masa rakaman filem mencapai 29 minit 59 saat, rakaman filem akan berhenti secara automatik. Anda boleh mula merakam filem semula dengan menekan butang $\lt \overset{\text{START}}{\underset{\text{STOP}}{\text{STOP}}} \gt$. (Fail filem yang baru mula dirakamkan.)

 Apabila merakam filem, jika fail filem melebihi 4 GB, "**buSY (Sibuk)**" akan dipaparkan pada panel LCD untuk seketika. Penangkapan foto pegun tidak boleh dilakukan semasa "**buSY (Sibuk)**" dipaparkan pada skrin.

MENU Menetapkan Rakaman Suara



Anda boleh merakam filem semasa merakamkan suara menggunakan mikrofon monaural terbina dalam atau mikrofon stereo luaran (boleh didapati di pasaran). Anda juga boleh melaraskan aras rakaman suara dengan bebas.

Tetapan rakaman suara terletak di bawah tab [📷4: Sound recording (Rakaman suara)] (tab [📷2] dalam <[A+]>).

Rakaman Suara/Aras Rakaman Suara

- Auto** : Aras rakaman suara dilaraskan secara automatik. Kawalan aras auto akan beroperasi secara automatik sebagai respons kepada aras suara.
- Manual** : Untuk pengguna mahir. Anda boleh melaraskan aras rakaman suara kepada salah satu daripada 64 aras. Pilih [Rec. level (Aras rakaman)] dan lihat pada meter aras semasa memutar dail <🕒> untuk melaraskan aras rakaman suara. Sambil melihat penunjuk pemegang puncak (3 saat), laraskan supaya meter aras kadangkala menyalakan tanda “12” (-12 dB) pada sebelah kanan untuk suara yang paling kuat. Jika ia melebihi “0”, suara akan terganggu.
- Disable (Lumpuhkan)** : Suara tidak akan direkodkan. Juga, tiada bunyi yang akan dioutput melalui output HDMI (hlm.360).

Penuras Angin/Pelemah

- Wind filter (Penuras angin):** Apabila [**Enable (Aktif)**] ditetapkan, ia mengurangkan gangguan angin apabila merakam di luar bangunan. Ciri ini berfungsi hanya dengan mikrofon terbina dalam. Ambil perhatian bahawa [**Enable (Aktif)**] mengurangkan bunyi bass rendah, jadi tetapkannya kepada [**Disable (Lumpuhkan)**] apabila tiada angin. Ia akan merakam lebih banyak bunyi semula jadi dengan [**Enable (Aktif)**].
- Attenuator (Pelemah) :** Menahan gangguan bunyi yang akibatkan oleh bunyi yang sangat kuat secara automatik. Walaupun jika [**Sound rec. (Rakaman suara)**] ditetapkan kepada [**Auto**] atau [**Manual**] sebelum merakam, gangguan bunyi masih boleh terjadi jika terdapat bunyi yang sangat kuat. Dalam keadaan ini, menetapkan ia kepada [**Enable (Aktif)**] adalah disarankan.

● Menggunakan mikrofon

Biasanya, mikrofon terbina dalam akan merakamkan bunyi monoaural. Rakaman suara stereo juga boleh dilakukan dengan menyambungkan mikrofon stereo luaran (boleh didapati di pasaran) yang dilengkapi dengan palam stereo mini ($\phi 3.5$ mm) ke terminal IN mikrofon luaran kamera (hlm.23).

● Menggunakan fon kepala

Dengan menyambungkan fon kepala stereo (boleh didapati di pasaran) yang dilengkapi dengan palam mini berdiameter 3.5 mm ke terminal fon kepala kamera (hlm.23), anda boleh mendengar bunyi semasa merakam filem. Jika anda menggunakan mikrofon stereo luaran (boleh didapati di pasaran), anda boleh mendengar bunyi dalam stereo. Untuk melaraskan kelantangan suara fon kepala, tekan butang $\langle \text{Q} \rangle$ dan pilih $\langle \text{F} \rangle$. Kemudian putar $\langle \text{Sun} \rangle$ untuk melaras (hlm.338).

Anda juga boleh menggunakan fon kepala semasa main balik filem.



Apabila menggunakan fon kepala untuk audio, pengurangan hingar tidak akan digunakan pada output fon kepala. Oleh kerana ini, bunyi yang anda dengar akan berbeza daripada audio sebenar yang dirakamkan dengan filem.




- Dalam mod $\langle \text{A}^+ \rangle$, [Sound recording (Rakaman suara)] boleh ditetapkan [On (Hidup)] kepada [Off (Mati)]. Jika [On (Hidup)] ditetapkan, aras rakaman bunyi akan dilaraskan secara automatik (sama seperti [Auto]), tetapi fungsi penuras angin tidak akan berfungsi.
- Apabila kamera disambungkan ke set TV menggunakan kabel HDMI, bunyi juga akan dioutput (kecuali apabila [Sound recording (Rakaman suara)] ditetapkan kepada [Off (Mati)]). Jika bunyi daripada set TV menyebabkan tindak balas audio, letakkan kamera jauh daripada set TV atau perlahankan kelantangan suara set TV.
- Anda juga boleh melaraskan kelantangan suara fon kepala dengan menekan butang $\langle \text{Q} \rangle$, kemudian menahan butang $\langle \text{RATE} \rangle$ dan menghalakan $\langle \text{Sun} \rangle$ ke atas atau ke bawah.
- Keseimbangan kelantangan bunyi antara L (kiri) dengan R (kanan) tidak boleh dilaraskan.
- Audio dirakamkan pada kadar pensampelan 48 kHz/16 bit.
- Jika [5: Silent Control (Kawalan Senyap)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)] (hlm.348), anda boleh melaraskan aras rakaman suara menggunakan pad sentuh $\langle \text{Sun} \rangle$ dengan bunyi operasi yang perlahan semasa rakaman filem.

MENU Kawalan Senyap

Anda boleh menukar tetapan kelajuan ISO, aras rakaman suara, dll, tanpa menghasilkan terlalu banyak bunyi semasa merakam filem.



Apabila [**5: Silent Control (Kawalan Senyap)**] (tab [**3**] dalam <[A+]>) ditetapkan kepada [**Enable** (Aktif)], anda boleh menggunakan pad sentuh <[On icon]> pada gelang dalaman Dail Kawalan Cepat.



Anda boleh menyentuh bahagian atas, bawah, kiri atau kanan <[On icon]> untuk operasi senyap.

Semasa rakaman filem, anda boleh menekan butang <[Q]> untuk memaparkan skrin Kawalan Cepat dan menukar fungsi di bawah dengan <[On icon]>.



Fungsi yang Boleh Ditetapkan	Mod Penangkapan				
	[A+]	P/B	Tv	Av	M
Kelajuan pengatup	-	-	○	-	○
Apertur	-	-	-	○	○
Kelajuan ISO	-	-	-	-	○
Pampasan pendedahan	-	○	○	○	○* ¹
Aras rakaman* ²	-	○	○	○	○
[On icon] Kelantangan	○	○	○	○	○


*¹: Dengan ISO Auto yang ditetapkan.

*²: Dengan [**Sound recording: Manual (Rakaman suara: Manual)**] yang ditetapkan.

- Jika [**5: Silent Control (Kawalan Senyap)**] ditetapkan kepada [**Enable** (Aktif)], anda tidak boleh menukar tetapan Kawalan Cepat menggunakan dail Kawalan Cepat <[On icon]> semasa merakam filem.
- Walaupun jika anda menukar apertur secara senyap menggunakan <[On icon]>, filem masih akan merakamkan bunyi pemacu apertur lensa.
- Jika terdapat air atau kotoran pada <[On icon]>, operasi sentuh mungkin tidak berfungsi. Dalam keadaan ini, gunakan kain yang bersih untuk membersihkan <[On icon]>. Jika masih tidak berkesan, tunggu sebentar dan cuba sekali lagi.

Sebelum merakam filem, anda boleh menggunakan <[On icon]> dengan tetapan [**Rec. level (Aras rakaman)**] untuk melaraskan aras rakaman suara.

MENU Menetapkan Kod Waktu



Kod waktu ialah rujukan masa yang direkod secara automatik untuk menyelaraskan filem semasa rakaman filem. Ia dirakamkan pada setiap masa di dalam unit berikut: jam, minit, saat dan bingkai. Ia digunakan terutamanya semasa suntingan filem.

Gunakan [**5: Time code (Kod waktu)**] (tab [**3**] dalam <[+]>) untuk menetapkan kod waktu.

Kira Menaik

Rec run
(Rakaman berjalan)

: Kod waktu mengira menaik hanya apabila anda merakam filem. Kod waktu akan terus berjalan mengikut turutan fail filem yang dirakam.

Free run (Hitung bebas)

: Kod waktu mengira menaik sama ada anda merakam filem atau tidak.

Tetapan Masa Permulaan

Anda boleh menetapkan masa mula kod waktu.

Manual input setting

- (Tetapan input manual)** : Anda boleh menetapkan jam, minit, saat dan bingkai dengan bebas.
- Reset (Tetapan semula)** : Masa yang ditetapkan dengan **[Manual input setting (Tetapan input manual)]** dan **[Set to camera time (Tetapan kepada waktu kamera)]** ditetapkan semula kepada "00:00:00." atau "00:00:00." (hlm.353).

Set to camera time

- (Tetapan kepada waktu kamera):** Menetapkan jam, minit dan saat untuk sepadan dengan jam dalaman kamera. "Bingkai" akan ditetapkan kepada 00.



- Menangkap foto pegun semasa rakaman filem akan menyebabkan percanggahan antara masa sebenar dan kod waktu.
- Jika **[Free run (Hitung bebas)]** ditetapkan dan anda menukar masa, zon atau waktu jimat siang (hlm.47), kod waktu akan dipengaruhi.
- Jika anda menggunakan kamera yang berbeza untuk memainkan filem MP4 yang dirakam menggunakan kamera ini, kod waktu mungkin tidak dipaparkan dengan betul.

Pengiraan Rakaman Filem

Anda boleh memilih apa yang hendak dipaparkan pada skrin rakaman filem.

Rec time (Waktu rakam): Menunjukkan masa berlalu daripada permulaan rakaman filem.

Time code (Kod waktu) : Menunjukkan kod waktu semasa rakaman filem.

Pengiraan Main balik Filem

Anda boleh memilih apa yang hendak dipaparkan pada skrin main balik filem.

Rec time (Waktu rakam): Menunjukkan masa rakaman dan masa main balik semasa main balik filem.

Time code (Kod waktu) : Menunjukkan kod waktu semasa main balik filem.

Dengan [Time code (Kod waktu)] ditetapkan:



Semasa rakaman filem



Semasa main balik filem



- Tanpa mengambil kira tetapan [**Movie rec count (Pengiraan rakaman filem)**], kod waktu akan sentiasa dirakamkan kepada fail filem.
- Tetapan [**Movie play count (Pengiraan main balik filem)**] di bawah [**5: Time code (Kod waktu)**] bertukar selari dengan tetapan [**3: Movie play count (Pengiraan main balik filem)**]. Menukar mana-mana tetapan akan menukarkan tetapan yang satu lagi secara automatik.
- “Bingkai” tidak dipaparkan untuk rakaman filem atau semasa main balik filem.

HDMI

- **Time code (Kod waktu)**

Kod waktu boleh disertakan pada filem yang dioutput melalui HDMI (hlm.362).

Enable (Aktif): Menyertakan kod waktu ke filem output HDMI.

Disable (Lumpuhkan): Kod waktu tidak disertakan ke filem output HDMI.

- **Record command (Arahan rakaman)**

Apabila anda merakam filem yang dioutput daripada HDMI ke peranti rakaman luaran, mula/henti rakaman filem bagi kamera boleh menyelaraskan dengan rakaman daripada peranti rakaman luaran tersebut.

Enable (Aktif): Menyelaraskan rakaman mula/henti bagi peranti rakaman luaran dengan mula/henti rakaman filem bagi kamera.

Disable (Lumpuhkan): Mengawal rakaman mula/henti bagi peranti luaran daripada peranti rakaman luaran.

 Untuk memastikan sama ada peranti rakaman luaran anda adalah serasi dengan **[Time code (Kod waktu)]** atau **[Rec command (Arahan rakaman)]**, sila rujuk kepada pengeluarannya.

Bingkai Jatuh

Jika tetapan kadar bingkai adalah **29.97P** (29.97 fps) atau **59.94P** (59.94 fps), pengiraan bingkai bagi kod waktu menyebabkan percanggahan antara masa sebenar dan kod waktu. Percanggahan ini boleh dibetulkan secara automatik. Fungsi pembetulan ini dipanggil “bingkai jatuh.”

- Enable (Aktif)** : Percanggahan dibetulkan secara automatik dengan melangkaui nombor kod waktu (DF: Bingkai Jatuh).
- Disable (Lumpuhkan)** : Percanggahan tidak dibetulkan (NDF: Bingkai tidak jatuh).


Kod waktu akan dipaparkan seperti berikut:

- Aktif (DF) : 00:00:00. (Masa main balik: 00:00:00.00)
 Lumpuhkan (NDF) : 00:00:00: (Masa main balik: 00:00:00.00)



Jika kadar bingkai adalah **23.98P** (23.98 fps), **24.00P** (24.00 fps), **25.00P** (25.00 fps) atau **50.00P** (50.00 fps), bingkai jatuh tidak akan digunakan. (Jika **23.98P / 24.00P** ditetapkan atau jika [**3: Video system (Sistem video)**] ditetapkan kepada [**For PAL (Untuk PAL)**], [**Drop frame (Bingkai jatuh)**] tidak akan dipaparkan.)

MENU Tetapan Fungsi Menu



Apabila suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem ditetapkan kepada <[ikon kamera]>, pilihan menu penangkapan Pandangan Langsung akan muncul di bawah tab [ikon kamera 4] dan [ikon kamera 5] (tab [ikon kamera 2] [ikon kamera 3] dalam <[ikon kamera +]>).

● Movie Servo AF (AF Servo Filem)

Semasa rakaman filem, kamera memfokus subjek secara berterusan. Tetapan lalai adalah **[Enable (Aktif)]**.

Apabila [Enable (Aktif)] ditetapkan:

- Kamera akan memfokus subjek secara berterusan walaupun apabila anda tidak menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Memandangkan ini akan memacu lensa secara berterusan, ia akan menggunakan kuasa bateri dan memendekkan masa keseluruhan rakaman filem (hlm.333).
- Dengan lensa tertentu, bunyi operasi lensa semasa memfokus mungkin dirakam. Jika ini berlaku, gunakan mikrofon luaran (boleh didapati di pasaran) untuk mengurangkan bunyi operasi lensa dalam filem. Menggunakan lensa EF-S18-135mm f/3.5-5.6 IS STM juga akan mengurangkan bunyi operasi lensa.
- Jika anda mahu menetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> semasa AF Servo Filem, tetapkan suis penangkapan Pandangan Langsung/rakaman filem kepada <[ikon kamera]> terlebih dahulu.

⚠ Jika **FHD 59.94P** (59.94 fps) atau **50.00P** (50.00 fps) ditetapkan, AF Servo Filem tidak akan berfungsi. Juga, memandangkan pengesanan kontras digunakan untuk kawalan AF, ia mungkin akan mengambil masa yang lebih lama untuk memfokus.

- Jika anda mahu mengekalkan fokus pada titik spesifik atau anda tidak mahu bunyi operasi lensa dirakamkan, anda boleh menghentikan AF Servo Filem buat sementara waktu seperti berikut. Apabila menghentikan AF Servo Filem, titik AF akan bertukar menjadi kelabu. Apabila anda melakukan langkah yang sama seperti di bawah, AF Servo Filem akan disambung.
 - Tekan butang <⏏>.
 - Di bawah [3: Custom controls (Kawalan Tersuai)], jika butang ditetapkan kepada [AF stop (Henti AF)], anda boleh menjeda AF Servo Filem semasa menahan butang tersebut. Apabila anda melepaskan butang tersebut, AF Servo Filem akan disambung.
- Apabila AF Servo Filem dijeda, jika anda kembali ke rakaman filem selepas menekan butang <MENU> atau <▶>, menukar kaedah AF atau melakukan operasi lain, AF Servo Filem akan disambung semula secara automatik.

Apabila [Disable] (Lumpuhkan) ditetapkan:

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah atau tekan butang <AF-ON> untuk memfokus.

● AF method (Kaedah AF)

Kaedah AF adalah sama seperti yang diterangkan pada halaman 308-316. Anda boleh memilih [**+Tracking** (+Pengesanan)], [**FlexiZone - Multi** (FlexiZone - Berbilang)] atau [**FlexiZone - Single** (FlexiZone - Tunggal)].



Peringatan apabila [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)]

- **Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan**
 - Subjek yang bergerak laju mendekati atau bergerak menjauhi kamera.
 - Subjek yang bergerak pada jarak dekat di depan kamera.
 - Lihat juga "Keadaan Penangkapan yang Menyukarkan Pemfokusan" pada halaman 315.
- AF Servo Filem akan terjeda semasa mengezum atau pandangan diperbesar.
- Semasa rakaman filem, jika subjek menghampiri atau bergerak menjauhi atau jika kamera digerakkan secara menegak atau mendatar (bergerak), imej filem yang dirakam mungkin mengembang atau mengecut (pertukaran dalam pembesaran imej).

- **Grid display (Paparan grid)**

Dengan [3x3 

Ambil perhatian bahawa grid tidak dipaparkan semasa rakaman filem.



- **Movie recording quality (Kualiti rakaman filem)**

Anda boleh menetapkan format rakaman filem (MOV atau MP4), saiz rakaman filem dan 24.00p. Untuk butiran, lihat halaman 339.

- **Sound recording (Rakaman suara)**

Anda boleh menetapkan tetapan rakaman bunyi. Untuk butiran, lihat halaman 345.

● Movie Servo AF speed (Kelajuan AF Servo Filem) *



Anda boleh menetapkan kelajuan AF bagi AF Servo Filem dan keadaan operasinya.

Fungsi ini boleh ditetapkan apabila [Movie Servo AF (AF Servo Filem)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)] dan [AF method (Kaedah AF)] ditetapkan kepada [FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)]. Selain itu, fungsi ini hanya diaktifkan apabila menggunakan lensa yang serasi dengan peralihan fokus perlahan semasa rakaman filem.

When active

(Apabila aktif) : [Always on (Sentiasa hidup)] menjadikan kelajuan pelarasan AF berfungsi pada setiap masa untuk rakaman filem (sebelum dan semasa rakaman filem). [During shooting (Semasa rakaman)] menjadikan kelajuan pelarasan AF berfungsi hanya semasa rakaman filem.

AF speed

(Kelajuan AF) : Anda boleh menetapkan kelajuan pelarasan AF (kelajuan peralihan fokus) ke salah satu daripada lima aras, daripada kelajuan standard ke perlahan, untuk mendapatkan kesan yang dikehendaki.

* Lensa menyokong peralihan fokus perlahan semasa rakaman filem

Lensa USM yang dipasarkan pada 2009 atau kemudiannya dan lensa STM (contohnya, EF-S 18-135mm f/3.5-5.6 IS STM) menyokong peralihan fokus perlahan semasa rakaman filem. Untuk butiran, rujuk kepada laman Web Canon.



Jika 59.94P (59.94 fps) atau 50.00P (50.00 fps) ditetapkan, AF Servo Filem tidak akan berfungsi dan disebabkan itu, tetapan di atas tidak akan tersedia.



Jika [AF method (Kaedah AF)] ditetapkan kepada [Tracking] atau [FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)], kelajuan pelarasan AF akan menjadi sama seperti tetapan [Standard].

● **Movie Servo AF tracking sensitivity (Sensitiviti pengesanan AF Servo Filem) ☆**



Anda boleh menukar sensitiviti pengesanan AF Servo Filem kepada salah satu daripada lima aras. Ini mempengaruhi kegerakbalasan sensitiviti pengesanan AF apabila titik AF kehilangan subjek seperti semasa pendar atau apabila halangan memasuki titik AF.

Fungsi ini tersedia apabila [**Movie Servo AF (AF Servo Filem)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**] dan [**AF method (Kaedah AF)**] ditetapkan kepada [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**].

Locked on: -2 (Kunci hidup: -2) / Locked on: -1 (Kunci hidup: -1)

Tetapan ini membuatkan kamera kurang cenderung untuk mengesan subjek yang berbeza jika titik AF kehilangan subjek asalnya. Tetapan -2 membuatkan kamera kurang cenderung untuk mengesan subjek yang berbeza berbanding dengan tetapan -1. Ini adalah berkesan apabila anda ingin mengelakkan titik AF daripada serta-merta mengesan sesuatu yang bukan merupakan subjek semasa pendar atau semasa halangan memasuki titik AF.


Responsive: +2 (Responsif: +2) / Responsive: +1 (Responsif: +1)

Ini membuatkan kamera menjadi lebih responsif apabila mengesan subjek yang menutupi titik AF. Tetapan +2 membuatkan titik AF menjadi lebih responsif berbanding dengan tetapan +1. Ini adalah berkesan apabila anda ingin terus mengesan subjek yang bergerak apabila jarak subjek daripada kamera berubah atau untuk mengesan subjek lain dengan serta-merta.

ⓘ Jika **FHD 59.94P** (59.94 fps) atau **50.00P** (50.00 fps) ditetapkan, AF Servo Filem tidak akan berfungsi dan disebabkan itu, tetapan di atas tidak akan tersedia.

📱 Jika [**AF method (Kaedah AF)**] ditetapkan kepada [**+Tracking (+Pengesanan)**] atau [**FlexiZone - Multi (FlexiZone - Berbilang)**], sensitiviti pengesanan akan menjadi sama dengan tetapan [0].

5



- **Silent LV shooting (Penangkapan Pandangan Langsung Senyap) [★]**
 Fungsi ini digunakan kepada penangkapan foto pegun. Untuk butiran, lihat halaman 305.
- **Metering timer (Pemasa pemeteran) [★]**
 Anda boleh menukar berapa lama tetapan pendedahan dipaparkan (masa kunci AE).
- **Time code (Kod waktu)**
 Anda boleh menetapkan kod waktu. Untuk butiran, lihat halaman 349-352.
- **Silent Control (Kawalan Senyap)**
 Apabila [**Enable (Aktif)**  > dan skrin Kawalan Cepat untuk menukar tetapan secara senyap semasa rakaman filem. Untuk butiran, lihat halaman 348.

● button function (Fungsi butang)

Anda boleh menetapkan fungsi yang dilaksanakan dengan menekan butang pengatup separuh atau sepenuhnya ke bawah semasa rakaman filem.

Tetapan	Ditekan Separuh	Ditekan Sepenuhnya
 AF / 	Pemeteran dan AF	Penangkapan foto pegun
 / 	Pemeteran sahaja	Penangkapan foto pegun
 AF / 	Pemeteran dan AF	Mula/henti rakaman filem
 / 	Pemeteran sahaja	Mula/henti rakaman filem

Jika [ AF / ] atau [ / ] ditetapan, selain daripada menekan butang , anda boleh mula/henti rakaman filem dengan menekan butang pengatup sepenuhnya atau dengan menggunakan Suis Kawalan Jauh RS-80N3 atau Alat Pemasa Kawalan Jauh TC-80N3 (kedua-duanya dijual secara berasingan, hlm.250). Walau bagaimanapun, dengan [ AF / ] atau [ / ] ditetapan, penangkapan foto pegun (hlm.335) tidak boleh dilakukan.

 Semasa rakaman filem, tetapan [ button function (Fungsi butang )] akan mengatasi apa-apa fungsi yang ditetapan ke butang pengatup dengan [ 3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)].

● HDMI output + LCD (Output HDMI + LCD)

Ini adalah untuk merakamkan filem HDMI ke peranti rakaman luaran. Tetapan lalai adalah [No mirroring (Tiada pencerminan)].

[No mirroring (Tiada pencerminan)]

- Apabila output HDMI bermula, monitor LCD kamera terpadam.
- Maklumat rakaman, titik AF dan butiran lain dihamparkan pada filem output HDMI. Walau bagaimanapun, semasa menonton monitor luaran yang disambungkan ke peranti rakaman luaran, anda boleh menekan butang <INFO.> untuk menukar ke output tanpa apa-apa maklumat hamparan.
- Jika anda tidak menyambungkan output HDMI ke peranti luaran dan hanya menonton output tersebut pada monitor LCD kamera, anda tidak boleh menetapkan tetapan untuk output tanpa maklumat hamparan, walaupun dengan menekan butang <INFO.>.
- Apabila merakam filem tanpa maklumat hamparan, gunakan monitor luaran untuk mengesahkan bahawa maklumat rakaman, titik AF dan butiran lain tidak dipaparkan (sahkan bahawa filem dioutput tanpa maklumat hamparan) sebelum rakaman.

[Mirroring (Pencerminan)]

- Filem dipaparkan pada monitor LCD dan melalui output HDMI secara serentak.
- Filem output HDMI tidak menunjukkan maklumat rakaman, bingkai AF dan butiran lain (output tanpa maklumat hamparan).

Jika anda akan membiarkan sahaja kamera dan tidak menyentuhnya selama lebih daripada 30 minit semasa output HDMI, pilih **[No mirroring (Tiada pencerminan)]** dan tetapkan **[F2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)]** kepada **[Disable (Lumpuhkan)]** (hlm.69).




- Jika filem HDMI dioutput tanpa maklumat hamparan, baki kapasiti kad, baki kapasiti bateri, amaran suhu dalaman (hlm.363) dan amaran lain tidak akan dipaparkan pada skrin peranti output HDMI. Berhati-hati terutamanya jika **[No mirroring (Tiada pencerminan)]** ditetapkan. Jika **[Mirroring (Pencerminan)]** ditetapkan, anda boleh menyemak amaran pada monitor LCD kamera.
- Apabila anda tidak merakam filem, kuasa akan terpadam secara automatik selepas masa **[F2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)]** berlaku. Jika **[Mirroring (Pencerminan)]** dipilih dan **[F2: Auto power off (Kuasa terpadam secara auto)]** ditetapkan kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**, output HDMI akan berhenti (rakaman filem akan berhenti) jika anda membiarkan sahaja kamera selama 30 minit tanpa menyentuhnya.
- Walaupun apabila **[Mirroring (Pencerminan)]** ditetapkan, jika anda memainkan balik imej atau memaparkan menu, filem HDMI tidak akan dipaparkan.
- Elakkan penangkapan foto pegun (hlm.335) apabila merakamkan output HDMI ke peranti rakaman luaran. Seseengah peranti rakaman luaran mungkin tidak menyelaraskan kod waktu atau audio dengan imej filem atau mungkin menyebabkan gangguan audio, mengakibatkan filem tidak dirakam dengan betul seperti yang dikehendaki.
- Bergantung pada persekitaran, kecerahan filem yang dirakam dengan kamera mungkin kelihatan berbeza daripada filem output HDMI yang direkodkan ke peranti rakaman luaran.



- Dengan menekan butang **<INFO.>**, anda boleh menukar maklumat dipaparkan.
- Kod waktu boleh disertakan ke filem output HDMI (hlm.352).
- Output HDMI juga akan mengoutput bunyi (kecuali apabila **[Sound recording (Rakaman suara)]** ditetapkan kepada **[Off (Mati)]**).

3



HDMI frame rate (Kadar bingkai HDMI)

Untuk output HDMI, anda boleh menetapkan kadar bingkai kepada **[Auto]**, **[59.94i]/[50.00i]**, **[59.94p]/[50.00p]** atau **[23.98p]**. Tetapkan kadar bingkai yang serasi dengan peranti rakaman luaran yang boleh didapati di pasaran yang akan anda gunakan untuk merakam filem melalui output HDMI.

 Kadar bingkai tidak boleh ditetapkan jika **[24.00p]** untuk **[Movie rec quality (Kualiti rakaman filem)]** ditetapkan kepada **[Enable (Aktif)]**.

- 
 -  Kadar bingkai yang boleh dipilih berbeza mengikut tetapan [**Wrench 3: Video system (Sistem video)**]. Jika filem tidak muncul pada peranti output HDMI, tetapkan [**Wrench 3: Video system (Sistem video)**] dengan betul kepada **[For NTSC (Untuk NTSC)]** atau **[For PAL (Untuk PAL)]** (bergantung pada standard video peranti output anda).
 -  Jika kadar bingkai yang ditetapkan secara manual tidak serasi dengan peranti rakaman luaran, kadar bingkai akan ditetapkan secara automatik.
 -  Jika **[59.94i]** atau **[59.94p]** bagi [**Wrench 3: HDMI frame rate (Kadar bingkai HDMI)**] ditetapkan bersama-sama dengan saiz rakaman filem **[23.98p]** (23.98 fps), filem akan ditukarkan melalui tarik bawah 2:3.



Peringatan Am untuk Rakaman Filem

Ikons Amaran Suhu Dalaman Putih <🔥> dan Merah <🔥>

- Jika suhu dalaman kamera meningkat disebabkan oleh rakaman filem yang berpanjangan atau di bawah suhu ambien, ikon putih <🔥> atau merah <🔥> akan muncul.
- Ikon putih <🔥> menunjukkan bahawa kualiti imej gambar pegun akan merosot. Anda disarankan supaya menghentikan penangkapan foto pegun buat seketika dan membenarkan kamera untuk menjadi dingin. Memandangkan kualiti imej filem sukar dipengaruhi, anda masih boleh merakam filem.
- Ikon <🔥> berwarna merah menunjukkan rakaman filem akan diberhentikan secara automatik tidak lama kemudian. Jika ini berlaku, anda tidak akan dapat membuat tangkapan lagi sehingga suhu dalaman kamera menurun. Matikan kuasa dan biarkan kamera berehat untuk seketika.
- Merakam filem pada suhu tinggi untuk tempoh yang berpanjangan akan menyebabkan ikon <🔥> atau <🔥> muncul lebih awal. Apabila anda tidak menangkap, matikan kamera.


Merakam dan Kualiti Imej

- Jika lensa yang dipasangkan mempunyai Penstabil Imej dan anda menetapkan suis Penstabil Imej (IS) kepada <ON>, Penstabil Imej akan beroperasi pada setiap masa walaupun anda tidak menekan butang pengatur separuh ke bawah. Penstabil Imej menggunakan kuasa bateri dengan lebih cepat dan mungkin memendekkan masa keseluruhan rakaman filem atau mengurangkan bilangan tangkapan yang mungkin. Jika anda menggunakan tripod atau jika Penstabil Imej tidak diperlukan, anda disarankan supaya menetapkan suis Penstabil Imej kepada <OFF>.
- Mikrofon terbina dalam kamera juga akan merakam bunyi operasi kamera. Gunakan mikrofon luaran (boleh didapati di pasaran) untuk mengurangkan bunyi operasi kamera dalam filem.
- Jangan sambungkan apa-apa selain daripada mikrofon luaran dengan terminal IN mikrofon luaran kamera.
- Dengan rakaman pendedahan auto atau AE keutamaan pengatur, jika kecerahan bertukar semasa rakaman filem, filem mungkin akan kelihatan pegun untuk seketika. Dalam keadaan ini, rakam filem dengan AE keutamaan apertur atau pendedahan manual.
- Jika terdapat sumber cahaya yang sangat terang dalam imej, kawasan yang cerah mungkin kelihatan hitam pada monitor LCD. Filem akan dirakam dengan hampir sama seperti yang kelihatan pada monitor LCD.
- Dalam cahaya malap, gangguan atau warna yang tidak teratur mungkin muncul di dalam imej. Filem akan dirakam dengan hampir sama seperti yang kelihatan pada monitor LCD.
- Jika anda memainkan balik filem menggunakan peranti lain, kualiti imej atau bunyi mungkin merosot atau main balik mungkin tidak dapat dilakukan (walaupun jika peranti tersebut menyokong format MOV/MP4).

Peringatan Am untuk Rakaman Filem

Merakam dan Kualiti Imej

- Jika anda menggunakan kad dengan kelajuan menulis yang perlahan, penunjuk yang mempunyai 5 aras mungkin muncul di sebelah kanan bahagian atas skrin semasa rakaman filem. Ia menunjukkan berapa banyak data yang belum ditulis kepada kad (baki kapasiti memori penimbal dalaman). Semakin perlahan kad, semakin cepat penunjuk akan meningkat ke atas. Jika penunjuk menjadi penuh, rakaman filem akan berhenti secara automatik. Jika kad mempunyai kelajuan menulis yang laju, penunjuk sama ada tidak akan muncul atau aras tersebut (jika dipaparkan) akan lambat meningkat ke atas. Mula-mula, rakam beberapa filem ujian untuk melihat jika kad boleh menulis dengan cepat.
- Jika penunjuk menunjukkan bahawa kad telah penuh dan rakaman filem berhenti secara automatik, bunyi semasa di penghujung filem mungkin tidak akan dirakam dengan baik.
- Jika kelajuan menulis kad menurun (disebabkan oleh perpecahan) dan penunjuk muncul, memformat kad CF (hlm.67) atau pemformatan tahap rendah bagi kad SD (hlm.67-68) mungkin boleh menyelesaikan masalah ini.



Penunjuk

Penangkapan Foto Pegun semasa Rakaman Filem

- Berkenaan dengan kualiti imej foto pegun, lihat “Kualiti Imej” pada halaman 319.

10

Main balik Imej

Bab ini menerangkan cara bermain balik imej dan filem serta memadam foto dan filem, cara memaparkan imej dan filem pada skrin TV dan fungsi lain yang berkaitan dengan main balik.

Imej ditangkap dan disimpan menggunakan peranti lain

Kamera mungkin tidak boleh memaparkan imej yang ditangkap menggunakan kamera yang berbeza, diedit dengan komputer atau telah ditukar nama failnya dengan betul.


▶ Main balik Imej

Paparan Imej Tunggal




1 Main balik imej.

- Tekan butang <▶>.
- ▶ Imej terakhir yang ditangkap atau yang dimainkan balik akan muncul.



2 Pilih imej.


- Untuk memainkan balik imej bermula dengan imej terakhir yang ditangkap, putar dial <◀▶> lawan arah jam. Untuk memainkan balik imej bermula dengan imej pertama yang ditangkap, putar dial mengikut arah jam.
- Setiap kali anda menekan butang <INFO.>, paparan maklumat akan bertukar.



Tiada maklumat



Paparan maklumat asas



Paparan maklumat penangkapan

3 Keluar daripada main balik imej.


- Tekan butang <▶> untuk keluar dari main balik imej dan kembali ke keadaan sedia menangkap.

Paparan Maklumat Penangkapan

Dengan skrin maklumat penangkapan dipaparkan (hlm.366), anda boleh mencondong <⚙> ke atas atau ke bawah untuk menukar maklumat penangkapan yang dipaparkan pada butang skrin seperti berikutnya. Untuk butiran, lihat halaman 369-370.



MENU Paparan Grid



Dalam paparan imej tunggal dan paparan dua imej (hlm.378), anda boleh menghamparkan grid pada main balik imej. Dengan [▶ 3: **Playback grid (Grid main balik)**], anda boleh memilih [3x3 3x3], [6x4 6x4] atau [3x3+diag 3x3+diag].

Fungsi ini memudahkan untuk memeriksa kecondongan imej menegak atau mendatar, begitu juga dengan komposisi.



Grid tidak dipaparkan semasa main balik filem.

INFO.: Paparan Maklumat Penangkapan


Contoh Maklumat untuk Gambar Pegun

● Paparan maklumat asas



● Paparan maklumat penangkapan

● Maklumat terperinci




- * Apabila anda menangkap dalam kualiti imej RAW+JPEG, saiz fail imej RAW akan dipaparkan.
- * Semasa fotografi denyar tanpa pampasan pendedahan denyar, <⚡> akan dipaparkan.
- * <HDR> dan jumlah pelarasan julat dinamik akan dipaparkan untuk imej yang diambil dalam mod HDR.
- * <⚡> akan dipaparkan untuk foto pendedahan berbilang.
- * <⚡> akan dipaparkan untuk imej yang ditangkap dengan Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan.
- * Untuk foto pegun yang diambil semasa rakaman filem, <⏸> akan dipaparkan.
- * Untuk imej yang dibangunkan dengan fungsi pemprosesan RAW kamera atau diubah saiznya dan kemudian disimpan, <⏸> akan dipaparkan.




Jika imej diambil menggunakan kamera lain, sesetengah maklumat penangkapan mungkin tidak akan dipaparkan.

• Maklumat Lensa/Histogram




• Maklumat White balance




• Maklumat Gaya Gambar




• Maklumat Ruang warna / Pengurangan hingar



• Maklumat Pembetulan penyimpangan lensa




• Maklumat GPS



 Jika maklumat GPS tidak direkodkan untuk imej tersebut, skrin maklumat GPS tidak akan dipaparkan.

Contoh Paparan Maklumat Filem



- Mod <A> dan <M>: Kelajuan pengatup, apertur dan kelajuan ISO tidak dipaparkan.
- Mod <Av>: Apertur dan kelajuan ISO tidak dipaparkan.
- Mod <Av>: Kelajuan pengatup dan kelajuan ISO tidak dipaparkan.
- Mod <M> + ISO Auto: Kelajuan ISO tidak dipaparkan.

● Highlight Alert (Isyarat Sorotan)

Apabila [▶3: Highlight alert (Isyarat sorotan)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], kawasan sorotan yang terlalu didedahkan akan berkelip. Untuk mendapatkan lebih banyak butiran imej dalam kawasan terlalu didedahkan yang berkelip tersebut, tetapkan pampasan pendedahan kepada jumlah negatif dan tangkap semula.

● AF Point Display (Paparan Titik AF)

Apabila [▶3: AF point disp. (Paparan titik AF)] ditetapkan kepada [Enable (Aktif)], titik AF yang mencapai fokus akan dipaparkan dengan warna merah. Jika pemilihan titik AF automatik ditetapkan, titik AF berbilang mungkin akan dipaparkan.

● Histogram

Kecerahan histogram menunjukkan pengagihan aras pendedahan dan kecerahan keseluruhan. Histogram RGB adalah untuk memeriksa kepekatan dan pemeringkatan warna. Paparan boleh ditukar dengan [▶ 3: Histogram disp. (Paparan histogram)].

Paparan [Brightness (Kecerahan)]

Histogram ialah graf yang menunjukkan pengagihan tahap kecerahan imej. Paksi mendatar menunjukkan tahap kecerahan (lebih gelap di sebelah kiri dan lebih cerah di sebelah kanan), sementara paksi menegak menunjukkan berapa banyak piksel yang wujud untuk setiap tahap kecerahan. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kiri, lebih gelap imej tersebut. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kanan, lebih cerah imej tersebut. Jika terdapat terlalu banyak piksel di sebelah kiri, maklumat bayangan akan hilang. Jika terdapat terlalu banyak piksel di sebelah kanan, maklumat sorotan akan hilang. Pemeringkatan di tengah akan dihasilkan semula. Dengan memeriksa imej dan histogram kecerahannya, anda dapat melihat kecenderungan tahap pendedahan dan keseluruhan pemeringkatan.

Sampel Histogram



Imej gelap



Kecerahan normal



Imej cerah

Paparan [RGB]

Histogram ialah graf yang menunjukkan pengagihan tahap setiap kecerahan warna primer di dalam imej (RGB atau merah, hijau dan biru). Paksi mendatar menunjukkan tahap kecerahan warna (lebih gelap di sebelah kiri dan lebih cerah di sebelah kanan), sementara paksi menegak menunjukkan berapa banyak piksel yang wujud untuk setiap tahap kecerahan. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kiri, lebih gelap dan kurang utama warnanya. Lebih banyak piksel terdapat ke arah kanan, lebih cerah dan lebih pekat warnanya. Jika terdapat terlalu banyak warna di sebelah kiri, maklumat warna tersebut akan berkurangan. Jika terdapat terlalu banyak warna di sebelah kanan, warna akan menjadi terlalu pekat tanpa pemeringkatan.

Dengan memeriksa histogram imej RGB, anda dapat melihat keadaan kepekatan dan pemeringkatan warna, begitu juga dengan kecenderungan white balance.

▶ Mencari Imej dengan Cepat


❑ Memaparkan Berbilang Imej pada Satu Skrin (Paparan Indeks)

Anda boleh mencari imej dengan cepat dengan paparan indeks yang menunjukkan 4, 9, 36, atau 100 imej pada satu skrin.



1 Tekan butang <Q>.

- Semasa main balik imej atau apabila kamera bersedia untuk menangkap, tekan butang <Q>.
- ▶ [🔍 Q] akan dipaparkan pada sebelah kanan bahagian bawah skrin.



2 Tukar ke paparan indeks.

- Putar dail <🔍> lawan arah jam.
- ▶ Paparan indeks 4 imej akan muncul. Imej yang dipilih ditonjolkan dengan bingkai jingga.
- Terus putar dail <🔍> lawan arah jam akan menukarkan paparan dari 9 imej, 36 imej dan sehingga 100 imej. Jika anda memutar dail mengikut arah jam, ia akan berputar melalui paparan 100, 36, 9, 4 imej dan imej tunggal.




3 Pilih imej.

- Putar dail <🔍> untuk menggerakkan bingkai jingga dan pilih imej.
- Tekan butang <Q> untuk mematikan ikon [🔍 Q], kemudian putar dail <🔍> untuk pergi ke skrin seterusnya atau imej sebelumnya.
- Tekan <SET> dalam paparan indeks untuk memaparkan imej yang dipilih pada paparan imej tunggal.


Memintas Imej (Paparan Pintasan)

Pada paparan imej tunggal, anda boleh memutar dail <  > untuk memintas imej ke depan atau ke belakang mengikut kaedah pintasan yang ditetapkan.



1 Pilih [Image jump w/ (Lompat imej dengan)].

- Di bawah tab [ 2], pilih [Image jump w/  (Lompat imej dengan )], kemudian tekan <  >.



2 Pilih kaedah pintasan.

- Pilih kaedah pintasan, kemudian tekan <  >.
- : Display images one by one (Paparkan imej satu per satu)
- : Jump 10 images (Lompat 10 imej)
- : Jump 100 images (Lompat 100 imej)
- : Display by date (Paparkan mengikut tarikh)
- : Display by folder (Paparkan mengikut folder)
- : Display movies only (Hanya paparkan filem)
- : Display stills only (Hanya paparkan imej pegun)
- : Display protected images only (Paparkan imej yang dilindungi sahaja)
- : Display by image rating (Paparkan dengan penarafan imej) (hlm.383)
Putarkan dail <  > untuk memilih.



Kaedah pintasan

Kedudukan main balik

3 Semak lalu dengan memintas.


- Tekan butang <▶> untuk bermain balik imej.
- Dalam paparan imej tunggal, putarkan dail <⌚>.
- ▶ Anda boleh menyemak dengan kaedah yang telah ditetapkan.




- Untuk mencari imej mengikut tarikh penangkapan, pilih [**Date (Tarikh)**].
- Untuk mencari imej mengikut folder, pilih [**Folder**].
- Jika kad mengandungi filem dan foto pegun, pilih [**Movies (Filem)**] atau [**Stills (Imej pegun)**] untuk memaparkan hanya satu atau yang lain.
- Jika tiada imej yang sepadan dengan tetapan [**Protect (Lindung)**] atau [**Rating (Penarafan)**], anda tidak boleh menyemak imej menggunakan dail <⌚>.

Q Membesarkan Imej

Anda boleh membesarkan imej yang ditangkap sebanyak kira-kira 1.5x hingga 10x pada monitor LCD.



Posisi kawasan dibesarkan



1 Besarkan imej.


- Imej boleh dibesarkan seperti berikut: 1. Semasa main balik imej (paparan imej tunggal), 2. Semasa semak imej selepas penangkapan imej, dan 3. Dari keadaan sedia menangkap.
- Tekan butang <Q>.
- ▶ Pandangan yang dibesarkan akan muncul. Kawasan yang dibesarkan dan [Q] akan dipaparkan pada sebelah kanan bahagian bawah skrin.
- Pembesaran imej meningkat ketika anda memutar dail <Q> mengikut arah jam. Anda boleh membesarkan imej sehingga 10x.
- Pembesaran imej menurun ketika anda memutar dail <Q> lawan arah jam. Dalam keadaan 1 dan 3 sahaja, terus putar dail akan memaparkan paparan indeks (hlm.373).

2 Menatal di sekitar imej.

- Guna <Q> untuk menatal di sekitar imej yang dibesarkan.
- Untuk keluar dari pandangan yang dibesarkan, tekan butang <Q> atau butang <Q> dan paparan imej tunggal akan muncul semula.

- Hanya dalam kes 1 dan 3, anda boleh memutar dail <Q> untuk melihat imej lain sementara pembesaran dikekalkan.
- Filem tidak boleh diperbesar.

MENU Tetapan Pembesaran



Di bawah tab [▶3], apabila anda memilih [**Magnificatn (apx) (Pembesaran (anggaran))**], anda boleh menetapkan permulaan pembesaran dan posisi permulaan untuk pandangan diperbesar.

- **1x (no magnification) (1x (tiada pembesaran))**
Imej tidak diperbesar. Pandangan diperbesar akan bermula dengan paparan imej tunggal.
- **2x, 4x, 8x, 10x (magnify from center) (2x, 4x, 8x, 10x (membesarkan dari pusat))**
Pandangan diperbesar bermula daripada pusat imej mengikut pembesaran yang dipilih.
- **Actual size (from selected point) (Saiz sebenar (dari titik yang dipilih))**
Piksel imej yang direkod akan dipaparkan pada kira-kira 100%. Pandangan diperbesar bermula pada titik AF yang mencapai fokus. Jika foto diambil dengan fokus manual, pandangan diperbesar bermula daripada pusat imej.
- **Same as last magnification (from center) (Sama seperti pembesaran terakhir (dari pusat))**
Pembesaran akan menjadi sama seperti kali terakhir anda keluar daripada pandangan diperbesar dengan butang <▶> atau <Q>. Pandangan diperbesar bermula daripada pusat imej.



Untuk imej yang diambil dengan [**Tracking (Pengesanan)**] atau [**FlexiZone - Single (FlexiZone - Tunggal)**] (hlm.308) atau dengan [**Distortion (Herotan)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**] (hlm.184), pandangan diperbesar akan bermula pada pusat imej walaupun jika [**Actual size (from selected pt) (Saiz sebenar (dari titik dipilih))**] ditetapkan.

☐ Membandingkan Imej (Paparan Dua Imej) ■

Anda boleh membandingkan dua imej secara sebelah menyebelah pada monitor LCD. Dalam paparan dua imej, anda boleh menggunakan pandangan diperbesar atau paparan pintasan, begitu juga dengan melindungi, menarafkan dan memadamkan imej.



1 Tetapkan paparan dua imej.

- Semasa main balik imej, tekan butang <☐>.
- ▶ Paparan indeks dua imej akan muncul. Imej yang baru dipilih akan ditonjolkan dengan bingkai jingga.



2 Pilih imej yang akan dibandingkan.


- Menekan <SET> akan menukar bingkai jingga antara dua imej tersebut.
- Putar dail <⌚> untuk memilih imej.
- Ulangi prosedur ini untuk memilih imej lain untuk dibandingkan.
- Jika imej di sebelah kiri dan kanan adalah sama, ikon [☐] akan kelihatan di sebelah kiri bahagian atas kedua-dua imej.
- Dengan menekan butang <Q>, anda boleh menetapkan pembesaran dan kawasan diperbesar yang sama untuk kedua-dua imej. (Tetapan pembesaran akan sepadan dengan imej yang tidak ditonjolkan dengan bingkai jingga.)
- Dengan menahan butang <▶> anda boleh memaparkan imej yang ditonjolkan dengan bingkai jingga sebagai imej tunggal.
- Untuk kembali ke paparan sebelumnya, tekan butang <☐>.



- Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh menukar paparan maklumat.
- Anda tidak boleh memainkan balik filem dalam paparan dua imej.


Memutarkan Imej

Anda boleh memutar imej yang dipaparkan kepada orientasi yang diinginkan.




1 Pilih [Rotate image (Putar imej)].

- Di bawah tab [ 1], pilih [Rotate image (Putar imej)], kemudian tekan <  >.



2 Pilih imej.

- Putarkan dial <  > untuk memilih imej yang akan diputar.
- Anda juga boleh memilih imej di dalam paparan indeks (hlm.373).



3 Putar imej.

- Setiap kali anda menekan <  >, imej akan berputar mengikut arah jam seperti berikut: 90° → 270° → 0°.
- Untuk memutar imej lain, ulangi langkah 2 dan 3.




- Jika anda menetapkan [ 1: Auto rotate (Putaran auto)] kepada [On  ] (Hidup  ]) (hlm.407) sebelum mengambil tangkapan menegak, anda tidak perlu memutar imej seperti yang diterangkan di atas.
- Jika imej yang diputar tidak dipaparkan di dalam orientasi yang diputar semasa main balik imej, tetapkan [ 1: Auto rotate (Putaran auto)] kepada [On  ] (Hidup  ]).
- Filem tidak boleh diputar.

Melindungi Imej


Melindungi imej mengelakkannya daripada terpadam secara tidak sengaja.

MENU Melindungi Imej Tunggal



1 Pilih [Protect images (Lindungi imej)].

- Di bawah tab [ 1], pilih [Protect images (Lindungi imej)], kemudian tekan < >.



2 Pilih [Select images (Pilih imej)].

- ▶ Imej akan dipaparkan.

Ikon perlindungan imej



3 Pilih imej.


- Putar dial < > untuk memilih imej untuk dilindungi.
- Anda juga boleh memilih imej atau filem pada paparan indeks (hlm.373).

4 Lindungi imej.

- Tekan < > untuk melindungi imej yang dipilih. Ikon < > akan muncul di bahagian atas skrin.
- Untuk membatalkan perlindungan imej, tekan < > semula. Ikon < > akan hilang.
- Untuk melindungi imej lain, ulangi langkah 3 dan 4.

MENU Melindungi Semua Imej dalam Folder pada Kad

Anda boleh melindungi semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak.



Apabila anda memilih **[All images in folder (Semua imej dalam folder)]** atau **[All images on card (Semua imej dalam kad)]** di dalam **[▶ 1: Protect images (Lindungi imej)]**, semua imej dalam folder atau pada kad akan dilindungi. Untuk membatalkan perlindungan imej, pilih **[Unprotect all images in folder (Nyahlindung semua imej dalam folder)]** atau **[Unprotect all images on card (Nyahlindung semua imej pada kad)]**.




 **Jika anda memformat kad (hlm.67), imej yang dilindungi juga akan dipadamkan.**



- Filem juga boleh dilindungi.
- Sebaik sahaja imej dilindungi, ia tidak boleh dipadamkan oleh fungsi padam kamera. Untuk memadamkan imej yang dilindungi, anda mesti membatalkan dahulu perlindungan tersebut.
- Jika anda memadamkan semua imej (hlm.405), hanya imej yang dilindungi akan kekal. Ini lebih mudah apabila anda mahu memadamkan imej yang tidak perlu sekali gus.
- Apabila **[All images on card (Semua imej dalam kad)]** atau **[Unprotect all images on card (Nyahlindung semua imej pada kad)]** dipilih, imej sama ada akan dilindungi atau tidak dilindungi pada kad yang telah dipilih untuk **[Record/play (Rekod/mainkan)]** atau **[Playback (Main balik)]** di bawah **[🔧 1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)]**.

Melindungi Imej dengan Butang <RATE>

Semasa main balik imej, anda boleh menggunakan butang <RATE> untuk melindungi imej.



1 Pilih [**RATE** btn function (Fungsi butang **RATE**)].

- Di bawah tab [**3**], pilih [**RATE** button function (Fungsi butang **RATE**)], kemudian tekan <**SET**>.

2 Pilih [**Protect (Lindung)**].

3 Pilih imej.

- Tekan butang <**▶**> untuk bermain balik imej.
- Putar dial <**⌚**> untuk memilih imej untuk dilindungi.
- Anda juga boleh memilih imej atau filem pada paparan indeks (hlm.373).

4 Lindungi imej.

- Apabila anda menekan butang <**RATE**>, imej akan dilindungi dan ikon <**On**> akan muncul.
- Untuk membatalkan perlindungan imej, tekan butang <**RATE**> semula. Ikon <**On**> akan hilang.

Menetapkan Penarafan

Anda boleh menarafkan imej (foto pegun dan filem) dengan satu daripada lima tanda penarafan: [*]/[•]/[**]/[***]/[****]. Fungsi ini dipanggil penarafan.

Menarafkan Imej dengan Butang <RATE>



1 Pilih imej.

- Semasa main balik, putar dial <◉> untuk memilih imej atau filem untuk ditarafkan.
- Anda juga boleh memilih imej atau filem pada paparan indeks (hlm.373).




2 Menaraf imej.

- Setiap kali anda menekan butang <RATE>, tanda penarafan akan bertukar: [*]/[•]/[**]/[***]/[****]/None (Tiada).
- Untuk menaraf imej lain, ulangi langkah 1 dan 2.



- Jika [43: RATE btn function (Fungsi butang RATE)] ditetapkan kepada [Protect (Lindung)], tukarkannya kepada [Rating (Penarafan)].
- Jika anda menekan butang <Q> apabila [Rating (Penarafan)] dipilih dalam [43: RATE btn function (Fungsi butang RATE)], anda boleh menetapkan tanda penarafan yang boleh dipilih apabila anda menekan butang <RATE>.

MENU Menetapkan Penarafan dengan Menu**1** Pilih [Rating (Penarafan)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Rating (Penarafan)], kemudian tekan <SET>.

**2** Pilih imej.

- Putar dail <⌚> untuk memilih imej atau filem untuk ditarafkan.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dail <⌚> mengikut arah jam.

**3** Menaraf imej.

- Tekan <SET> dan bingkai sorotan berwarna biru akan muncul seperti yang ditunjukkan dalam petikan skrin.
- Putar dail <⌚> untuk memilih penarafan, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Jumlah imej yang ditaraf akan dikira dan dipaparkan bagi setiap penarafan.
- Untuk menaraf imej lain, ulangi langkah 2 dan 3.



Sehingga 999 imej bagi setiap penarafan boleh dipaparkan. Jika terdapat lebih daripada 999 imej bagi setiap penarafan, [###] akan dipaparkan.



Memanfaatkan Penarafan

- Dengan [▶2: **Image jump w/** (Lompat imej dengan)], anda hanya boleh memaparkan imej yang mempunyai penarafan spesifik.
- Dengan [▶2: **Slide show (Tayangan slaid)**], anda hanya boleh memainkan balik imej dengan penarafan yang spesifik.
- Dengan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558), anda hanya boleh memilih imej dengan penarafan spesifik sahaja (foto pegun sahaja).
- Dengan Windows 8.1, Windows 8, Windows 7 atau Windows Vista, anda boleh melihat penarafan setiap fail sebagai sebahagian daripada paparan maklumat fail atau dalam pemapar imej yang disediakan (foto pegun sahaja).


Kawalan Cepat untuk Main balik

Semasa main balik, anda boleh menekan butang <> untuk menetapkan yang berikut: [: **Protect images (Lindungi imej)**], [: Rotate image (Putar imej)], [: **Rating (Penarafan)**], [: RAW image processing (Pemprosesan imej RAW) (imej RAW sahaja)], [: Resize (Tukar saiz) (imej JPEG sahaja)], [: **Highlight alert (Isyarat sorotan)**], [: **AF point display (Paparan titik AF)**], dan [: **Image jump w/** ] (**Lompat imej dengan** ).

Untuk filem, hanya fungsi dalam fon tebal di atas boleh ditetapkan.

1 Tekan butang <>.

- Semasa main balik imej, tekan butang <>.
- ▶ Pilihan Kawalan Cepat akan muncul.



2 Pilih item dan tetapkannya.

- Halakan <> ke atas atau ke bawah untuk memilih fungsi.
- ▶ Tetapan fungsi yang dipilih dipaparkan di bahagian bawah.
- Putar dial <> untuk menetapkannya.
- Untuk Pemprosesan imej RAW dan Tukar saiz, tekan <> dan tetapkan fungsi. Untuk maklumat lanjut, lihat halaman 410 untuk Pemprosesan imej RAW dan halaman 415 untuk Tukar saiz. Untuk membatalkan, tekan butang <**MENU**>.



3 Keluar dari tetapan.

- Tekan butang <> untuk keluar daripada skrin Kawalan Cepat.



Untuk memutar imej, tetapkan [**1: Auto rotate (Putaran auto)**] kepada [**On  (Hidup **)). Jika [**1: Auto rotate (Putaran auto)**] ditetapkan kepada [**On  (Hidup **)] atau [**Off (Mati)**], tetapan [** Rotate image (Putar imej)**] akan direkod pada imej, tetapi kamera tidak akan memutar imej untuk paparan.



- Menekan butang < > semasa paparan indeks akan menukarkan kepada paparan imej tunggal dan skrin Kawalan Cepat akan muncul. Menekan butang < > semula akan mengembalikan kepada paparan indeks.
- Untuk imej yang diambil dengan kamera lain, pilihan yang boleh anda pilih mungkin terhad.

Menikmati Filem

Anda boleh memainkan balik filem melalui tiga cara berikut:


Main balik pada Set TV (hlm.397)



Dengan menyambungkan kamera ke set TV dengan kabel HDMI HTC-100 (dijual secara berasingan), anda boleh memainkan foto pegun dan filem dalam kamera pada set TV.

- Disebabkan perakam cakera keras tidak mempunyai port HDMI IN, kamera tidak boleh disambungkan ke perakam cakera keras dengan kabel HDMI.
- Walaupun jika kamera disambungkan ke perakam cakera keras dengan kabel USB, filem dan foto pegun tidak boleh dimainkan atau disimpan.

Main balik pada Monitor LCD Kamera (hlm.390-391)



Anda boleh memainkan balik filem pada monitor LCD kamera. Anda juga boleh mengedit keluar babak awal dan akhir filem dan main balik foto pegun serta filem pada kad di dalam tayangan slaid automatik.

- Filem yang disunting dengan komputer tidak boleh ditulis semula kepada kad dan dimainkan semula dengan kamera.

Main balik dan Mengedit dengan Komputer (hlm.558)



Fail filem yang dirakam pada kad boleh dipindah ke komputer dan dimainkan balik dengan ImageBrowser EX (perisian EOS).



Untuk membuatkan filem dimainkan semula dengan lancar pada komputer, guna komputer berprestasi tinggi. Berkenaan dengan keperluan perkakasan komputer untuk ImageBrowser EX, rujuk kepada Panduan Pengguna ImageBrowser EX (PDF).




Jika anda mahu menggunakan perisian yang boleh didapati di pasaran untuk bermain balik atau mengedit filem, pastikan ia serasi dengan fail MOV atau MP4. Untuk butiran mengenai perisian yang tersedia secara komersial, hubungi pengeluar perisian.

Memainkan Filem



1 Main balik imej.

- Tekan butang <  > untuk memaparkan imej.



2 Pilih filem.

- Putar dail <  > untuk memilih filem yang akan dimainkan.
- Dalam paparan imej tunggal, ikon < **SET**  > yang dipaparkan di bahagian atas sebelah kiri skrin menandakan filem.
- Dalam paparan indeks, tebukan di tepi kiri lakaran menandakan filem.



Disebabkan filem tidak boleh dimainkan daripada paparan indeks, tekan <  > untuk menukar ke paparan imej tunggal.

3 Di paparan imej tunggal, tekan < >.


- ▶ Panel main balik filem akan muncul di bahagian bawah skrin.



4 Mainkan balik filem.

- Pilih [] (Mainkan), kemudian tekan <  >.
- ▶ Filem akan mula dimainkan.
- Anda boleh menjeda main balik filem dengan menekan <  >.
- Anda boleh melaraskan kelantangan suara semasa main balik filem dengan putar dail <  >.
- Untuk keterangan lanjut mengenai prosedur main balik, lihat halaman seterusnya.

Pembesar suara



- Sebelum mendengar bunyi filem menerusi fon kepala, perlahankan kelantangan suara untuk mengelakkan kerosakan pada pendengaran anda.
- Kamera mungkin tidak boleh memainkan filem yang diambil dengan kamera lain.

Panel Main balik Filem

Operasi	Penerangan Main balik
 Main	Menekan <SET> akan menukar antara main dan berhenti.
 Gerakan perlahan	Laraskan kelajuan gerakan perlahan dengan putar dail <SLOW>. Kelajuan gerakan perlahan ditunjukkan di bahagian atas sebelah kanan skrin.
 Bingkai pertama	Memainkan bingkai pertama filem.
 Bingkai sebelumnya	Setiap kali anda menekan <SET>, bingkai sebelumnya dipaparkan. Jika anda menahan <SET>, ia akan memutar kembali filem.
 Bingkai berikutnya	Setiap kali anda menekan <SET>, filem akan memainkan bingkai demi bingkai. Jika anda menahan <SET>, ia akan memaju cepat filem.
 Bingkai terakhir	Memainkan bingkai terakhir filem.
 Edit	Paparkan skrin mengedit (hlm.392).
	Kedudukan main balik
mm' ss"	Masa main balik (minit:saat dengan tetapan [Movie play count: Rec time (Pengiraan main balik filem: Waktu rakam)])
hh:mm:ss.ff (DF) hh:mm:ss:ff (NDF)	Kod waktu (jam:minit:saat:bingkai dengan tetapan [Movie play count: Time code (Pengiraan main balik filem: Kod waktu)])
 Volum	Putar dail <VOLUME> untuk melaraskan kelantangan pembesar suara terbina dalam (hlm.390) atau fon kepala.
 MENU	Untuk kembali ke paparan imej tunggal, tekan butang <MENU>.



- Dengan Pek Bateri LP-E6N yang dicas penuh, main balik yang berterusan pada suhu bilik (23°C/73°F) akan bertahan selama kira-kira 3 jam 20 minit.
- Dengan menyambungkan fon kepala yang boleh didapati di pasaran yang dilengkapi dengan palam stereo mini berdiameter 3.5 mm (hlm.23), anda boleh mendengar bunyi filem tersebut (hlm.347).
- Jika anda menyambungkan kamera ke set TV untuk bermain balik filem, (hlm.397), laraskan kelantangan suara dengan set TV. (Menukar dail <VOLUME> tidak akan menukar kelantangan suara.) Jika terdapat tindak balas audio, tempatkan kamera jauh daripada set TV atau perlahankan suara TV.
- Jika anda menangkap foto pegun apabila anda mengambil filem, foto pegun tersebut akan dipaparkan kira-kira 1 saat semasa main balik filem.

✂ Mengedit Babak Pertama dan Terakhir Filem

Anda juga boleh mengedit keluar babak awal dan akhir filem dalam kenaikan kira-kira 1 saat.



1 Pada skrin main balik filem, pilih [✂].

- ▶ Panel penyunting filem akan dipaparkan di bahagian bawah skrin.




2 Tentukan bahagian yang akan disunting keluar.


- Pilih sama ada [Trim Start] (Potong awal) atau [Trim End] (Potong akhir), kemudian tekan <SET>.
- Condongkan <Seek> ke kiri atau kanan untuk melihat bingkai yang sebelum atau seterusnya. Menahan kekunci akan memaju cepat atau memutar kembali bingkai. Putarkan dial <Still> untuk main balik bingkai demi bingkai.
- Selepas menentukan bahagian mana yang akan disunting keluar, tekan <SET>. Bahagian yang disorotkan dengan warna kelabu di bahagian atas skrin ialah apa yang akan kekal.



3 Periksa filem yang disunting.

- Pilih [Play] dan tekan <SET> untuk memainkan balik filem yang disunting.
- Untuk menukar suntingan, kembali ke langkah 2.
- Untuk membatalkan suntingan, tekan butang <MENU>, kemudian pilih [OK] pada skrin pengesahan.





4 Simpan filem yang telah disunting.


- Pilih [, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin simpan akan muncul.
- Untuk menyimpan ia sebagai filem yang baru, pilih [**New file (Fail baru)**]. Untuk menyimpan ia dan menulis ganti fail asal, pilih [**Overwrite (Tulis ganti)**], kemudian tekan <SET>.
- Pada skrin pengesahan, pilih [**OK**] untuk menyimpan filem yang diedit dan kembali ke skrin main balik filem.



- Disebabkan suntingan dilakukan dalam kenaikan kira-kira 1 saat (kedudukan ditunjukkan dengan [> pada bahagian atas skrin), kedudukan sebenar di mana filem disunting mungkin berbeza daripada kedudukan yang anda tentukan.
- Jika kad tidak mempunyai ruang kosong mencukupi, [**New file (fail baru)**] tidak akan ada.
- Apabila aras bateri adalah rendah, pengeditan filem tidak boleh dilakukan. Gunakan bateri yang dicas sepenuhnya.
- Filem yang dirakam menggunakan kamera lain tidak boleh diedit dengan kamera ini.

MENU Tayangan Slaid (Main balik Auto)


Anda boleh memainkan balik imej pada kad sebagai tayangan slaid automatik.



1 Pilih [Slide show (Tayangan slaid)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Slide show (Tayangan slaid)], kemudian tekan <SET>.

Jumlah imej yang akan dimainkan



2 Pilih imej yang akan dimainkan.

- Pilih pilihan yang dikehendaki pada skrin, kemudian tekan <SET>.

All images (Semua imej) / Movies (Filem) / Stills (Imej pegun) / Protect (Lindung)

- Pilih salah satu daripada yang berikut:
[📁 All images (Semua imej)]
[🎞 Movies (Filem)] [📷 Stills (Imej pegun)] [🔒 Protect (Lindung)].
Kemudian tekan <SET>.

Date (Tarikh) / Folder / Rating (Penarafan)

- Pilih salah satu daripada yang berikut:
[📅 Date (Tarikh)] [📁 Folder]
[★ Rating (Penarafan)].
- Apabila <INFO [📄]> disorotkan, tekan butang <INFO>.
- Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

Date (Tarikh)

Select date		
06/11/2014	19	[101-0001]
06/19/2014	14	
06/21/2014	6	
06/24/2014	21	[101-0235]
09/04/2014	41	
09/14/2014	1	
09/21/2014	91	


Folder

Select folder		
100EOS7D	28	[102-0001]
101EOS7D	5	
102EOS7D	12	
		[102-0020]

Rating (Penarafan)

★ Select images		
★ All	28	[101-0301]
[★] 5	5	
[★] 8	8	
[★] 0	0	[101-0235]
[★] 15	15	
[★] 0	0	
OFF	24	


Item	Penerangan Main balik
All images (Semua imej)	Semua foto pegun dan filem pada kad akan dimainkan semula.
Date (Tarikh)	Foto pegun dan filem yang diambil pada tarikh penangkapan yang dipilih akan dimainkan semula.
Folder	Foto pegun dan filem di dalam folder yang dipilih akan dimainkan semula.
Movies (Filem)	Hanya filem pada kad akan dimainkan semula.
Stills (Imej pegun)	Hanya foto pegun pada kad akan dimainkan semula.
Protected (Dilindungi)	Hanya foto pegun dan filem dalam kad yang dilindungi akan dimainkan.
Rating (Penarafan)	Hanya foto pegun dan filem dengan penarafan yang dipilih akan dimainkan semula.




3 Konfigurasi [Set up (Persediaan)] seperti yang dikehendaki.

- Pilih [Set up (Persediaan)], kemudian tekan <SET>.
- Tetapkan tetapan [Display time (Waktu paparan)] dan [Repeat (Ulang)] untuk foto pegun.
- Selepas menyelesaikan tetapan, tekan butang <MENU>.


Display time (Waktu paparan)



Repeat (Ulang)



Apabila [All images (Semua imej)] dipilih, imej pada kad yang dipilih untuk [Record/play (Rekod/mainkan)] atau [Playback (Main balik)] di bawah [1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)] akan dimainkan balik.



4 Mulakan tayangan slaid.

- Pilih [**Start (Mula)**], kemudian tekan < **SET** >.
- ▶ Selepas [**Loading image...(Memuat imej)**] dipaparkan, tayangan slaid akan dimulakan.

5 Keluar daripada tayangan slaid.

- Untuk keluar daripada tayangan slaid dan kembali kepada skrin tetapan, tekan butang < **MENU** >.




- Untuk menjeda tayangan slaid, tekan < **SET** >. Semasa jeda, [**III**] akan dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas imej. Tekan < **SET** > semula untuk menyambung tayangan slaid.
- Semasa main balik auto, anda boleh menekan butang < **INFO.** > untuk menukar format paparan foto pegun (hlm.366).
- Semasa main balik auto, anda boleh melaraskan kelantangan suara dengan memutar dail <  >.
- Semasa main balik automatik atau jeda, anda boleh memutar dail <  > untuk melihat imej lain.
- Semasa main balik auto, kuasa terpadam secara auto tidak akan berfungsi.
- Masa paparan mungkin berbeza bergantung pada imej.
- Untuk melihat tayangan slaid pada set TV, lihat halaman 397.

Melihat Imej pada Set TV


Dengan menyambungkan kamera ke set TV menggunakan kabel HDMI (dijual berasingan), anda boleh memainkan foto pegun dan filem yang terdapat dalam kamera pada set TV. Untuk kabel HDMI, Kabel HDMI HTC-100 (dijual secara berasingan) adalah disyorkan.

Jika gambar tidak muncul pada skrin TV, tetapkan [**3: Video system (Sistem video)**] dengan betul kepada [**For NTSC (Untuk NTSC)**] atau [**For PAL (Untuk PAL)**] (bergantung pada standard video set TV anda).



1 Sambungkan kabel HDMI ke kamera.

- Dengan logo palm <▲HDMI MINI> menghadap ke bahagian depan kamera, masukkan ke dalam terminal <HDMI OUT>.



2 Sambungkan kabel HDMI kepada set TV.


- Sambungkan kabel HDMI kepada port IN HDMI set TV.

3 Hidupkan set TV dan tukar input video set TV untuk memilih port yang disambungkan.

4 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

5 Tekan butang <▶>.

- ▶ Imej akan muncul di skrin TV. (Tiada apa-apa yang akan dipaparkan pada monitor LCD kamera.)
- Imej akan dipaparkan pada resolusi optimum set TV secara automatik.
- Dengan menekan butang <INFO.> anda boleh menukar format paparan.
- Untuk main balik filem, lihat halaman 390.




- Laraskan kelantangan bunyi filem dengan set TV. Kelantangan bunyi tidak boleh dilaraskan dengan kamera.
- Sebelum menyambung atau mencabut kabel antara kamera dan set TV, matikan kamera dan set TV.
- Bergantung kepada set TV, sesetengah bahagian imej yang dipaparkan mungkin dipotong.
- Jangan sambungkan sebarang output peranti dengan terminal <HDMI OUT> kamera. Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan.
- Sesetengah set TV mungkin tidak boleh memaparkan filem yang diambil.

Menggunakan Set TV HDMI CEC

Jika set TV yang disambungkan ke kamera dengan kabel HDMI adalah serasi dengan HDMI CEC*, anda boleh menggunakan kawalan jauh set TV untuk pengendalian main balik.

* Fungsi standard HDMI membolehkan peranti HDMI untuk mengawal satu sama lain supaya anda dapat mengawal mereka dengan satu unit kawalan jauh.



1 Tetapkan [Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)] kepada [Enable (Aktif)].

- Di bawah tab [▶3], pilih [Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [Enable (Aktif)], kemudian tekan <SET>.

2 Sambungkan kamera kepada set TV.

- Gunakan kabel HDMI untuk menyambungkan kamera ke set TV.
- ▶ Input set TV akan bertukar secara automatik kepada port HDMI yang disambungkan ke kamera. Jika input set TV tidak bertukar secara automatik, gunakan kawalan jauh set TV untuk memilih port HDMI IN yang bersambung dengan kamera.

3 Tekan butang <▶> kamera.

- ▶ Imej akan muncul pada skrin TV dan anda boleh menggunakan kawalan jauh TV untuk main balik imej.

4 Pilih imej.

- Halakan kawalan jauh ke arah set TV dan tekan butang ←/→ untuk memilih imej.

Menu main balik foto pegun



Menu main balik filem



- ↩ : Kembali
- 3x3 : Indeks 9 imej
- 🎬 : Main filem
- 👉 : Tayangan slaid
- INFO. : Memaparkan info penangkapan
- 📷 : Putar

5 Tekan butang Enter kawalan jauh.

- ▶ Menu muncul dan anda boleh menjalankan operasi main balik yang ditunjukkan di sebelah kiri.
- Tekan butang ←/→ kawalan jauh untuk memilih pilihan yang dikehendaki, kemudian tekan butang Enter. Untuk tayangan slaid, tekan butang 1/4 untuk memilih pilihan, kemudian tekan butang Enter.
- Jika anda memilih **[Return (Kembali)]** dan menekan butang Enter, menu akan hilang dan anda boleh menggunakan butang ←/→ untuk memilih imej.



Semasa paparan dua imej, (hlm.378), main balik menggunakan kawalan jauh set TV tidak dapat berfungsi. Untuk menggunakan kawalan jauh set TV untuk main balik, terlebih dahulu tekan butang <▶> untuk kembali ke paparan imej tunggal.




- Sesetengah set TV memerlukan anda untuk membolehkan dahulu sambungan HDMI CEC. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan set TV.
- Set TV tertentu walaupun yang serasi dengan HDMI CEC, mungkin tidak beroperasi dengan baik. Dalam keadaan ini, tetapkan **[▶3: Ctrl over HDMI (Mengawal melalui HDMI)]** kepada **[Disable (Lumpuhkan)]**, dan gunakan kamera untuk mengawal operasi main balik.



Menyalin Imej


Imej yang direkod dalam satu kad boleh disalin ke kad yang lain.

MENU Menyalin Imej Tunggal



1 Pilih [Image copy (Salin imej)].

- Di bawah tab [1], pilih [Image copy (Salin imej)], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Sel. Image (Pilih Imej)].

- Semak sumber salinan dan nombor kad sasaran dan baki kapasiti.
- Pilih [Sel. Image (Pilih Imej)], kemudian tekan <SET>.

Nombor fail yang paling rendah
Bilangan imej dalam folder

3 Pilih folder.


- Pilih folder yang mengandungi imej yang ingin anda salin, kemudian tekan <SET>.
- Semak imej yang dipaparkan di sebelah kanan untuk memilih folder yang dikehendaki.
- Imej dalam folder yang dipilih akan dipaparkan.



Nama folder
Nombor fail yang paling tinggi

Sumber salinan ialah kad yang dipilih untuk [Record/play (Rekod/mainkan)] atau [Playback (Main balik)] di bawah [1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)].

Jumlah imej yang dipilih




4 Pilih imej yang ingin disalin.

- Putarkan dail <⌚> untuk memilih imej untuk disalin, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Ikon [✓] akan muncul di sebelah kiri bahagian atas skrin.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dail <⌚> mengikut arah jam.
- Untuk memilih imej lain untuk disalin, ulangi langkah 4.


5 Tekan butang <RATE>.

- Selepas memilih semua imej untuk disalin, tekan butang <RATE>.




6 Pilih [OK].

- Semak kad yang mana imej akan disalin kepadanya, kemudian pilih [OK].




7 Pilih folder sasaran.

- Pilih folder sasaran yang ingin anda salin imej ke dalamnya, kemudian tekan <SET>.
- Untuk mencipta folder baharu, pilih [Create folder (Ciptakan folder)].



8 Pilih [OK].


- Semak maklumat kad sumber dan kad sasaran, kemudian pilih [OK].



- ▶ Penyalinan akan bermula dan status penyalinannya akan dipaparkan.
- Apabila penyalinan telah selesai, hasilnya akan dipaparkan. Pilih [OK] untuk kembali ke skrin dalam langkah 2.

MENU Menyalin Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh menyalin semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak.



Di bawah [▶ 1: Image copy (Salin imej)], apabila anda memilih [Sel.] (Pilih)] atau [All image (Semua imej)], anda boleh menyalin semua imej yang terdapat dalam folder atau pada kad.



- Nama fail bagi imej yang disalin adalah sama seperti nama fail imej sumber.
- Jika [**Sel.Image (Pilih Imej)**] ditetapkan, anda tidak boleh menyalin imej dalam berbilang folder secara serentak. Pilih imej dalam setiap folder untuk menyalin imej secara satu demi satu folder.
- Jika imej disalin ke folder/kad sasaran yang mempunyai imej dengan nombor fail yang sama, yang berikut akan dipaparkan: [**Skip image and continue (Langkau imej dan teruskan)**] [**Replace existing image (Gantikan imej sedia ada)**] [**Cancel copy (Batal salinan)**]. Pilih kaedah penyalinan, kemudian tekan <SET>.
- [**Skip image and continue (Langkau imej dan teruskan)**]:
Mana-mana imej dalam folder sumber yang mempunyai nombor fail yang sama seperti imej dalam folder sasaran akan dilangkau dan tidak akan disalin.
- [**Replace existing image (Gantikan imej sedia ada)**]: Mana-mana imej dalam folder sasaran yang mempunyai nombor fail yang sama seperti imej sumber (termasuk imej yang dilindungi) akan ditulis ganti. Jika imej dengan pesanan cetakan (hlm.433) telah ditulis ganti, anda perlu menetapkan pesanan cetakannya sekali lagi.
- Maklumat pesanan cetakan imej, maklumat pemindahan imej dan maklumat pesanan buku foto tidak akan disimpan apabila imej disalin.
- Penangkapan tidak dapat dilakukan semasa operasi penyalinan. Pilih [**Cancel (Batal)**] sebelum menangkap.

Memadam Imej

Anda boleh sama ada memilih dan memadamkan imej yang tidak perlu satu demi satu atau memadamkannya dalam satu kelompok. Imej yang dilindungi (hlm.380) tidak akan dipadamkan.

- 1 **Apabila imej telah dipadamkan, ia tidak boleh dikembalikan semula. Pastikan anda tidak memerlukan lagi imej tersebut sebelum memadamkannya. Untuk mengelakkan imej daripada terpadam secara tidak sengaja, lindungi ia. Memadam imej RAW+JPEG akan memadamkan kedua-dua imej RAW dan JPEG.**


Memadam Imej Tunggal



- 1 **Main balik imej untuk dipadamkan.**

- 2 **Tekan butang  >.**

▶ Menu Memadam akan muncul.




- 3 **Padam imej.**

- Pilih [**Erase (Padam)**], kemudian tekan <SET>. Imej yang dipaparkan akan dipadamkan.

-  Menetapkan [.4: Default Erase option (Pilihan padam lalai)] kepada [**Erase**] selected ([**Padam**] dipilih) membuatkan imej dapat dipadam dengan lebih cepat (hlm.457).


MENU Tanda semak [✓] Imej untuk Dipadam dalam satu Kelompok

Dengan menambahkan tanda semak <✓> pada imej yang akan dipadamkan, anda boleh memadam beberapa imej secara serentak.




- 1 **Pilih [**Erase images (Padam imej)**].**

- Di bawah tab [ 1], pilih [**Erase images (Padam imej)**], kemudian tekan <SET>.




2 Pilih [Select and erase images (Pilih dan padam imej)].

- ▶ Imej akan dipaparkan.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <☀> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dail <☀> mengikut arah jam.



3 Pilih imej yang akan dipadamkan.

- Putarkan dail <☉> untuk memilih imej untuk dipadamkan, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Tanda semak [✓] akan dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin.
- Untuk memilih imej lain untuk dipadamkan, ulangi langkah 3.



4 Padam imej.

- Tekan butang <☒>, kemudian tekan [OK].
- ▶ Imej yang dipilih akan dipadamkan secara dalam satu kelompok.

MENU Memadamkan Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh memadamkan semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak. Apabila [▶ 1: Erase images (Padam imej)] ditetapkan kepada [All images in folder (Semua imej dalam folder)] atau [All images on card (Semua imej dalam kad)], semua imej dalam folder atau pada kad akan dipadamkan.




- Untuk memadamkan semua imej, termasuk imej yang dilindungi, formatkan kad (hlm.67).
- Apabila [All images on card (Semua imej dalam kad)] dipilih, imej pada kad yang dipilih untuk [Record/play (Rekod/mainkan)] atau [Playback (Main balik)] di bawah [▶ 1: Record func+card/folder sel. (Fungsi rekod+pemilihan kad/folder)] akan dipadam.

Menukar Tetapan Main balik Imej


MENU Melaraskan Kecerahan Monitor LCD

Kecerahan monitor LCD dilaraskan secara automatik untuk paparan optimum bergantung pada aras cahaya sekitar. Anda juga boleh menetapkan aras kecerahan (lebih cerah atau lebih gelap) pelarasan automatik atau melaraskan kecerahan secara manual.



1 Pilih [LCD brightness (Kecerahan LCD)].

- Di bawah tab [], pilih [**LCD brightness (Kecerahan LCD)**], kemudian tekan < **SET** >.




2 Pilih [Auto] atau [Manual].

- Putar dail < > untuk membuat pilihan.


3 Laraskan kecerahan.

- Semasa merujuk carta kelabu, putar dail < >, kemudian tekan < **SET** >.
- Anda boleh melaraskan [**Auto**] kepada salah satu daripada tiga aras dan [**Manual**] kepada salah satu daripada tujuh aras.

Pelarasan automatik




Pelarasan manual




Semasa [**Auto**] ditetapkan, berhati-hati supaya tidak menghalang pengesan cahaya sekitar yang berbentuk bulat (hlm.24) di sebelah kiri bahagian bawah Dail Kawalan Cepat dengan jari anda, dll.

- Untuk memeriksa pendedahan imej, melihat histogram adalah disarankan (hlm.372).
- Semasa main balik, menekan butang < > akan memaparkan skrin dalam langkah 2.

MENU Putaran Auto Imej Menegak



Imej menegak tidak diputarkan secara automatik supaya ia dipaparkan secara menegak dan bukannya secara mendatar pada monitor LCD kamera dan pada komputer. Anda boleh menukar tetapan untuk ciri ini.



- 1 **Pilih [Auto rotate (Putaran auto)].**
 - Di bawah tab [1], pilih **[Auto rotate (Putaran auto)]**, kemudian tekan <SET>.
- 2 **Tetapkan Putaran auto.**
 - Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <SET>.

- **On (Hidup**

Imej menegak akan diputarkan secara automatik semasa main balik pada kedua-dua monitor LCD kamera dan pada komputer.

- **On (Hidup**

Imej menegak diputarkan secara automatik hanya pada komputer.

- **Off (Mati)**

Imej menegak tidak diputarkan secara automatik.



Putaran auto tidak akan berfungsi dengan imej menegak yang ditangkap apabila putaran auto telah **[Off (Mati)]**. Ia tidak akan berputar walaupun apabila anda kemudiannya menukar ia kepada **[On (Hidup)]** untuk main balik.



- Imej menegak tidak diputarkan secara automatik untuk semakan imej selepas penangkapan.
- Jika imej menegak ditangkap semasa kamera dihalakan ke atas atau ke bawah, imej mungkin tidak akan diputarkan secara automatik untuk main balik.
- Jika imej menegak tidak diputarkan secara automatik pada skrin komputer, ini bermakna perisian yang anda gunakan tidak boleh memutar imej. Menggunakan perisian EOS adalah disarankan.

11

Imej Pasca Pemprosesan

Anda boleh memproses imej RAW dengan kamera, menukar saiz (mengurangkan resolusi) imej JPEG.

- Ikon ☆ pada sebelah kanan bahagian atas tajuk halaman menandakan fungsi yang hanya boleh digunakan dalam mod: <P> <Tv> <Av> <M> .




- Kamera mungkin tidak boleh memproses imej yang diambil dengan kamera lain.
- Imej pasca pemprosesan seperti yang diterangkan dalam bab ini tidak boleh dilakukan semasa kamera disambungkan ke komputer melalui kabel antara muka.

RAW JPEG↓ **Memproses Imej RAW dengan Kamera** ☆

Anda boleh memproses imej **RAW** dengan kamera dan menyimpannya sebagai imej JPEG. Oleh kerana imej RAW itu sendiri tidak bertukar, anda boleh menggunakan keadaan pemprosesan yang berlainan untuk mencipta sebarang jumlah imej JPEG daripadanya.

Ambil perhatian bahawa imej **M RAW** dan **S RAW** tidak boleh diproses dengan kamera. Gunakan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) untuk memproses imej tersebut.



1 **Pilih [RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)].**

- Di bawah tab [▶ 1], pilih **[RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)]**, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Imej **RAW** akan dipaparkan.




2 **Pilih imej.**

- Putarkan dail <◉> untuk memilih imej yang anda mahu proses.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <◉> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan indeks.



3 **Proses imej.**

- Tekan <SET> untuk menjadikan pilihan pemprosesan RAW muncul (hlm.412).
- Gunakan <◉> untuk memilih pilihan, kemudian putar dail <◉> untuk menentukannya.
- ▶ Imej yang dipaparkan akan memantulkan "Pelarasan Kecerahan", "White balance" dan pelarasan tetapan yang lain.
- Untuk kembali ke tetapan imej pada masa penangkapan, tekan butang <INFO>.



Memaparkan skrin tetapan

- Tekan <SET> untuk memaparkan skrin tetapan. Putar dial <⌚> atau <☀> untuk menukar tetapan. Tekan <SET> untuk memuktamadkan tetapan dan kembali ke skrin sebelumnya.

4 Simpan Imej.

- Pilih [] (Simpan), kemudian tekan <SET>.
- Pilih [] untuk menyimpan imej.
- Periksa folder destinasi dan nombor fail imej, kemudian pilih [].
- Untuk memproses imej lain, ulangi langkah 2 hingga 4.

Pandangan Diperbesar

Anda boleh membesarkan imej dengan menekan butang <Q> dalam langkah 3. Pembesaran akan berbeza bergantung pada bilangan piksel [Image quality (Kualiti imej)] ditetapkan dalam [RAW image processing (Pemprosesan imej RAW)]. Dengan <⌕>, anda boleh menatal ke serata imej yang diperbesar.

Untuk membatalkan pandangan diperbesar, tekan butang <Q> sekali lagi.

Imej dengan Tetapan Nisbah Bidang

Imej yang ditangkap dengan nisbah bidang (hlm.416) yang ditetapkan ke [4:3], [16:9] atau [1:1] akan dipaparkan bersama dengan garisan yang menunjukkan kawasan imej. Imej JPEG yang dijana daripada imej RAW akan disimpan dalam nisbah bidang yang ditetapkan.

Pilihan Pemprosesan Imej RAW

- **Pelarasan kecerahan**

Anda boleh melaraskan kecerahan imej sehingga ± 1 hentian dalam kenaikan $1/3$ hentian. Imej yang dipaparkan akan menggambarkan kesan tetapan.

- **White balance** (hlm.170)

Anda boleh memilih white balance. Jika anda memilih [**K**] dan menekan butang <INFO.>, anda boleh menetapkan suhu warna. Imej yang dipaparkan akan menggambarkan kesan tetapan.

- **Gaya Gambar** (hlm.162)

Anda boleh memilih Gaya Gambar. Dengan menekan butang <INFO.>, anda boleh melaraskan ketajaman dan parameter lain. Imej yang dipaparkan akan menggambarkan kesan tetapan.

- **Pengoptimum Pencahayaan Auto** (hlm.177)

Anda boleh menetapkan Pengoptimum Pencahayaan Auto. Imej yang dipaparkan akan menggambarkan kesan tetapan.

- **Pengurangan hingar ISO berkelajuan tinggi** (hlm.178)

Anda boleh menetapkan pengurangan hingar untuk kelajuan ISO tinggi. Imej yang dipaparkan akan menggambarkan kesan tetapan. Jika kesan susah untuk dilihat, besarkan imej (hlm.411).

- **Kualiti imej** (hlm.151)

Anda boleh menetapkan kualiti imej apabila menghasilkan imej dalam format JPEG.

- sRGB **Ruang warna** (hlm.189)

Anda boleh memilih sama ada sRGB atau Adobe RGB. Oleh kerana monitor LCD kamera tidak serasi dengan Adobe RGB, imej tidak akan kelihatan sangat berbeza apabila salah satu daripada ruang warna ditetapkan.

- **Pembetulan pencahayaan persisian** (hlm.183)

Jika **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, imej yang dibetulkan akan dipaparkan. Jika kesan susah untuk dilihat, besarkan imej (hlm.411) dan periksa empat penjuru. Pembetulan pencahayaan persisian yang dikenakan dengan kamera adalah kurang jelas berbanding dengan Digital Photo Professional (persisian EOS) dan mungkin kurang ketara. Dalam keadaan sedemikian, gunakan Digital Photo Professional untuk mengenakan pembetulan pencahayaan persisian.

- **Pembetulan herotan** (hlm.184)

Herotan imej yang disebabkan oleh ciri-ciri lensa boleh dibetulkan. Jika **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, imej yang dibetulkan akan dipaparkan. Persisian imej akan dipotong dalam imej yang dibetulkan.

Oleh kerana resolusi mungkin kelihatan kurang sedikit, gunakan parameter ketajaman Gaya Gambar untuk membuat pelarasan yang diperlukan.

- **Pembetulan penyimpangan kromatik** (hlm.184)

Penyimpangan kromatik (warna berumbai di sepanjang garis bentuk subjek) yang disebabkan oleh ciri-ciri lensa boleh dibetulkan. Jika **[Enable (Aktif)]** ditetapkan, imej yang dibetulkan akan dipaparkan. Jika kesan susah untuk dilihat, besarkan imej (hlm.411).



Pembetulan Pencahayaan Persisian, Pembetulan Herotan dan Pembetulan Penyimpangan Kromatik


Untuk melaksanakan pembetulan pencahayaan persisian, pembetulan herotan dan pembetulan penyimpangan kromatik dengan kamera, data pembetulan lensa yang digunakan hendaklah didaftarkan dalam kamera. Jika data pembetulan lensa tidak didaftarkan dalam kamera, gunakan EOS Utility (persisian EOS, hlm.558) untuk mendaftarkan data pembetulan lensa.



- Memproses imej RAW dalam kamera tidak akan menghasilkan hasil yang sama seperti memproses imej RAW dengan Digital Photo Professional.
- Apabila memproses imej dengan [**Distortion (Herotan)**] ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**], maklumat paparan titik AF (hlm.371) dan Data Penghapusan Debu (hlm.419) tidak akan ditambah pada imej.


Menukar saiz Imej JPEG

Anda boleh menukar saiz imej JPEG untuk membuatkan bilangan piksel menjadi lebih rendah dan menyimpannya sebagai imej baharu. Menukar saiz imej hanya boleh dilakukan dengan imej JPEG **L/M/S1/S2**. Imej JPEG **S3** dan **RAW** tidak boleh ditukar saiz.



1 Pilih [Resize (Tukar saiz)].

- Di bawah tab [, pilih [Resize (Tukar saiz)], kemudian tekan < >.
- Imej akan dipaparkan.



2 Pilih imej.


- Putar dail < > untuk memilih imej yang anda mahu tukar saiz.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail < > melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan indeks.



Saiz sasaran

3 Pilih saiz imej yang dikehendaki.

- Tekan < > untuk memaparkan saiz imej.
- Pilih saiz imej yang dikehendaki, kemudian tekan < >.



4 Simpan Imej.

- Pilih [OK] untuk menyimpan imej yang telah ditukar saiz.
- Periksa folder destinasi dan nombor fail imej, kemudian pilih [OK].
- Untuk menukar saiz imej lain, ulangi langkah 2 hingga 4.

Pilihan Tukar saiz Mengikut Saiz Imej Asal

Saiz Imej Asal	Tetapan Tukar saiz Tersedia			
	M	S1	S2	S3
L	○	○	○	○
M		○	○	○
S1			○	○
S2				○

Saiz Imej

Saiz imej mengikut nisbah bidang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Angka kualiti rakaman imej yang ditandai dengan asterisk, tidak sepadan dengan nisbah bidang dengan tepat. Imej akan dipotong sedikit.

Kualiti Imej	Nisbah Bidang dan Bilangan Pikel (Anggaran)			
	3:2	4:3	16:9	1:1
M	3648x2432 (8.9 mega piksel)	3248x2432* (7.9 mega piksel)	3648x2048* (7.5 mega piksel)	2432x2432 (5.9 mega piksel)
S1	2736x1824 (5.0 mega piksel)	2432x1824 (4.4 mega piksel)	2736x1536* (4.2 mega piksel)	1824x1824 (3.3 mega piksel)
S2	1920x1280 (2.5 mega piksel)	1696x1280* (2.2 mega piksel)	1920x1080 (2.1 mega piksel)	1280x1280 (1.6 mega piksel)
S3	720x480 (350,000 piksel)	640x480 (310,000 piksel)	720x408* (290,000 piksel)	480x480 (230,000 piksel)

12

Pembersihan Pengesan

Kamera ini mempunyai Unit Pengesan Pembersihan Kendiri untuk mengibaskan secara automatik debu yang melekat pada lapisan hadapan pengesan imej (penuras laluan rendah).

Data Penghapusan Debu juga boleh ditambah pada imej supaya titik debu yang tertinggal boleh dipadamkan secara automatik oleh Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558).

Kotoran yang melekat pada bahagian hadapan pengesan

Selain debu dari luar yang memasuki kamera, dalam beberapa kes yang jarang berlaku pelincir dari bahagian dalam kamera mungkin melekat pada bahagian hadapan pengesan. Jika titik kelihatan masih kekal selepas pembersihan pengesan automatik, anda disarankan supaya membersihkan pengesan di Canon Service Center.




Walaupun semasa Unit Pengesan Pembersihan Kendiri beroperasi, anda boleh menekan butang pengatup separuh ke bawah untuk mengganggu pembersihan dan memulakan penangkapan dengan segera.

Pembersihan Pengesan Automatik

Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON> atau <OFF>, Unit Pengesan Pembersihan Kendiri beroperasi untuk mengibaskan debu pada bahagian hadapan pengesan secara automatik. Biasanya, anda tidak perlu memberi perhatian terhadap operasi ini. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih melakukan pembersihan pengesan secara manual atau melumpuhkannya.

Membersihkan Pengesan Sekarang



1 Pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)].

- Di bawah tab [3], pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)], kemudian tekan <SET>.

2 Pilih [Clean now] (Bersihkan sekarang)].

- Pilih [Clean now ] (Bersihkan sekarang )], kemudian tekan <SET>.
- Pilih [OK].
- ▶ Skrin akan menunjukkan pengesan sedang dibersihkan. (Bunyi perlahan boleh didengar.) Meskipun akan terdengar bunyi pengatup, tiada gambar yang diambil.

- Untuk hasil yang terbaik, lakukan pembersihan pengesan dengan kamera diletakkan menghadap ke atas dan berkedudukan stabil di atas meja atau permukaan rata yang lain.
- Walaupun anda mengulangi pembersihan pengesan, hasilnya tidak akan diperbaiki secara ketara. Sejurus selepas pembersihan pengesan ditamatkan, pilihan [Clean now ] (Bersihkan sekarang )] akan lumpuh buat sementara waktu.

Melumpuhkan Pembersihan Pengesan Automatik

- Dalam langkah 2, pilih [Auto cleaning ] (Pembersihan auto )] dan tetapkan ia kepada [Disable (Lumpuhkan)].
- ▶ Pembersihan pengesan tidak akan dijalankan lagi apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <ON> atau <OFF>.


MENU Menambah Data Penghapusan Debu ☆

Biasanya, Unit Pengesan Pembersihan Kendiri akan melenyapkan kebanyakan debu yang mungkin kelihatan pada imej yang ditangkap. Namun, jika debu yang kelihatan masih ada, anda boleh menambahkan Data Penghapusan Debu kepada imej untuk memadamkan titik debu kemudian. Data Penghapusan Debu digunakan oleh Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) untuk memadam titik debu secara automatik.

Penyediaan


- Sediakan satu objek putih seperti sehelai kertas.
- Tetapkan panjang fokus lensa menjadi 50 mm atau lebih.
- Tetapkan suis mod fokus lensa kepada <MF> dan tetapkan fokus kepada infiniti (∞). Jika lensa anda tidak mempunyai skala jarak, pusingkan kamera supaya menghadap anda dan putarkan gelang fokus mengikut arah jam sehingga habis.

Mendapatkan Data Penghapusan Debu





1 Pilih [Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)].

- Di bawah tab [CH3], pilih [Dust Delete Data (Data Penghapusan Debu)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [OK].


- ▶ Selepas pembersihan kendiri automatik pengesan dijalankan, satu mesej akan muncul. Walaupun terdengar bunyi pengatup semasa pembersihan, tiada gambar yang diambil.





3 Tangkap satu objek putih.

- Pada jarak 20 cm - 30 cm (0.7 kaki - 1.0 kaki), penuhi pemidang tilik dengan satu objek putih yang tidak bercorak dan ambil satu gambar.
- ▶ Gambar itu akan diambil dalam mod AE keutamaan apertur pada apertur f/22.
- Memandangkan imej tidak akan disimpan, data masih boleh didapatkan walaupun tiada kad dalam kamera ini.
- ▶ Semasa gambar diambil, kamera ini akan mula mengumpulkan Data Penghapusan Debu. Apabila Data Penghapusan Debu diperoleh, satu mesej akan muncul.
- Jika data tidak berjaya diperoleh, satu mesej ralat akan muncul. Ikuti prosedur "Penyediaan" pada halaman sebelumnya, kemudian pilih **[OK]**. Ambil gambar sekali lagi.



Data Penghapusan Debu

Selepas Data Penghapusan Debu diperoleh, ia ditambahkan pada semua imej JPEG dan RAW yang ditangkap kemudiannya. Sebelum tangkapan yang penting, anda disarankan supaya mengemas kini Data Penghapusan Debu dengan mendapatkannya sekali lagi.

Untuk butiran mengenai cara menggunakan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) memadamkan titik debu, rujuk kepada Manual Arahan Perisian pada CD-ROM (hlm.561).


Data Penghapusan Debu yang ditambahkan kepada gambar adalah sangat kecil supaya ia tidak memberi kesan yang ketara terhadap saiz fail imej.

⚠ Pastikan anda menggunakan objek putih seperti sehelai kertas putih yang baharu. Jika kertas mempunyai sebarang corak atau reka bentuk, ia mungkin dikenal pasti sebagai data debu dan memberi kesan terhadap ketepatan penghapusan debu dengan perisian EOS.

MENU Pembersihan Pengesan Manual ☆


Debu yang tidak boleh ditanggalkan dengan pembersihan pengesan automatik boleh ditanggalkan secara manual dengan peniup yang terdapat secara komersial, dll. Sebelum membersihkan pengesan, keluarkan lensa daripada kamera.

Pengesan imej adalah sangat sensitif. Jika pengesan perlu dibersihkan secara terus, anda disarankan supaya membawanya ke Canon Service Center.



1 Pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)].

- Di bawah tab [Y3], pilih [Sensor cleaning (Pembersihan pengesan)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Clean manually (Bersihkan secara manual)].



3 Pilih [OK].

- ▶ Dalam sekelip mata sahaja, cermin refleks akan segera terkunci dan pengatup akan terbuka.
- "CLn" akan berkelip pada panel LCD.

4 Bersihkan pengesan.

5 Tamatkan pembersihan.

- Tetapkan suis kuasa kepada <OFF>.



- Jika anda menggunakan bateri, pastikan ia dicas sepenuhnya.
- Jika anda menggunakan Cengkaman Bateri BG-E16 (dijual berasingan) dengan bateri saiz AA/LR6, pembersihan pengesan secara manual tidak akan dapat dilakukan.



Untuk sumber kuasa, anda disarankan supaya menggunakan Kit Penyesuai AC ACK-E6 (dijual berasingan).



- **Semasa pembersihan pengesan, jangan sesekali lakukan perkara-perkara berikut. Jika kuasa terpadam, pengatup akan tutup dan tirai pengatup dan pengesan imej mungkin akan mengalami kerosakan.**
 - **Menetapkan suis kuasa kepada <OFF>.**
 - **Mengeluarkan atau memasang bateri.**
- Permukaan pengesan imej adalah sangat sensitif. Bersihkan pengesan dengan berhati-hati.
- Gunakan peniup biasa tanpa dipasangkan dengan sebarang berus. Berus boleh mencalarakan pengesan.
- Jangan masukkan hujung peniup ke dalam kamera melebihi cagak lensa. Jika kuasa terpadam, pengatup akan tutup dan tirai pengatup atau cermin refleks mungkin akan mengalami kerosakan.
- Jangan sesekali menggunakan tekanan udara atau gas untuk membersihkan pengesan. Daya tiupan boleh merosakkan pengesan atau gas penyembur boleh membeku pada pengesan dan mencalararkannya.
- Jika aras bateri menjadi lemah semasa anda membersihkan pengesan, beeper akan kedengaran sebagai satu peringatan. Hentikan pembersihan pengesan.
- Jika ada kotoran yang tidak dapat dihilangkan dengan peniup, disyorkan agar pembersihan pengesan dilakukan oleh Canon Service Center.

13


Mencetak Imej dan Memindahkan Imej ke Komputer

- **Mencetak** (hlm.426)
Anda boleh menyambungkan kamera secara langsung kepada sebuah pencetak dan mencetak imej yang terdapat pada kad. Kamera ini serasi dengan “PictBridge”, iaitu standard bagi pencetakan secara langsung.
- **Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)** (hlm.433)
DPOF (Format Pesanan Cetakan Digital) membolehkan anda mencetak imej yang direkod pada kad mengikut arahan pencetakan anda seperti pemilihan imej, kuantiti untuk dicetak, dll. Anda boleh mencetak berbilang imej dalam satu kelompok atau memberikan pesanan cetakan kepada satu penyudah gambar.
- **Memindahkan Imej ke Komputer** (hlm.437)
Anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan mengendalikan kamera untuk memindahkan imej yang direkod pada kad ke komputer.
- **Menentukan Imej untuk Buku Foto** (hlm.441)
Anda boleh tentukan imej pada kad tersebut untuk cetakan dalam buku foto.

Bersedia untuk Mencetak

Prosedur pencetakan langsung boleh dilakukan sepenuhnya dengan kamera ini semasa anda melihat monitor LCD kamera.


Menyambungkan kamera ke pencetak



1 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <OFF>.


2 Sediakan pencetak.

- Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.



3 Sambungkan kamera ke pencetak.


- Gunakan kabel antara muka yang disediakan dengan kamera.
- Apabila menyambungkan kabel ke kamera, gunakan pelindung kabel (hlm.34). Sambungkan kabel ke terminal digital dengan ikon <SS-⌂> palam menghadap bahagian belakang kamera.
- Untuk menyambung kepada pencetak, rujuk kepada manual arahan pencetak.



4 Hidupkan pencetak.

5 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

- ▶ Sesetengah pencetak mungkin menghasilkan bunyi bip.





6 Main balik imej.

- Tekan butang <  >.
- ▶ Imej tersebut akan muncul dengan ikon <  > pada sebelah kiri bahagian atas skrin untuk menunjukkan bahawa kamera disambungkan ke pencetak.



- Pastikan pencetak ini mempunyai port sambungan PictBridge.
- Gunakan kabel antara muka yang disediakan atau kabel daripada Canon (hlm.492). Apabila menyambung kabel antara muka, juga gunakan pelindung kabel yang disediakan (hlm.34).
- Filem tidak boleh dicetak.
- Kamera ini tidak boleh digunakan dengan pencetak yang hanya mematuhi CP Direct atau Bubble Jet Direct.
- Jika terdapat bunyi bip yang lama dalam langkah 5, ia menandakan masalah dengan pencetak. Selesaikan masalah yang dipaparkan dalam pesanan ralat itu (hlm.432).
- Pencetakan tidak boleh dilakukan jika Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan atau Mod HDR ditetapkan.



- Anda juga boleh mencetak imej RAW yang telah diambil dengan kamera ini.
- Jika anda menggunakan bateri untuk membekalkan kuasa kepada kamera, pastikan bateri dicas sepenuhnya. Dengan bateri yang dicas sepenuhnya, pencetakan boleh dilakukan sehingga kira-kira 3 jam.
- Sebelum menanggalkan kabel, matikan kamera ini dan pencetak terlebih dahulu. Pegang palam (bukan kord) untuk menarik keluar kabel itu.
- Untuk cetakan langsung, anda disarankan supaya menggunakan Kit Penyesuaian AC ACK-E6 (dijual berasingan) untuk membekalkan kuasa kepada kamera ini.

Mencetak

Paparan skrin dan pilihan tetapan akan berbeza bergantung pada pencetak. Sesetengah tetapan mungkin tidak tersedia. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.

Ikon pencetak disambung




1 Pilih imej untuk dicetak.

- Periksa bahawa ikon <🖨️> dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas monitor LCD.
- Putarkan dial <🕒> untuk memilih imej untuk dicetak.

2 Tekan <SET>.

- ▶ Skrin tetapan cetak akan muncul.


Skrin tetapan cetak



- Menetapkan kesan cetakan (hlm.428).
- Menetapkan cetakan tarikh dan nombor fail kepada hidup atau mati. (hlm.429).
- Menetapkan kuantiti untuk dicetak (hlm.429).
- Menetapkan kawasan cetakan (hlm.431).
- Menetapkan saiz, jenis dan tataletak kertas (hlm.427).
- Kembali ke skrin dalam langkah 1.
- Mula mencetak.

Saiz, jenis dan tataletak kertas yang anda tetapkan dipaparkan.


*** Bergantung pada pencetak, tetapan tertentu seperti cetakan tarikh dan penomboran fail serta pemangkasian mungkin tidak boleh dipilih.**



3 Pilih [Paper settings (Tetapan kertas)].


- ▶ Skrin tetapan kertas akan muncul.

Menetapkan Saiz Kertas




- Pilih saiz kertas yang dimasukkan ke dalam pencetak, kemudian tekan **<SET>**.
- Skrin jenis kertas akan muncul.

Menetapkan Jenis Kertas



- Pilih jenis kertas yang dimasukkan ke dalam pencetak, kemudian tekan **<SET>**.
- Skrin bentangan halaman akan muncul.

Menetapkan Tataletak Halaman




- Pilih tataletak halaman, kemudian tekan **<SET>**.
- Skrin tetapan cetak akan muncul semula.

Bordered (Berbingkai)	Cetakan akan berbingkai putih di sepanjang pinggiran.
Borderless (Tanpa bingkai)	Cetakan tidak akan berbingkai. Jika pencetak anda tidak boleh mencetak cetakan tanpa bingkai, cetakan itu akan berbingkai.
Bordered (Berbingkai) [Icon]	Maklumat penangkapan* ¹ akan dicetak pada cetakan 9x13 cm atau yang lebih besar.
xx-up (xx-imej)	Pilihan untuk mencetak 2, 4, 8, 9, 16 atau 20 imej pada sekeping kertas.
20-up (20-imej) [Icon] 35-up (35-imej) [Icon]	20 atau 35 imej akan dicetak dalam bentuk lakaran kenit pada kertas A4 atau bersaiz Surat * ² . • [20-up [Icon] (20-imej [Icon])] akan mempunyai cetakan maklumat penangkapan* ¹ .
Default (Lalai)	Tataletak halaman akan berbeza bergantung pada model pencetak atau tetapan pencetak.

*1: Daripada data Exif, nama kamera, nama lensa, mod penangkapan, kelajuan pengatur, aperture, jumlah pampasan pendedahan, kelajuan ISO, white balance, dll akan dicetak.

*2: Selepas memesan cetakan dengan "Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)" (hlm.433), pencetakan mengikut "Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak" (hlm.436) adalah disarankan.




4 Tetapkan kesan cetakan.

- Tetapkan kesan cetakan jika perlu. Jika anda tidak perlu menetapkan sebarang kesan cetakan, terus ke langkah 5.
- **Kandungan yang dipaparkan pada skrin berbeza bergantung kepada pencetak.**
- Pilih tetapan, kemudian tekan <SET>.
- Pilih kesan cetakan yang diinginkan kemudian tekan <SET>.
- Jika ikon <INFO> dipaparkan dengan terang, anda juga boleh melaraskan kesan cetakan (hlm.430).

Kesan Cetakan	Penerangan
On (Hidup)	Imej akan dicetak menggunakan warna standard pencetak. Data Exif imej digunakan untuk melakukan pembetulan automatik.
Off (Mati)	Tiada pembetulan automatik yang akan digunakan.
VIVID (TERANG)	Imej akan dicetak dengan ketepuan yang lebih tinggi untuk menghasilkan warna biru dan hijau yang lebih terang.
NR (Pengurangan Hingar)	Hingar imej dikurangkan sebelum pencetakan.
B/W B/W (Hitam/Putih)	Cetakan dalam hitam dan putih dengan hitam sebenar.
B/W Cool tone (Ton sejuk)	Mencetak dalam warna hitam dan putih, dengan hitam sejuk dan kebiruan.
B/W Warm tone (Ton panas)	Mencetak dalam warna hitam dan putih dengan hitam yang garang dan kekuningan.
Natural (Semula jadi)	Mencetak imej dalam warna dan kontras yang sebenar. Tiada penyelarasan warna automatik digunakan.
Natural M (Semula jadi M)	Ciri-ciri pencetakan adalah sama seperti tetapan "Natural". Namun demikian, tetapan ini membolehkan pelarasan pencetakan yang lebih halus berbanding dengan tetapan "Natural."
Default (Lalai)	Pencetakan akan berbeza bergantung pada pencetak. Untuk butiran, rujuk kepada manual arahan pencetak.


* Apabila anda menukarkan kesan cetakan, penukaran digambarkan dalam imej yang dipaparkan pada sebelah kiri bahagian atas skrin. Sila ambil perhatian bahawa imej yang dicetak mungkin kelihatan berbeza sedikit berbanding imej yang dipaparkan, yang hanya merupakan satu penganggaran. Penganggaran ini juga untuk [Brightness (Kecerahan)] dan [Adjust levels (Laraskan tahap)] pada halaman 430.

ⓘ Apabila mencetak imej RAW atau RAW+JPEG yang bersaiz besar, mencetak imej JPEG yang dihasilkan dengan cara memproses imej RAW (hlm.410) atau mencetak melalui Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) adalah disarankan.




5 Tetapkan cetakan tarikh dan nombor fail.

- Tetapkan kesan cetakan jika perlu.
- Pilih <[Both]>, kemudian tekan <[SET]>.
- Tetapkan tetapan cetakan seperti yang diinginkan, kemudian tekan <[SET]>.



6 Tetapkan jumlah salinan.

- Tetapkan jika perlu.
- Pilih <[1]>, kemudian tekan <[SET]>.
- Pilih bilangan salinan, kemudian tekan <[SET]>.





7 Mula mencetak.

- Pilih [**Print (Mencetak)**], kemudian tekan <[SET]>.




- Tetapan [**Default (Lalai)**] bagi kesan cetakan dan pilihan lain adalah tetapan lalai pencetak sendiri seperti yang ditetapkan oleh pengeluar pencetak. Rujuk kepada manual arahan pencetak itu untuk mengetahui apa tetapan [**Default (Lalai)**] pencetak itu.
- Bergantung pada saiz fail imej dan kualiti rakaman imej, pencetakan mungkin mengambil sedikit masa selepas anda memilih [**Print (Mencetak)**].
- Jika pembetulan condong imej (hlm.431) digunakan, pencetakan imej mungkin mengambil masa yang lebih lama.
- Untuk memberhentikan pencetakan, tekan <[SET]> semasa [**Stop (Berhenti)**] dipaparkan, kemudian pilih [**OK**].
- Jika anda laksanakan [**4: Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)**] (hlm.70), semua tetapan akan kembali kepada lalai mereka.



Dalam langkah 4 pada halaman 428, pilih kesan cetakan. Apabila ikon **<INFO**  **>** dipaparkan dengan terang, anda boleh menekan butang **<INFO>**. Anda kemudiannya boleh melaraskan kesan cetakan. Apa yang boleh dilaraskan atau apa yang dipaparkan akan bergantung kepada pilihan yang dibuat dalam langkah 4.

Kecerahan imej boleh dilaraskan.

Apabila anda memilih **[Manual]**, anda boleh menukarkan agihan histogram dan melaraskan kecerahan serta kontras imej. Dengan skrin Tahap laras dipaparkan, tekan butang **<INFO.>** untuk menukarkan kedudukan **<I>**. Putar dial **<☉>** untuk melaraskan tahap bayang (0 - 127) atau tahap sorotan dengan bebas (128 - 255).



Berkesan dalam keadaan bercahaya belakang yang boleh membuatkan muka subjek kelihatan gelap. Apabila **[On (Hidup)]** ditetapkan, muka akan diterangkan untuk cetakan.

Berkesan dalam imej denyar apabila subjek mempunyai mata merah. Apabila **[On (Hidup)]** ditetapkan, mata merah akan dibetulkan untuk cetakan.



- Kesan [👤 **Brightener (Pencerah)**] dan [Red-eye corr. (Pembetulan mata merah)] tidak akan ditunjukkan pada skrin.
- Apabila [Detail set. (Tetapan perincian)] dipilih, anda boleh melaraskan [Contrast (Kontras)], [Saturation (Penepuan)], [Color tone (Ton warna)], dan [Color balance (Imbangan warna)]. Untuk melaraskan [Color balance (Imbangan warna)], gunakan <🎨>. B adalah untuk biru, A adalah untuk ambar, M adalah untuk magenta dan G adalah untuk hijau. Imbangan warna imej akan dibetulkan mengikut warna yang dipilih.
- Jika anda memilih [Clear all (Hapus semua)], semua tetapan kesan cetakan akan dikembalikan kepada tetapan lalaian.

Memotong Imej

Pembetulan condong



Anda boleh memotong imej dan hanya mencetak versi yang diperbesar bagi bahagian yang dipotong, seolah-olah seperti imej tersebut telah digubah semula. **Tetapkan pemangkasan sebelum pencetakan.** Jika anda menukarkan tetapan cetak selepas menetapkan pemangkasan, anda mungkin terpaksa menetapkan pemangkasan sekali lagi sebelum pencetakan.

- 1 Pada skrin tetapan pencetakan, pilih [**Cropping (Memotong)**].
- 2 Tetapkan saiz, kedudukan dan nisbah bidang bagi bingkai pemangkasan.

- Kawasan imej dalam bingkai pemangkasan akan dicetak. Nisbah bidang bingkai pemangkasan boleh ditukarkan dengan [**Paper settings (Tetapan kertas)**].

Menukarkan Saiz Bingkai Pemangkasan

Putar dail <  > untuk menukar saiz bingkai pemangkasan. Lebih kecil bingkai pemangkasan, lebih besar pembesaran imej untuk pencetakan.

Mengerakkan Bingkai Pemangkasan

Gunakan <  > untuk menggerakkan bingkai ke atas imej secara menegak atau mendatar. Gerakkan bingkai pemangkasan sehingga bingkai itu meliputi kawasan imej yang diinginkan.

Menukar Orientasi Bingkai Pemangkasan

Menekan butang < **INFO.** > akan menukar bingkai pemangkasan antara orientasi menegak dengan mendatar. Ini membolehkan anda mencipta cetakan berorientasi menegak daripada satu imej yang mendatar.

Pembetulan Condong Imej

Dengan memutar dail <  >, anda boleh mencondongkan imej antara -10 dan +10 darjah dalam kenaikan 0.5 darjah. Apabila anda melaraskan kecondongan imej, ikon <  > pada skrin akan bertukar menjadi warna biru.

- 3 Tekan < **SET** > untuk keluar dari pemangkasan.

- ▶ Skrin tetapan cetak akan muncul semula.
- Anda boleh memeriksa kawasan imej yang dipotong pada sebelah kiri bahagian atas skrin tetapan cetak.

- Jika nisbah bidang imej adalah berbeza daripada nisbah bidang kertas cetakan, imej mungkin dipotong dengan nyata sekali apabila anda mencetak imej itu sebagai cetakan tanpa bingkai. Jika imej dipotong, cetakan mungkin kelihatan lebih berbintik disebabkan oleh bilangan piksel yang kurang.
- Jika anda mencetak maklumat penangkapan pada imej yang ditangkap pada kelajuan ISO yang dikembangkan (H1 atau H2), kelajuan ISO yang betul mungkin tidak akan dicetak.
- Bergantung pada pencetak, kawasan imej yang dipotong mungkin tidak dicetak seperti yang anda tentukan.
- Lebih kecil bingkai pemangkasan yang anda lakukan, lebih berbutir gambar akan kelihatan dalam cetakan.
- Semak monitor LCD kamera semasa memotong imej. Jika anda melihat imej pada skrin TV, bingkai pemangkasan mungkin tidak dipaparkan dengan tepat.



Menangani Ralat Pencetak

Jika pencetakan tidak disambung semula selepas anda menyelesaikan ralat pencetak (tiada dakwat, tiada kertas, dll) dan memilih [**Continue (Teruskan)**], kendalikan butang-butang pada pencetak untuk menyambung semula pencetakan. Untuk maklumat tentang menyambung semula pencetakan, rujuk kepada manual arahan pencetak.

Mesej Ralat

Jika masalah berlaku semasa pencetakan, satu mesej ralat akan muncul pada monitor LCD kamera. Tekan <SET> untuk menghentikan pencetakan. Selepas menyelesaikan masalah itu, sambung semula pencetakan. Untuk butiran tentang cara menyelesaikan masalah pencetak, rujuk kepada manual arahan pencetak itu.

Ralat Kertas

Periksa sama ada kertas dimasukkan dengan betul ke dalam pencetak.

Ralat Dakwat

Periksa aras dakwat pencetak dan tangki dakwat sisa.

Ralat Perkakasan

Periksa untuk sebarang masalah pencetak selain masalah kertas dan dakwat.


Ralat Fail

Imej yang dipilih tidak boleh dicetak melalui PictBridge. Imej yang diambil dengan kamera yang lain atau imej yang disunting dengan komputer mungkin tidak boleh dicetak.

Format Pesanan Cetakan Digital (DPOF)


Anda boleh menetapkan jenis cetakan, pencetakan tarikh dan pencetakan nombor fail. Tetapan cetakan akan diaplikasikan kepada semua imej dipesan cetak. (Tetapan tersebut tidak boleh ditetapkan secara individu untuk setiap imej.)

Menetapkan Pilihan Pencetakan



1 Pilih [Print order (Pesanan cetakan)].


- Di bawah tab  1, pilih [Print order (Pesanan cetakan)] kemudian tekan <  >.




2 Pilih [Set up (Persediaan)].

3 Tetapkan pilihan seperti yang dikehendaki.


- Tetapkan [Print type (Jenis cetakan)], [Date (Tarikh)], dan [File No. (No. Fail)].
- Pilih pilihan untuk ditetapkan, kemudian tekan <  >. Pilih tetapan yang diinginkan, kemudian tekan <  >.



Print type (Jenis cetakan)



Date (Tarikh)



File No. (No. Fail)

Print type (Jenis cetakan)		Standard	Mencetak satu imej pada sehelai kertas.
		Index (Indeks)	Berbilang imej lakaran kenit dicetak pada sehelai kertas.
	 	Both (Kedua-dua)	Mencetak kedua-dua cetakan standard dan cetakan indeks.
Date (Tarikh)	On (Hidup)	[On (Hidup)] mencetak tarikh yang dirakam pada cetakan.	
	Off (Padam)		
File number (Nombor fail)	On (Hidup)	[On (Hidup)] mencetak nombor fail pada cetakan.	
	Off (Padam)		

4 Keluar dari tetapan.


- Tekan butang <MENU>.
- ▶ Skrin pesanan cetakan akan muncul semula.
- Seterusnya, pilih **[Sel.Image (Pilih Imej)]**, **[By  (Mengikut )]** atau **[All image (Semua imej)]** untuk menyusun imej-imej untuk dicetak.



- Imej RAW dan filem tidak boleh dipesan cetak. Anda boleh mencetak imej RAW dengan PictBridge (hlm.423).
- Walaupun jika **[Date (Tarikh)]** dan **[File No. (No. Fail)]** ditetapkan kepada **[On (Hidup)]**, tarikh atau nombor fail mungkin tidak dicetak, bergantung pada tetapan jenis cetakan dan model pencetak.
- Dengan cetakan **[Index (Indeks)]**, **[Date (Tarikh)]** dan **[File No. (No. Fail)]** tidak boleh kedua-duanya ditetapkan kepada **[On (Hidup)]** pada masa yang sama.
- Apabila mencetak dengan DPOF, gunakan kad yang telah ditetapkan spesifikasi pesanan cetakannya. Ia tidak akan berhasil jika anda cuma mengekstrak imej daripada kad dan cuba mencetak imej tersebut.
- Pencetak serasi DPOF dan penyudah gambar tertentu mungkin tidak boleh mencetak imej seperti yang anda telah tentukan. Rujuk kepada manual arahan pencetak sebelum mencetak, atau periksa dengan penyudah gambar anda tentang keserasian apabila memesan cetakan.
- Jangan tentukan pesanan pencetakan baharu untuk kad yang mengandungi imej yang pesanan cetakannya telah ditetapkan oleh kamera yang berbeza. Pesanan cetakan mungkin ditulis ganti. Selain itu, pesanan cetakan mungkin tidak dapat dilakukan, bergantung pada jenis imej.

Memesan cetakan

Sel.Image (Pilih Imej)



Kuantiti

Jumlah imej yang dipilih



Tanda semak

Ikon indeks

Pilih dan pesankan imej satu demi satu. Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dail <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dail <⌚> mengikut arah jam.

Tekan butang <MENU> untuk menyimpan pesanan cetakan pada kad.

Standard / Both (Kedua-duanya)

Tekan <SET> dan pesanan cetakan untuk satu salinan imej yang dipaparkan akan diletakkan. Dengan memutar dail <⌚>, anda boleh menetapkan jumlah salinan yang hendak dicetak sehingga ke 99 keping.

Index (Indeks)

Tekan <SET> untuk menambah satu tanda semak kepada kotak [✓]. Imej akan disertakan dalam cetakan indeks.

By [Folder Icon] (Mengikut [Folder Icon])

Pilih [**Mark all in folder (Tandakan semua dalam folder)**] dan pilih folder. Pesanan cetakan untuk satu salinan semua imej dalam folder itu akan diletakkan. Jika anda memilih [**Clear all in folder (Hapus semua dalam folder)**] dan memilih folder, pesanan cetakan bagi semua imej dalam folder tersebut akan dibatalkan.


All images (Semua imej)

Jika anda memilih [**Mark all on card (Tandakan semua dalam kad)**], satu salinan semua imej pada kad itu akan ditetapkan untuk pencetakan. Jika anda memilih [**Clear all on card (Hapus semua dalam kad)**], pesanan cetakan akan dipadamkan untuk semua imej pada kad itu.



- Ambil perhatian bahawa imej RAW dan filem tidak akan disertakan dalam pesanan cetakan walaupun jika anda menetapkan [**By [Folder Icon] (Mengikut [Folder Icon])**] atau [**All image (Semua imej)**].
- Apabila anda menggunakan pencetak PictBridge, jangan cetak melebihi 400 imej untuk satu pesanan cetakan. Jika anda menentukan lebih daripada itu, semua imej mungkin tidak akan dicetak.

Pencetakan Langsung Imej Dipesan Cetak



Dengan pencetak PictBridge, anda boleh mencetak imej dengan mudah menggunakan DPOF.

1 Bersedia untuk mencetak.

- Lihat halaman 424.
Ikuti prosedur “Menyambungkan Kamera kepada Pencetak” sehingga langkah 5.

2 Di bawah tab 1], pilih [Print order (Pesanan cetakan)].

3 Pilih [Print (Mencetak)].

- [Print (Mencetak)] akan dipaparkan hanya jika kamera disambungkan kepada pencetak dan pencetakan boleh dilakukan.

4 Tetapkan [Paper settings (Tetapan kertas)] (hlm.426).

- Tetapkan kesan cetakan (hlm.428) jika perlu.

5 Pilih [OK].

- Sebelum mencetak, pastikan untuk menetapkan saiz kertas.
- Pencetak tertentu tidak boleh mencetak nombor fail.
- Jika [Bordered (Berbingkai)] ditetapkan, pencetak tertentu mungkin mencetak tarikh pada bingkai itu.
- Bergantung pada pencetak itu, tarikh mungkin kelihatan kabur jika tarikh itu dicetak pada latar belakang yang cerah atau pada bingkai.
- Di bawah [Adjust levels (Laraskan tahap)], [Manual] tidak boleh dipilih.

- Jika anda berhenti mencetak dan ingin menyambung semula mencetak imej yang tertinggal, pilih [Resume (Teruskan)]. Sila ambil perhatian bahawa pencetakan tidak akan disambung semula jika perkara berikut berlaku:
 - Anda telah mengubah pesanan cetakan atau memadam mana-mana imej pesanan cetakan sebelum menyambung semula pencetakan.
 - Apabila indeks ditetapkan, anda mengubah tetapan kertas sebelum menyambung semula pencetakan.
 - Baki kapasiti kad adalah rendah ketika anda menjeda pencetakan.
- Jika masalah berlaku semasa pencetakan, lihat halaman 432.

Memindahkan Imej ke Komputer

Anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan mengendalikan kamera untuk memindahkan imej pada kad ke komputer. Ini dinamakan pemindahan imej secara langsung.


Pemindahan imej secara langsung boleh dilakukan dengan kamera ini semasa anda melihat pada monitor LCD.

Imej yang dipindahkan ke komputer akan disimpan dalam folder **[Pictures (Gambar)]** atau **[My Pictures (Gambar Saya)]** dan disusun dalam folder mengikut tarikh penangkapan.

 **Sebelum menyambungkan kamera ke komputer, pasangkan perisian EOS yang disediakan pada EOS DIGITAL Solution Disk/CD-ROM ke komputer.** Untuk prosedur untuk memasang perisian EOS, lihat halaman 560.


Menyediakan Pemindahan Imej

1 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <OFF>.




2 Sambungkan kamera ke komputer.

- Gunakan kabel antara muka yang disediakan dengan kamera.
- Apabila menyambungkan kabel ke kamera, gunakan pelindung kabel (hlm.34). Sambungkan kabel ke terminal digital dengan ikon <SS>> palam menghadap bahagian belakang kamera.
- Sambungkan palam kord ke terminal USB komputer.



 Gunakan kabel antara muka yang disediakan atau kabel daripada Canon (hlm.492). Apabila menyambung kabel antara muka, juga gunakan pelindung kabel yang disediakan (hlm.34).




3 Tetapkan suis kuasa kamera kepada <ON>.

- Apabila komputer memaparkan skrin untuk memilih program, pilih [**EOS Utility**].
- ▶ Skrin EOS Utility akan dipaparkan pada komputer.

! Selepas skrin EOS Utility muncul, jangan laksanakan EOS Utility. Jika mana-mana skrin selain daripada tettingkap utama EOS Utility dipaparkan, [**Direct transfer (Pemindahan langsung)**] dalam langkah 5 pada halaman 440 tidak akan dipaparkan. (Fungsi pemindahan imej tidak akan tersedia.)

- Jika skrin EOS Utility tidak muncul, rujuk kepada Manual Arahan Perisian (CD-ROM, hlm.561).
- Matikan kamera sebelum menanggalkan kabel. Pegang palam (bukan kord) untuk menarik keluar kabel itu.





MENU Memindahkan Imej RAW+JPEG



Untuk imej RAW+JPEG, anda boleh menentukan imej yang hendak dipindah. Pada halaman seterusnya dalam langkah 2, pilih [**RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)**] dan pilih imej untuk dipindah: [**JPEG only (JPEG sahaja)**], [**RAW only (RAW sahaja)**] atau [**RAW+JPEG**].

MENU Memilih Imej untuk Dipindah

Sel.Image (Pilih Imej)



1 Pilih [Image transfer (Pemindahan imej)].

- Di bawah tab [▶2], pilih [Image transfer (Pemindahan imej)], kemudian tekan <SET>.

2 Pilih [Image sel./transfer (Pemilihan/pemindahan imej)].


3 Pilih [Sel.Image (Pilih Imej)].

4 Pilih imej untuk dipindah.

- Putar dial <⌚> untuk memilih imej untuk dipindah, kemudian tekan <SET>.
- Putar dial <⌚> untuk memaparkan [✓] di bahagian atas sebelah kiri skrin, kemudian tekan <SET>.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dial <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dial <⌚> mengikut arah jam.
- Untuk memilih imej lain untuk dipindah, ulangi langkah 4.



- Apabila [Sel.Image (Pilih Imej)] dipilih, anda boleh menyemak status pemindahan imej pada bahagian atas sebelah kiri skrin: Tiada tanda: Tidak dipilih. ✓: Dipilih untuk pemindahan. ✕: Pemindahan gagal. ○: Pemindahan berjaya.
- Prosedur untuk [RAW+JPEG transfer (Pemindahan RAW+JPEG)] (hlm.438) dan langkah 1 hingga 4 di atas juga boleh dilakukan semasa kamera tidak bersambung ke komputer.



5 Pindahkan imej.

- Pada skrin komputer, semak sama ada tettingkap utama EOS Utility dipaparkan.
- Pilih [**Direct transfer (Pemindahan langsung)**], kemudian tekan <SET>.
- Pada skrin pengesahan, pilih [**OK**] dan imej akan dipindahkan ke komputer.
- Imej yang dipilih dengan [**Sel. [] (Pilih [])**] dan [**All image (Semua imej)**] juga boleh dipindahkan menggunakan cara ini.

• Sel. [] (Pilih [])

Pilih [**Sel. [] (Pilih [])**] dan pilih [**Folder images not transfer'd (Imej folder yang tidak dipindah)**]. Apabila anda memilih folder, semua imej dalam folder tersebut yang belum lagi dipindahkan ke komputer akan dipilih.

Memilih [**Folder images failed transf. (Imej folder yang gagal dipindah)**] akan memilih imej yang terdapat dalam folder tersebut yang gagal dipindahkan.

Memilih [**Clear folder transf. history (Hapuskan sejarah pemindahan folder)**] akan menghapuskan sejarah pemindahan folder bagi imej yang terdapat dalam folder tersebut. Selepas menghapuskan sejarah pemindahan folder, anda boleh memilih [**Folder images not transfer'd (Imej folder yang tidak dipindah)**] dan memindahkan semua imej dalam folder tersebut sekali lagi.

• All images (Semua imej)

Jika [**All image (Semua imej)**] dipilih dan anda memilih [**Card images not transferred (Imej kad yang tidak dipindah)**], semua imej pada kad tersebut yang belum lagi dipindahkan ke komputer akan dipilih.

Untuk keterangan berkaitan [**Card images failed transfer (Imej kad yang gagal dipindah)**] dan [**Clear card's transf. history (Hapuskan sejarah pemindahan kad)**], lihat "Sel. [] (Pilih [])" di atas.


- Jika mana-mana skrin selain daripada tettingkap utama EOS Utility dipaparkan pada komputer, [**Direct transfer (Pemindahan langsung)**] tidak akan dipaparkan.
- Semasa pemindahan imej, sesetengah pilihan menu tidak boleh digunakan.

- Anda juga boleh memindahkan fail.
- Sehingga 9,999 imej boleh dipindahkan dalam satu kelompok.
- Penangkapan boleh dilakukan semasa pemindahan imej.

Menentukan Imej untuk Buku foto


Anda boleh menentukan sehingga 998 imej untuk dicetak dalam buku foto. Apabila anda menggunakan EOS Utility (perisian EOS) untuk memindahkan imej ke komputer, imej yang ditentukan akan disalin ke folder khusus. Fungsi ini berguna untuk memesan buku foto dalam talian.

Menentukan Satu Imej pada satu-satu Masa




1 Pilih [Photobook Set-up (Persediaan Buku foto)].

- Di bawah tab [▶1], pilih [Photobook set-up (Persediaan Buku foto)], kemudian tekan <SET>.



2 Pilih [Select images (Pilih imej)].




3 Pilih imej untuk ditentukan.

- Putarkan dial <⌚> untuk memilih imej untuk ditentukan, kemudian tekan <SET>.
- Jika anda menekan butang <Q> dan memutar dial <⌚> melawan arah jam, anda boleh memilih imej daripada paparan tiga imej. Untuk kembali ke paparan imej tunggal, putar dial <⌚> mengikut arah jam.
- Untuk memilih imej lain untuk dipindah, ulangi langkah 3. Jumlah imej yang ditentukan akan dipaparkan.

Menentukan Semua Imej dalam Folder atau pada Kad

Anda boleh menentukan semua imej dalam folder atau pada kad secara serentak.



Apabila [▶ 1: Photobook Set-up (Persediaan Buku foto)] ditetapkan kepada [All images in folder (Semua imej dalam folder)] atau [All images on card (Semua imej dalam kad)], semua imej dalam folder atau pada kad akan ditentukan.

Untuk membatalkan perlindungan imej, pilih [Clear all in folder (Hapus semua dalam folder)] atau [Clear all on card (Hapus semua dalam kad)].

- Imej RAW dan filem RAW tidak boleh ditentukan.
- Jangan tentukan imej yang telah ditentukan untuk buku foto dalam kamera yang lain untuk buku foto yang lain dengan kamera ini. Tetapan buku foto mungkin ditulis ganti.


14

Menyesuaikan Kamera

Anda boleh menyesuaikan pelbagai fungsi kamera untuk dipadankan dengan cara menangkap gambar kesukaan anda dengan Fungsi Tersuai.

Di samping itu, tetapan kamera semasa boleh disimpan di bawah kedudukan <1> <2> <3> Dial Mod.

Ciri-ciri yang diterangkan dalam bab ini boleh ditetapkan dan digunakan dalam mod penangkapan berikut: <P> <Tv> <Av> <M> .



📷 1: Exposure (Pendedahan)

		 LV Shooting (Rakaman Pandangan Langsung)	 Movie Shooting (Rakaman Filem)
Exposure level increment (Kenaikan aras pendedahan)	hlm.446	☐	☐
ISO speed setting increments (Kenaikan tetapan kelajuan ISO)		☐	Dalam M
Bracketing auto cancel (Pembatalan bracketing auto)		☐	(Foto pegun, dengan bracketing WB)
Bracketing sequence (Urutan bracketing)	hlm.447	☐	
Number of bracketed shots (Jumlah tangkapan bracket)		☐	
Safety shift (Anjakan keselamatan)	hlm.449	☐	
Same exposure for new aperture (Pendedahan yang sama untuk apertur baharu)	hlm.450	☐	

📷 2: Exposure/Drive (Pendedahan/Pemacu)

Set shutter speed range (Tetapkan julat kelajuan pengatup)	hlm.451	☐	☐
Set aperture range (Tetapkan julat apertur)		☐	☐
Continuous shooting speed (Kelajuan penangkapan berterusan)	hlm.452	☐	(Imej pegun)

 Fungsi Tersuai yang dimalapkan tidak berfungsi semasa Penangkapan Pandangan Langsung (LV) atau rakaman filem. (Tetapan dilumpuhkan.)

🔍.3: Display/Operation (Paparan/Operasi)

		📷 LV Shooting (Rakaman Pandangan Langsung)	🎬 Movie Shooting (Rakaman Filem)
Focusing screen (Skrin pemfokusan)	hlm.453		
Warnings ⚠ in viewfinder (Amaran ⚠ di dalam pembedang tilik)	hlm.454		
LV shooting area display (Paparan kawasan penangkapan Pandangan Langsung)		○	
Dial direction during Tv/Av (Arah dail semasa Tv/Av)	hlm.455	○	○
Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)		○	○
Custom Controls (Kawalan Tersuai)		Bergantung kepada tetapan	

🔍.4: Others (Lain-lain)


Add cropping information (Tambah maklumat pemotongan)	hlm.456	○	
Default Erase option (Pilihan padam lalai)	hlm.457	(Semasa main balik)	

🔍.5: Clear (Hapus)

Memilih [🔍.5: Clear all Custom Func. (Hapus semua Fungsi Tersuai) (C.Fn)] akan menghapuskan semua tetapan Fungsi Tersuai.

📖 Walaupun jika [🔍.5: Clear all Custom Func. (Hapus semua Fungsi Tersuai) (C.Fn)] dilaksanakan, tetapan untuk [🔍.3: Focusing screen (Skrin pemfokusan)] dan [🔍.3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)] tidak akan berubah.

MENU Menetapkan Fungsi Tersuai ☆



Di bawah tab [, anda boleh menyesuaikan pelbagai ciri kamera supaya padan dengan cara menangkap gambar kesukaan anda. Sebarang tetapan yang berbeza dengan tetapan lalai akan dipaparkan dalam warna biru.

C.Fn1: Pendedahan

Exposure level increment (Kenaikan aras pendedahan)

1/3: 1/3 hentian

1/2: 1/2 hentian

Menetapkan kenaikan 1/2 hentian untuk kelajuan pengatup, apertur, pampasan pendedahan, AEB, pampasan pendedahan denyar, dll. Ini adalah berkesan apabila anda hendak mengawal pendedahan dalam kenaikan yang kurang halus daripada 1/3 hentian.

 Apabila [**1/2-stop (1/2 hentian)**] ditetapkan, aras pendedahan akan dipaparkan seperti ditunjukkan di bawah.



ISO speed setting increments (Kenaikan tetapan kelajuan ISO)

1/3: 1/3 hentian

1/1: 1 hentian

 Walaupun apabila [**1-stop (1 hentian)**] ditetapkan, anda boleh menetapkan ISO 16000.

Bracketing auto cancel (Pembatalan bracketing auto)

ON: Aktif

Apabila anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF>, tetapan AEB dan bracketing white balance akan dibatalkan. AEB juga akan dibatalkan apabila denyar sedia untuk dinyalakan atau jika anda menukar kepada rakaman filem.

OFF: Lumpuhkan

Tetapan AEB dan bracketing white balance tidak akan dibatalkan walaupun jika anda menetapkan suis kuasa kepada <OFF>. (Jika denyar sedia untuk dinyalakan atau jika anda menukar kepada rakaman filem, AEB akan dibatalkan buat sementara waktu, tetapi julat AEB akan dikekalkan.)

Bracketing sequence (Urutan bracketing)

Urutan tangkapan AEB dan urutan bracketing white balance boleh ditukar.

0-+: 0, -, +

-0+: -, 0, +

+0-: +, 0, -

AEB	Bracketing White Balance	
	Arah B/A	Arah M/G
0 : Pendedahan standard	0 : White balance standard	0 : White balance standard
- : Pendedahan menurun	- : Bias biru	- : Bias magenta
+ : Pendedahan meningkat	+ : Bias ambar	+ : Bias hijau

Number of bracketed shots (Jumlah tangkapan bracket)

Bilangan tangkapan yang diambil dengan AEB dan bracketing white balance boleh ditukar daripada lalai, 3 tangkapan, kepada 2, 5 atau 7 tangkapan.

Apabila [**Bracketing sequence: 0, -, + (Urutan bracketing: 0, -, +)**] ditetapkan, tangkapan bracket akan diambil seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

3: 3 tangkapan

2: 2 tangkapan

5: 5 tangkapan

7: 7 tangkapan

(kenaikan 1 hentian)

	Tangkapan Pertama	Tangkapan ke 2	Tangkapan ke 3	Tangkapan ke 4	Tangkapan ke 5	Tangkapan ke 6	Tangkapan ke 7
3: 3 shots (3 tangkapan)	Standard (0)	-1	+1				
2: 2 shots (2 tangkapan)	Standard (0)	±1					
5: 5 shots (5 tangkapan)	Standard (0)	-2	-1	+1	+2		
7: 7 shots (7 tangkapan)	Standard (0)	-3	-2	-1	+1	+2	+3

 Jika [**2 shots (2 tangkapan)**] ditetapkan, anda boleh memilih sisi + atau - apabila menetapkan julat AEB. Menetapkan bracketing WB akan menyebabkan pendedahan berkurangan di arah B/A atau M/G.

Safety shift (Anjakan keselamatan)

OFF: Lumpuhkan

Tv/Av: Kelajuan pengatup/Apertur

Ini berfungsi di dalam mod AE keutamaan pengatup (**Tv**) dan AE keutamaan apertur (**Av**). Jika kecerahan subjek bertukar dan pendedahan standard tidak boleh diperoleh di dalam lingkungan julat pendedahan auto, kamera akan menukar secara automatik tetapan secara manual yang dipilih untuk mendapatkan pendedahan standard.

ISO: Kelajuan ISO

Ini berfungsi di dalam mod AE Program (**P**), AE keutamaan pengatup (**Tv**) dan AE keutamaan apertur AE (**Av**). Jika kecerahan subjek bertukar dan pendedahan standard tidak boleh diperoleh dalam lingkungan julat pendedahan auto, kamera akan menukar secara automatik kelajuan ISO yang ditetapkan secara manual untuk mendapatkan pendedahan standard.



- Di bawah [**2: ISO speed settings (Tetapan kelajuan ISO)**], walaupun [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**] atau [**Min. shutter spd. (Kelajuan pengatup minimum)**] ditukar daripada tetapan laai, anjakan keselamatan akan mengatasinya jika pendedahan standard tidak boleh diperoleh.
- Kelajuan ISO minimum dan maksimum pada anjakan keselamatan yang menggunakan kelajuan ISO akan ditentukan oleh tetapan [**Auto ISO range (Julat ISO auto)**] (hlm.160). Namun, jika kelajuan ISO yang ditetapkan secara manual melebihi [**Auto ISO range (Julat ISO auto)**], anjakan keselamatan akan berfungsi ke atas atau ke bawah kelajuan ISO yang ditetapkan secara manual.
- Anjakan keselamatan akan berfungsi jika perlu walaupun apabila denyar digunakan.

Same exposure for new aperture (Pendedahan yang sama untuk apertur baharu)

Jika mod **<M>** (rakaman pendedahan manual) ditetapkan dan kelajuan ISO ditetapkan secara manual (selain daripada ISO Auto), f/nombor apertur maksimum mungkin bertukar kepada nombor lebih tinggi (apertur lebih kecil) jika anda melakukan sebarang yang berikut: 1. Menukar lensa, 2. Memasang atau menanggalkan Penyambung, atau 3. Menggunakan lensa zum dengan f/nombor apertur maksimum yang berubah. Jika anda kemudiannya menangkap pada tetapan pendedahan seperti sedia ada, imej akan menjadi kurang pendedahan mengikut jumlah perubahan f/nombor apertur maksimum kepada nombor yang lebih tinggi. Namun, dengan menukar kelajuan ISO atau kelajuan pengatup (Tv) secara automatik, anda boleh mendapatkan pendedahan yang sama seperti yang boleh diperoleh sebelum anda melakukan 1, 2 atau 3.

OFF: Lumpuhkan

Perubahan automatik dalam tetapan untuk mengekalkan pendedahan yang ditentukan tidak akan dikenakan. Kelajuan ISO, kelajuan pengatup dan apertur yang telah ditetapkan akan digunakan untuk penangkapan. Jika anda melakukan 1, 2 atau 3 dan f/nombor apertur maksimum meningkat, laraskan kelajuan ISO dan kelajuan pengatup sebelum anda menangkap.

ISO: Kelajuan ISO

Jika anda melakukan 1, 2 atau 3, kelajuan ISO akan meningkat secara automatik untuk memampas bagi jumlah peningkatan f/nombor apertur maksimum. Pendedahan sama yang boleh diperoleh sebelum anda melakukan 1, 2 atau 3 dengan itu diperoleh.

Tv: Kelajuan pengatup

Jika anda melakukan 1, 2 atau 3, kelajuan pengatup yang lebih perlahan akan ditetapkan secara automatik untuk memampas bagi jumlah peningkatan f/nombor apertur maksimum. Pendedahan sama yang boleh diperoleh sebelum anda melakukan 1, 2 atau 3 dengan itu diperoleh.

- Fungsi ini tidak berfungsi dengan lensa makro yang f/nombor apertur sebenarnya berubah apabila pembesaran berubah.
- Fungsi ini tidak berfungsi dengan filem.
- Jika [**Shutter speed (Kelajuan pengatup)**] ditetapkan dan pendedahan tidak boleh dikekalkan dalam julat yang ditetapkan dengan [**2: Set shutter speed range (Tetapan julat kelajuan pengatup)**], kelajuan pengatup tidak akan ditukar secara automatik.
- Jika [**ISO speed (Kelajuan ISO)**] ditetapkan dan pendedahan tidak boleh dikekalkan dalam julat yang ditetapkan dengan [**ISO speed range (Julat kelajuan ISO)**], kelajuan ISO tidak akan ditukar secara automatik.
- Jika anda melakukan 1, 2 atau 3 dan kamera dimatikan (suis kuasa ditetapkan pada **<OFF>**, dll) semasa pendedahan sedang dikekalkan, pendedahan sasaran akan dikemas kini kepada pendedahan semasa kamera dimatikan.



- Fungsi ini juga berfungsi dengan perubahan dalam f/nombor tertinggi (apertur minimum).
- Jika anda menetapkan [**ISO speed (Kelajuan ISO)**] atau [**Shutter speed (Kelajuan pengatup)**], lakukan 1, 2 atau 3, dan kemudian buat asal 1, 2 atau 3 tanpa menukar kelajuan ISO, kelajuan pengatup atau apertur secara manual, supaya kamera kembali kepada keadaan asalnya, tetapan pendedahan asal akan dipulihkan.
- Jika [**ISO speed (Kelajuan ISO)**] ditetapkan dan kelajuan ISO meningkat ke kelajuan ISO yang dikembangkan, kelajuan pengatup mungkin ditukar untuk mengekalkan pendedahan.

C.Fn2: Pendedahan/Pemacu

Set shutter speed range (Tetapkan julat kelajuan pengatup)

Anda boleh menetapkan julat kelajuan pengatup. Dalam mod **<Tv>** **<M>**, anda boleh menetapkan kelajuan pengatup secara manual dalam julat kelajuan pengatup yang telah anda tetapkan. Dalam mod **<P>** **<Av>**, kelajuan pengatup akan ditetapkan secara automatik dalam julat kelajuan yang telah anda tetapkan.

Highest speed (Kelajuan tertinggi)

Anda boleh menetapkan daripada 1/8000 saat hingga 15 saat.

Lowest speed (Kelajuan terendah)

Anda boleh menetapkan daripada 30 saat hingga 1/4000 saat.

Set aperture range (Tetapkan julat apertur)

Anda boleh menetapkan julat apertur. Dalam mod **<Av>** **<M>** ****, anda boleh menetapkan apertur secara manual dalam julat apertur yang telah anda tetapkan. Dalam mod **<P>** **<Tv>**, apertur akan ditetapkan secara automatik dalam julat apertur yang telah anda tetapkan.

Min. aperture (Max. f/) (Apertur Minimum (f/ Maksimum))

Anda boleh menetapkan daripada f/91 hingga f/1.4.

Max. aperture (Min. f/) (Apertur Maksimum (f/ Minimum))

Anda boleh menetapkan daripada f/1.0 hingga f/64.



Julat apertur yang boleh ditetapkan akan berbeza bergantung pada apertur maksimum dan minimum lensa.

Continuous shooting speed (Kelajuan penangkapan berterusan)

Anda boleh menetapkan kelajuan penangkapan berterusan untuk <  H > penangkapan berterusan kelajuan tinggi, <  S > penangkapan berterusan kelajuan rendah dan <  S > penangkapan berterusan senyap.

High speed (Kelajuan tinggi)

Anda boleh menetapkan daripada 2 hingga 10 bingkai setiap saat (fps).

Low speed (Kelajuan rendah)

Anda boleh menetapkan daripada 1 hingga 9 bingkai setiap saat (fps).

Silent continuous shooting (Penangkapan berterusan senyap)

Anda boleh menetapkan daripada 1 hingga 4 bingkai setiap saat (fps).

 Jika [ 4: Anti-flicker shoot. (Penangkapan anti kelip)] (hlm.187) ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**] atau EOS iTR AF (hlm.130) ditetapkan kepada [**Enable (Aktif)**], kamera mungkin tidak dapat menangkap pada kelajuan penangkapan berterusan yang ditetapkan.

C.Fn3: Paparan/Operasi

Focusing Screen (Skrin pemfokusan)

Untuk sesuai dengan keperluan penangkapan anda, anda boleh menukar ke skrin pemfokusan pilihan yang dijual berasingan.

Jika anda menukar skrin pemfokusan, pastikan menukar tetapan ini untuk sepadan dengan jenis skrin pemfokusan. Ia adalah untuk mendapatkan pendedahan yang betul.

Std.:  Eh-A

Skrin standard yang disediakan dengan kamera. Skrin pemfokusan standard Precision Matte.

Eh-S:  Eh-S

Skrin pemfokusan Super Precision Matte memudahkan anda untuk membezakan titik fokus berbanding dengan skrin pemfokusan Precision Matte Eh-A standard. Ia paling sesuai untuk lensa pantas yang mempunyai apertur maksimum f/2.8 atau lebih besar. Disesuaikan untuk pemfokusan manual.

Namun, jika apertur maksimum lensa adalah lebih kecil daripada f/2.8, pemidang tilik akan kelihatan lebih gelap berbanding dengan skrin pemfokusan Eh-A.



- Tetapan skrin pemfokusan tidak akan dihapuskan walaupun jika anda memilih [ 5: Clear all Custom Func. (Hapus semua Fungsi Tersuai) (C.Fn)].
- Untuk menukar skrin pemfokusan, rujuk pada manual arahan skrin pemfokusan. Jika skrin pemfokusan tidak turun dengan pemegang, condongkan kamera ke hadapan.

Warnings in viewfinder (Amaran dalam pemidang tilik)

Apabila sebarang fungsi berikut ditetapkan, ikon  akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan pada panel LCD (hlm.26-27). Pilih fungsi yang anda ingin paparkan ikon amaran, dan tekan  untuk menambahkan . Kemudian pilih [OK] untuk mendaftar tetapan.

When monochrome is set (Apabila monokrom ditetapkan)

Jika Gaya Gambar ditetapkan kepada [Monochrome (Monokrom)] (hlm.164), ikon amaran akan muncul.

When WB is corrected (Apabila WB dibetulkan)

Jika pembetulan white balance (hlm.174) ditetapkan, ikon amaran akan muncul.

When one-touch image quality is set

(Apabila kualiti imej satu sentuhan ditetapkan)

Jika anda menukar kualiti rakaman imej dengan fungsi kualiti imej satu sentuhan (hlm.469), ikon amaran akan muncul.

When is set (Apabila ditetapkan)

Jika [ 3: High ISO speed NR (Pengurangan Hingar ISO berkelajuan tinggi)] ditetapkan kepada [Multi Shot Noise Reduction (Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan)] (hlm.178), ikon amaran akan muncul.

When spot metering is set (Apabila pemeteran titik ditetapkan)

Jika mod pemeteran ditetapkan kepada [Spot metering (Pemeteran titik)] (hlm.227), ikon amaran akan muncul.

 Apabila anda menetapkan sebarang fungsi yang ditanda semak ,  juga akan muncul untuk tetapan masing-masing (kecuali apabila Pengurangan Hingar Berbilang Tangkapan ditetapkan) pada skrin tetapan penangkapan (hlm.60, 483).

LV shooting area display (Paparán kawasan penangkapan Pandangan Langsung)

Apabila nisbah bidang untuk penangkapan Pandangan Langsung (hlm.303) ditetapkan kepada [4:3], [16:9] atau [1:1], anda boleh menetapkan kaedah paparan untuk kawasan penangkapan.

 : Diselindungi

 : Digaris bentuk

Dial direction during Tv/Av (Arah dail semasa Tv/Av)

 : **Normal**

 : **Arah terbalik**

Arah putaran dail apabila menetapkan kelajuan pengatup dan aperture boleh diterbalikkan.

Dalam mod penangkapan <M>, arah putaran dail <> dan <> akan diterbalikkan. Dalam mod penangkapan lain, hanya arah putaran bagi dail <> akan diterbalikkan. Arah putaran dail <> dalam mod <M> dan arah putaran untuk menetapkan pampasan pendedahan dalam mod <P>, <Tv> dan <Av> akan sama.

Multi function lock (Kunci berbilang fungsi)

Apabila suis <LOCK▶> ditetapkan ke kanan, ia boleh menghalang <>, <>, <> dan <> daripada menukar tetapan secara tidak sengaja.

Pilih kawalan kamera yang ingin anda kunci, kemudian tekan <SET> untuk menambah tanda semak [✓]. Pilih [OK] untuk mendaftar tetapan.

 **Dail Utama**

 **Dail Kawalan Cepat**

 **Pengawal berbilang**

 **Tuas pemilihan kawasan AF**



- Jika suis <LOCK▶> ditetapkan dan anda cuba untuk menggunakan salah satu kawalan kamera yang dikunci, <L> akan dipaparkan dalam pemidang tilik dan panel LCD. Selain itu, [LOCK (KUNCI)] akan dipaparkan dalam paparan tetapan penangkapan (hlm.60).
- Jika anda kunci, dail <> akan dikunci secara laai.
- Walaupun jika dail <> ditambah tanda semak [✓], anda masih boleh menggunakan pad sentuh <>.

Custom Controls (Kawalan Tersuai)

Anda boleh menetapkan fungsi yang sering digunakan ke butang kamera atau dail mengikut keutamaan anda. Untuk butiran, lihat halaman 458.

C.Fn4: Lain-lain

Add cropping information (Tambah maklumat pemotongan)

Jika anda menetapkan maklumat pemotongan, garisan menegak untuk nisbah bidang yang anda tetapkan akan muncul dalam imej Pandangan Langsung. Anda kemudiannya boleh mengubah tangkapan seolah-olah anda sedang menangkap menggunakan kamera berformat besar atau sederhana (6x6 cm, 4x5 inci, dll). Apabila anda mengambil gambar, maklumat nisbah bidang untuk memotong imej menggunakan perisian EOS akan ditambah pada imej. (Imej dirakam pada kad tanpa dipotong.)

Selepas imej dipindah ke komputer, anda boleh menggunakan Digital Photo Professional (perisian EOS, hlm.558) untuk memotong imej dengan mudah kepada nisbah bidang yang ditetapkan.

OFF : Mati

6:6 : Nisbah bidang 6:6

3:4 : Nisbah bidang 3:4

4:5 : Nisbah bidang 4:5

6:7 : Nisbah bidang 6:7

5:6 : Nisbah bidang 10:12

5:7 : Nisbah bidang 5:7

- Jika [📷5: Aspect ratio (Nisbah bidang)] ditetapkan kepada apa-apa tetapan selain [3:2], maklumat pemotongan tidak akan ditambah pada imej.
- Maklumat pemotongan juga akan ditambah untuk penangkapan pemedang tilik. Namun, maklumat pemotongan tidak akan dipaparkan.
- Jika maklumat pemotongan ditambah pada imej RAW, imej tidak boleh dipotong menggunakan pemprosesan imej RAW kamera.

Default Erase option (Pilihan padam lalai)

Semasa main balik imej dan semakan imej selepas menangkap imej, apabila anda menekan butang <  >, menu padam muncul (hlm.404). Anda boleh menetapkan pilihan, [**Cancel (Batal)**] atau [**Erase (Padam)**], untuk dipilih terlebih dahulu pada skrin ini.

Jika [**Erase (Padam)**] ditetapkan, anda boleh menekan <  > untuk memadam imej dengan pantas.

 : [**Cancel (Batal)**] dipilih


 : [**Erase (Padam)**] dipilih



Jika [**Erase (Padam)**] ditetapkan, berhati-hati supaya tidak memadam imej secara tidak sengaja.

☑ 3: Custom Controls (Kawalan Tersuai) ☆

Anda boleh menetapkan fungsi yang sering digunakan pada butang kamera atau dail mengikut keutamaan anda.




1 Pilih [☑ 3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)].

- Di bawah tab [☑ 3], pilih [Custom Controls (Kawalan Tersuai)], kemudian tekan <SET>.
- ▶ Skrin Kawalan Tersuai untuk memilih butang dan dail kawalan akan muncul.



2 Pilih butang kamera atau dail.

- Pilih butang kamera atau dail, kemudian tekan <SET>.
- ▶ Nama kawalan kamera dan fungsi yang boleh ditetapkan akan dipaparkan.



3 Tetapkan fungsi.

- Pilih fungsi, kemudian tekan <SET>.
- Jika ikon [INFO.] muncul pada sebelah kiri bahagian bawah, anda boleh menekan butang <INFO.> dan menetapkan pilihan lain yang berkaitan.

4 Keluar dari tetapan.

- Apabila anda menekan <SET> untuk keluar dari tetapan, skrin di dalam langkah 2 akan muncul semula.
- Tekan butang <MENU> untuk keluar.

 Dengan skrin dalam langkah 2 dipaparkan, anda boleh menekan butang <☑> untuk mengembalikan tetapan Kawalan Tersuai kepada lalai. Ambil perhatian bahawa tetapan [☑ 3: Custom Controls (Kawalan Tersuai)] tidak akan dibatalkan walaupun jika anda memilih [☑ 5: Clear all Custom Func. (Hapus semua Fungsi Tersuai) (C.Fn)].

Fungsi boleh ditetapkan pada Kawalan Kamera

	Fungsi	Halaman		AF-ON	
AF	AF Permulaan pemeteran dan AF	463	☐	☐ *1	☐ *1
	AF-OFF Henti AF	465	☐	☐	☐
	AF↔ Tukar ke fungsi AF berdaftar		☐	☐	☐
	ONE SHOT / AI SERVO ↔ TANGKAPAN TUNGGAL ↔ SERVO AI		☐	☐	☐
	AF Tukar ke titik AF berdaftar		☐	☐	☐
	SEL ↔ HP Titik AF dipilih ↔ Titik AF tengah/berdaftar	466	☐	☐	☐
	Pilihan langsung titik AF		☐	☐	☐
	Pemilihan titik AF secara langsung: Menegak		☐	☐	☐
	Pemilihan kawasan AF langsung		☐	☐	☐
Pendedahan	Mula pemeteran	467	☐	☐	☐
	Kunci AE		☐	☐	☐
	Kunci AE (semasa butang ditekan)		☐	☐	☐
	H Kunci AE (tahan)		☐	☐	☐
	*AF-OFF Kunci AE, Henti AF		☐	☐	☐
	FEL Kunci FE		☐	☐	☐
	ISO Tetapkan kelajuan ISO (tahan butang, putar)	468	☐	☐	☐
	ISO ISO (tahan tuas ke bawah, putar)		☐	☐	☐
	ISO Tetapkan kelajuan ISO (ketika pemeteran)		☐	☐	☐
	Pampasan pendedahan (tahan butang, putar)		☐	☐	☐
	Pampasan pendedahan (tahan tuas ke bawah, putar)		☐	☐	☐
	Tv Tetapan kelajuan pengatup di dalam mod M	469	☐	☐	☐
	Av Tetapan apertur di dalam mod M		☐	☐	☐

3: Custom Controls (Kawalan Tersuai) [☆]

	LENS [*]	M-Fn	SET				
	☐						
☐	☐						
☐ *2	☐ *2						
☐	☐						
☐ *3	☐ *3						
							☐ *4
					☐	☐ *5	
					☐		
							☐
☐	☐	☐					☐
☐	☐	☐					☐
☐		☐					
			☐				
							☐
					☐		
			☐				
							☐
				☐	☐		
				☐	☐		

^{*} Butang Henti AF (**LENS**) disediakan hanya pada lensa IS super telefoto.

Fungsi			Halaman		AF-ON	
Imej		Tetapan kualiti imej satu sentuhan	469			
		Kualiti imej satu sentuhan (tahan)				
		Kualiti imej				
		Gaya Gambar	470			
Operasi		Pratonton kedalaman medan	470			
		Mula IS				
	MENU	Paparan menu				
		Daftar/ambil semula fungsi tangkapan			○*7	○*7
		Main balik Imej	471			
		Besarkan/Kurangkan (tekan SET, putar )				
		Kitaran:  • ISO/Pemacu • AF/WB • 				
	UNLOCK 	Buka kunci semasa butang ditekan				
		Tetapan fungsi denyar				
	OFF	Tiada fungsi (lumpuhkan)			○	○

3: Custom Controls (Kawalan Tersuai) [☆]


	LENS [*]	M-Fn	SET				
☐ *6		☐ *6					
☐ *6		☐ *6					
			☐				
			☐				
☐							
☐	☐						
			☐				
			☐				
			☐				
		☐					
☐							
			☐				
☐			☐	☐	☐	☐	☐

* Butang Henti AF (**LENS**) disediakan hanya pada lensa IS super telefoto.

AF: Permulaan pemeteran dan AF

Apabila anda menekan butang yang ditetapkan pada fungsi ini, pemeteran dan AF dilaksanakan.

*1:Apabila ditetapkan pada butang <AF-ON> atau <★>, menekan butang <INFO.> semasa skrin tetapan dipaparkan akan membolehkan anda untuk menetapkan tetapan AF terperinci. Apabila menangkap, menekan butang <AF-ON> atau <★> akan melaksanakan AF mengikut tetapannya.



● AF start position (Kedudukan mula AF)

Apabila [Registered AF point (Titik AF berdaftar)] ditetapkan, anda boleh menekan butang <AF-ON> atau <★> untuk bertukar ke titik AF berdaftar.

Mendaftarkan Titik AF

1. Tetapkan mod pemilihan kawasan AF kepada salah satu yang berikut: Spot AF titik tunggal (pemilihan manual), AF titik tunggal (pemilihan manual), Pengembangan titik AF (pemilihan manual), Pengembangan titik AF (pemilihan manual, titik sekitar) atau AF pemilihan automatik 65 titik. AF Zon (pemilihan zon secara manual) dan AF Zon Besar (pemilihan zon secara manual) tidak boleh dipilih.
2. Pilih titik AF secara manual.
3. Tahan butang <☐> ke bawah dan tekan butang <☐>. Bip akan berbunyi dan titik AF akan didaftarkan. Jika mod pemilihan kawasan AF ditetapkan kepada tetapan selain daripada AF pemilihan automatik 65 titik, titik AF berdaftar akan berkelip.



- Apabila titik AF didaftarkan, yang berikut akan dipaparkan:
 - AF pemilihan automatik 65 titik: [] HP (HP: Kedudukan Asal)
 - Spot AF, 1 titik AF, Kembangkan Kawasan AF: SEL [] (Tengah), SEL HP (Lari dari pusat)
- Apabila didaftarkan dengan SEL [] atau SEL HP, titik AF berdaftar akan berkelip.
- Untuk membatalkan titik AF berdaftar, tahan butang <☐> ke bawah dan tekan butang <☐>. Titik AF berdaftar juga akan dibatalkan jika anda memilih [4: Clear all camera settings (Hapus semua tetapan kamera)].

- **AI Servo AF characteristics (Ciri-ciri AF Servo AI) (hlm.110)**

Tekan butang <AF-ON> atau <✖> untuk melaksanakan AF dengan kes yang ditetapkan dari [Case1] hingga [Case6].

- **AF operation (Operasi AF) (hlm.88)**

Tekan butang <AF-ON> atau <✖> untuk melaksanakan AF dengan operasi AF yang ditetapkan.

- **AF area selection mode (Mod pemilihan kawasan AF) (hlm.92)**

Tekan butang <AF-ON> atau <✖> untuk melaksanakan AF dengan mod pemilihan kawasan AF.

Jika anda ingin terus menggunakan titik AF yang dipilih apabila anda menekan butang <AF-ON> atau <✖>, tetapkan [AF start position (Kedudukan mula AF)] kepada [Manually selected AF point (Titik AF yang dipilih secara manual)]. Jika anda ingin mengekalkan ciri-ciri AF Servo AI, operasi AF dan mod pemilihan kawasan AF yang ditetapkan, pilih [Maintain current setting (Kekalkan tetapan semasa)].



- Jika [AF4: Orientation linked AF point (Titik AF berkaitan orientasi)] ditetapkan kepada [Separate AF pts: Area+pt (Titik AF berasingan: Kawasan+titik)] atau [Separate AF pts: Pt only (Titik AF berasingan: Titik sahaja)], anda boleh mendaftar titik AF untuk digunakan secara berasingan untuk menegak (cengkaman atas atau bawah) dan penangkapan mendarat.
- Jika kedua-dua [AF start position: Registered AF point (Kedudukan mula AF: Titik AF berdaftar)] dan [AF area selection mode (Mod pemilihan kawasan AF)] ditetapkan, [Registered AF point (Titik AF berdaftar)] akan berfungsi.


AF-OFF: Henti AF

AF akan berhenti semasa anda menahan butang yang ditetapkan untuk fungsi ini. Memudahkan apabila anda ingin menghentikan AF semasa AF Servo AI.

AF↔: Tukar ke fungsi AF berdaftar

Selepas menetapkan fungsi ini pada butang, anda boleh mengenakan tetapan berikut dengan menahan butang yang ditetapkan untuk AF ke bawah: Mod pemilihan kawasan AF (hlm.92), Sensitiviti pengesanan (hlm.119), Pengesanan pecutan/nyahpecutan (hlm.117), Penukaran auto titik AF (hlm.119), Keutamaan imej pertama Servo (hlm.119) dan Keutamaan imej kedua Servo (hlm.120). Memudahkan apabila anda ingin menukar ciri-ciri AF semasa AF Servo AI.

*2: Pada skrin tetapan, tekan butang <INFO.> untuk memaparkan skrin tetapan terperinci. Putar dail <☉> atau <☀> untuk memilih parameter untuk didaftarkan, kemudian tekan <SET> untuk menambah tanda semak [✓]. Apabila anda memilih parameter dan tekan <SET>, anda boleh melaraskan parameter. Dengan menekan butang <⏮>, anda boleh mengembalikan tetapan kepada lalai.



ONE SHOT AI SERVO : TANGKAPAN TUNGGAL ↔ SERVO AI

Anda boleh menukar operasi AF. Dalam mod AF Tangkapan Tunggol, apabila anda menahan butang yang fungsinya dikhususkan, kamera bertukar kepada mod AF Servo AI. Dalam mod AF Servo AI, kamera bertukar ke mod AF Tangkapan Tunggol hanya apabila anda menahan butang. Memudahkan apabila anda perlu sentiasa menukar antara AF Tangkapan Tunggol dan AF Servo AI untuk subjek yang sentiasa bergerak dan berhenti.

☐☐ HP : Tukar ke titik AF berdaftar

Semasa pemeteran, apabila anda menekan butang yang ditetapkan pada fungsi ini, kamera akan bertukar ke titik AF berdaftar.

*3: Pada skrin tetapan, apabila anda menekan butang <INFO.>, anda boleh memilih [Switch only when btn is held (Tukar hanya apabila butang ditahan)] atau [Switch each time btn is pressed (Tukar setiap kali butang ditekan)]. Untuk mendaftarkan titik AF, lihat halaman 463.

 : **Titik AF dipilih ⇌ Titik AF tengah/berdaftar**

Semasa pemeteran, mencondongkan <> ke kanan akan menukar antara titik AF semasa dan titik AF tengah atau titik AF berdaftar.

*4: Pada skrin tetapan, apabila anda menekan butang <**INFO.**>, anda boleh memilih [**Switch to center AF point (Tukar ke titik AF tengah)**] atau [**Switch to registered AF point (Tukar ke titik AF berdaftar)**]. Untuk mendaftarkan titik AF, lihat halaman 463.

 : **Pemilihan titik AF secara langsung**

Semasa pemeteran, anda boleh memilih titik AF secara langsung dengan dail <> atau <> tanpa menekan butang <>. Dengan dail <>, anda boleh memilih titik AF kiri atau kanan. (Urutan gelungan untuk AF Zon dan AF Zon Besar.)

*5: Pada skrin tetapan Pengawal berbilang, apabila anda menekan butang <**INFO.**>, anda boleh menekan pusat <> untuk memilih [**Switch to center AF point (Tukar ke titik AF tengah)**] atau [**Switch to registered AF point (Tukar ke titik AF berdaftar)**]. Untuk mendaftarkan titik AF, lihat halaman 463.

 : **Pemilihan titik AF secara langsung: Menegak**

Semasa pemeteran, anda boleh memutar dail <> untuk memilih titik AF atas atau bawah secara langsung, tanpa menekan butang <>. (Urutan gelungan untuk AF Zon dan AF Zon Besar.)

 : **Pemilihan kawasan AF langsung**

Semasa pemeteran, anda boleh menggunakan <> untuk memilih mod pemilihan kawasan AF secara langsung tanpa menekan butang <>.

